

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TAMADUN ISLAM DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU
MALAYSIA DI LEMBAH KLANG: KAJIAN KAEDAH
DAN KEBERKESANANNYA**

MUSTAPHA KAMAL BIN AHMAD KASSIM

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TAMADUN ISLAM DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU
MALAYSIA DI LEMBAH KLANG: KAJIAN KAEDAH
DAN KEBERKESANANNYA**

MUSTAPHA KAMAL BIN AHMAD KASSIM

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: MUSTAPHAH KOMAL BIN AHMAD KASSIM [REDACTED]

No. Pendaftaran/Matrik: IMA 070155

Nama Ijazah: DOCTOR PHILIPS

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja Ini"):

**PELUSUSAN DAN PENGEMBANGAN PEMBELAJARAN TADBIRAN ISLAM
DI INSTITUT PENDIDIKAN AGAMA MALAYSIA DI LEMBAH KELANTAN:
KADIAN KADEMIK DAN KEPERLUKANNAHYA**

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja Ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tejuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja Ini;
- (4) Saya tidak mempunyal apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja Ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan Ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja Ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja Ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekali pun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja Ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan C [REDACTED]

18/9/2015

Diperbuat dan sesungguhnya dilakuk di hadapan,

Tanda tangan Saksi

DR ABDULLAH YUSOF

Nama: **Penyayarah Kanan**
Jawatan: **Jabatan S**
Aka: **Asst Prof Dr**
Unit: **Academy**

Tarikh

18/9/2015

ABSTRAK

Kajian ini menyelidik pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di IPGM di Lembah Klang. Terdapat empat objektif utama kajian ini iaitu isi kandungan sukan pelajaran Tamadun Islam, kaedah yang digunakan dalam proses P&P, hasil pencapaian pelajar dan masalah yang dihadapi pelajar dalam kursus Tamadun Islam. Penyelidik menggunakan reka bentuk kualitatif untuk mendapatkan data dengan menemu bual peserta kajian iaitu seramai lapan orang pensyarah Tamadun Islam, menjalankan pemerhatian dan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan kajian. Kajian ini dilaksanakan di empat buah IPGM dalam Lembah Klang iaitu IPG Kampus Bahasa Melayu, IPG Kampus Ilmu Khas, IPG Kampus Pendidikan Teknik dan IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi. Data kualitatif yang diperolehi oleh pengkaji telah dianalisis menggunakan perisian program *QSR Nvivo 8*. Hal ini bertujuan untuk menjawab keempat-empat objektif kajian yang dinyatakan sebelum ini. Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa isi kandungan Tamadun Islam yang diajar mempunyai objektif yang jelas, dan menambah pengetahuan. Seterusnya kaedah yang digunakan oleh pensyarah adalah bersesuaian dan berkesan, mempelbagaikan kaedah dan pelaksanaannya adalah lancar berdasarkan kepakaran dan kemahiran para pensyarah. Manakala hasil pembelajaran pula para pelajar berpuas hati dan ia dapat memberi beberapa perubahan dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Masalah kajian pula yang dikenal pasti ialah dari aspek masa, jadual waktu, pensyarah, pelajar dan sumber rujukan. Sebagai kesimpulan dapatan kajian ini, penyelidik mengemukakan cadangan lanjutan bagi membantu pihak yang terlibat dalam proses P&P Tamadun Islam di IPGM iaitu pensyarah Tamadun Islam di IPG, Ketua Jabatan Pendidikan Islam dan Moral di setiap IPG, pentadbir di setiap IPG, Institut Pendidikan Guru Kampus Induk, Bahagian Pendidikan Guru serta pelajar KPLI SR agar dapat meningkatkan pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di IPG.

ABSTRACT

This research examined the implementation of Islamic Civilization teaching in IPGM. Four main objectives of this research were identified; the content of the syllabus, methods used during the Teaching and Learning process, students' achievement and problems faced by students. The researcher used qualitative method to obtain data by interviewing participants in the study which consisted of eight lecturers of Islamic Civilization subject, observation and document analysis related to the study. The research was conducted in four IPGMs in the Klang Valley and they are; IPG Kampus Bahasa Melayu, IPG Kampus Ilmu Khas, IPG Kampus Pendidikan Teknik and IPG Kampus Pendidikan Islam Bangi. The qualitative data was analyzed using *QSR Nvivo 8* software to answer all the four objectives stated earlier. Overall, the findings advocated that the content of the syllabus had clear objectives, increased students' knowledge and developed positive minds among students. The methods used by the lecturers were appropriate, effective, varied and well-delivered based on their expertise and skills. In terms of students' achievement, the participants showed that they were satisfied with the teaching and learning process of the subject and the subject also helped them to improve their physical, emotional, spiritual and intellectual development. A number of problems identified including time, schedules, lecturers, students and references. In conclusion, the researcher proposed a suggestion to assist those who were involved in the process of T&L which were lecturers of the subject, Head of Islamic and Moral Education Department (JAPIM) in each IPG, administrators at each IPG, IPG main campus, Teacher Education Division (BPG) as well as KPLI SR student teachers in order to improve the teaching of Islamic Civilization in IPG.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian untuk Allah, Tuhan semesta alam, Selawat dan salam buat Habibullah, Muhammad S.A.W, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut baginda serta barisan syuhada' pejuang kebenaran. Kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah kerana dengan izin dan kekuatan yang diberikanNya, penyelidik masih mampu menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan dititipkan khas buat Al-Fadhl Dr. Abdullah bin Yusof sebagai penyelia tesis, di atas segala tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan. Setinggi-tinggi penghargaan diungkapkan di atas kesudian beliau membimbang, menegur dan membina idea sepanjang penyelidik menyiapkan amanah yang dipertanggungjawabkan. Semoga Allah sentiasa merahmati hidup Al-Fadhl Dr. Abdullah di dunia dan akhirat. Begitu juga terima kasih atas tunjuk ajar dan bimbingan kepada mantan penyelia iaitu al-Marhum Prof. Dr. Abdul Halim Mat Diah yang telah kembali ke rahmatullah, semoga beliau ditempatkan bersama para solihin. Tidak dilupakan ucapan terima kasih ditujukan kepada Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam (JSTI) Dr. Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, mantan Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam (JSTI), Prof. Madya Dr. Mohd Roslan bin Mohd Nor, semua pensyarah di JSTI atas segala pandangan dan sokongan. Ucapan terima kasih juga untuk Puan Sofi Haidar Baharudin, Puan Suzana yang banyak menguruskan hal-hal pembelajaran saya di APIUM.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di atas sumber kewangan dan cuti yang diberikan untuk saya menambah pengetahuan dan mengembangkan profesion saya sebagai seorang pendidik yang lebih berjaya.

Teristimewa buat 'ayahanda' penyelidik Allahyarham Haji Ahmad Kassim bin Kulub Mat Lazim yang telah kembali ke rahmatullah ... Segala nasihat dan pesanan

yang 'ayahanda' berikan akan sentiasa anakanda abadikan di jiwa ... semoga 'ayah' tergolong dalam golongan roh yang soleh. Begitu juga 'bonda', Allahyarhamah Hajah Zaleha binti Ngah Meliah, pengorbanan 'mak' mengasuh dan membesarakan anakanda hingga dewasa amat bermakna buat hidup ini.

Tidak lupa juga buat bapa dan ibu mertua penyelidik, Allahyarham Haji Harith @ Haris bin Haji Abu Bakar yang telah kembali ke pangkuan Penciptanya. Semoga Allah sentiasa merahmati 'bapak' begitu juga buat 'mak', Hajjah Sepiah binti Kasin, terima kasih 'mak'. Semoga 'mak' sentiasa tabah untuk meneruskan hidup di dunia ini.

Khas buat isteri yang disayangi Dr. Hajah Zahiah binti Haji Haris@Harith, yang telah banyak memberi bantuan fikiran, mental, iringan doa yang berterusan , dorongan, galakan serta semangat untuk suamimu menyiapkan tesis ini. Kehadiranmu dalam diri ini begitu mewarnakan kehidupan yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah Taala. Isteri ku ... teruskan cita-cita murni kita. Semoga kejayaan yang bakal kita perolehi bersama akan sentiasa mendapat keredhaan Allah Taala.

Terima kasih juga buat adik-beradik penyelidik yang lain, Prof. Dr. Hajah Norliya, Hajah Fatimah, Hajah Mardiah, Haji Abdul Razak, Encik Azhar, Encik Shamsul Amri, Azzyati dan Encik Zul Azmi ... terima kasih kerana sentiasa memberi dorongan untuk penyelidik terus berjaya. Seterusnya buat ipar duai, Haji Mohd Sheriff, Haji Mad Kassim dan Haji Aminuddin, Puan Siti Murni, Encik Abdul Rahman, Puan Norhawa serta anak-anak buahku ... terima kasih atas sokongan yang diberikan.

Akhir sekali, buat teman-teman seperjuangan di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia yang sentiasa menjadi rakan perbincangan dan sering bertukar-tukar pendapat, terima kasih diucapkan atas segala bantuan dan kata

semangat yang diberikan. Semoga usaha kita dalam menuntut ilmu di dunia ini diberkati dan dirahmati oleh Allah S.W.T. Amin.

Sekian, Wassalam.

Mustapha Kamal bin Ahmad Kassim

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam,

Akademi Pengajian Islam,

Universiti Malaya,

50603, Kuala Lumpur.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
JADUAL KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI KEPENDEKAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xix
PANDUAN TRANSLITERASI	xx

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Sejarah Perkembangan Kursus Tamadun Islam	2
1.2.2 Rasional Kursus Tamadun Islam	3
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	6
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Kerangka Teori Kajian	14
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	16
1.9 Batasan Kajian	17
1.10 Definisi Operasional	18
1.10.1 Tamadun Islam	18
1.10.2 Institut Pendidikan Guru Malaysia	20
1.10.3 Keberkesanan	21
1.11 Penutup	22

BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan	23
2.2 Konsep Tamadun dari Perspektif Islam	23
2.2.1 Sifat Tamadun Islam	27
2.2.2 Sumber Tamadun Islam	30

2.2.3	Prinsip Tamadun Islam	34
2.3	Kurikulum Kursus Tamadun Islam di IPG	43
2.3.1	Definisi Kurikulum	43
2.3.2	Matlamat dan Objektif Sukatan Pelajaran Tamadun Islam di IPG	45
2.3.3	Sukatan Pelajaran dan Peruntukan Masa Tamadun Islam di IPG	49
2.3.4	Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam Di IPG	55
2.3.5	Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG	57
2.3.6	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG	58
2.3.6.1	Diskusi Panel	60
2.3.6.2	Kajian Kes	61
2.3.6.3	Bengkel	63
2.3.6.4	Penyelesaian Masalah	64
2.3.6.5	Tayangan Video	64
2.3.6.6	Kajian Masa Depan	66
2.3.6.7	Sumbang Saran	69
2.3.6.8	Perbincangan Kumpulan / Soal Jawab / Dialog / Perdebatan	68
2.3.6.9	Pembentangan	71
2.3.6.10	Projek Kumpulan	72
2.3.6.11	Seminar / Forum Kecil	74
2.3.6.12	Syarahan / Kuliah	76
2.4	Model dan Teori Pengajaran Pelaksanaan Pengajaran Tamadun Islam di IPG	78
2.4.1	Teori al-Ghazali (t.t.)	78
2.4.2	Model Pengajaran Dunkin & Biddle (1974)	80
2.5	Kajian-Kajian Berkaitan	83
2.5.1	Kajian Tamadun Islam di Malaysia	83
2.5.2	Kajian Amalan Pengajaran Tamadun Islam	86
2.6	Penutup	88

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	89
3.2	Reka Bentuk Kajian	89
3.2.1	Kajian Kualitatif	91
3.2.2	Kajian Kes	92
3.2.3	Kaedah Perolehan Data	95

3.2.3.1	Temu bual Mendalam	96
3.2.3.2	Pemerhatian Pengajaran	98
3.2.3.3	Analisa Dokumen	99
3.3	Proses Pengumpulan Data	100
3.3.1	Peringkat Sebelum Proses Pengumpulan Data	100
3.3.2	Peringkat Semasa Proses Pengumpulan Data	102
3.3.3	Peringkat Selepas Proses Pengumpulan Data	103
3.4	Peserta Kajian	104
3.5	Lokasi Kajian	105
3.5.1	Latar Belakang Empat Buah IPG	105
3.5.1.1	IPG A	106
3.5.1.2	IPG B	107
3.5.1.3	IPG C	108
3.5.1.4	IPG D	109
3.5.2	Sebab Pemilihan Empat Buah IPG	110
3.6	Kaedah Penganalisisan Data	111
3.7	Proses Penganalisisan Data	113
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	116
3.8.1	Kesahan Dalaman	117
3.8.2	Kesahan Luar	119
3.8.3	Kebolehpercayaan Data	119
3.9	Kajian Rintis	122
3.10	Etika Kajian	124
3.11	Penutup	125

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	126
4.2	Konteks Kajian	127
4.3	Latar Belakang Peserta Kajian	127
4.3.1	Peserta Kajian Pertama (P1)	128

4.3.2	Peserta Kajian Kedua (P2)	129
4.3.3	Peserta Kajian Ketiga (P3)	129
4.3.4	Peserta Kajian Keempat (P4)	130
4.3.5	Peserta Kajian Kelima (P5)	131
4.3.6	Peserta Kajian Keenam (P6)	131
4.3.7	Peserta Kajian Ketujuh (P7)	132
4.3.8	Peserta Kajian Kelapan (P8)	132
4.4	Dapatan Kajian	133
4.4.1	Isi Kandungan Sukatan Pelajaran Tamadun Islam	133
4.4.1.1	Pandangan Mengenai Kursus	135
4.4.1.1(a)	Sesuai Kepada Semua Pelajar	135
4.4.1.1(b)	Menerangkan Asas-Asas Pendidikan Islam dan Tamadun Islam	136
4.4.1.2	Tajuk Yang Minat Diajar	139
4.4.1.2(a)	Konsep dan Sumber Tamadun Islam	140
4.4.1.2(b)	Berkaitan Dengan Asas iaitu Aqidah,Syariah dan Akhlak	141
4.4.1.2(c)	Mengaitkan Isi Kandungan Tamadun Islam dari Aspek Politik dan Peranan Sebagai Guru	143
4.4.1.3	Penyertaan Kursus Berkaitan Tamadun Islam	144
4.4.2	Kaedah yang Digunakan dalam Pengajaran Tamadun Islam	147
4.4.2.1	Permulaan Pengajaran dan Pembelajaran	149
4.4.2.1(a)	Memulakan dengan Ucapan Salam dan Taaruf	149
4.4.2.1(b)	Memperkenalkan Sukatan kepada Pelajar	150
4.4.2.1(c)	Memulakan dengan Kuliah	151
4.4.2.1(d)	Menggunakan Bahan Bantu Mengajar	152
4.4.2.1(e)	Sorotan Isu Semasa	153
4.4.2.2	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang Kerap Digunakan	155
4.4.2.2(a)	Kaedah Kuliah	156
4.4.2.2(b)	Kaedah Perbincangan	157
4.4.2.2(c)	Kaedah Sumbang saran	158
4.4.2.3	Kaedah yang Amat Bersesuaian Peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah	160
4.4.2.3(a)	Kaedah Perbincangan dan Sumbang Saran	161
4.4.2.3(b)	Kaedah Berpusatkan Pelajar dan Bahan	163

4.4.2.3 (c) Kaedah Kuliah	165
4.4.2.4 Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran	167
4.4.2.4 (a) Bahagikan Topik Mengikut Rancangan Pengajaran	168
4.4.2.4 (b) Tajuk Tugasan Berdasarkan Sukatan Pelajaran	169
4.4.2.4 (c) Merancang Tajuk Mengikut Kesesuaian Masa / Bilangan Pelajar / Isi Kandungan Tajuk /Objektif	172
4.4.2.4 (d) Tugasan Diberikan Setelah Berlaku Interaksi Pengajaran	174
4.4.2.4 (e) Sentiasa Bermesyuarat Menyelesaikan Masalah Akademik	176
4.4.2.4 (f) Mengadakan Persediaan Sebelum Pengajaran dan Pembelajaran	177
4.4.2.4 (g) Perkembangan Pengajaran Bersamaan Subjek Lain	179
4.4.2.5 Pandangan Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan	181
4.4.2.5 (a) Mudah Difahami, Menarik dan Mudah Diterima	182
4.4.2.5 (b) Gabungan Pelbagai Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	183
4.4.2.5 (c) Kepelbagaiuan Bahan Sumber	186
4.4.2.5 (d) Menggunakan Pelbagai Pendekatan dalam Satu Pengajaran	188
4.4.3 Hasil Pencapaian Pelajar dalam Kursus Tamadun Islam	190
4.4.3.1 Perubahan Tingkah Laku Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek Pelajar	192
4.4.3.1 (a) Perubahan dari Segi Intelek	292
4.4.3.1 (b) Perubahan dari Segi Emosi, Rohani dan Jasmani	194
4.4.3.2 Kesan Lain Perubahan Tingkah Laku	196
4.4.3.2 (a) Perubahan dan Kesan Positif	196
4.4.3.3 Saranan dan Cadangan	198
4.4.3.3 (a) Kursus Tamadun Islam Perlu Diteruskan dan Diwajibkan	199
4.4.3.3 (b) Penambahan Sumber, Menyediakan Kepelbagaiuan Bahan Bantu Mengajar dan Bahan Rujukan	201
4.4.3.3 (c) Menambah Masa Pengajaran	203
4.4.3.3 (d) Kaedah Pengajaran Pensyarah	204
4.4.3.3 (e) Penggunaan ICT dan Kemudahan Prasarana	206

4.4.3.3 (f) Menganjurkan Kursus untuk Peningkatan Ilmu Pensyarah	208
4.4.3.4 Kursus Bersifat Teoritikal	210
4.4.3.4 (a) Teoritikal	210
4.4.3.4 (b) Teoritikal dan Praktikal	212
4.4.4 Masalah yang Dihadapi Pelajar dalam Kursus Tamadun Islam	216
4.4.4.1 Masalah Pengajaran dan Pembelajaran	217
4.4.4.1 (a) Infrastruktur tidak lengkap	217
4.4.4.1 (b) Masa pengajaran tidak mencukupi	219
4.4.4.1 (c) Pelajar Kurang Berminat Mempelajari Tamadun Islam	221
4.4.4.1 (d) Kekurangan Sumber Bacaan dan Bahan Bantu Belajar	224
4.4.4.1 (e) Persediaan Pensyarah Terhadap Ilmu dan Hikmat Penyampaian	226
4.4.4.1 (f) Kesibukan Pensyarah	228
4.5 Penutup	231

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1 Pengenalan	232
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	233
5.2.1 Isi Kandungan Sukatan Pelajaran Tamadun Islam	233
5.2.2 Kaedah yang Digunakan dalam Pengajaran Tamadun Islam	237
5.2.3 Hasil Pencapaian Pelajar dalam Kursus Tamadun Islam	250
5.2.4 Masalah yang Dihadapi Pelajar dalam Kursus Tamadun Islam	261
5.3 Rumusan	267
5.4 Implikasi Kajian dan Cadangan	270
5.4.1 Implikasi Kajian Terhadap Aspek Teori	270
5.4.2 Implikasi Kajian Terhadap Aspek Praktikal	272
5.5 Sumbangan Kajian	275

5.5.1	Pensyarah Tamadun Islam di IPG	275
5.5.2	Pentadbir di IPG	275
5.5.3	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	276
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	278
5.6.1	Tahap Penguasaan ICT di kalangan Pensyarah Tamadun Islam	278
5.6.2	Bahan Bantu Belajar untuk Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam	279
5.6.3	Penilaian Kurikulum Tamadun Islam di IPG	280
5.6.4	Kualiti Pengajaran Tamadun Islam dari Aspek Ilmu, Kemahiran dan Motivasi	281
5.6.5	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG	282
5.7	Kesimpulan	283
5.8	Penutup	285
RUJUKAN		286
LAMPIRAN		

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian al-Ghazali dan Dunkin & Biddle	15
Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian	17
Rajah 2.1 Model Konseptual Pendidikan Guru	55
Rajah 2.2 Teori al-Ghazali (t.t.)	80
Rajah 2.3 Model Pengajaran Dunken dan Biddle (1974)	82
Rajah 4.1 Dapatan Tema Kajian Isi Kandungan Tamadun Islam	147
Rajah 4.2 Dapatan Tema Kaedah P&P Permulaan PnP	155
Rajah 4.3 Dapatan Tema Kaedah P&P Kaedah yang kerap Digunakan	160
Rajah 4.4 Dapatan Tema Kaedah P&P Kaedah yang Bersesuaian Peringkat KPLI	167
Rajah 4.5 Dapatan Tema Kaedah P&P Peringkat PnP	181
Rajah 4.6 Dapatan Tema Kaedah P&P Pandangan PnP yang Berkesan	189
Rajah 4.7 Dapatan Tema Hasil Pencapaian Dalam Kursus Tamadun Islam	215
Rajah 4.8 Dapatan Tema Masalah yang Dihadapi	231
Rajah 5.1 Rajah Keberkesanan Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG	284

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 2.1	Sukatan Pelajaran Tamadun Islam	54
Jadual 3.1	Perolehan Data Kajian Secara Temu bual dan Analisa Dokumen	95
Jadual 3.2	Perolehan Data Kajian Secara Pemerhatian	95
Jadual 3.3	Pakar Penilai (Interater) Kesahan Pembinaan Tema Kajian	121
Jadual 3.4	Pengiraan Nilai Persetujuan Cohen Cappa di Antara Pakar Penilai	122
Jadual 3.5	Indikator Tahap Persetujuan Cohen Cappa	122
Jadual 3.6	Penilai Protokol Temu bual dan Pemerhatian Pengajaran	124
Jadual 4.1	Latar belakang Pensyarah Tamadun Islam di IPG Lembah Klang	128
Jadual 4.2	Taburan Pola Tema Isi Kandungan Tamadun Islam	134
Jadual 4.3	Taburan Pola Tema Kaedah Pengajaran Tamadun Islam	149
Jadual 4.4	Taburan Pola Tema Hasil Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Tamadun Islam	191
Jadual 4.5	Taburan Pola Tema Masalah Dalam Kursus Tamadun Islam	217

SENARAI KEPENDEKAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
BBB	Bahan Bantu Belajar
Bil.	Bilangan
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
Dr.	Doktor
Ed.	Editor
Et.al	dan pengarang-pengarang lain
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
H.	Halaman
Ibid.	Ibidim (rujukan yang sama dengan sebelumnya)
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KDP	Kursus Dalam Perkhidmatan
KDPM	Kursus Diploma Perguruan Malaysia
KPKI	Kursus Pendek Kelolaan Institut
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPLI SR	Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah
KPM-OUM	Kementerian Pelajaran Malaysia - Open Universiti Malaysia
KSPK	Kursus Sijil Perguruan Khas Satu Tahun
KDC	Kursus Dalam Cuti
LPBS	Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah
M.	Masihi
P1	Pensyarah Tamadun Islam IPG Kampus Pendidikan Islam
P2	Pensyarah Tamadun Islam IPG Kampus Pendidikan Islam

P3	Pensyarah Tamadun Islam IPG Kampus Ilmu Khas
P4	Pensyarah Tamadun Islam IPG Kampus Ilmu Khas
P5	Pensyarah Tamadun Islam IPG Kampus Pendidikan Teknik
P6	Pensyarah Tamadun Islam IPG Kampus Pendidikan Teknik
P7	Pensyarah Tamadun Islam IPG Kampus Bahasa Melayu
P8	Pensyarah Tamadun Islam IPG Kampus Bahasa Melayu
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPISMP	Persediaan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPG	Program Pensiswazahan Guru
Pra PISMP	Pra Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPPRET	Pra Program Perguruan Rancangan Empat Tahun
Prof.	Profesor
Peny.	Penyunting
r.a.	Radiallahu anhu
SAW	Sallallahu Alaihi Wasallam
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala
SPP	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
terj.	Terjemahan
T&L	<i>Teaching and learning</i>
T.P.	Tiada penerbit
t.t.	tanpa tarikh
T.T.P.	Tiada tempat terbit
UiTM	Universiti Institut Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Soalan Temu bual Pensyarah dan Protokol Pemerhatian
- Lampiran B Permohonan Melengkapkan Borang Peserta Kajian
- Lampiran C Lantikan Sebagai Subjek Kajian
- Lampiran D Borang Profil Subjek Kajian berserta contoh
- Lampiran E Surat Kebenaran Subjek Kajian berserta contoh
- Lampiran F Maklumat Subjek Kajian berserta contoh
- Lampiran G Pengakuan dan Pengesahan Transkrip Temu bual berserta contoh
- Lampiran H Pengesahan Temu bual Subjek Kajian berserta contoh
- Lampiran I Contoh Transkrip Temu bual Peserta Kajian
- Lampiran J Akuan Membuat Penyelidikan
- Lampiran K Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Lampiran L Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Lampiran M Kebenaran Menjalankan Kajian dari IPG Kampus Bahasa Melayu Kuala Lumpur
- Lampiran N Kebenaran Menjalankan Kajian dari IPG Kampus Pendidikan Teknik Kuala Lumpur
- Lampiran O Kebenaran Menjalankan Kajian dari IPG Kampus Ilmu Khas Kuala Lumpur
- Lampiran P Gambar, Peta Lokasi dan Alamat IPG A
- Lampiran Q Gambar, Peta Lokasi dan Alamat IPG B
- Lampiran R Gambar, Peta Lokasi dan Alamat IPG C
- Lampiran S Gambar, Peta Lokasi dan Alamat IPG D
- Lampiran T Contoh Proses Analisis Data Kualitatif Menggunakan Perisian Program *QSR Nvivo 8*
- Lampiran U Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Semester Tamadun Islam KPLI SR
- Lampiran V Soalan Tugasan Tamadun Islam
- Lampiran W Contoh Borang Penilaian dan Pengesahan Pakar Pembinaan Kategori dan Tema Kajian
- Lampiran X Contoh Laporan Data Pemerhatian Pengajaran
- Lampiran Y Contoh Laporan Analisis Dokumen

PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi yang digunakan ialah berdasarkan kepada Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur sebagaimana terdapat dalam buku Panduan Penulisan tesis/disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Edisi kedua (2006).

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا، ئ	a, ’(hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sy
ص	S
ض	D
ط	T
ظ	Z
ع	‘
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
ه	H
و	W

ي	Y
ة	H

VOKAL

a. Vokal Pendek

ا = _____ = a

ي = _____ = i

و = _____ = u

b. Vokal Panjang

Semua vokal panjang atau mad (di atas, di bawah dan di hadapan) ditanda dengan

ا = _____ = a

ي = _____ = i

و = _____ = u

c. Diftong

Diftong huruf yang berbaris di atas bersambung dengan huruf ya (ي) dan waw (و) yang berbaris mati.

ي ا = _____ = ay

ا و = _____ = aw

ي ي = _____ = iy/ i

و و = _____ = uwu

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kerjaya keguruan merupakan suatu tanggungjawab yang berkait rapat dengan pendidikan, menyampaikan pengetahuan, mewujudkan budaya ilmu dan memberikan latihan. Para pendidik berperanan untuk mendidik pelajar berdasarkan kurikulum dan diperakui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Mereka perlu memiliki ilmu pengetahuan yang baik bagi menyebarkan ilmu kepada sasaran mereka iaitu pelajar melalui usaha berterusan.¹

Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang (IPGM) merupakan sebahagian daripada elemen terpenting dalam organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia bagi melahirkan bakal guru. Mereka yang telah berjaya menamatkan dalam kursus perguruan yang berkaitan, akan ditempatkan sebagai guru terlatih di sekolah yang memerlukan perkhidmatan mereka. Graduan yang tamat pengajian sewajarnya telah mengikuti pelbagai kursus seperti kursus teras, kursus opsyen dan seumpamanya serta termasuk yang berkaitan keagamaan seperti kursus Tamadun Islam.

1.2 Latar Belakang Kajian

Setelah hampir sepuluh tahun kursus Tamadun Islam diperkenal di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang dalam kalangan pelajar Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR) sewajarnya dilakukan tinjauan mengenai proses

¹ Abd. Rahim Abd. Rashid, *Profesionalisme Keguruan Prospek dan Cabaran*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 96.

pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang telah berlaku di pusat pengajian tersebut. Kursus ini diajar kepada semua pelajar yang sedang mengikuti kursus perguruan dalam usaha memperkenalkan Islam sebagai prinsip hidup, yang membawa keadilan dan kesejahteraan sejagat serta sesuai pada setiap masa dan semua keadaan.

Kursus Tamadun Islam memainkan peranan penting dalam memahami dasar dan falsafah pendidikan negara yang menjadi teras kepada perpaduan kaum di Malaysia. Islam sebagai agama rasmi di negara ini perlulah diberi kefahaman secara betul terhadap semua warganegara supaya tidak timbul sebarang prasangka buruk dan suasana yang tidak sihat antara kaum. Namun demikian kursus ini bukanlah suatu propaganda Islam. Pada asasnya, kursus ini berdasarkan kepada pengetahuan (*knowledge oriented*) bukannya berdasarkan kepada pendidikan (*education oriented*).

1.2.1 Sejarah Perkembangan Kursus Tamadun Islam

Idea untuk memperkenalkan kursus Tamadun Islam di Institusi Pengajian Tinggi di seluruh negara telah disuarakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad pada 9 April 1981. Ianya bertujuan supaya semua warganegara Malaysia sama ada yang beragama Islam atau sebaliknya akan memahami konsep dan prinsip serta amalan Islam dengan harapan semoga pada masa akan datang tidak lagi timbul sebarang kecurigaan mengenai Islam dalam segala masalah atau isu semasa. Kursus ini mempunyai sukatan pelajaran yang tersendiri dan bukan pengganti kepada kursus Fardu Ain yang sedang diikuti oleh pelajar-pelajar Islam sekarang ini.²

Kementerian Pendidikan Malaysia telah diberi mandat untuk meneliti program tersebut. Hasil daripada perundingan dengan Naib-Naib Canselor Universiti di negara

² Kementerian Pelajaran Malaysia, *Draft Kertas Kerja untuk Mesyuarat Perancangan Pelajaran* (K.P. 9577/1/(22), 12 Januari 1982), 1.

ini, maka kata sepakat telah dicapai untuk melaksanakannya. Untuk mengatasi pelbagai masalah yang timbul pada masa itu, maka pada 23 Mei 1984 telah berlangsung “Bengkel Tamadun Islam”, anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Institut Teknologi MARA dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, di Hotel Sri Alam, ITM Shah Alam.³ Hasil daripada bengkel tersebut, maka dapat disusun sukan kursus Tamadun Islam yang dilaksanakan di semua pusat pengajian tinggi termasuklah di maktab-maktab perguruan pada tahun 1984.

Walau bagaimanapun, sebelum kursus ini dilaksanakan, satu kursus orientasi khas untuk pensyarah-pensyarah Tamadun Islam dimulakan pada hujung tahun 1982. Kursus ini penting supaya mereka dapat dibekalkan dengan pengetahuan dan maklumat yang seragam serta tepat dan juga dilengkapi dengan sikap dan kemahiran yang akan membolehkan mereka menghadapi segala soalan, masalah atau isu yang tertentu yang akan timbul daripada perbincangan dengan para pelajar.

1.2.2 Rasional Kursus Tamadun Islam

Kursus Tamadun Islam yang diperkenalkan di semua Institut Pendidikan Guru di Malaysia mempunyai rasionalnya tersendiri seperti yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan bahawa kursus ini ditujukan kepada semua guru pelatih tidak kira kaum, bangsa dan agama. Ini adalah satu usaha untuk meyakinkan dan membuktikan bahawa Islam mengajukan prinsip-prinsip hidup universal yang sesuai untuk semua keadaan dan masa dengan tujuan semata-mata untuk menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup semata-mata.

³ Mustafa Haji Daud, *Pengantar Tamadun Islam* (Petaling Jaya: Media Intelek, 1985), 2.

Agama Islam sebagai agama rasmi negara, maka sudah kenalah pada tempatnya bagi semua golongan masyarakat kita memahami dan menyedari konsep-konsep yang telah menentukan beberapa amalan orang-orang Islam dalam semua bidang. Dengan adanya kursus ini diharapkan hilanglah segala kesangsian yang mungkin timbul dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Justifikasi daripada itu, lahirlah suasana harmoni bagi mencapai matlamat perpaduan rakyat di negara kita ini.

Bagi menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan, guru atau penyampai hendaklah mengetahui kaedah dan strategi yang paling berkesan untuk memastikan ilmu tersebut difahami dan diaplikasikan oleh pelajar.⁴

Kebiasaannya seorang guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berdasarkan sukatan pelajaran, huraihan sukatan, rancangan pengajaran semester dan harian, buku panduan guru, buku teks yang telah dibekalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kursus Tamadun Islam telah mula diperkenalkan di semua Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang oleh Bahagian Pendidikan Guru kepada bakal guru yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah bermula ambilan 2003. Tujuan kursus ini adalah usaha untuk membekalkan pengetahuan asas berkenaan keagungan Tamadun Islam yang telah berjaya membentuk peradaban manusia.

Pengajian ini penting kepada bakal guru agar mereka mengetahui keunggulan prinsip dan nilai hidup masyarakat silam serta dapat membandingkan di antara

⁴ Abd. Ghaffar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran* (Cheras: Utusan Publications dan Distributors, 2003), 1.

kekuatan dan kelemahan masyarakat masa kini. Mereka perlu bergerak dan bertindak merencana strategi kecemerlangan bagi generasi masa depan.

Selaras dengan kedudukan Agama Islam sebagai agama rasmi negara, sewajarnyalah setiap gkulongan rakyat Malaysia terutama di kalangan bakal guru mahu pun para guru memahami dan menghayati secara positif konsep-konsep dan prinsip-prinsip yang telah menentukan sikap dan cara hidup orang Islam dalam semua bidang.

Begitu juga pengenalan kursus ini dapat menyedarkan rumpun bangsa Malaysia untuk mengetahui latar belakang pemikiran, pembudayaan dan sejarah yang berlaku di Malaysia sehingga mampu mengubah ‘*world view*’ bangsa Malaysia. Tamadun Islam merupakan kursus yang wajib dipelajari oleh bakal guru di setiap Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang. Kursus ini berorientasikan ilmu pengetahuan dan perubahan sikap, bukannya berpaksikan pendidikan untuk penganutan baru.

Ianya diwujudkan bagi menyediakan guru dengan pengetahuan dan kefahaman mengenai konsep dan prinsip tamadun Islam. Ianya juga menyediakan mereka untuk menyedari pencapaian dan sumbangan tokoh-tokoh terkenal dalam bidang-bidang tertentu ke arah kehidupan universal. Adalah diharapkan kursus ini dapat menerapkan nilai-nilai tolak ansur dan berbangga terhadap inspirasi negara untuk membangunkan kehidupan yang berharmoni melalui pendidikan berasaskan Falsafah Pendidikan Negara.

Kepentingan kursus Tamadun Islam tidak boleh dipisahkan dalam latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang. Pada hari ini, terdapat dua puluh tujuh buah IPG yang berperanan melatih bakal guru pada masa akan

datang. Kursus yang ditawarkan ialah Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Pra Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP), Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) dan Program Pensiswazahan Guru (PPG).

Bagi pelajar Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) SR mereka belajar di Institut berkenaan selama satu tahun. Manakala pelajar Pra Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) akan mengikuti kursus selama satu setengah tahun dan meneruskan pengajian di peringkat ijazah iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) selama empat tahun. Tempoh yang panjang ini amat perlu dimanfaatkan oleh mereka selaku bakal guru agar dapat melahirkan guru yang mengetahui, memahami, menghayati, dan mengamalkan kursus dan pengajian yang telah ditetapkan oleh pihak Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di IPG merupakan isu yang penting untuk dikaji kerana kursus ini mempunyai objektif dan hasil pembelajaran yang hendak dicapai oleh pelajar selepas mempelajarinya. Tamadun Islam merupakan kursus yang wajib dipelajari oleh semua pelajar KPLI sekiranya mereka tidak mempunyai kredit bagi kursus ini ketika belajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sebelum ini di peringkat ijazah sarjana muda.

Matlamat kursus Tamadun Islam yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) amat relevan dan bernilai antaranya untuk memastikan pelajar yang mempelajari kursus ini mempunyai ilmu ketamadunan dan ilmu pengetahuan yang

selari dengan teknologi maklumat dan mampu berfikir secara kreatif dan kritis serta berupaya menghadapi cabaran global semasa. Isu ini juga bertepatan dengan usaha Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang melaksanakan kursus Tamadun Islam untuk memastikan bakal guru diajar berfikir dan dapat menyelesaikan masalah serta membuat keputusan dalam kehidupan seharian.⁵

Matlamat lain bagi kursus ini ialah pelajar juga mempunyai tamadun yang tinggi, saling menghormati sesama kaum yang berbeza, memperkuuhkan jati diri Malaysia dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.⁶ Hal ini bertepatan dengan kemunculan abad ke-21 kerana telah mencetuskan minat yang begitu kuat untuk mempelajari secara mendalam ilmu yang berkaitan dengan ketamadunan. Pengajian kepelbagaiannya tamadun manusia akan membawa kepada satu bidang akademik yang amat relevan dengan kehidupan tanpa sempadan hari ini.⁷ Pendidikan yang berkaitan dengan agama ditentukan dalam pelbagai konteks sosial dan agama untuk jangkamasa yang lama dan bukan berdasarkan sejarah yang kontroversi.⁸

Jelas kepada kita, matlamat yang digariskan untuk kursus ini amat penting dan bernilai, walau bagaimanapun masih terdapat sebahagiannya tidak dikuasai oleh pelajar. Isu ini dapat dikenal pasti melalui cara berfikir pelajar ketika menyampaikan tugas dalam pembentangan yang diberikan dan tugas bertulis yang wajib disempurnakan sebagai penilaian untuk kursus ini. Maka menjadi kewajipan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian untuk menyelidik tentang isi kandungan kursus ini, adakah tajuk

⁵ Rosnani Hashim, "Malaysian Teacher's Attitudes, Competency and Practices in the Teaching of Thinking," *Intellectual Discourse*, Vol.11, No. 1(2003), 27-50.

⁶ Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, "Sukatan Pelajaran Tamadun Islam", 2.

⁷ Siti Hajar Che Man dan Ratna Roshida Abd Razak, "Penawaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Platform Utama ke Arah Memperkenalkan Tamadun Cina," *Jurnal Sosiohumanika* (2012), 49.

⁸ Dennis M. McInerney dan Shawn Van Etten, *Focus On Curriculum* (Greenwich: Information Age Publishing, 2005), 223.

yang diajar kepada para pelajar dapat disampaikan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Seterusnya, masa interaksi yang diperuntukkan untuk kursus ini sebanyak 15 jam bersamaan satu kredit. Kursus ini dilaksanakan dalam tempoh 15 minggu dengan peruntukan masa satu jam dalam seminggu. Masa yang diperuntukkan ini sangat terhad dan tidak mencukupi kerana tajuk yang terdapat di dalam kursus ini banyak dan ia tidak dapat dipelajari dengan terperinci. Tambahan pula aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan kadang-kadang bertembung dengan jadual waktu yang telah ditetapkan. Hal ini merupakan salah satu kekangan yang dihadapi untuk melaksanakan kursus ini dengan lancar. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pensyarah di IPG berkaitan dengan kursus pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) mendapati bahawa terdapat masalah semasa proses pengajaran dan pembelajaran kursus ini antaranya ialah kekangan masa dan kurang menguasai topik yang diberikan oleh pensyarah untuk dibentangkan.⁹ Sehubungan dengan itu, penyelidik merasakan kajian selanjutnya sewajarnya dilaksanakan untuk mengenal pasti masalah dari aspek masa agar kursus ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

Seterusnya, penyelidik juga mendapati kaedah pengajaran Tamadun Islam hendaklah diberi perhatian utama agar hasil pembelajaran yang ditetapkan dalam sukatan pelajaran dapat dicapai. Maka seseorang pensyarah hendaklah memahami hasil pembelajaran sesebuah kursus agar dapat memberi pengalaman pembelajaran berkesan, mencapai objektif kursus tersebut dan mampu membimbing aktiviti pelajar.¹⁰

⁹ Zahiah Haris @ Harith, Mustapha Kamal Ahmad Kassim dan Muaaz Muhammad, “Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas,” *Jurnal Tempawan*, Jilid 31, (2014). Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Khas, 153-161.

¹⁰ Ralph W. Tyler, *Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 110.

Kaedah pengajaran secara konvensional iaitu penyampaian kuliah oleh pensyarah banyak dilaksanakan di institusi pendidikan. Oleh kerana kekurangan pensyarah dan bilangan pelajar yang ramai maka tuntutan untuk menggunakan apparatus elektronik dan multimedia adalah salah satu cara untuk menyelesaikan masalah perlaksanaan kursus ini.¹¹

Guru keupayaan merupakan guru yang kreatif, inovatif menggunakan kaedah pengajaran dan pedagogi kandungan yang bersesuaian bukan sahaja mampu memberi kesan yang positif kepada pelajar, bahkan dapat menjana pemikiran yang kritis dan kreatif, mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan menggalakkan pelajar untuk menguasai ilmu ke arah penghayatan yang lebih sempurna.¹²

Pelaksanaan pengajaran tidak berkesan jika guru-guru tidak memahami objektif, kurang pendedahan terhadap kursus berkenaan dan kekurangan bahan bantu mengajar. Oleh itu menjadi keperluan pihak berkaitan untuk memberi pendedahan yang lebih meluas kepada guru-guru mengenai perkaedahan yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.¹³

Elemen hasil pembelajaran sesebuah kursus atau mata pelajaran amat berkait rapat dengan elemen konteks seperti tempat yang kondusif, bilik yang mencukupi dan infrastruktur terkini kerana ianya dapat membantu elemen proses pengajaran dan

¹¹ Zarina Muhammad, “Pelaksanaan kaedah student-centered learning (SCL) dalam pengajaran & pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia & Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia,” *Jurnal Pengajian Umum*, Bil. 8, (2007), 142.

¹² Ab. Halim Tamuri et al., “Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam,” *GJAT* Vol. 2, Issue 2 (Disember 2012), 61.

¹³ Saedah, *Perkembangan Kurikulum, Teori dan Amalan*, 162.

pembelajaran.¹⁴ Terdapat pelbagai masalah dalam pelaksanaan pengajaran sesebuah mata pelajaran. Antaranya ialah infrastruktur, peruntukan masa, bahan bantu mengajar dan buku rujukan.¹⁵

Sehubungan dengan itu, berdasarkan pemerhatian penyelidik didapati kaedah pengajaran yang biasa digunakan oleh pensyarah ialah penerangan, perbincangan, soal jawab dan pembentangan. Apakah kaedah yang digunakan ini dapat menarik minat para pelajar untuk mempelajari Tamadun Islam dan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Oleh itu, penyelidik bertanggungjawab untuk menyelidik isu ini dengan lebih mendalam.

Penyelidik juga bersetuju dengan pendapat Saedah Siraj yang menyatakan, perubahan kurikulum berlaku dalam pelbagai aspek termasuk isi kandungan, kaedah pengajaran, bentuk penilaian, sistem pentadbiran Kementerian Pendidikan, sekolah dan institusi perguruan.¹⁶

Oleh yang demikian, penyelidik membuat rumusan berdasarkan pendapat sarjana sebelum ini yang telah menjalankan kajian yang berkaitan dengan Tamadun Islam, mendapati belum terdapat kajian terperinci yang mengkaji pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di IPGM secara khusus. Maka penyelidik menjalankan kajian untuk meneroka dan menganalisis permasalahan seperti yang dibincangkan berkaitan dengan isi kandungan kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, hasil pembelajaran dan masalah yang timbul untuk memantapkan kursus Tamadun Islam.

¹⁴ Zahiah Haris @ Harith, “Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Zon Utara: Kajian Kaedah dan Keberkesanannya,” (tesis kedoktoran, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 366.

¹⁵ *Ibid.*, 349.

¹⁶ Saedah Siraj, *Perkembangan Kurikulum, Teori dan Amalan* (Kuala Lumpur: Alam Pintar Enterprise, 2000), 119.

Implikasi kajian ini diharapkan pihak berkaitan seperti pentadbir di IPGM induk dan IPG kampus mengambil tindakan daripada hasil kajian ini untuk meningkatkan kualiti pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di IPG seluruh Malaysia.

1.4 Tujuan Dan Objektif Kajian

Kajian ini secara keseluruhannya bertujuan untuk meneliti secara mendalam pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang. Teori al-Ghazali (t.t) dan model amalan pengajaran Dunkin & Biddle (1974) dijadikan panduan untuk mengenal pasti beberapa aspek dalam kajian ini iaitu isi kandungan pelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan, hasil pembelajaran yang diperolehi serta masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam.

Kajian ini secara khususnya bertujuan untuk mencapai objektif-objektif kajian seperti berikut:

1. Meneroka isi kandungan sukatan pelajaran kursus Tamadun Islam yang diperkenalkan kepada pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang.
2. Memperinci kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang.
3. Menganalisis hasil pencapaian pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang.

4. Menganalisis masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang.

1.5 Soalan Kajian

Terdapat empat soalan kajian ini berdasarkan empat objektif kajian seperti berikut:

1. Apakah isi kandungan sukatan pelajaran kursus Tamadun Islam yang diperkenalkan kepada pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang?
2. Apakah kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang?
3. Sejauh manakah hasil pencapaian pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia?
4. Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang?

1.6 Kepentingan Kajian

Kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang dilaksanakan untuk mencapai beberapa objektif yang telah ditentukan sebagaimana yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Tamadun Islam. Hasil kajian yang diperolehi dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak berkaitan iaitu para pelajar, pensyarah

Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru dan penggubal kurikulum ini di peringkat induk Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Tujuan utama kursus ini untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kefahaman tentang konsep, prinsip, pencapaian dan sumbangan tokoh-tokoh Tamadun Islam dalam bidang tertentu. Melalui kursus ini juga, diharapkan nilai-nilai murni seperti tolak ansur dapat diterapkan dalam kehidupan yang harmoni. Keadaan ini bertepatan dengan pernyataan dalam sukanan pelajaran kursus Tamadun Islam yang telah digariskan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang berikut:

“Untuk menyediakan guru-guru dengan pengetahuan dan kefahaman mengenai konsep dan prinsip Tamadun Islam. Ianya juga menyediakan mereka untuk menyedari pencapaian dan sumbangan tokoh-tokoh terkenal dalam bidang-bidang tertentu ke arah kehidupan yang universal. Adalah diharapkan kursus ini dapat menerapkan nilai-nilai tolak ansur dan berbangga terhadap inspirasi negara untuk membangunkan kehidupan yang harmoni melalui pendidikan berasaskan Falsafah Pendidikan Negara”.¹⁷

Hasil kajian ini bertujuan untuk membantu pensyarah Tamadun Islam mengenal pasti tajuk-tajuk, kaedah pengajaran yang berkesan kepada bakal guru, masalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari kursus Tamadun Islam. Situasi ini selari dengan kajian masa depan yang telah dijalankan oleh Saedah Siraj dan Haninah Salim (2006) yang mendapati pedagogi guru di sekolah mengalami beberapa perubahan antaranya amalan pedagogi bestari berasaskan ICT, guru sebagai fasilitator dalam proses pengajaran dan pembelajaran ICT, guru berpengetahuan agama dan membendung kesan masalah sosial, pedagogi yang menekankan amalan nilai murni dan penguasaan kemahiran hidup secara

¹⁷ Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), “Sukanan Pelajaran Tamadun Islam, Pengajaran Asas, Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR)”, 2.

menyeluruh, pembelajaran berpusatkan pelajar dengan penekanan kepada kemahiran generik dan pedagogi berasaskan kajian masa depan.¹⁸

Begitu juga diharapkan daripada hasil kajian ini agar dapat memberi cadangan kepada penggubal kurikulum kursus Tamadun Islam di Bahagian Pendidikan Guru dan Institut Pendidikan Guru Malaysia untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam setelah dilaksanakan sejak diperkenalkan pada tahun 2003 untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI).

Secara keseluruhannya, penyelidik mengharap agar hasil kajian ini dapat memberi penjelasan dan gambaran yang terperinci terhadap pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang. Dapatkan-dapatan kajian yang diperolehi dapat membantu tiga pihak utama khususnya iaitu pelajar-pelajar (bakal guru), para pensyarah Tamadun Islam dan penggubal kurikulum di peringkat Institut Pendidikan Guru Malaysia dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam supaya dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan sebagaimana yang terdapat dalam sukanan pelajaran Tamadun Islam untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI).

1.7 Kerangka Teori Kajian


Kajian ini adalah untuk mengenal pasti empat aspek dalam Tamadun Islam di IPG. Teori al-Ghazali (t.t.)¹⁹ dan model pengajaran Dunkin & Biddle (1974)²⁰ merupakan asas kepada kajian ini. Kerangka teori kajian ini bertujuan untuk meninjau empat aspek

¹⁸ Saedah Siraj, *Kajian Masa Depan Dalam Pengembangan Kurikulum* (Bandung: Pustaka Cendekia Utama, 2011), 57.

¹⁹ Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, Jilid III (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.), 353.

²⁰ Dunkin,M.J. & Biddle B.J., *The Study of Teaching*. (New York: Holt, Renehart and Winston, 1974), 36-48.

utama dalam Tamadun Islam di IPG. Empat aspek utama tersebut ialah isi kandungan Tamadun Islam, kaedah pengajaran, hasil pencapaian pelajar dan masalah dalam pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam. Gabungan teori al-Ghazali (t.t.) dan model pengajaran Dunkin & Biddle (1974) merupakan dasar kajian ini dengan membentuk satu kerangka teori kajian yang khusus seperti yang terdapat dalam rajah 1.1.



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian al-Ghazali (t.t.) dan Dunkin & Biddle (1974)

1.8 Kerangka Konseptual Kajian


Berdasarkan kerangka teori kajian yang dibincangkan sebelum ini seperti yang terdapat dalam rajah 1.1, maka ianya diekstrak dan dikategorikan semula untuk menghasilkan sebuah kerangka konseptual kajian ini. Terdapat empat aspek utama yang akan dikaji iaitu isi kandungan, kaedah pengajaran, hasil pencapaian dan masalah yang timbul dalam pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam. Aspek pertama ialah isi kandungan yang terdapat dalam kursus ini amat penting kerana kurikulum pendidikan guru adalah dinamik dan sentiasa diubah suai supaya guru dikemaskinikan dengan keterampilan baru, pengetahuan baru, dan sikap positif sejajar dengan pembentukan negara yang progresif.²¹ Perkara yang akan dikaji dalam isi kandungan ialah kesesuaian tajuk-tajuk yang terdapat dalam kursus ini.

Begini juga kaedah pengajaran amat dititik berat dalam proses pengajaran dan pembelajaran di IPG kerana pengajaran yang berkesan dapat mewujudkan suasana bilik darjah yang selesa dan keseronokan untuk menimba ilmu serta memupuk ciri-ciri guru profesional yang disanjung tinggi oleh masyarakat.²² Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji kaedah pengajaran dari segi kesesuaian, kekerapan dan keberkesan yang diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek seterusnya dalam kajian ini ialah hasil pencapaian. Antara hasil pencapaian yang diharapkan setelah mempelajari kursus ini untuk melahirkan guru siswazah di sekolah rendah yang berkualiti dan dapat mencurahkan kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi dengan sebaik-baiknya kepada pelanggan.²³ Semua tumpuan yang dibincangkan di atas adalah sepertimana yang terdapat dalam rajah 1.2.

²¹ *Ibid.*, i.

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian (al-Ghazali, t.t. dan Dunkin & Biddle, 1974)

1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian ini meliputi perkara yang berikut:

1.9.1 Kajian ini memfokuskan perbincangan tentang kursus Tamadun Islam yang diajar kepada para pelajar yang belajar dalam Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR). Kursus ini adalah merupakan kursus teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar dalam satu semester selama lima belas jam bersamaan satu kredit.

1.9.2 Kajian ini menumpukan kepada empat objektif kajian untuk mengkaji mengenai isi kandungan, kaedah pengajaran, hasil pencapaian dan masalah dalam

pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang.

1.9.3 Kajian ini hanya terbatas kepada lapan orang pensyarah yang mengajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia di dalam Lembah Klang sahaja. Penyelidik akan memastikan mereka yang terlibat dalam sesi temu bual terdiri daripada mereka yang mengajar kursus Tamadun Islam. Hal ini kerana tidak semua pensyarah yang mengajar kursus tersebut. Tenaga pengajar yang mengajar kursus ini ialah pensyarah daripada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru yang berkaitan. Oleh itu dapatan kajian ini hanya dapat digeneralisasikan kepada pelaksanaan Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang sahaja.

1.10 Definisi Operasional

Kajian ini bertajuk “Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang: Kajian Kaedah dan Keberkesanannya.” Sehubungan dengan itu, penyelidik akan menjelaskan beberapa istilah penting iaitu Tamadun Islam, Institut Pendidikan Guru Malaysia dan keberkesanannya.

1.10.1 Tamadun Islam

Terdapat beberapa perkataan di dalam Bahasa Arab yang menyamai maksud perkataan tamadun, iaitu ‘*hadharah*’ (peradaban), ‘*umran*’ (kemajuan) dan ‘*thaqafah*’ (kebudayaan) dan ‘*madaniah*’ (perbandaran). Dalam Bahasa Inggeris tamadun bererti ‘*civilization*’. Menurut Ibn Khaldun, beliau memberi takrifan tamadun dengan menggunakan dua istilah utama iaitu ‘*umran*’ dan ‘*hadharah*’. Perkataan ‘*umran*’ untuk menerangkan sifat-sifat tamadun, iaitu sifat-sifat yang merujuk kepada kawasan

tanah yang didiami orang secara tetap dalam keadaan berkembang subur lagi makmur dan terdapat binaan-binaan bangunan yang didirikan oleh pemerintah. Manakala perkataan ‘*hadharah*’ merujuk kepada kehidupan yang menetap. Kehidupan seperti inilah yang menjadi asas kepada perkembangan tamadun.²⁴ Al-Naquib pula mendefinisi perkataan tamadun sebagai keadaan kehidupan insan yang bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatatusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat.²⁵ Dalam pengertian lain, kebiadaban tidak dapat mencerminkan tamadun walaupun masyarakat di sesebuah negara telah mencapai tahap kemajuan yang canggih dan moden. Taraf kehalusan tatasusila akan menjelaskan sebuah kebudayaan yang luhur dan selanjutnya akan tercapai dengan pesatnya.

Berdasarkan huraian pengertian tamadun yang dibincangkan, dapatlah dirumuskan tamadun itu tahap perkembangan kebudayaan yang tinggi bercirikan bentuk negara dan pentadbiran yang tersusun rapi, kehidupan bandar, sains, teknologi pendidikan dan kesesuaian yang berkesan serta berdasarkan agama. Dalam erti kata lain, Tamadun Islam bersumberkan aqidah, syariah dan akhlak. Kelahiran, perkembangan dan pencapaian Tamadun Islam yang begitu cemerlang adalah merupakan cetusan daripada pematuhan umat Islam terhadap ajaran Islam. Ini dikuatkan lagi dengan pendapat oleh Uthman El-Muhammady mengatakan bahawa Tamadun Islam dan kebudayaan Islam adalah berteraskan ajaran Islam sebagai al-Din.²⁶ Islam adalah al-Din yang merangkumi seluruh kehidupan manusia. Menurut pengertian syarak, Islam ialah mentauhidkan Allah SWT, patuh, tunduk dan jujur hati kepadaNya serta beriman dengan ajaran Allah SWT yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW

²⁴ Esa Khalid, *Konsep Tamadun Islam Sains dan Teknologi* (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 2.

²⁵ Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak* (Kuala Lumpur: ABIM, 1977), 7.

²⁶ Aleas bin Md Isa, “Kajian Tentang Sikap Guru-Guru Pelatih Bukan Islam Terhadap Kursus Tamadun Islam: Kajian Di Empat Maktab Perguruan Di Sarawak,” (kertas projek, Fakulti Pendidikan UKM, 1999), 43.

Berdasarkanuraian di atas, dapatlah difahami bahawa Tamadun Islam sebagai manifestasi kecemerlangan pencapaian hidup masyarakat Islam dalam pelbagai bidang yang merangkumi unsur spiritual dan material, seimbang dan bersepadu yang berasaskan agama Islam.

1.10.2 Institut Pendidikan Guru Malaysia

Pada 13 Julai 2005, Jemaah Menteri telah meluluskan 27 buah Maktab Perguruan di Malaysia dinaik taraf kepada Institut Pendidikan Guru (IPG). Penggunaan istilah institut adalah menggantikan nama maktab setelah kesemua institusi perguruan telah dinaik taraf sejak 6 Mei 2006.²⁷ Sehubungan dengan itu, IPG telah mendapat mandat dan layak menganugerahkan graduan bertaraf ijazah sarjana muda perguruan. Hal ini membuktikan IPG merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi yang bertaraf universiti. Ijazah yang dianugerahkan oleh IPG sama tarafnya dengan ijazah yang dianugerahkan daripada mana-mana universiti yang diiktiraf kerajaan. Graduan sulung IPG telah pun menamatkan pengajian mereka dan menerima ijazah Sarjana Muda Perguruan pada tahun 2011 setelah mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). IPG juga merancang untuk mengurniakan ijazah sarjana dan kedoktoran pada masa akan datang. Oleh yang demikian, IPG hendaklah memberi perhatian dan perubahan dalam beberapa aspek iaitu kurikulum dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran. IPG berperanan melahirkan modal insan berkualiti dan mempraktikkan “*The Learner-Centred University*” supaya setanding dengan universiti lain.²⁸

²⁷ Bahagian Pendidikan Guru (2006), *Majlis Pengisytiharan Institut Perguruan Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1-5.

²⁸ “Institut Pendidikan Guru Malaysia”, laman sesawang *Kementerian Pendidikan Malaysia*, dicapai 8 Mac 2014, http://web.moe.gov.my/ipgm/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=92&Itemid=700&lang= ms.

1.10.3 Keberkesanan

Keberkesanan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah keberkesanan kaedah pengajaran. Hal ini bertepatan dengan pendapat Kamarul Azmi Jazmi dan Ab. Halim Tamuri yang menyatakan “keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tersebut berkait rapat dengan guru itu sendiri serta kaedah yang digunakan di dalam kelas”.²⁹ Manakala Rahimah Ahmad pula mendefinisikan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah kejayaan seorang guru sebagai penyampai pelajaran yang terdapat dalam sukanan pelajaran, pembimbing, membangkit minat pelajar dan memulakan proses penimbaan ilmu dalam bidang tertentu.³⁰ Seterusnya pengajaran berkesan menurut Chris Kyriacou ialah “*essentially concerned with how best to bring about the desired pupil learning by some educational activity.*”³¹ Berdasarkan pendapat sarjana yang dibincangkan sebelum ini, dapatlah dirumuskan bahawa keberkesanan adalah berkait rapat dengan kemampuan guru dalam pelbagai aspek pengajaran, kaedah pengajaran dan kehendak pelajar dalam sesbuah pembelajaran.

Sehubungan dengan itu, keberkesanan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah keberkesanan kaedah pengajaran yang telah digunakan oleh pensyarah Tamadun Islam dalam proses pengajaran Tamadun Islam di IPG. Oleh itu, penyelidik akan membuat perbandingan jawapan yang diberikan oleh beberapa orang pensyarah Tamadun Islam dalam temu bual yang telah dilaksanakan terhadap soalan temu bual yang berkaitan dengan kaedah yang berkesan. Perbandingan dan perbezaan jawapan yang diberikan oleh mereka dianalisis oleh penyelidik untuk mendapat kaedah yang

²⁹ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran* (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 59.

³⁰ Rahimah Ahmad, “Peningkatan Produktiviti Guru: Saranan dan Tindakan,” *Jurnal Masalah Pendidikan*, 1992, 36.

³¹ Chris Kyriacou, *Effective Teaching in Schools* (Great Britain: TJ Press (Padstow) Ltd, 1986), 9.

berkesan dan digunakan dalam pengajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia.³²

1.11 Penutup

Jelas menunjukkan bahawa dalam bab ini, penyelidik telah menerangkan secara terperinci subtopik berkaitan iaitu latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian dan definisi tajuk. Hal ini bertujuan untuk memberi kefahaman sejelasnya mengenai kajian ini. Kajian ini juga memberi perhatian dan menyelidik dengan mendalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG. Teori al-Ghazali (t.t) dan model amalan pengajaran Dunkin & Biddle (1974) menjadi asas dan panduan kajian ini. Kajian ini akan memberi penekanan kepada empat aspek utama iaitu isi kandungan sukatan pelajaran Tamadun Islam, kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, hasil pencapaian pelajar setelah mempelajari Tamadun Islam dan masalah yang dihadapi semasa mempelajari Tamadun Islam. Penjelasan mengenai semua subtopik yang dibincangkan merupakan asas kepada perbincangan dalam bab-bab seterusnya dalam tesis ini.

³² Tantiana Desinova (Profesor Madya, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, University Malaya), dalam pembentangan *research finding*, 6 April 2012.

BAB 2

ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Istilah tamadun merujuk kepada sifat yang abstrak dan universal, kehidupan sehari-hari manusia yang berasaskan pengalaman rohaniah manusia yang dilihat dalam seni kreatif, seni bahasa, rekod perkembangan sosio ekonomi, kemajuan sains teknologi dalam sesebuah masyarakat.³³ Sehubungan dengan itu dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan tamadun Islam mengenai konsep tamadun dari perspektif Islam, sifat tamadun Islam, sumber tamadun Islam dan prinsip tamadun Islam. Begitu juga dalam bab ini menumpukan kepada kurikulum kursus tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia, melihat kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tamadun Islam dan ulasan kajian lepas yang dapat memperkuuhkan gagasan dalam kajian ini.

2.2 Konsep Tamadun Dari Perspektif Islam

Konsep tamadun Islam berbeza dengan tamadun-tamadun lain yang wujud di dunia. Ini merujuk kepada asas tamadun Islam secara keseluruhannya berpaksikan keimanan. Hal ini bermakna, terdapat perbezaan yang jelas antara tamadun Islam dengan tamadun dunia lain kerana Islam meletakkan al-Din sebagai asas yang membentuk tamadun.³⁴ Menurut Mohd Roshdi Yusof terdapat lima kedudukan makna al-Din berdasarkan beberapa ayat al-Quran dan al-Sunnah iaitu al-Din sebagai satu kepercayaan agama, satu ibadah, satu kepatuhan dan ketaatan, satu pembalasan atau hari akhirat dan satu cara hidup yang meliputi semua aspek kehidupan.³⁵ Para sarjana Islam menjadikan

³³ Abdul Rahman Nawas et al., *Tamadun Islam* (Kuala Lumpur: Pustaka Hj. Abdul Majid, 1995), 1.

³⁴ Ahmad Fauzi Hj Morad dan Ahmad Tarmizi Talib, *Tamadun Islam* (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 1997), 2.

³⁵ Mohd Roshdi Yusof, *Tamadun Islam* (Kubang Kerian: Pustaka Reka, 1997), 8.

dasar ini sebagai asas aspirasi ketika menghuraikan konsep tamadun dalam Islam.³⁶

Justeru Amir A. Rahman berpendapat bahawa tamadun Islam ialah tamadun yang didirikan oleh masyarakat yang digelar dan menggelar diri mereka seorang Muslim.³⁷

Menurut Ibnu Khaldun, tamadun ialah kemuncak pembangunan yang berkait dengan peningkatan kemewahan, keindahan suasana dan minat kepada pelbagai aspek industri yang boleh mempertingkatkan kualitinya. Beliau turut menjelaskan tamadun ialah kemuncak pembangunan dan sebagai tanda kepada kemusnahannya. Hal ini bermaksud, tamadun ialah kemuncak kemajuan yang paling tinggi, tetapi setelah mencapai tahap yang tertinggi ia mudah pula diserang penyakit boros dan melampaui batas. Apabila situasi ini berlaku, keadaan sedemikian yang berpenyakit akan beransur-ansur menuju kehancurannya. Seterusnya Muhammad Rasyid Redha pula menyampaikan pendapat Syeikh Muhammad Abduh, bahawa agama sebagai asas “*madaniyyah*” (tamadun). Perkara ini kerana peningkatan unsur maknawi akan mendorong kebangkitan zahiri. Rasionalnya semua tamadun di dunia ini ditegakkan berdasarkan kepercayaan agama. Peningkatan atau kemusnahannya itu bergantung kepada keteguhan pegangan agama atau sebaliknya.³⁸

Berdasarkan pandangan kedua-dua tokoh di atas, jelas menunjukkan bahawa kemajuan dan kehancuran sesebuah tamadun amat berkait rapat dengan kemajuan dan agama yang dianuti oleh rakyat dalam negara tersebut. Sekiranya kemajuan yang dicapai tanpa ada unsur kerohanian dan amanah sudah pasti kehancuran akan berlaku.³⁹

³⁶ Abu Bakar Hamzah, *Sejarah Kebudayaan Islam* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1972), 55.

³⁷ Amir A. Rahman, *Pengantar Tamadun Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 3.

³⁸ *Ibid.*, 56. Rujuk juga Muhammad Abdul Jabbar Beg, *Islamic and Western Concepts of Civilization* (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1985), 33.

³⁹ Esa Khalid, *Konsep Tamadun Islam, Sains dan Teknologi* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 19.

Hal ini amat berkait rapat dengan pandangan Said Hawwa yang mengulas dalam kitabnya yang bertajuk *al-Islam*, menyatakan tamadun terbahagi kepada dua kategori iaitu tamadun Islam dan tamadun Jahiliyah. Tamadun Islam ialah segala aspek kemajuan yang tegak di atas kebudayaan Islam serta hasilnya relevan dengan kebudayaan itu. Manakala tamadun Jahiliyah pula ialah segala kemajuan yang dijelmakan dalam bentuk kebendaan dengan tidak mengambil kira aspek kerohanian dan moral. Definisi ini juga selari dengan pendapat Umar Audah al-Khatib tentang tamadun iaitu himpunan ilmu pengetahuan, syariat, peraturan tradisi dan moral yang menunjukkan keadaan pemikiran, ekonomi, akhlak, politik, kesenian dan seluruh kehidupan kebendaan dan kerohanian dalam sesuatu sejarah.

Seterusnya pendapat Malik bin Nabi pula, beliau menyatakan tamadun merangkumi tiga perkara utama, iaitu insan, bumi dan masa. Dalam membina dan menganalisis sesuatu masalah tamadun, terlebih dahulu perlu kepada penguraian tiga perkara tersebut. Beliau memerlukan satu bentuk kehidupan manusia dengan menggunakan unsur-unsur alam yang material dengan sebaik-baiknya bagi meneruskan kehidupan manusia di muka bumi ini. Menurut beliau lagi sebarang usaha yang tidak berlandaskan faktor kerohanian sudah pasti tidak akan berjaya. Muhammad al-Bahiy pula menyatakan tamadun ialah keseluruhan penghasilan yang menggambarkan nilai keperibadian manusia sama ada berbentuk falsafah, pengetahuan, kesenian, politik, kesusteraan dan lain-lain. Konsep tamadun menurut Ahmad Bek Kamal dengan menekankan aspek daya usaha ke arah mengeluarkan masyarakat daripada suasana hidup liar kepada hidup berpendidikan dan pembentukan moral tanpa mengira sama ada di timur mahu pun di barat.⁴⁰

⁴⁰ *Ibid.*, 57.

Jelas menunjukkan definisi tamadun menurut Malik bin Nabi, Muhammad al-Bahiy dan Ahmad Bek Kamal menekankan aspek akhlak dalam masyarakat sesebuah tamadun. Peranan sesebuah tamadun itu berjaya atau tidak amat bergantung kepada kemampuannya mendidik masyarakat dari suasana hidup liar kepada hidup berpendidikan. Berdasarkan huraian dan pandangan beberapa tokoh Tamadun Islam mengenai mengenai definisi tamadun, dapatlah dirumuskan bahawa tamadun itu tahap perkembangan kebudayaan yang tinggi bercirikan bentuk negara dan pentadbiran yang tersusun rapi, kehidupan bandar, sains, teknologi pendidikan dan kesesuaian yang berkesan serta berdasarkan agama.⁴¹

Beralih pula kepada pengertian Tamadun Islam. Menurut Syed Qutb, tamadun Islam ialah segala bentuk kemajuan yang dihasilkan oleh sekumpulan masyarakat seperti sistem sosial, pemerintahan, politik, ekonomi dan kebudayaan yang berpaksikan syariat Allah SWT serta bercirikan nilai-nilai moral Islam. Manakala Abu Bakar Hamzah pula menitikberatkan soal pembangunan yang sepadu antara dua unsur iaitu kerohanian dan kebendaan. Pembangunan lahir beriringan, serentak dengan perkembangan manusia, sama ada dalam bentuk pemikiran dan kebendaan.⁴² Seterusnya Abu Ridah Muhammad Abdul Hadi menyatakan tamadun Islam ialah diasaskan atas dasar keagamaan, keistimewaannya dan kedudukannya di antara tamadun dunia.⁴³

Rumusan dari perbincangan mengenai definisi tamadun dan Tamadun Islam, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat kelainan di antara Tamadun Islam dengan tamadun yang lain. Hal ini kerana Tamadun Islam merupakan tamadun insaniah yang mengutamakan keadilan, asas-asas berfikir dalam semua disiplin, sama ada sistem

⁴¹ *Ibid.*, 58.

⁴² *Ibid.*

⁴³ Muhyiddin Athiyyah, *Qaaimah Muktaarah: Haula al-Makrifah wa al-fikr wa al-manhaj wa al-thaqafah wa al-hadharah* (Amerika Syarikat: The International Institute of Islamic Thought, 1992), 45.

politik, kebudayaan mahu pun asas ilmu yang berkait rapat dengan falsafah, seni, perubatan, geografi, muzik dan sebagainya. Tamadun Islam dapat mengubah cara hidup sesebuah tamadun sebagaimana kebudayaan Jahiliyah Arab dapat diubah dengan kedatangan Islam. Perubahan berlaku dalam banyak aspek iaitu sosial, ekonomi, ilmu pengetahuan, politik, kesenian dan falsafah.⁴⁴ Tidak ada tamadun lain yang dapat menyesuaikan dirinya dengan kehidupan sama ada manusia, haiwan, alam tabii dan seluruh jagat raya selain daripada tamadun Islam. Oleh itu, tamadun Islam sepatutnya dipraktikkan oleh semua masyarakat di dunia ini kerana ia dapat mengekalkan kebahagiaan, kesejahteraan dan keredhaan Allah SWT.⁴⁵

2.2.1 Sifat Tamadun Islam

Terdapat pelbagai pendapat yang membincangkan mengenai sifat-sifat Tamadun Islam. Ada juga yang menyebut sebagai ciri-ciri Tamadun Islam. Menurut Mohd Yusuf Ahmad dan Ahmad Tarmizi Talib bersepakat menyatakan terdapat lima sifat Tamadun Islam iaitu kesejagatan, keterbukaan, sepanjang zaman, toleransi dan kesatuan dalam kepelbagaian. Sifat kesejagatan ini merupakan suatu sifat yang tidak terikat kepada mana-mana bangsa tertentu atau dikaitkan kepada tempat tertentu. Bahkan milik seluruh manusia yang berpegang kepada agama Islam. Ianya dapat dilihat di mana sahaja tanpa disempadani oleh mana-mana sempadan geografi.⁴⁶ Sifat keterbukaan ini bermaksud tamadun yang dicipta itu tidak terbatas kepada had tertentu. Ianya diletakkan dalam panduan agama yang tetap dan berkembang dengan perubahan masa. Sifat keterbukaan meliputi kepada semua tamadun yang lain selagi mana tidak bercanggah dengan syariah. Bahkan Islam menggalakkan penerusan tamadun yang

⁴⁴ Mohd. Nasir Omar, *Tamadun Islam dan Ideologi-ideologi Masa Kini* (Ampang: Penerbitan Nadhi, 1986), 19. Rujuk juga P. Bartuld, *Tarikh al-Hadharah al-Islamiyyah*, terj. Hamzah Tohir (Mesir: Darul Ma'arif, 1966), 35.

⁴⁵ Esa, Konsep Tamadun Islam, 83.

⁴⁶ Azhar Hj. Mad. Aros, *Tamadun Islam dan Tamadun Islam (TITAS)* (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2004), 20.

membawa kebaikan kepada manusia dengan tidak menjelaskan hak orang lain. Ia juga menerima tatacara yang tidak bertentangan dengan nilai aqidah.⁴⁷ Sifat sepanjang zaman ini bermaksud perkembangannya bermula dengan penurunan wahyu yang pertama dan tidak pernah berhenti. Ia tidak dibatasi oleh sempadan atau batas masa dan akan terus berkembang hingga hari ini. Seterusnya sifat toleransi ini bermaksud bertolak ansur terhadap agama dan budaya lain. Sungguh pun tamadun Islam pernah berkembang dalam dunia yang tidak dikenali, ia tetap mempertahankan toleransinya terhadap agama dan budaya bukan Islam. Masyarakat bukan Islam yang berada di bawah perkembangan tamadun Islam tidak dilarang mengamalkan agama dan budaya masing-masing. Sifat kesatuan dalam kepelbagaiannya juga merupakan sifat tamadun Islam. Sebarang bentuk kemajuan yang dicapai oleh tamadun Islam dalam pelbagai bidang disatukan oleh aqidah Islam yang menjurus mentauhidkan Allah SWT. Penemuan dan hasil ciptaan baru yang dicapai oleh manusia dikembalikan kepada kebesaran Tuhan, pencipta alam seluruhnya.⁴⁸

Manakala Ahmad Zaki Abd. Latif pula menyatakan terdapat tujuh sifat tamadun Islam iaitu rabbani, keagamaan, tetap dan tidak berubah, sempurna dan seimbang, sesuai dengan fitrah manusia, terbuka dan sepanjang zaman.⁴⁹ Seterusnya Fairuzah Basri et. al. pula menyenaraikan enam sifat-sifat Tamadun Islam iaitu rabbani, keseimbangan dan kesederhanaan, universal, ideal dan realistik, tetap dan anjal serta menyeluruh.⁵⁰ Terdapat empat sifat yang disebut oleh ketiga-tiga penulis iaitu seimbang, menyeluruh, toleransi dan sejagat. Sifat tamadun Islam yang disebut oleh Ahmad Zaki Abd. Latif dan Fairuzah Basri et. al. ialah rabbani. Maksud sifat rabbani

⁴⁷ Mohd Liki Hamid, *Pengajian Tamadun Islam* (Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2004), 51.

⁴⁸ Fauzi dan Tarmizi, "Tamadun Islam," 4. Rujuk juga Mohd Yusuf Ahmad, *Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Terbuka Malaysia, 2006), 75.

⁴⁹ Ahmad Zaki Abd. Latiff et al., *Buku Teks Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd., 2009), 28-29.

⁵⁰ Fairuzah Basri et. al., *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu: Perkembangan dan Isu Kontemporari* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, 2008), 24-26.

dan keagamaan ialah tamadun Islam didasari oleh nilai-nilai ketuhanan dan keagamaan. Justeru umat Islam sedar bahawa tugas manusia sebagai khalifah Allah SWT untuk membangunkan bumi ini berteraskan apa yang ada di dalam al-Qur'an.⁵¹ Manakala sifat seterusnya ialah menyeluruh yang bererti Islam mencakupi seluruh aspek kehidupan termasuk undang-undang, aqidah, akhlak, hubungan dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam. Tamadun Islam juga menyentuh isu yang berkaitan dengan aspek keadilan, kehakiman dan kenegaraan.⁵² Sifat universal atau umum juga merupakan salah satu sifat dalam tamadun Islam. Ia bermaksud amat sesuai untuk semua orang di setiap tempat dan masa. Begitu juga ia tidak terikat kepada bangsa tertentu, tempat dan tempoh tertentu, bahkan tamadun Islam milik seluruh manusia yang berpegang kepada Din al-Islam dan ianya membuka ruang semua bangsa untuk membentuk masyarakat Islam dan membina tamadun sejagat.⁵³

Menurut Muhammad Abdul Jabbar Beg, nilai-nilai dalam Islam bersifat universal dan memberi kebaikan dan manfaat kepada manusia secara menyeluruh.⁵⁴ Sifat seterusnya ialah ideal dan realistik yang menjelaskan bahawa Islam meletakkan manusia di kedudukan yang tinggi sekiranya perlakuan dan tingkah laku manusia tidak bercanggah dengan ajaran Allah SWT. Realistik pula ialah kehidupan di dunia ini adalah hakikat yang nyata dan ianya menjadi bukti kewujudan Allah SWT sebagai Maha Pencipta.⁵⁵ Sifat tetap dan anjal juga merupakan sifat tamadun Islam. Tetap bermakna tidak berubah pada sasaran dan matlamat tamadun serta tidak dipengaruhi oleh nafsu.⁵⁶ Manakala anjal pula dari sudut cara dan teknik pelaksanaannya. Islam memberi kebebasan untuk mencapai matlamat tamadun bukan kemajuan dari sudut

⁵¹ *Ibid.*, 24.

⁵² Fauzi dan Tarmizi, Tamadun Islam, 5. Rujuk juga *ibid.*, 26.

⁵³ *Ibid.* Rujuk juga *ibid.*, 25.

⁵⁴ Muhammad Abdul Jabbar Beg, *Islam and Modern Civilization* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1988), 4.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Mohd Rapi Mohd Nor al-Jundi, *Al-Quran, Tamadun, Manusia & Politik* (Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid, 2010), 17.

kebendaan semata-mata.⁵⁷ Kesimpulannya sesebuah tamadun tidak boleh disebut tamadun Islam sekiranya sifat-sifat yang telah dibincangkan sebelum ini tiada dalam tamadun tersebut. Ini adalah kerana tamadun Islam berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah serta merujuk kepada peningkatan pencapaian manusia dalam pelbagai bidang kehidupan.⁵⁸

2.2.2 Sumber Tamadun Islam

Sumber tamadun Islam berpandukan kepada beberapa sumber iaitu sumber al-Qur'an, al-Sunnah, ijmak ulama dan al-Qias.⁵⁹ Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan sumber utama dalam pembinaan tamadun Islam. Ini kerana setiap tamadun yang berlaku memerlukan ilmu pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap. Wahyu yang pertama dengan jelas dan nyata telah menyarankan agar manusia berusaha untuk membaca dan menulis bagi membasmi buta huruf, mencari dan meningkatkan pengetahuan dalam kalangan umatnya. Menurut Esa Khalid, al-Qur'an dan al-Sunnah berperanan sebagai sumber tamadun Islam dalam dua dimensi iaitu sebagai penggerak ilmu dan memberi sumber langsung ilmu.⁶⁰

Al-Qur'an merupakan mukjizat yang diberikan kepada Nabi Muhammad SAW dan sesiapa yang membacanya dikira sebagai ibadah.⁶¹ Al-Qur'an itu sendiri telah dijamin oleh Allah SWT dari segi kesahihannya dan terpelihara sejak diturunkan sehingga hari kiamat. Terkandung di dalamnya syariat yang lengkap, bahasa yang indah serta ilmu yang luas dan mendalam.⁶² Isi kandungannya sentiasa menyeru umat Islam melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan serta membangunkan alam untuk

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ Ab. Aziz Mohd Zin et. al, *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 81.

⁵⁹ Fairuzah Basri et. al., *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, 21-23.

⁶⁰ Esa, *Konsep Tamadun Islam*, 15.

⁶¹ *Ibid.*, 21.

⁶² Aziz et. al, *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 54.

kebaikan bersama.⁶³ Menurut Syed Hossein Nasr, al-Quran merupakan dasar kepada semua ilmu pengetahuan.⁶⁴ Hassan Langgulung pula menyatakan bahawa tanda-tanda (ayat) Allah terpampang di alam, pada diri manusia dan dalam kitab suci. Maka kaedah penyelidikan sains tabii (mengkaji alam), sains kemanusiaan dan pengetahuan yang diwahyukan adalah berbeza.⁶⁵ Para sarjana Islam meyakini bahawa ilmu psikologi yang dikaji daripada al-Quran boleh mempengaruhi perubahan sosial manusia, membangunkan tamadun cemerlang, membawa perubahan kepada kehidupan manusia dan membentuk insan yang lebih berkualiti pada dirinya sendiri dan orang di sekelilingnya sehingga terbentuknya sebuah tamadun yang gemilang.⁶⁶

Manakala al-Sunnah pula dianggap sebagai wahyu yang kedua di samping al-Qur'an merupakan sumber tamadun Islam yang penting. Ianya berfungsi sebagai penjelas kepada al-Qur'an, memperkuatkannya kedudukan dan peranan al-Qur'an. Kedua-dua sumber ini merupakan pendorong yang kuat ke arah pembentukan sikap bagi mencari ilmu pengetahuan dan menghasilkan tamadun Islam.⁶⁷ Berkat usaha gigih tersebut, umat Islam berjaya mewarisi dua sumber utama tamadun Islam yang berautoriti iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.⁶⁸

Seterusnya terdapat sumber selain al-Qur'an dan al-Sunnah yang dihasilkan oleh pemikir Islam yang berusaha mencernakan Islam dalam kehidupan seharian umat Islam yang semakin kompleks.⁶⁹ Sehubungan dengan itu ijmak juga merupakan sumber tamadun Islam kerana sekumpulan ulama mujtahid dalam kalangan umat Nabi Muhammad SAW membuat kesimpulan hukum dan peraturan syarak yang

⁶³ Fairuzah et. al., *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, 21.

⁶⁴ Muhammad Abdul Jabbar Beg, *The Image of Islamic Civilization* (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1980), 45.

⁶⁵ Nasir, *Tamadun Islam dan Ideologi-ideologi Masa Kini* , 22.

⁶⁶ Che Haslina Abdullah, "Pembinaan Tamadun Islam Seimbang Melalui Psikologi Islam," *Jurnal Hadhari* 5 (1) (2013) 199-213., 205.

⁶⁷ Aziz et. al, *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, h. 91.

⁶⁸ *Ibid.*, 93.

⁶⁹ Fairuzah et. al., *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, 21.

dipersetujui.⁷⁰ Walau bagaimanapun semasa Nabi Muhammad S.A.W. masih hidup ijmak tidak dijadikan sumber tamadun Islam kerana segala masalah, para sahabat terus merujuk kepada Nabi Muhammad SAW. Akan tetapi setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW, sekiranya terdapat masalah yang timbul, maka umat Islam dikehendaki mengadakan mesyuarat (*syura*) untuk mendapat kata sepakat bagi menyelesaikan masalah tersebut.⁷¹ Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud, "...Dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka." (al-Syura 42: 38).

Seterusnya Qias juga merupakan sumber hukum dan tamadun Islam. Sumber ini boleh didefinisikan sebagai penggunaan hukum/peraturan dan pemikiran daripada perkara yang dinaskan al-Qur'an dan al-Sunnah pada perkara dan permasalahan lain yang tiada nas al-Qur'an dan al-Sunnah mengenainya. Ibnu Khaldun dalam falsafah sejarahnya memperkenalkan apa yang diistilahkannya sebagai "*qias sejarah*" sebagai asas bagi masyarakat Islam untuk memenuhi tuntutan al-Qur'an agar mereka menjadikan sejarah sebagai iktibar bagi kehidupan mereka.⁷²

Akal atau pemikiran juga adalah sumber pembinaan tamadun Islam yang penting selepas al-Qur'an dan al-Sunnah. Ini kerana ilmu pengetahuan yang dikuasai oleh seseorang melalui akal fikirannya dapat membentuk dan melahirkan sesuatu yang baru dan menghasilkan tamadun. Manusia boleh membangun dan bergerak maju dengan menggunakan akal untuk melahirkan sesuatu tamadun. Namun sekiranya akal digunakan untuk mereka cipta sesuatu yang boleh merosakkan keselamatan agama, maruah, keturunan, tubuh badan dan harta benda, maka ia boleh merosakkan dan memusnahkan tamadun manusia.

⁷⁰ Aziz et. al, *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, 93.

⁷¹ *Ibid.*, 93-94.

⁷² *Ibid.*

Allah SWT menganugerahkan kepada setiap hambanya dengan bakat tertentu. Kepelbagaiannya bakat yang ada pada setiap manusia membolehkan seseorang mereka cipta sesuatu mengikut kebolehan masing-masing. Umat Islam telah berjaya menghasilkan pelbagai ciptaan yang berpaksikan aqidah, syarak dan akhlak dan bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah seperti teknologi pelayaran, penyelidikan angkasa lepas (falak), pertanian, saliran, timbangan, perubatan dan lain-lain. Kreativiti umat Islam meliputi penghasilan baru dalam bidang sains dan teknologi. Penemuan ini adalah hasil daripada penyelidikan, penjelajahan dan penerokaan seluruh alam dari bumi hingga ke angkasa lepas. Penemuan ini merupakan sebahagian sunnatullah atau undang-undang Allah SWT. Akhirnya segala penemuan ini akan menghasilkan penciptaan baru yang juga anugerah Allah SWT terhadap manusia.

Pengubahsuaian dan penyempurnaan semula merupakan sumber terakhir tamadun Islam. Umpamanya setelah wilayah Islam berkembang luas, umat Islam terdedah kepada pelbagai tamadun asing yang tinggi mutunya seperti tamadun Rom dan Parsi. Mereka telah melalui pencapaian yang tinggi seperti dalam bidang sains, perubatan, seni bina, pengurusan dan pentadbiran. Umat Islam tiada pilihan lain melainkan mempelajari dan menguasai pencapaian mereka itu. Selepas itu mereka melakukan pengubahsuaian dan penyempurnaan semula agar sesuai dengan aqidah, syarak dan akhlak Islam.⁷³

Inilah beberapa keistimewaan dan uniknya sumber tamadun Islam. Tamadun lain lahir daripada satu sumber sahaja iaitu sumber alam, sebaliknya tamadun Islam

⁷³ Osman Bakar et.al., *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia* (Kuala Lumpur; Universiti Malaya, 2009), 40.

lahir daripada pelbagai sumber yang disebut di atas. Walau bagaimanapun al-Qur'an merupakan sumber yang paling tinggi kerana ianya bertaraf *yaqiniyyah*.⁷⁴

2.2.3 Prinsip Tamadun Islam

Syariat Islam telah menggariskan lima prinsip utama yang dikenali sebagai *Maqasid al-Syari'ah* yang mesti dihormati dan dipelihara oleh setiap muslim dalam membangunkan tamadun. Tamadun Islam merupakan satu tamadun yang istimewa yang berdiri teguh berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah. Antara prinsip-prinsip tersebut ialah memelihara jiwa dan nyawa, akal fikiran, maruah dan keturunan, harta benda serta memelihara hak dan kebebasan.⁷⁵ Prinsip-prinsip ini menggambarkan keimanan dan pengabdian diri kepada Allah dalam kehidupan, penyempurnaan tugas dan kewajipan manusia sebagai hamba kepada penciptanya serta berusaha menjelmakan keimanannya itu ke alam realiti.⁷⁶

Prinsip pertama ialah memelihara jiwa. Memelihara jiwa adalah kurniaan Allah SWT yang paling bernilai kepada makhluk yang bernama manusia. Seandainya tidak wujud nyawa pada diri manusia, maka jasad manusia tidak akan bermanfaat dan bermakna. Dengan itu, tamadun Islam begitu mengutamakan pemeliharaan jiwa dan nyawa sebagai dasarnya. Maka tidak harus bagi sesiapa pun untuk mencabar hak ini kecuali dengan kebenaranNya, kerana kehidupan adalah hak masyarakat.⁷⁷ Allah SWT yang menciptakan semua makhluk termasuklah manusia, maka Allah SWT juga berhak sepenuhnya terhadap segala ciptaannya. Keadaan ini selari dengan firman Allah SWT :

⁷⁴ *Ibid.*, 98.

⁷⁵ Mustafa Haji Daud, *Tamadun Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1991), 11.

⁷⁶ Abdullah Zahidi Omar et. al, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)* (Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., 2013), 27.

⁷⁷ Amir, *Pengantar Tamadun Islam*, 11-12.

وَإِنَّا لَنَحْنُ هُنَّا وَنُمِيتُ وَنَحْنُ الْوَارِثُونَ

Al-Hijr 15: 23

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kamilah yang menghidupkan dan yang mematikan, dan Kamilah yang kekal memiliki segala-galanya.⁷⁸

Allah SWT telah menetapkan supaya setiap manusia memelihara diri sendiri mahu pun orang lain. Mereka tidak boleh merosakkan diri yang menyebabkan terancam jiwa dan nyawa. Antara perbuatan tersebut ialah meminum atau memakan unsur yang ditegah oleh agama, mencedera, membunuh dan seumpamanya. Semua larangan tersebut mencerminkan tamadun Islam mengambil berat tentang keselamatan jiwa dan nyawa seluruh manusia.⁷⁹ Terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menegah manusia berlaku sedemikian rupa, antaranya :

وَأَنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّهْلِكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ

تُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Al-Baqarah 2: 195

Terjemahan: Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.⁸⁰

⁷⁸Basmeih, Sheikh Abdullah bin Muhammad, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran* (30Juz) (Kuala Lumpur: Darul Fikir,2000), 615. Rujuk juga Al-Sayyid Mu'in ad-Din bin Abdul Rahman al-Husaini al-Aiji as-Syafi'e, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran* (Kuwait: Gheras,2007), 493.

⁷⁹ Ab. Alim Abdul Rahim dan Syed Idrus Syed Mat Zin, *Tamadun Islam*, ed. ke-2 (Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.,1995), 12-13.

⁸⁰ Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 73-74. Rujuk juga Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 88.

يَتَأْكُلُونَ لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ
تَكُونَ تَحْرِةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ

رَحِيمًا

Al-Nisa' 4: 29

Terjemahan : Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.⁸¹

Jelas di sini bahawa Allah SWT amat melarang hambanya melakukan kerosakan terhadap diri mereka sendiri dan menempelak orang membunuh diri sendiri dan membunuh orang lain tanpa sebab yang dibenarkan oleh agama. Semua tegahan ini memaparkan Islam dan tamadun yang wujud daripadanya amat memelihara jiwa dan nyawa seluruh manusia.⁸²

Seterusnya memelihara akal fikiran adalah merupakan salah satu prinsip tamadun Islam. Akal adalah anugerah Allah SWT yang merupakan faktor paling utama membezakan dia antara manusia dengan makhluk-makhluk lain. Kurniaan akal yang menaikkan taraf manusia menjadi makhluk yang mulia dan ia juga yang menjadikan manusia sehina-hina makhluk di atas muka bumi.⁸³ Firman Allah SWT :

⁸¹ *Ibid.*, 190. Rujuk juga *Ibid.*, 189.

⁸² Amir, *Pengantar Tamadun Islam*, 12.

⁸³ Aziz et. al, *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, 57.

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ۝ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ۝

Al-Tiin 95: 4-5

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah.⁸⁴

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَهَمَنَّاهُمْ فِي الْأَبَرِّ وَالْأَبَرِّ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنْ أَطْيَابِ
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِمَّنْ حَلَقْنَا تَفْضِيلًا ۝

Al-Israa' 17: 70

Terjemahan: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.⁸⁵

Berdasarkan ayat di atas, jelas Allah SWT memuliakan keturunan Nabi Adam a.s. dengan mengurniakan akal fikiran, kebolehan bertutur, mempunyai rupa yang sempurna, kenderaan yang baik dan rezeki yang lazat.⁸⁶ Islam sangat mengambil berat terhadap proses pemeliharaan akal fikiran sehingga mewajibkan kepada manusia memelihara kesempurnaannya. Islam telah menggariskan beberapa panduan agar akal fikiran berfikiran baik, antaranya ialah Islam menuntut umatnya mempelajari ilmu pengetahuan sebanyak mungkin kerana dengan itu akan dapat mencapai ke arah kebaikan akal dan keseluruhan hidup. Kedua ialah penekanan terhadap pemeliharaan akal fikiran dapat dilihat dengan jelas pada sabda Nabi Muhammad SAW yang hanya

⁸⁴ Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 1701. Rujuk juga Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 1054. Rujuk juga Al-Imam Abi al-Fida' Ismail Ibnu Kathir, *Tafsir Ibnu Kathir* (Qaherah: Maktabah Zahran, t.t.), 528.

⁸⁵ Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 535.

⁸⁶ *Ibid.*

membahagikan manusia kepada dua bahagian sahaja iaitu golongan cerdik pandai dan golongan pelajar.⁸⁷

Islam menyediakan asas supaya umatnya sentiasa berfikir, memerhati dan menyelidiki ciptaan Allah SWT di muka bumi. Manusia dituntut mengkaji dirinya sendiri, haiwan, langit, bumi, laut, gunung ganang dan sebagainya agar akal sentiasa cergas untuk berfikir. ⁸⁸Terdapat banyak al-Quran yang menggesa umatnya berfikir, antaranya :

وَالسَّمَاءُ ذَاتٌ أَحْبَلٌ ﴿٧﴾

Al-Zhariyat 51: 7

Terjemahan: Demi langit yang mempunyai jalan-jalan yang berbagai-bagai bentuk keadaannya.⁸⁹

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ ﴿٦٧﴾

Al-Mulk 67:10

Terjemahan: Dan mereka berkata: “Kalaular kami dahulu mendengar dan memahami (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka.⁹⁰

رَبَّنَا إِنَّكَ مَنْ تُدْخِلُ النَّارَ فَقَدْ أَخْزَيْتُهُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ ﴿١٩٢﴾

Ali-Imran 3: 192

Terjemahan: Wahai Tuhan kami! sebenarnya sesiapa yang Engkau masukkan ke dalam neraka maka sesungguhnya Engkau telah menghinakannya, dan orang-orang yang zalim tidak akan beroleh seorang penolong pun.⁹¹

⁸⁷ Aziz et. al, *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, 57.

⁸⁸ Abdul Rahman Nawas et al., *Tamadun Islam*, 18-19.

⁸⁹ Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 1402. Rujuk juga Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 917. Rujuk juga Abi al-Fida', *Tafsir Ibnu Kathir*, 233.

⁹⁰ Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 1540. Rujuk juga Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 984. Rujuk juga Abi al-Fida', *Tafsir Ibnu Kathir*, 398.

⁹¹ Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 175.

Prinsip tamadun Islam seterusnya ialah memelihara maruah dan keturunan. Penciptaan terhadap manusia oleh Allah SWT merupakan makhluk yang mulia di atas muka bumi Allah SWT. Manusia dilantik menjadi khalifah Allah SWT di muka bumi. Kelebihan dan keistimewaan yang ada pada manusia adalah wujudnya kombinasi keseluruhan kejadiannya yang unik iaitu roh, jasad, akal, istiqamah dan segala yang wujud pada diri manusia. Berdasarkan kepada keistimewaan ini, manusia wajib memelihara keturunan mereka agar keistimewaan tersebut tidak tercemar. Seandainya keistimewaan ini tidak dihargai, maka taraf manusia akan menjadi lebih rendah kedudukannya berbanding makhluk yang lain.⁹²

Allah SWT telah mengutus agama Islam melalui Nabi Muhammad SAW dengan tujuan menjaga keselamatan kehidupan manusia di muka bumi. Keselamatan dan ketenteraman termasuklah dari sudut jiwa, kehormatan diri dan naluri seks. Sehubungan itu, Islam telah menetapkan panduan yang lengkap mengenai perhubungan suami isteri. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menyentuh mengenai perhubungan suami isteri bagi menjaga keturunan dan maruah manusia.⁹³ Antaranya yang bermaksud:

هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ ...^{٢٤}

Al-Baqarah 2: 187

Terjemahan: ... Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka...⁹⁴

⁹² Abdul Rahman Nawas et al., *Tamadun Islam*, 19-20.

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 70. Rujuk juga Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 85-86.

نَسَأُوكُمْ حَرَثٌ لَكُمْ فَتَوَا حَرَثَكُمْ أَنِّي شَيْعْتُمْ وَقَدِمُوا لِأَنفُسِكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ

وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٣﴾

Al-Baqarah 2: 223

Terjemahan: Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu suka, dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu; dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuiNya (pada hari akhirat kelak). Dan berilah khabar gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman. ⁹⁵

يَتَأْمِنُ الَّذِينَ ءامَنُوا قُوَّةً أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا أَلْنَاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا

مَاتِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ ﴿٦٦﴾

At-Tahrim 66: 6

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu ; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang tidak mendurhakai Allah tehadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan⁹⁶

Prinsip tamadun Islam terakhir ialah memelihara harta benda. Manusia mempunyai naluri yang menuntut kepada kesenangan dan kekayaan. Agama Islam memberan dan menggalakkan manusia mengumpul harta dengan kaedah yang diizinkan dalam agama. Dalam pada itu, Allah SWT telah memberi peringatan kepada hamba-Nya yang memiliki harta dan kekayaan agar tidak menimbulkan bencana kepada diri sendiri dan orang lain. Kebenaran untuk mengumpul harta dan peringatan

⁹⁵ Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 86. Rujuk juga Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 98.

⁹⁶ Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 980-981. Rujuk juga Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 951.

Allah SWT supaya manusia tidak lupa diri apabila sudah menjadi kaya dan berkuasa,⁹⁷ ini dipaparkan dalam firman Allah SWT :

وَابْتَغِ فِيمَا آتَنَاكَ اللَّهُ أَلَّا يَرَ أَلْآخِرَةَ وَلَا تَنْسِ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا

تُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Al-Qasas 28: 77

Terjemahan: Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”⁹⁸

Islam menganggap harta kekayaan serta anak-anak sebagai ujian daripada Allah SWT kepada manusia. Ianya merupakan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT terhadap hamba-Nya ketika mereka hidup di muka bumi ini. Manusia yang beramanah dan bertanggungjawab, adalah mereka yang berjaya mendapat ganjaran yang mulia di sisi Allah SWT disebabkan berjaya mengharungi ujian dan dugaan-Nya. Hal ini telah ditegaskan dalam al-Qur'an mengenai harta benda dan anak-anak yang merupakan dugaan kepada manusia seperti yang dijelaskan dalam firman-Nya :

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

At-Taghaabun 64: 15

⁹⁷Fairuzah et. al., *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, 29-30.

⁹⁸Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 1024. Rujuk juga Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 715.

Terjemahan: Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.⁹⁹

Ramai manusia yang telah gagal di dalam menempuh ujian Allah SWT . Ada di antara mereka yang bertukar menjadi angkuh, sompong dan melupai tanggungjawab sebagai peranan hamba Allah SWT yang sebenarnya. Qarun dan Firaun adalah contoh mereka yang telah dibinasakan oleh Allah SWT disebabkan keangkuhan mereka setelah dianugerahkan harta benda yang bertimbun-timbun dan seumpamanya. Pemilikan harta dan kekayaan adalah dibenarkan di dalam Islam. Islam telah mengutamakan keselamatan harta benda yang menjadi hak milik yang dihalalkan kepada setiap manusia di dunia ini. Antara jaminan tersebut ialah Allah SWT mlarang seseorang itu melakukan sebarang bentuk tingkah laku yang boleh menggugat keselamatan harta benda. Tingkah laku tersebut adalah seperti mencuri, merompak, berjudi, riba, menipu, memakan harta orang lain dengan cara yang tidak halal.¹⁰⁰

Prinsip terakhir tamadun Islam ialah memelihara hak dan kebebasan. Insan yang dilahirkan ke dunia ini adalah bebas. Khalifah Islam yang ketiga iaitu Sayyidina Umar al-Khattab r.a. pernah berkata "bagaimanakah kamu memperhambakan manusia padahal dia diperanakkan dengan bebas". Jelas menunjukkan bahawa semua insan yang lahir adalah bebas, oleh itu tidak boleh menyekat kebebasan seseorang insan. Hak kebebasan ini tidak boleh dicerobohi atau dicabut daripada manusia melainkan darurat seperti mempertahankan kemerdekaan dan keselamatan umat Islam.Hak kebebasan juga merangkumi kebebasan beragama, bercakap, berfikir, bersuara, memberi pendapat

⁹⁹ Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 1522. Rujuk juga Al-Sayyid Mu'in, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, 976. Rujuk juga Abi al-Fida', *Tafsir Ibnu Kathir*, 377.

¹⁰⁰ Amir, *Pengantar Tamadun Islam*, 16-17.

dan lain-lain.¹⁰¹ Walau bagaimanapun kebebasan ini tertakluk kepada keizinan Allah SWT dan ia boleh ditarik balik sekiranya ia boleh menggugat hak dan kepentingan manusia lain.¹⁰²

Rumusan mengenai prinsip Tamadun Islam ini menunjukkan Islam merupakan agama yang menitik berat soal keselamatan, kebahagiaan dan kesejahteraan umatnya. Sesebuah tamadun Islam dapat bertahan dengan kukuh sekiranya lima prinsip di atas dipelihara dan diaplikasi dalam kehidupan bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Kepentingan mempelajari Tamadun Islam dalam kalangan bakal guru amat relevan pada masa kini kerana kecemerlangan generasi yang bakal dididik bergantung kepada pendidiknya. Seorang pendidik atau guru bukan hanya menyampai ilmu pengetahuan tetapi mendidik para pelajarnya dengan akhlak yang baik. Asas kecemerlangan sesebuah tamadun berkait rapat dengan akhlak masyarakat di dalamnya.

2.3 Kurikulum Kursus Tamadun Islam di IPG

Penyelidik akan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kurikulum kursus Tamadun Islam di IPG. Perkara tersebut ialah mengenai definisi kurikulum, objektif sukatan pelajaran Tamadun Islam, sukatan pelajaran Tamadun Islam dan peruntukan masa yang diperuntukkan.

2.3.1 Definisi Kurikulum

Pengertian kurikulum bergantung kepada pengetahuan seseorang dan bagaimana kurikulum diterjemahkan dalam penggunaannya. Kurikulum merupakan pelan perancangan dalam pendidikan yang melihat dua perkara utama, iaitu visi dalam

¹⁰¹ Abdul Rahman Nawas et al., *Tamadun Islam*, 23.

¹⁰² Aziz et. al, *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*, 59.

pendidikan dan struktur atau organisasi asas dalam pendidikan. Ianya juga merupakan satu reka bentuk atau perancangan sesebuah institusi dan mempunyai pengertian yang luas mencakupi seluruh program yang dirancang.¹⁰³

Menurut Ralph W. Tyler terdapat 4 rasional dalam membina kurikulum dan rancangan pengajaran iaitu tujuan pendidikan yang hendak dicapai oleh sekolah, pengalaman pendidikan yang boleh disediakan untuk mencapai tujuan tersebut, pengalaman pendidikan ini boleh dikendalikan dengan berkesan dan menentukan sama ada tujuan-tujuan ini tercapai.¹⁰⁴ Menurut Tyler lagi terdapat empat perkara dalam membina kurikulum iaitu pertama matlamat dan objektif, kedua jenis kandungan atau pengalaman yang boleh menolong pelajar mencapai objektif, ketiga semuanya perlu disusun dengan kemas dan keempat pula ialah hasilan daripada kurikulum yang telah dilaksanakan perlu dinilai dengan cara tertentu.¹⁰⁵

Manakala Hass pula mengatakan kurikulum adalah seluruh program pendidikan yang bertujuan untuk mencapai sasaran yang lebih luas serta objektif tertentu yang berkaitan. Kurikulum tersebut telah dirancang dalam bentuk suatu teori rangka kerja serta kajian ataupun amalan profesional pada masa lepas dan masa kini.¹⁰⁶ Seterusnya Cornbleth pula merumuskan kurikulum akan menjawab tiga soalan asas iaitu " *what knowledge, skills and value are must worthwhile? Why are they? dan How should the young acquire them?*".¹⁰⁷

¹⁰³ Abdul Rahim, *Pengajian Kurikulum* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 1-2.

¹⁰⁴ Ralph W. Tyler (1990), *Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran*, terj. Kamaruddin Hussin dan Hazil Abdul Hamid (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990), vii dan rujuk juga Ralph Tyler, *Basic Principles of Curriculum and Instruction* (USA: The University of Chicago Press, 1969), 1.

¹⁰⁵ Saedah Siraj, *Kurikulum Masa Depan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008), 6.

¹⁰⁶ Hass, G., *Curriculum planning: A new approach* (Boston: Allyn & Bacon Inc., 1987), 5.

¹⁰⁷ Cornbleth (1992), "Beyond hidden curriculum." *Journal of Curriculum Studies* 16, no. 1:29-36 (1992), 221.

2.3.2 Matlamat dan Objektif Sukatan Pelajaran Tamadun Islam di IPG

Matlamat kursus tamadun Islam ialah untuk menyediakan guru-guru yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman mengenai konsep dan prinsip tamadun Islam. Begitu juga untuk menyedarkan guru-guru terhadap pencapaian dan sumbangan tokoh-tokoh terkenal dalam bidang-bidang tertentu ke arah kehidupan universal. Seterusnya kursus ini diharapkan dapat menerapkan nilai-nilai tolak ansur dan berbangga terhadap inspirasi negara. Hal ini kerana untuk membangunkan kehidupan yang harmoni melalui pendidikan berasaskan Falsafah Pendidikan Negara.¹⁰⁸

Berdasarkan matlamat kursus ini, jelas menunjukkan bahawa guru-guru hendaklah diberi pengetahuan dan kefahaman yang menyeluruh dan mendalam agar mereka mempunyai asas yang kukuh dalam ilmu pengetahuan. Ini bertepatan dengan pendapat Ting Len Siong dan Muhammad Sidek Said yang menyatakan bahawa guru berilmu adalah guru yang sentiasa mencari, menerokai dan menambah ilmu-ilmu baru sesuai dengan perubahan masa dan situasi.¹⁰⁹ Hal ini ada kaitan dengan pandangan A.G. Chejne yang merumuskan pandangan Ibn Hazm yang menyatakan ilmu pengetahuan merupakan jalan atau pra syarat kepada kebahagian hidup di dunia dan akhirat. Walau pun iman dan akal mempunyai sifat yang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk memperoleh kebaikan tersebut. Iman dan akal yang serasi dapat menjamin kebahagian hidup di dunia dan akhirat.¹¹⁰

¹⁰⁸ Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam”, 2.

¹⁰⁹ Ting Len Siong & Muhammad Sidek Said, *Ingin Menjadi Guru?* (Selangor : Ilmu Media Trade, 2007), 239.

¹¹⁰ Alias Azhar, “Sains dan Teknologi Dalam Ketamadunan Islam: Analisa Epistemologi dan Metodologi”, laman sesawang *umrefjournal*, dicapai 31 Ogos 2015, <https://www.google.com/search?q=ALIAS+Azhar%2C+E2%80%9CSains+dan+Teknologi+Dalam+Ke+tamadunan+Islam%3A+Analisa+Epistemologi+dan+Metodologi&ie=utf-8&oe=utf-8>. 61.

Seterusnya menurut Firdaus, Kamarul Azmi dan Khirunnisa menyatakan ilmu pengetahuan merupakan sesuatu yang penting bagi diri seorang pendidik. Ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang pendidik merupakan kriteria kecemerlangan yang membolehkan mereka memberi penjelasan mengenai sesuatu perkara dengan lebih baik dan lebih bersedia menjawab persoalan daripada pelajar.¹¹¹

Menurut Paul L. Dressel, objektif berlawanan dengan matlamat kerana pernyataannya lebih eksplisit, deskriptif terhadap sesuatu kemahiran dan tingkah laku yang menjadi kebiasaan untuk membangun seseorang pelajar. Kebiasaannya objektif amat berkait rapat dengan tujuan sesebuah budaya yang diwarisi dan tujuan lain yang berkaitan dan sesuai dengan masa depan.¹¹² Objektif kursus Tamadun Islam yang disediakan kepada bakal guru adalah seperti berikut:¹¹³

1. Mengembangkan ilmu ketamadunan demi memajukan ilmu pengetahuan seluruhnya dengan menggabungkan penggunaan teknologi maklumat dan kemahiran berfikir di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
2. Membekalkan bakal pendidik dengan ilmu pengetahuan dan ketahanan diri yang membolehkan mereka memahami serta menghadapi pergolakan dunia dan cabaran global semasa.
3. Melahirkan bangsa Malaysia yang bertamadun tinggi dan sanggup memperjuangkan nilai-nilai ketamadunan universal yang luhur dan murni.

¹¹¹ Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi dan Khairunnisa A Shukor, "Elemen Pengetahuan Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di Politeknik Premier: Satu Kajian Rintis," *The Online Journal of Islamic Education* January 2015, vol. 3 issue 1., 14.

¹¹² Paul L. Dressel, *The Undergraduate Curriculum in Higher Education* (New York: The Center for Applied Research in Education, Inc, 1966), 21.

¹¹³ Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, "Sukatan Pelajaran Tamadun Islam", 2.

4. Memupuk persefahaman sejagat dan sikap hormat menghormati di kalangan rakyat Malaysia khususnya para pendidik yang pelbagai bangsa, keturunan dan budaya.
5. Memperkuuhkan jati diri Malaysia sebagai negara majmuk yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Berdasarkan objektif kursus Tamadun Islam yang digariskan seperti yang dinyatakan sebelum ini dapatlah dirumuskan lima perkara utama kursus ini diajarkan kepada pelajar Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR) iaitu pengembangan ilmu ketamadunan, membekalkan bakal pendidik dengan ilmu, melahirkan bangsa Malaysia yang bertamadun tinggi, memupuk persefahaman sejagat dan memperkuuhkan jati diri Malaysia.

Pengembangan ilmu ketamadunan yang bertujuan untuk memajukan ilmu pengetahuan adalah sejajar dengan sistem pendidikan dalam negara yang menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada generasi kini dan generasi sebelumnya bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara.¹¹⁴ Penggabungan penggunaan teknologi maklumat dengan kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran bertepatan dengan bab 4 iaitu “Pembelajaran Murid” dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Ianya juga sejajar dengan anjakan yang ketujuh dalam “Sebelas Anjakan untuk Transformasi Sistem”. Anjakan ketujuh ialah “Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia”. Antara usaha kerajaan untuk merealisasikan anjakan ini ialah menyediakan akses internet ke semua 10,000 sekolah; menambahkan kandungan dalam talian untuk

¹¹⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)* (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), Prakata.

perkongsian video guru terbaik menyampaikan pengajaran dalam Sains, Matematik, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan kerajaan juga memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar kendiri.¹¹⁵ Begitu juga bagi Norliza, Mohamad Sattar dan Roseamnah telah menegaskan bahawasanya aplikasi web dalam pengajaran guru di dalam bilik kuliah dapat memajukan dan menambahkan lagi kecenderungan pendidikan seseorang pelajar terhadap kursus yang dipelajari.¹¹⁶

Ini bermakna objektif pertama dan objektif kedua mempunyai kesinambungan iaitu bekalan ilmu pengetahuan yang mantap dalam diri bakal pendidik dapat menghadapi pergolakan dunia dan cabaran global pada masa kini. Justeru para pensyarah hendaklah memastikan ilmu yang disampaikan kepada bakal pendidik mampu melahirkan insan guru yang mempunyai jati diri untuk menghadapi tribulasi pada masa akan datang.

Seterusnya objektif ketiga kursus ini ialah melahirkan bangsa Malaysia yang bertamadun tinggi dan memperjuangkan nilai-nilai universal. Ini menunjukkan ianya selaras dengan anjakan ketiga dalam sebelas anjakan untuk transformasi sistem iaitu “melahirkan rakyat yang menghayati nilai”. Cara mananamkan nilai-nilai murni dalam diri para pelajar ialah dengan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Moral, Pendidikan Islam dan Pendidikan Sivik yang jelas objektif ketiga-tiga subjek ini untuk menerapkan nilai-nilai yang murni sudah pasti dapat mewujudkan persefahaman sejagat dan hormat-menghormati antara pelbagai bangsa bertepatan dengan objektif keempat. Ianya juga bertepatan dengan matlamat pendidikan negara yang kedua iaitu “melahirkan insan yang beriman, berakhhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera”. Hal ini

¹¹⁵ *Ibid.*, E-18.

¹¹⁶ Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul, Roseamnah Abd. Rauf, “Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam,” *The Online Journal of Islamic Education* Jun 2013, vol. 1 issue 2., 58.

juga selari dengan konsep ilmu yang ditegaskan oleh al-Attas iaitu ilmu dapat diaplikasi dalam kehidupan secara keseluruhan termasuk aspek spiritual, intelektual, agama, budaya dan sosial yang membawa maksud ciri-ciri yang bersifat sejagat dan ia mampu memandu manusia dalam keamanan.¹¹⁷

Jelas menunjukkan objektif ketiga kursus ini mempunyai hubungan yang erat dengan objektif kelima yang menitik beratkan mengenai sifat jati diri dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Secara keseluruhan objektif kursus ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan melahirkan insan yang seimbang, berilmu, bertanggungjawab serta berperanan memakmurkan masyarakat dan negara ini.¹¹⁸ Isu ini amat selari dengan pendapat Hamidah, Zawawi dan Rorlinda menyatakan keupayaan mengenali, memupuk dan membina kematangan emosi memberi kesan positif dalam menyeimbangkan kesejahteraan kendiri manusia.¹¹⁹ Menurut Rashidi, Fakrul Adabi dan Ilhamie menyatakan pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika yang tinggi.¹²⁰

2.3.3 Sukatan Pelajaran dan Peruntukan Masa Tamadun Islam di IPG

Kursus Tamadun Islam diperkenalkan kepada semua pelajar peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR). Proses pengajaran terhadap

¹¹⁷ Saim Kayadibi dan Ahmad Hidayat Buang, “The Role of Islamic Studies in Muslim Civilization in the Globalized World: Malaysian Experience,” *Jurnal Hadhari* 3 (2) (2011) 83-102., 87.

¹¹⁸ Kementerian Pelajaran Malaysia, *Pendidikan di Malaysia* (Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

¹¹⁹ Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail dan Rorlinda Yusof, “Kecerdasan Emosi Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Aplikasinya dalam Membentuk Akhlak Remaja,” *The Online Journal of Islamic Education* Jun 2013, vol. 1 issue 2., 51.

¹²⁰ Rashidi Abbas, Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ilhamie Abdul Ghani Azmi, “Kemahiran Generik: Hubungan Nilai Amanah dengan Etika dan Moral Profesional dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia,” *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2., 125.

pelajar adalah terserah kepada pengurusan Institut Pendidikan Guru masing-masing untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam mana-mana semester dalam setahun pengajian di institut berkenaan.

Bagi memenuhi salah satu dimensi budaya Institut Pendidikan Guru iaitu akhlak dan moral, maka semua pelajar yang menjalani latihan perguruan diwajibkan mempelajari kursus Tamadun Islam. Keadaan ini juga bertepatan dengan pendapat Ahmad Munawwar yang menyatakan akhlak seseorang individu amat berkait rapat dengan pegangan agama yang kuat. Sehubungan dengan itu, menurut Baharom dan Ilias menjelaskan guru Pendidikan Islam memainkan peranan dalam pembentukan akhlak pelajar kerana guru Pendidikan Islam merupakan pelaksana kepada kurikulum Pendidikan Islam¹²¹.

Pelajar Kursus Perguruan Lepas Ijazah yang menjalani latihan selama setahun, diwajibkan mempelajari kursus Tamadun Islam dalam tempoh pengajian mereka. Peruntukan masa dipelajari dalam masa 15 jam bersamaan 1 kredit. Tajuk yang ditetapkan untuk dipelajari oleh pelajar ialah konsep asas Tamadun Islam, pencapaian dan sumbangan tamadun Islam dan Tasawwur Islam.

Bidang konsep asas Tamadun Islam dapat dibahagikan empat tajuk utama iaitu definisi tamadun, prinsip-prinsip tamadun, sumber-sumber tamadun dan pembentukan Tamadun Islam di peringkat permulaan. Subtajuk kepada definisi tamadun ialah definisi Tamadun Islam menurut sarjana Islam dan barat. Subtajuk seterusnya ialah berkaitan ciri-ciri Tamadun Islam dan juga matlamat Tamadun Islam. Subtajuk kepada prinsip-prinsip Tamadun Islam ialah memelihara jiwa, akal, maruah, harta benda dan hak kebebasan. Manakala subtajuk kepada sumber Tamadun Islam ialah wahyu, akal

¹²¹ Noornajihan Jaafar dan Ab. Halim Tamuri, "Perbezaan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Berdasarkan Jantina, Lokasi Sekolah dan Kekerapan Menyertai Latihan Dalam Perkhidmatan," *The Online Journal of Islamic Education* July 2015, vol. 3 issue 2., 2..

dan penemuan baru. Terakhir sekali subtajuk kepada pembentukan Tamadun Islam di peringkat permulaan ialah prinsip-prinsip aqidah menjadi asas pembentukan kecemerlangan Tamadun Islam. Peruntukan masa untuk bidang ini ialah sebanyak empat jam.

Bidang pencapaian dan sumbangan Tamadun Islam dibahagikan enam tajuk utama iaitu keintelektualan, sumbangan intelek Islam dalam bidang ilmu, pengaruh Tamadun Islam terhadap pertumbuhan sains moden di Eropah, sumbangan Tamadun Islam dalam bidang sosial, sumbangan Tamadun Islam dalam bidang ekonomi dan sumbangan Tamadun Islam dalam bidang politik. Subtajuk kepada intelektual ialah definisi ilmu, pembahagian ilmu dan kesepadan ilmu. Subtajuk sumbangan intelektual islam dalam bidang ilmu ialah dalam bidang sains dan matematik, sains sosial dan kesenian. Antara tokoh Tamadun Islam yang diketengahkan dalam sukanan pelajaran Tamadun Islam di IPG ialah Ibnu Sina, al-Razi, al-Zarqali dan al-Khawarizmi yang merupakan tokoh Islam yang pakar dalam bidang sains dan lain-lain, mampu melonjakkan kegemilangan Tamadun Islam pada masa tersebut. Hal ini amat relevan dengan pendapat Roziah Sidik yang menyatakan sokongan yang padu perlu diberikan oleh pemerintah sesebuah negara terhadap program yang berkaitan dengan sains yang dianjurkan oleh rakyat agar kegemilangan sains dalam Tamadun Islam akan muncul kembali.¹²²

Manakala subtajuk kepada pengaruh Tamadun Islam terhadap pertumbuhan sains moden Eropah ialah mengenai kerajaan Islam di Sepanyol, penterjemahan buku-buku intelektual Islam dan penubuhan universiti-universiti di Eropah. Seterusnya

¹²² Roziah Sidik@Mat Sidek, “ Relevansi Faktor Kegemilangan Sains Islam dengan Dunia Islam Masa Kini,” laman sesawang *umrefjournal* dicapai 31 Ogos 2015, <https://www.google.com/search?q=Roziah+Sidik%40Mat+Sidek%2C+%E2%80%9C+Relevansi+Faktor+Kegemilangan+Sains+Islam+dengan+Dunia+Islam+Masa+Kini&ie=utf-8&oe=utf-8..>, 10.

subtajuk kepada sumbangan Tamadun Islam dalam bidang sosial ialah berkaitan hubungan sosial, keluarga yang bahagia dan berkualiti dan gaya hidup sihat.

Sumbangan Tamadun Islam dalam bidang ekonomi turut menjadi tajuk utama dalam pencapaian dan sumbangan Tamadun Islam. Subtajuk kepada bidang ekonomi ialah mengenai prinsip ekonomi dalam Islam, sistem perbankan secara Islam, Takaful, al-Rahnu dan pasaran saham yang halal dalam Islam. Sumbangan terakhir dalam bidang politik ialah konsep syura, sifat-sifat pemimpin dan konsep negara Islam. Abdul Karim Zaidan menjelaskan bahawa sistem politik terdiri daripada beberapa dasar dan peraturan yang berkaitan dengan pemerintah atau ketua negara, kaedah pemilihan, kedudukannya dari segi undang-undang, hubungan rakyat dengan ketua negara, matlamat yang dicapai melalui politik dan sebagainya.¹²³ Sesi interaksi untuk bidang ini ialah sebanyak sembilan jam.

Tasawwur Islam merupakan bidang terakhir dalam kursus Tamadun Islam peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah. Sesi interaksi untuk bidang ini ialah sebanyak dua jam. Ianya dapat dibahagikan kepada tiga tajuk utama iaitu aqidah, syariah dan akhlak. Subtajuk kepada aqidah ialah dari segi definisi, mengenal Allah SWT, kepentingan aqidah dan tugas manusia mencari kebenaran aqidah. Aqidah merupakan elemen asas terpenting dalam pembinaan jati diri seorang muslim sejati berbanding pendidikan yang lain kerana elemen ini dapat melahirkan individu yang cemerlang dan unggul dari sudut keperibadian serta memberi sumbangan dan kesinambungan pemerintahan akan datang.¹²⁴

¹²³ Abdul Karim Zaidan, *Usul Dakwah Sistem-sistem Islam*, (Batu Caves: Pustaka Salam, 2011), 321.

¹²⁴ Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa, Siti Aishah Suhaimi, "Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu," *Jurnal Hadhari* Special Edition (2012) 143-154., 148.

Manakala subtajuk syariah ialah dari segi definisi, pembahagian syariah kepada ibadat, muamalat, ekonomi, munakahat, siasah dan jenayah. Hal ini selari dengan pendapat yang diutarakan oleh Yusuf Al-Qardhawi bahawa syariat Islam adalah bersesuaian untuk dilaksanakan pada setiap tempat dan zaman.¹²⁵ Kemajuan dalam sejarah Islam adalah kesan daripada berpegang teguh dengan syariah. Berdasarkan sejarah Islam, jelas memaparkan bahawa kekuatan dan kemulian umat Islam berpaksikan kepada sejauh manakah penganutnya berpegang dengan syariat Islam.¹²⁶

Subtajuk akhlak dilihat dari segi definisi, kepentingan akhlak dalam kehidupan harian, hubungan antara manusia dan pencipta, hubungan sesama manusia, hubungan manusia dengan alam sekitar dan akhlak di peringkat awal. Menurut Zulfahmi dan Wan Hasmah menegaskan konsep akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh mendapati bahawa keutamaan, kebaikan, kebahagiaan dan kesempurnaan yang berhubung dengan aspek intelek mempunyai kaitan dengan aspek emosi dan jasmani. Perbezaan pendapat di antara al-Ghazali dan Ibn Miskawayh ialah al-Ghazali membincangkan akhlak secara dalaman manakala Ibn Miskawayh lebih menekankan aspek luaran iaitu tingkah laku yang muncul dari aspek intelek.¹²⁷

Seseorang guru memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi akhlak dan disiplin pelajar, bukan sahaja sebagai penyampai ilmu tetapi mengawal tindak tanduk anak didik mereka. Seseorang guru juga berupaya menilai perkembangan pelajar dan menentukan kaedah-kaedah yang berkesan bagi mendidik supaya para pelajar lebih

¹²⁵ Yusuf Al-Qardhawi, *Pelaksanaan Syariah Islam*, terj. Juanda Haji Jaya (Selangor: Maktabah Al-Qardhawi, 1998), 3.

¹²⁶ *Ibid.* 49.

¹²⁷ Zulfahmi Syamsuddin, Wan Hasmah Wan Mamat, "Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam Aspek Intelek," *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 1 issue 2., 118.

berdisiplin.¹²⁸ Hal ini juga adalah sejajar dengan pandangan Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid bahawa akhlak yang mulia merupakan tanda dan natijah iman yang sebenar. Sesungguhnya agama Islam telah meletakkan persoalan akhlak adalah inti pati segala ibadah. Perbincangan mengenai akhlak tidak dapat dipisahkan dalam memperkatakan sifat-sifat mahmudah (terpuji) dan juga sifat-sifat mazmumah (tercela). Imam al-Ghazali dalam kitab utamanya *Hidayatul Salikin* telah mengupas secara terperinci sifat-sifat ini.¹²⁹ Pembahagian tajuk utama dalam sukanan pelajaran Tamadun Islam adalah seperti dalam jadual 2.1 yang berikut:

Jadual 2.1: Sukatan Pelajaran Tamadun Islam 2003


BIL	TAJUK	STRATEGI / KAEADAH YANG DICADANGKAN
1	KONSEP ASAS TAMADUN ISLAM <ul style="list-style-type: none"> • Definisi tamadun • Prinsip tamadun Islam • Sumber-sumber tamadun Islam • Pembentukan tamadun Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan • Kajian kes mengenai isu-isu semasa • Bengkel • Sumbangsan dalam pembelajaran kolaboratif
2	PENCAPAIAN TAMADUN ISLAM <ul style="list-style-type: none"> • Intelektual • Sumbangan Intelektual Islam dalam bidang ilmu • Sains Sosial • Pengaruh tamadun Islam terhadap pertumbuhan sains moden di Eropah • Sumbangan tamadun Islam dalam bidang sosial • Sumbangan tamadun Islam dalam bidang ekonomi • Sumbangan tamadun Islam dalam bidang politik 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan kumpulan • Kaedah pembelajaran koperatif • Tayangan video (jejak rasul) • Kuliah • Perbincangan • Pembentangan • Kajian kes
3	TASAWWUR ISLAM <ul style="list-style-type: none"> • Aqidah • Syariah • Akhlak 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuliah/ soal jawab • Perbincangan bahan-bahan bacaan berkaitan • Pembentangan kumpulan • Menggunakan borang • Refleksi kendiri untuk akhlak

¹²⁸ Siti Salwa Md. Sawari dan Azlina Mustaffa, “Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku Adab Al Mualimun,” *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2., 1.

¹²⁹ Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid, *Indahnya Hidup Bersyariat*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009), 49.

2.3.4 Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG

Penyelidik akan membincangkan secara terperinci pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG dengan memberi penjelasan mengenai perancangan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG. Seterusnya penyelidik juga membincangkan kaedah yang disarankan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan beberapa kaedah lain yang sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG. Sukatan pelajaran Tamadun Islam adalah berdasarkan kepada Model Konseptual Pendidikan Guru yang dibina berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang menekankan kepentingan tiga aspek asas iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disepadukan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancang seperti rajah 2.1 di halaman berikut :



Rajah 2.1: Model Konseptual Pendidikan Guru

Model Konseptual Pendidikan Guru¹³⁰ mengutamakan akauntabiliti guru kepada tiga dimensi utama iaitu kendiri,kemasyarakatan dan ketuhanan.Ketiga-tiga dimensi ini dijelmakan dalam program yang dirancangkan seperti berikut:

- **Ketuhanan** : Menganjurkan peningkatan ilmu,penghayatan dan amalan individu sebagai insan yang percaya dan patuh kepada ajaran agama.
- **Kemasyarakatan** : Menekankan peranan guru sebagai pendidik,pemimpin dan sebagai agen perubahan.
- **Kendiri** : Menjurus kepada pembinaan daya ketahanan, patriotisme, pemupukan budaya ilmu, pembentukan sahsiah dan berpekerti mulia.

Selaras dengan FPK Dan FPG, model ini menggambarkan suatu usaha membina kekuatan dan ketahanan diri guru berasaskan kepatuhan kepada Tuhan dan kesejahteraan bermasyarakat. Hasrat ini dapat dicapai menerusi pelaksanaan kurikulum pendidikan guru yang menyepadukan aspek-aspek pengetahuan, kemahiran ikhtisas dan amalan nilai-nilai keguruan.

Kurikulum Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah digubal dengan mengambil kira usaha menterjemahkan ketiga-tiga aspek iaitu pengetahuan,kemahiran dan nilai secara bersepdu yang diperjelas seperti berikut:

- **Pengetahuan**: Merangkumi pengetahuan am dan pengetahuan dalam mata pelajaran KBSR dan KBSM serta pengetahuan ikhtisas keguruan.

¹³⁰ Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam”, i-ii.

- **Kemahiran:** Merangkumi kemahiran ikhtisas yang menjurus kepada kemahiran berkomunikasi,kemahiran belajar,kemahiran berfikir,literasi komputer dan pedagogi. Pembinaan dan pengukuhan aspek "*how to*" dengan memberi tumpuan kepada pengintegrasian teknologi maklumat dalam pelaksanaan kurikulum.
- **Nilai:** Merujuk kepada penerapan,penghayatan dan amalan nilai-nilai murni keguruan yang menampilkan sahsiah dan perlakuan sebagai guru yang penyayang, berkekerti mulia, berdaya tahan, patriotik, inovatif, kreatif, berketrampilan dan berwibawa serta patuh kepada profesi perguruan. Segala penjelasan mengenai Model Konseptual Pendidikan Guru diambil secara menyeluruh dari Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam (Pengajian Asas) bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah,yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Guru,Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkuat kuasa pada Januari 2003.

2.3.5 Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG

Perancangan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG adalah berdasarkan Sukatan Pelajaran Tamadun Islam. Masa yang diperuntukkan untuk kursus ini sebanyak lima belas jam bersamaan satu kredit dalam satu semester pengajian. Pensyarah yang mengajar kursus ini menyusun tajuk-tajuk yang terdapat dalam sukatan ini dalam tempoh lima belas minggu. Ini bererti setiap minggu selama satu jam untuk tajuk tertentu.¹³¹

Pemilihan kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam mengikut budi bicara seseorang pensyarah Tamadun Islam dan ianya tidak ditetapkan. Seseorang guru hendaklah berusaha mengaplikasikan pelbagai

¹³¹ Lampiran U. (Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Semester Tamadun Islam KPLI SR)

kaedah pengajaran ketika dalam melaksanakan pengajaran bagi memudahkan murid-murid menerima kefahaman di samping juga mereka sewajarnya memiliki pengetahuan yang luas dan mendalam untuk membantu murid dalam pembelajaran.¹³² Dalam melaksanakan pengajaran, terdapat dua belas kaedah pengajaran yang dicadangkan oleh Bahagian Pendidikan Guru untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam.

2.3.6 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG

Sistem pendidikan yang baik, ketokohan seseorang pensyarah serta kurikulum yang bersepadu tidak menjaminkan hasil yang sempurna jika kaedah penyampaian sesuatu ilmu tidak dititik beratkan. Penguasaan sesuatu ilmu lebih berkesan jika kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan bersesuaian dengan topik dan kecerdasan pelajar. Kaedah penyampaian ilmu merupakan alat penyambung atau penggerak dua hala iaitu dari pihak pengajar dan pelajar yang sifatnya saling berinteraksi.¹³³ Menurut al-Syaibani, kaedah yang baik dapat membantu pelajar memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran, mengubah sikap dan tingkah laku, menanam minat serta nilai-nilai yang diingini.¹³⁴

Menurut Sapon Ibrahim, kaedah bermaksud “cara atau peraturan membuat sesuatu”. Manakala kaedah mengajar pula didefinisikan “cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah-langkah penyampaian yang tersusun”. Menurut beliau lagi “kaedah mengajar boleh menjadi sebagai teknik mengajar apabila kaedah itu dilaksanakan dengan suatu teknik yang sesuai. Seterusnya teknik yang dipilih haruslah

¹³² Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh dan Ab. Halim Tamuri, “Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam,” *The Online Journal of Islamic Education* Jun 2014, vol. 1 issue 2., 11.

¹³³ Abdullah Ishak, *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam* (Petaling Jaya: al-Rahmaniah, 1989), 101.

¹³⁴ Al-Syaibani, Umar Muhammad, *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, (Tripoli: T.P., 1975), 557-580.

seajar dengan kaedah dan pendekatan yang digunakan”. Antara tujuan memilih kaedah pengajaran yang sesuai adalah untuk menarik minat pelajar, mengekalkan perhatian, membangkitkan rasa ingin tahu dan menyampaikan isi pelajaran dengan berkesan.¹³⁵

Begitu juga, strategi pengajaran dan pembelajaran merupakan alat penting dalam menyampaikan ilmu dan kemahiran untuk meningkatkan perkembangan kognitif, kemahiran psikomotor dan menghayati sesuatu aspek dalam bidang yang berkaitan. Pada tahap pelajar Kursus Perguruan Lepas Ijazah, pertimbangan berdasarkan kemahiran kajian masa depan amatlah diutamakan selaras dengan keperluan kurikulum sekolah masa kini. Mereka sewajarnya dilibatkan dengan aktiviti yang mengintegrasikan perolehan maklumat dengan kemahiran berfikir di samping menerapkan sikap penerokaan ilmu dan nilai murni. Oleh itu beberapa strategi telah dicadangkan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia kepada tenaga pengajar yang terlibat untuk diperaktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam. Secara umum, kaedah pengajaran yang disarankan dalam kurikulum Tamadun Islam ini adalah seperti berikut :

1. Diskusi panel berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber.
2. Kajian kes dari isu-isu yang berlaku dalam masyarakat masa kini.
3. Bengkel yang memberi fokus kepada tajuk-tajuk kecil.
4. Penyelesaian masalah yang sering wujud di kalangan pelajar.
5. Tayangan video yang berkaitan dengan tajuk.
6. Kajian masa depan yang dapat membuka dan menggerakkan minda pelajar.

¹³⁵ Sapon Ibrahim, “Kaedah Pengajaran”, dicapai 9 Oktober 2014, <https://www.scribd.com/doc/51310313/7-1-Kaedah-Pengajaran>.

7. Sumbang saran secara pembelajaran kolaboratif.
8. Perbincangan kumpulan menggunakan pembelajaran koperatif.
9. Pembentangan menggunakan “*power point*”.
10. Projek kumpulan menghasilkan buku skrap, folio dan sebagainya.
11. Seminar atau forum kecil yang melibatkan pensyarah atau pakar.
12. Syarahan atau kuliah.

2.3.6.1 Diskusi Panel

Maksud diskusi panel ialah merupakan forum pertukaran fikiran yang dilakukan oleh sekelompok orang di hadapan sekelompok hadirin mengenai suatu masalah tertentu yang telah dipersiapkannya. Ianya juga boleh diertikan sekelompok individu yang membahas topik tentang kelebihan pada masyarakat atau pendengar diskusi. Seseorang panel dalam penyampaiannya mungkin sangat formal dan tidak formal. Anggota panel kebiasaannya terdiri dari ahli dan orang awam yang berminat dengan tajuk yang dibincangkan. Kriteria yang paling penting dalam diskusi panel ialah wujudnya interaksi yang aktif dan menarik antara panel dan peserta diskusi.¹³⁶

Antara kekuatan kaedah ini ialah pendengar berkesempatan mendengar pelbagai pandangan sekaligus. Kekuatan seterusnya diskusi semakin menarik untuk diikuti. Ahli panel diskusi juga sentiasa berhati-hati memberi pendapat kerana panel lain boleh memberi bantahan secara langsung. Ini bermakna panel yang mempunyai pengetahuan

¹³⁶ ‘Nisaa Pb, “Pengertian Diskusi Panel”, dicapai 17 Julai 2014, <http://www.scribd.com/doc/60314114/Pengertian-Diskusi-Panel>.

yang mendalam tentang isu yang dibincangkan dapat memberi pandangan yang mantap.¹³⁷

Walau bagaimanapun, kaedah ini mempunyai kelemahan antaranya ialah diskusi panel menjadi tidak menarik apabila semua peserta was-was untuk menyampaikan pandangan secara terus terang. Kelemahan lain yang wujud ialah diskusi menjadi pincang dan tidak seimbang apabila terdapat peserta yang lebih petah mengeluarkan hujah dan pendapat berbanding panel. Oleh itu pemilihan moderator dalam diskusi perlu diberi perhatian agar beliau dapat menguasai suasana diskusi tidak pincang atau berat sebelah.¹³⁸ Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab seorang pensyarah memberi kepercayaan kepada pelajar merancang untuk mengadakan diskusi panel yang terdiri daripada pelajar sendiri agar mereka lebih yakin mengendalikan aktiviti dan persediaan untuk menjadi guru pada masa akan datang.

2.3.6.2 Kajian Kes

Pensyarah Tamadun Islam digalakkan untuk melatih pelajar melaksanakan kajian kes mengenai sesuatu isu yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini. Kebanyakan kajian yang dijalankan tidak melibatkan populasi tetapi hanya individu atau kumpulan yang telah dikenal pasti oleh penyelidik. Penyelidik dalam bidang pendidikan khususnya lebih banyak menumpukan perhatian mereka kepada pelajar, guru, pentadbir, kakitangan termasuklah kakitangan pusat sumber, pembantu makmal dan kakitangan sokongan di sesebuah sekolah. Justeru itu, kajian akan lebih tertumpu kepada individu atau kumpulan dalam sebuah sekolah, dua buah sekolah atau tiga buah sekolah dalam

¹³⁷ *Ibid.*

¹³⁸ *Ibid.*

sesuatu kawasan. Oleh yang demikian, kajian kes adalah reka bentuk kajian yang paling sesuai digunakan oleh penyelidik berkenaan.¹³⁹

Kajian kes merupakan “bahan pengajaran yang menggarapkan pengaplikasian teori atau konsep terhadap situasi sebenar yang berlaku”.¹⁴⁰ Muhamad Muda menjelaskan kajian kes ialah “satu deskripsi tentang sesuatu situasi, dan semestinya yang telah/sedang berlaku serta boleh menjadi pengajaran”¹⁴¹

Yin pula memberi cadangan kepada mahasiswa agar menekankan empat aspek utama apabila mengaplikasikan kaedah kajian kes. Empat aspek tersebut ialah membincangkan sinopsis kes dengan mengenal pasti objektif dan isu utama kajian, aspek kedua pula melakukan kajian lapangan, seterusnya aspek ketiga ialah penyelidik hendaklah mengenal pasti soalan-soalan yang spesifik dan aspek keempat pula ialah penyelidik hendaklah mengetahui cara menulis laporan akhir kajian kes.¹⁴²

Kelebihan pengajaran menggunakan kaedah kajian kes adalah dapat menjadikan suasana pengajaran lebih ceria kerana pelajar dapat memberi idea, berinteraksi, berdebat dan menyelesaikan masalah. Oleh itu seorang pensyarah hendaklah menghargai pendapat yang dikemukakan oleh pelajar kerana tujuan kajian kes bukan untuk mencari benar atau salah.¹⁴³

¹³⁹ “Fokus: Kajian Kes”, dicapai 17 Julai 2014, <http://researchipbmm2008.blogspot.com/2008/01/fokus-kajian-kes.html>.

¹⁴⁰ “Case Studies”, dicapai 10 Oktober 2014, <http://www.vanderbilt.edu/cft/resources/gleanings/casestudies/> Vanderbilt University.

¹⁴¹ Muhamad Muda. 2003. Apa Itu Kajian Kes? Kertas Kerja. Dibentangkan di Bengkel Penyelidikan dan Penulisan Kes Siri I. Universiti Sains Islam Malaysia. 5-6 Mac.,3

¹⁴² Yin, R., *Case Study Research: Design And Methods*, ed. ke-2 (Beverly Hills, CA: Sage Publishing, 1994), 75.

¹⁴³ Usulifaqih, “Apa Itu Kajian Kes (Case Study)?”, dicapai pada 10 Oktober 2014, <http://usulifaqih.blogspot.com/2011/06/apa-itu-kajian-kes-case-study.html>.

2.3.6.3 Bengkel

Pensyarah kursus Tamadun Islam disarankan mengadakan bengkel yang memberi fokus dan membincangkan tajuk-tajuk kecil yang terdapat dalam sukatan kursus ini. Tujuan bengkel dilaksanakan supaya pelajar dapat berbincang, mengeluarkan idea, berkongsi pengetahuan, dan pengalaman mengenai sesuatu tajuk yang dibincangkan. Cara ini dapat memantapkan lagi pengetahuan pelajar terhadap isi kandungan yang terdapat dalam kursus ini.

Menurut Michelle Blessing, bengkel bermaksud “*Educational workshops provide your school staff and students with the opportunity to expand their knowledge and learning experience. Workshops can take place in house during the day, be off campus or even encompass an entire weekend of education and experience. Talk to your staff and students about their interests or needs, and arrange for periodic workshops to fulfill those needs.*”

Penyataan di atas jelas menunjukkan bahawa bengkel dalam proses pengajaran menyediakan peluang kepada pensyarah dan pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman pembelajaran. Bengkel dilaksanakan bukan terhad dalam kelas sahaja tetapi boleh dilaksanakan di luar kampus dan hujung minggu. Sebelum memulakan bengkel, seorang guru hendaklah berbincang terlebih dahulu dengan staf dan pelajar kehendak mereka supaya melalui bengkel yang dilaksanakan dapat memenuhi kehendak mereka.¹⁴⁴

¹⁴⁴ Michelle Blessing, “Education Workshops For Schools”, laman sesawang Ehow.com, dicapai 9 Oktober 2014, http://www.ehow.com/info_7902962_education-workshops-schools.html.

2.3.6.4 Penyelesaian Masalah

Kaedah ini adalah memberi latihan dan sokongan semasa pelajar belajar menyelesaikan masalah. Kaedah ini boleh juga digunakan dalam kategori (mendengar-bertutur) dan (memerhati-membuat). Strategi penyelesaian masalah yang dipelajari oleh pelajar boleh digunakan dalam kehidupan seharian apabila mereka dewasa. Terdapat banyak kaedah penyelesaian masalah berasesuaian dengan banyaknya jenis dan ragam masalah yang perlu diselesaikan. Masalah-masalah dalam Tamadun Islam, matematik dan sebagainya adalah sangat berbeza. Para pelajar pula berbeza dari segi cara pembelajaran, pengalaman lepas dan kemampuan menyelesaikan masalah. Oleh itu, sesuatu kaedah penyelesaian masalah mungkin berguna kepada setengah pelajar dan tidak sesuai kepada pelajar lain.

Menurut Zaenal Abidin salah satu strategi pembelajaran yang digunakan di Perguruan Tinggi, Fakultas Agama Islam, Universitas Muhammadiyah Surakarta ialah penyelesaian masalah. Penyelesaian masalah yang dimaksudkan menurut dapatan kajian yang telah dilakukan ialah membuat diskusi untuk memecahkan permasalahan, membuat kesimpulan, melakukan refleksi dan memberi *feedback* terhadap masalah yang dibincangkan.¹⁴⁵

2.3.6.5 Tayangan Video

Video merupakan salah satu daripada media bergerak. Ia boleh menghasilkan imej yang realistik dan sangat bermanfaat dalam penyampaian sesuatu mesej kepada penonton. Video memainkan peranan yang penting dalam meransangkan pengajaran dan

¹⁴⁵ ‘Zaenal Abidin’, “Strategi Pembelajaran di Perguruan Tinggi (Optimalisasi Kinerja Dosen dalam Pembelajaran di Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah Surakarta”, dicapai 25 Julai 2014, <http://www.scribd.com/doc/46898454/7-ZAENAL-ABIDIN>.

pembelajaran. Media yang mempunyai elemen-elemen multimedia ini sudah pasti dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru sekiranya digunakan dengan baiknya.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, video mempunyai beberapa keistimewaan. Keupayaan menunjukkan imej yang bergerak seperti merakan seekor haiwan binatang sedang berlari. Media dapat mempercepatkan dan melambatkan pergerakan. Contoh pergerakan haiwan binatang yang terlalu laju boleh diperlahangkan dengan teknik gerak perlahan, malah pergerakan itu boleh dibekukan. Video berupaya membawa masuk peristiwa yang berlaku di luar bilik darjah atau peristiwa-peristiwa berbahaya seperti letupan gunung berapi ke dalam bilik darjah. Video berupaya merakam mesej dekat dan jauh. Ini bermakna video boleh memanipulasi ruang. Contohnya pergerakan sel-sel darah dalam tubuh badan boleh dilihat oleh penonton.¹⁴⁶

Video juga merupakan salah satu teknologi multimedia. Sejajar dengan itu, menurut Ahmad Fkrudin, Mohd Isa dan Wan Norina menegaskan penggunaan teknologi multimedia membolehkan ilmu pengetahuan dapat dipersembahkan dengan lebih menarik, meyakinkan serta berkesan.¹⁴⁷ Bagi Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah dan Surina Akmal Abd Sattai menjelaskan pendidikan melalui internet dengan menggunakan komputer juga sebahagian multimedia. Pendekatan pengajaran ini juga telah dibudayakan dan diterapkan di seluruh institusi pengajian bagi memenuhi keperluan terhadap pembelajaran hayat.¹⁴⁸

¹⁴⁶ ‘Amin’, ‘EDU 3105 Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (Penggunaan Video)’, dicapai 25 Julai 2014, <http://edu3105-amin.blogspot.com/2011/05/penggunaan-video.html>.

¹⁴⁷ Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Mohd Isa Hamzah, Wan Norina Wan Hamat, “Pembangunan Perisian Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia Interaktif Pengurusan Jenazah Politeknik Malaysia,” *The Online Journal of Islamic Education* July 2013, vol. 2 issue 2., 13.

¹⁴⁸ Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah, Surina Akmal Abd Sattai, “Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) dalam Bidang Pendidikan Islam,” *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2., 26.

2.3.6.6 Kajian Masa Depan

Kajian Masa Depan ialah suatu strategi pengajaran secara saintifik yang dibina untuk melatih murid memikirkan tentang masa depan secara berkaedah, bermakna dan bertanggungjawab. Dengan ini, menambahkan keupayaan murid dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup dan membuat keputusan. Terdapat empat prinsip atau rasional mengapa Kajian Masa Depan digunakan iaitu prinsip perubahan, prinsip pandangan jauh, prinsip perancangan strategik dan prinsip pengupayaan.

Prinsip perubahan ialah perubahan yang pesat dan mendadak dalam bidang teknologi, industri, ekonomi dan sebagainya, berdasarkan pengalaman dahulu tidak semestinya boleh dijadikan asas untuk membuat keputusan dan merancang. Manakala prinsip pandangan jauh pula bererti seseorang sentiasa mengambil langkah-langkah perlindungan atau pencegahan sebelum sesuatu perkara berlaku. Seterusnya prinsip perancangan strategik bermaksud rancangan pada masa kini dipengaruhi oleh andaian pada masa akan datang. Prinsip terakhir pula ialah prinsip pengupayaan iaitu remaja berupaya menghadapi perubahan yang berlaku tanpa dijangka. Ini adalah kerana mereka mempunyai kemahiran perancangan strategi dan mengetahui cara menyelesaikan masalah kendiri.¹⁴⁹

Terdapat lima objektif pengajaran berdasarkan kajian masa depan iaitu murid dapat berfikir secara kritis dan kreatif serta membuat keputusan tentang hal-hal masa depan, membuat kajian dan mengurus maklumat tentang hal-hal masa depan, berkomunikasi secara berkesan tentang hal-hal masa depan, membina sikap dan nilai tentang masa depan dan mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang kajian masa depan.

¹⁴⁹ ‘Ajak Lenga’, “Pengajaran Berasaskan Kajian Masa Depan”, dicapai 25 Julai 2014, <http://personajohor.blogspot.com/2009/10/pengajaran-berasaskan-kajian-masa-depan.html>.

Terdapat beberapa faedah pengajaran berdasarkan kajian masa depan di bilik darjah untuk murid dan guru. Antara faedah untuk murid ialah merangsang murid berfikir, menyemai semangat optimistik tentang masa depan, menggalakkan murid memahami kesepaduan antara pelbagai bidang ilmu, berupaya menangani dan menyelesaikan isu-isu kritikal, menyediakan murid meneroka alam pekerjaan masa depan, menyemai keyakinan diri untuk menghadapi cabaran masa depan, melatih menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dan murid berminat dan seronok kerana mereka boleh mengeluarkan idea dan pandangan tentang sesuatu tema.

Manakala faedah terhadap guru pula ialah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid, guru berperanan sebagai fasilitator kerana murid memainkan peranan sebagai peneroka yang aktif, pelbagai gaya pembelajaran seperti lisan, visual, audio, kinestetik dan komunikasi berpusatkan murid boleh digunakan, iklim dalam bilik darjah seronok, menarik dengan suasana kreatif serta persekitaran yang boleh merangsang murid untuk belajar.

Pengajaran berdasarkan kajian masa depan mengandungi dua komponen kemahiran iaitu kemahiran asas dan kemahiran khusus. Terdapat tiga kemahiran asas kajian masa depan iaitu membuat ramalan tentang trend dan perubahan yang akan berlaku berdasarkan pengetahuan dan maklumat yang sedia ada. Menjangka kesan atau akibat sesuatu fenomena, trend atau perubahan masa depan dan menggunakan sumber manusia dan sumber lain bagi mengawal, menangani serta mengendalikan perubahan supaya mendapat manfaat yang maksimum. Kemahiran khusus kajian masa depan ialah pemahaman konsep kajian masa depan, pengumpulan maklumat, ramalan dan analisis,

imaginasi dan kreativiti, strategi mengatasi cabaran, proses inovasi sosial, membina senario, penjelasan nilai dan masa depan dan dimensi kemampunan.¹⁵⁰

2.3.6.7 Sumbang Saran

Kaedah sumbang saran seringkali dikelirukan dengan kaedah perbincangan berikut keadaan pelaksanaan yang hampir sama. Apa yang membezakan kaedah sumbang saran dengan perbincangan adalah dari segi penilaian yang dilakukan terhadap setiap idea yang dikemukakan oleh ahli. Bagi kaedah perbincangan, setiap idea akan dinilai sebaik sahaja idea dikemukakan ahli tetapi bagi kaedah sumbang saran, penilaian idea akan dibuat setelah keseluruhan aktiviti dijalankan.

Tujuan perbincangan tertumpu mendapatkan idea yang terbaik mengenai sesuatu perkara manakala kaedah sumbang saran adalah untuk menjana idea sebanyak mungkin mengenai sesuatu perkara. Kaedah ini selalunya diguna dalam pengajaran penulisan karangan, dalam mata pelajaran bahasa. Selalunya kaedah sumbang saran digunakan bersama kaedah penyelesaian masalah, di mana pelajar diminta memberi idea bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang dikemukakan, sebelum mereka diminta menulis karangan mereka.¹⁵¹

2.3.6.8 Perbincangan Kumpulan / Soal Jawab / Dialog / Perdebatan

Noraini dan Shuki menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW menggunakan kaedah ini dalam menyampaikan imu pengetahuan, kefahaman dan pendidikan. Perbincangan antara baginda dengan para sahabat telah berlaku dalam tawanan perang Badar. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, tujuan kaedah ini adalah untuk menggalakkan pertukaran idea secara bebas antara beberapa orang pelajar mengenai sesuatu tajuk.

¹⁵⁰ ‘Ajak Lenga’, “Pengajaran Berasaskan Kajian Masa Depan”, dicapai 25 Julai 2014, <http://personajohor.blogspot.com/2009/10/pengajaran-berasaskan-kajian-masa-depan.html>.

¹⁵¹ Noraini dan Shuki, *Pengajaran dan Pembelajaran, Teori dan Praktis*, (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2009), 92.

Guru biasanya memulakan sesuatu perbincangan dengan mengemukakan tajuk perbincangan. Sebahagian besar daripada pelajar mengambil bahagian dalam perbincangan. Ia juga bertujuan menyelesaikan masalah yang mana para pelajar perlulah menyedari bahawa mereka sebenarnya bukan berada dalam satu sesi sumbang saran. Perbincangan memerlukan setiap pelajar memberi sumbangan, manakala pelajar-pelajar lain dalam kumpulannya bertindak balas terhadap idea yang dikemukakan. Ini bererti, sesuatu idea dinilai apabila dikemukakan dalam perbincangan.¹⁵²

Aktiviti bersoal jawab terdapat dalam kaedah perbincangan. Maka kaedah soal jawab juga merupakan sebahagian daripada setiap interaksi pengajaran dan pembelajaran antara guru dengan pelajar. Tujuan kaedah ini adalah untuk merangsang pemikiran pelajar. Namun strategi-strategi penyoalan masih kurang difahami oleh kebanyakan guru. Kaedah menyoal boleh juga digunakan dalam kaedah membaca dan menulis.

Menurut Ahmad Mohd Salleh yang memetik daripada Salihan Siais, kaedah menyoal dapat membangkitkan kecerdasan dan menggalakkan berfikir. Ini kerana ianya dapat menumpukan perhatian dan pemikiran terhadap apa yang sedang diingati. Ia juga dapat mengelakkan daripada memikirkan perkara lain yang tidak berkaitan. Kaedah soal jawab harus dilihat sebagai cara mengajar yang melibatkan kedua-dua pihak, guru dan pelajar, bertukar-tukar soalan dan jawapan, di mana guru menyoal pelajar untuk menilai tahap kefahaman pelajar. Selain itu juga untuk memerhatikan proses berfikir dan memberi jawapan, manakala pelajar pula menyoal guru untuk mendapatkan

¹⁵² *Ibid.*, 201.

penjelasan lanjut atau untuk mengetahui mengenai sesuatu maklumat berkaitan dengan isi pengajaran.¹⁵³

Kaedah perbincangan juga melibatkan dialog antara dua orang atau lebih. Oleh itu, kaedah dialog merupakan kaedah yang amat popular pada masa kini. Sebenarnya kaedah ini telah pun ditonjolkan oleh al-Quran dan menjadi tradisi pembelajaran Islam yang biasa diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW.¹⁵⁴ Kaedah ini adalah kaedah yang berdasarkan perbincangan melalui soal jawab untuk mendapatkan fakta yang tidak meragukan, dikritik dan dibantah lagi.

Rasullulah SAW banyak menggunakan kaedah dialog dengan sahabat-sahabat baginda dan dengan musuh-musuh Islam dalam kalangan golongan Musyrikin dan ahli kitab. Rasulullah SAW menggunakan kaedah ini dalam banyak perkara abstrak sehingga para sahabat tidak sanggup menjawabnya. Secara umumnya kaedah ini berpusatkan pelajar dan guru bertindak sebagai pengantara. Melalui kaedah ini, guru berupaya mengesan tahap kefahaman pelajar mengenai sesuatu perkara, fakta, prinsip dan generalisasi.

Guru juga dapat mengenal pasti kelemahan pelajar apabila gagal memberi jawapan yang tepat bagi soalan yang dikemukakan. Para guru digalakkan untuk mempraktikkan kaedah interaksi dua hala ini kerana membawa kesan positif dalam menjana kefahaman yang lebih jelas dalam diri pelajar, berbanding dengan kaedah satu hala seperti kuliah.¹⁵⁵

Kaedah perbincangan juga boleh dilakukan dalam bentuk perdebatan. Al-Qu'ran dengan jelas telah mengesahkan perdebatan antara Nabi Ibrahim dengan Raja

¹⁵³ Ahmad Mohd Salleh, *Pengajian Agama Islam & j-QAF, Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. 198.

¹⁵⁴ Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 70.

¹⁵⁵ Noraini Idris dan Shuki Osman, *Pengajaran dan Pembelajaran, Teori dan Praktis*. 90.

Namrud, mengenai kekuasaan mutlak pencipta alam. Kaedah ini secara positif dapat melatih seseorang dalam perdebatan kerana perdebatan yang sempurna amat bergantung pada kepetahan bercakap dan kecerdasan minda.Ia juga dapat mengeluarkan idea dan hujah yang konkrit dan lojik secara serta merta bagi mengalahkan lawan di samping membuktikan hakikat kebenaran. Kaedah ini sangat berkesan jika guru ingin penglibatan pelajar dengan isi pengajaran yang bersifat kompetitif dan melatih pelajar agar mencari sendiri maklumat yang diperlukan mengenai sesuatu bidang yang sedang dipelajari. Pelajar kemudian dibiarkan memberi hujah mereka sendiri mengenai perkara tersebut. Ketika itu, guru hanya bertindak sebagai pemudah cara. Kaedah ini berupaya menampilkkan pelajar yang berketerampilan, kreatif, berani mengemukakan idea dan inovatif. Selain berperanan aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar juga dapat menilai diri sendiri dan mengenali pendirian masing-masing.¹⁵⁶

2.3.6.9 Pembentangan

Menurut Shahabudeen Jalil, pembentangan menentukan siapa diri anda dan adakah mesej yang disampaikan boleh difahami oleh pendengar. Ianya juga menentukan kejayaan pembentang sama ada beliau berjaya atau tidak untuk mendapatkan kontrak, jualan, pinjaman, markah dan kelulusan yang diperlukan. Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam persediaan pembentangan. Perkara pertama pemilihan jenis huruf agar tulisan yang dipaparkan mudah dibaca oleh pendengar. Perkara kedua pula warna huruf dan latar belakang yang dipilih hendaklah warna yang tidak menyakitkan mata seperti huruf warna merah manakala latar belakang hitam. Contoh yang sesuai ialah huruf berwarna hitam manakala latar belakang berwarna putih. Perkara ketiga ialah *power point* yang dipaparkan hendaklah isi penting sahaja sama ada

¹⁵⁶ *Ibid.*, 199.

dalam bentuk tulisan atau diagram atau peta minda bukan seluruh perenggan kerana penerangan yang terperinci dilakukan oleh pembentang. Perkara keempat ialah pembentang memberi penerangan berdasarkan *power point* yang disediakan.

Langkah yang sepatutnya dilakukan oleh seseorang pembentang ialah membaca isi penting yang dicatatkan, memberi definisi terhadap isi penting tersebut, membuat huraian terhadap isi penting serta memberikan contoh ringkas terhadap isi penting tersebut. Perkara kelima pula pembentang hendaklah menggunakan kaedah bercerita agar pembentangan menarik minta para pendengar. Perkara keenam ialah pemilihan gambar, video dan diagram yang sesuai agar pembentangan mudah difahami dan menarik. Perkara ketujuh dalam pembentangan yang perlu diambil perhatian ialah pembentang hendaklah membuat persediaan awal sebelum pembentangan agar penyampaian menepati masa dan kesemua isi penting dapat disampaikan dalam masa yang ditetapkan. Perkara kelapan yang berkaitan dengan pembentang semasa melaksanakan pembentangan hendaklah berpakaian kemas dan sesuai, berdiri di sebelah kanan skrin, menggunakan penunjuk skrin untuk menunjuk isi penting yang terdapat pada skrin ketika memberi penerangan, bercakap dengan sistematik, memberi penerangan tanpa melihat skrin tetapi melihat pendengar dan akhiri pembentangan dengan memberi penerangan.¹⁵⁷

2.3.6.10 Projek Kumpulan

Kaedah ini kerap dipraktikkan oleh guru dewasa ini. Kaedah ini juga memberi kesan yang hampir sama dengan kaedah inkuiiri, cuma kaedah ini mempunyai fokus ke arah menghasilkan satu produk serta proses yang terlibat. Untuk melaksanakan kaedah ini, guru perlu mempunyai perancangan yang rapi. Guru perlu memberi penerangan yang

¹⁵⁷ ‘Shahabudeen Jalil’, ‘Pengertian Diskusi Panel’, dikemaskini 12 Januari 2012, dicapai 24 Julai 2014, <http://www.shahabudeenjalil.com/2012/01/tips-bagaimana-membuat-pembentangan-dan-presentation-yang-hebat-dan-berkesan/>.

jelas bagaimana sesuatu perkara dilaksanakan. Pelajar akan mendapat ilmu sesuatu perkara tersebut semasa mereka melaksanakan projek yang berkaitan. Kejayaan projek secara umumnya bergantung kepada ketelitian serta kemahiran pelajar dalam menyempurnakan tugas. Kesempurnaan tugas bergantung kepada ketelitian serta ketekunan pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Guru hanya bertindak sebagai pembimbing, di samping memastikan pelajar mempunyai akses kepada semua bahan yang diperlukan bagi menyempurnakan tugas tersebut.¹⁵⁸

Kaedah ini juga memberi kesan yang hampir sama dengan kaedah inkuiiri. Kaedah inkuiiri juga melibatkan pembelajaran pelajar melalui penemuan sendiri. Guru hanya menyediakan peralatan yang diperlukan dan pelajar dibenarkan menggunakan semua alat tersebut untuk mengetahui mengenai sesuatu perkara yang belum diketahui atau dipelajari. Ini bererti mereka memperolehi pengetahuan mengenai sesuatu setelah mengalami situasi sebenar. Dalam kaedah inkuiiri, guru tidak menyediakan nota dan tidak menyampaikan pengetahuan melalui kuliah, sebaliknya guru sebagai pembimbing sahaja. Beliau tidak terlibat secara langsung dalam proses mendapatkan maklumat, tetapi sentiasa memberi motivasi dan rangsangan kepada pelajar bagi meningkatkan sifat ingin tahu mereka. Perkara penting yang perlu disedari oleh guru ialah para pelajar memerlukan masa untuk memperolehi kemahiran-kemahiran proses inkuiiri. Secara keseluruhan, para pelajar sangat bergantung pada guru atau buku teks sebagai sumber pengetahuan.¹⁵⁹

Salah satu aktiviti yang boleh dilaksanakan dalam projek kumpulan adalah mengadakan lawatan. Lawatan juga merupakan kaedah pengajaran yang dilaksanakan dengan cara melakukan kunjungan atau lawatan sambil belajar di luar kelas. Melalui kaedah ini, guru secara langsung dapat memberi gambaran yang jelas

¹⁵⁸ Noraini dan Shuki, *Pengajaran dan Pembelajaran, Teori dan Praktis*, 98.

¹⁵⁹ Ahmad, *Pengajian Agama Islam & j-QAF, Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. 211.

mengenai apa yang dilihat dan dialami oleh pelajar pada waktu itu, di samping perkara yang dapat dilihat secara kebetulan dalam perjalanan ketika melakukan lawatan.¹⁶⁰

Kaedah lawatan ada dijelaskan oleh al-Qur'an dan diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW, dalam mendapatkan ilmu pengetahuan telah pun diteladani oleh pendidik-pendidik Islam kemudiannya. Mereka menganggap mempelajari ilmu melalui kaedah ini adalah sungguh berkesan, terutama pembelajaran ilmu hadis, sejarah dan kesusasteraan. Kaedah lawatan memberi peluang kepada pelajar untuk mendalami, menghayati atau merasai sesuatu perkara secara terus dalam konteks sebenar. Tahap pemahaman pelajar mengenai sesuatu perkara yang dipelajari melalui kaedah ini amatlah baik kerana mereka berhadapan dengan situasi yang sebenar. Dalam kaedah ini juga, pelajar dapat berinteraksi dan berpeluang memperolehi ilmu pengetahuan secara terus, terperinci dan mendatangkan kesan afektif kepada mereka. Secara tidak langsung kaedah ini dapat membantu mengukuhkan ingatan pelajar terhadap sesuatu yang dipelajari.¹⁶¹

2.3.6.11 Seminar / Forum Kecil

Menurut Dictionary.com, seminar didefinisikan sebagai sekumpulan pelajar di university yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan membuat kajian di bawah fakulti. Mereka juga selalu mengadakan mesyuarat untuk berbincang dan bertukar-tukar maklumat.¹⁶²

Seminar juga boleh didefinisikan sebagai perbincangan yang melibatkan penceramah dengan sekumpulan murid. Kertas kerja berdasarkan sesuatu topik

¹⁶⁰Ibid., 201.

¹⁶¹Noraini dan Shuki, *Pengajaran dan Pembelajaran, Teori dan Praktis*, 94.

¹⁶²'Dictionary.com', "Seminar", dicapai 14 Ogos 2014, <http://dictionary.reference.com/browse/seminar>.
"A small group of students, as in a university, engaged in advanced study and original research under a member of the faculty and meeting regularly to exchange information and hold discussions; the gathering place of such a group; a meeting of such a group; a course or subject of study for advanced graduate students; any meeting for exchanging information and holding discussions."

disediakan oleh penceramah dan dibentangkan kepada murid sebagai pendengar, mengambil nota dan membuat pertanyaan serta membuat soal jawab di akhir pembentangan kertas kerja. Guru pula sebagai pemerhati, penasihat dan memberi komen tentang pelaksanaan seminar tersebut.¹⁶³

Seterusnya forum pula bererti perbincangan melibatkan panel penceramah (pakar), seorang pengurus yang mengendalikan forum dan pendengar. Sekiranya kaedah ini digunakan, pelajar boleh dilatih sebagai ahli panel, pengurus forum dan pendengar. Seorang ahli panel hendaklah membuat persediaan terlebih dahulu dengan mencari jawapan terhadap soalan yang akan dikemukakan oleh pengurus forum. Kebiasaannya soalan diberi lebih awal kepada ahli panel agar jawapan yang diberi menepati kehendak soalan. Hal ini menjadikan aktiviti forum kecil di dalam kelas dapat melatih pelajar berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran bertutur dengan baik, menyampaikan idea yang bernalas jika sebagai panel dan berkeyakinan tinggi.¹⁶⁴

Manakala forum pula didefinisikan sebagai tujuan kaedah forum digunakan untuk memastikan pengajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai tahap kualiti yang telah ditetapkan dalam objektif kursus apabila pensyarah tidak dapat hadir kerana urusan rasmi atau lain-lain. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dilakukan di Politeknik Seberang Perai mendapati kaedah forum sangat sesuai, pelajar cenderung dan berminat dengan kaedah ini serta pencapaian pelajar ada peningkatan.¹⁶⁵

¹⁶³“Kaedah Dan Teknik Pengajaran-Pembelajaran”, dicapai 9 Oktober 2014, http://www.kheru2006.webs.com/pedagogi / kaedah _teknik.htm

¹⁶⁴ *Ibid.*

¹⁶⁵‘PSP’s Research Digest’, “Mengenal pasti keberkesanan kaedah pengajaran menggunakan sistem pengurusan kandungan / forum dalam modul kursus sistem elektronik semester 2 di kalangan pelajar Sijil elektrik dan elektronik semester 2 di Politeknik, Seberang Perai, Pulau Pinang”, dicapai 9 Oktober 2014, <http://politeknik.gov.my/webjpp2/penyelidikan/jurnal/abstrak/17SEGAR%20RAJA%20MANICKAM%20ET.%20AL.pdf>, 74 -79.

2.3.6.12 Syarahan / Kuliah

Kaedah syarahan merupakan kaedah penyampaian pengajaran yang umumnya digunakan di pusat pengajian tinggi. Pihak guru lebih banyak melibatkan diri dalam memberi hurai dan penjelasan. Pembelajaran menerusi kaedah ini menampakkan banyak pergantungan pelajar kepada guru bahkan boleh mencetuskan perasaan hormat dan sanjungan pelajar kepada guru.¹⁶⁶

Kaedah syarahan merupakan kaedah utama yang telah digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam dakwah baginda seperti menyampaikan khutbah Jumaat. Lazimnya teknik syarahan atau khutbah digunakan oleh baginda digabungkan dengan teknik dialog dan perbincangan dengan penerapan nilai baik kepada para sahabat.¹⁶⁷

Menurut Sharifah Nooraida menjelaskan terdapat pensyarah yang berpengalaman memulakan sesi pengajaran beliau dengan memberi kuliah tentang sesuatu tajuk dan meneruskan pengajaran berasaskan bahan bacaan sebagai sumber rujukan utama dalam kursus yang diajar.¹⁶⁸ Manakala bagi Ahmad Mohd Salleh menegaskan terdapat pelbagai cara untuk menjadikan kuliah lebih menarik dan berkesan. Antaranya ialah menggunakan pelbagai bentuk alat bantu mengajar, serta teknik-teknik bagi menunjukkan idea-idea penting yang terkandung dalam kuliah tersebut.¹⁶⁹ Kaedah ini sesuai untuk masa yang terhad. Namun demikian tidaklah bermaksud kaedah ini tidak dapat diaplikasikan terhadap para pelajar.¹⁷⁰

¹⁶⁶ Abdullah, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. 69.

¹⁶⁷ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran & Pembelajaran* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 49.

¹⁶⁸ Sharifah Nooraida Wan Hasan, Raihanah Abdullah “Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Muslim: Pengalaman Institut Pendidikan Guru di Sarawak,” *The Online Journal of Islamic Education* January 2014, vol. 2 issue 1., 65.

¹⁶⁹ Ahmad, *Pengajaran Agama Islam & j-QAF, Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. 196.

¹⁷⁰ Zakaria Ahmad (Pensyarah Kursus Tamadun Islam, IPG Kampus Pendidikan Teknik), dalam temubual dengan penulis, 18 Ogos 2009.

Semasa pensyarah menyampaikan syarahan atau kuliah, kaedah induktif dan deduktif juga boleh digunakan supaya pelajar dapat berfikir. Kaedah induktif bertujuan membimbing pelajar mengetahui fakta-fakta dan hukum-hukum umum melalui jalan pengambilan kumpulan induksi. Kaedah ini dimulai dengan bahasan dari bahagian-bahagian yang kecil untuk sampai kepada undang-undang umum. Guru yang menyampaikan kaedah ini memberi contoh-contoh dan butir-butir yang kecil, kemudian ia membanding dan menentukan sifat-sifat persamaan antaranya untuk mengambil kesimpulan dan membuat dasar umum yang berlaku kepada bahagian-bahagian dan contoh-contoh yang diberi dan belum diberi.

Ini kerana di dalamnya terdapat semua sifat persamaan yang membuat dasar umum itu. Para sahabat dan ulama silam telah menggunakan kaedah ini khasnya untuk pengajaran al-Qur'an. Kaedah ini boleh digunakan untuk mata pelajaran lain seperti bahasa, tata bahasa, fikah, matematik, kejuruteraan, kimia dan sebagainya yang bertujuan untuk mencapai satu undang-undang hukum atau pelbagai fakta hukum. Kaedah ini sangat berfaedah bagi pelajar untuk membiasakan mereka berfikir, membanding, menimbang antara bahagian dan mengambil kesimpulan dan prinsip-prinsip umum dari bahagian (juzuk) yang disampaikan itu.¹⁷¹

Kaedah deduktif pula berbeza dengan kaedah induktif. Kaedah ini bermaksud daripada umum kepada yang khusus, daripada keseluruhan kepada bahagian-bahagian kecil. Kaedah deduktif juga dapat digunakan pada pengajaran sains dan pelajaran yang mengandungi prinsip-prinsip, hukum-hukum dan fakta-fakta umum yang dibawahnya termasuk bahagian-bahagian dan masalah cabang.¹⁷²

¹⁷¹ Ahmad, *Pengajian Agama Islam & j-QAF, Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. 203.

¹⁷² *Ibid.*, 204.

Para pendidik telah banyak menggunakan kaedah ini dalam pengajaran, perbincangan dan dalam usaha membuktikan kebenaran fikiran dan kepercayaan mereka kepada karya-karyanya. Sering kali para pendidik menggabungkan kedua-dua kaedah berkaitan dalam pengajaran dan pembelajaran dan penyelidikan untuk memperolehi dua faedah secara serentak. Hal ini kerana dengan kaedah induktif, mereka sampai kepada prinsip umum yang diinginkan dan dengan perbandingan mereka membuktikan kebenaran kaedah tersebut.

2.4 Model Dan Teori Pengajaran Pelaksanaan Pengajaran Tamadun Islam di IPG

Dalam kajian ini penyelidik mengemukakan teori pembelajaran dan model pengajaran yang menjadi dasar kajian berkaitan pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di IPG. Oleh itu, penyelidik memilih Teori al-Ghazali (t.t.) dan Model Pengajaran Dunkin & Biddle (1974) sebagai dasar kajian ini.

2.4.1 Teori al-Ghazali (t.t)

Teori al-Ghazali tentang pendidikan ialah satu proses untuk mendapatkan ilmu lebih terarah kepada perkembangan pembawaan dan personaliti murid. Matlamat pendidikan yang unggul ialah mengaitkan kejadian manusia dan makhluk lain dengan kekuasaan Allah S.W.T. dan dapat memupuk perangai yang baik serta menilai antara perkara yang baik dan buruk.¹⁷³ Menurut al-Ghazali (t.t.), guru ialah seseorang yang menyampaikan ilmu manakala pelajar ialah seseorang yang menyertai sesuatu institusi untuk belajar sebarang ilmu. Pendekatan amalan pengajaran menurut al-Ghazali (t.t.) adalah berdasarkan tiga asas utama yang perlu ada pada seorang guru iaitu memiliki ilmu fardu Ain dan fardu Kifayah serta isi kandungan pelajaran yang hendak diajar.

¹⁷³ Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, Jilid III (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.), 353.

Manakala kaedah pula, seorang guru hendaklah melaksanakan lima langkah pengajaran yang asas iaitu diam, mendengar, mengulangi, melakukan (aplikasi) dan memberitahu. Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran ini mencapai objektif yang ditetapkan, guru juga sepatutnya mempunyai sifat dan keperibadian yang baik iaitu simpati, bertanggungjawab, memberi tunjuk ajar dan mengetahui tahap ilmu dan kemampuan pelajar.

Hasil pembelajaran yang diperolehi melalui proses pengajaran dan pembelajaran pula diharapkan dapat melahirkan pelajar yang berilmu dan berperibadi mulia iaitu boleh menjadi contoh teladan (*uswah hasanah*), jujur, adil, bersaudara, semangat perwira dan berperasaan persamaan.¹⁷⁴ Oleh yang demikian, teori ini jelas menunjukkan bahawa pengajaran seseorang guru amat berkait rapat dengan peribadi guru, kaedah pengajaran yang digunakan semasa proses pengajaran dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, hasil pencapaian pelajar dapat dicapai dengan jayanya sebagaimana hasil pembelajaran sesebuah kursus ditetapkan.

Maka teori al-Ghazali ini amat bertepatan dengan kajian ini yang bertujuan untuk menyelidik tentang sukanan pelajaran Tamadun Islam, kaedah pengajaran yang dipilih dalam proses pengajaran dan sejauh mana hasil pencapaian pelajar dapat dicapai serta mengenal pasti masalah yang menjadi kekangan kepada pencapaian hasil pembelajaran kursus ini. Kerangka teori al-Ghazali yang telah dibincangkan adalah seperti yang terdapat dalam rajah 2.2.

¹⁷⁴ Ibrashi al-Muhammad Athiya, *Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Falasifatuha* (t.p., t.t.), 259.

<i>GURU</i>	<i>PROSES PENGAJARAN</i>	<i>HASIL</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai ilmu <ul style="list-style-type: none"> ▪ Fardu Ain ▪ Fardu Kifayah ▪ Isi Kandungan Pelajaran • Sifat / Keperibadian <ul style="list-style-type: none"> ▪ Simpati ▪ Bertanggungjawab ▪ Tunjuk ajar ▪ Tahu tahap ilmu dan kemampuan pelajar 	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah (5 langkah pengajaran asas) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Diam ▪ Dengar ▪ Ulang ▪ Aplikasi ▪ Beritahu 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar <ul style="list-style-type: none"> ▪ Berilmu ▪ Peribadi mulia ▪ Usrah Hasanah ▪ Jujur ▪ Adil ▪ Bersaudara ▪ Semangat Perwira ▪ Berperasaan persamaan

Rajah 2.2: Teori al-Ghazali, (t.t.)

2.4.2 Model Pengajaran Dunkin & Biddle (1974)

Teori kajian kedua yang menjadi panduan kajian ini ialah Model Pengajaran Dunkin dan Biddle (1974). Model ini terdiri daripada 4 pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah penting (*presage*), pemboleh ubah konteks (*context*), pemboleh ubah proses (*process*) dan pemboleh ubah hasil (*product*). Pemboleh ubah utama dalam model ini ialah pemboleh ubah penting yang menekankan tingkah laku guru. Hal ini adalah kerana guru memberi kesan kepada proses pengajaran. Tiga elemen utama dalam pemboleh ubah penting (*presage*) ialah iaitu pengalaman guru, pengalaman latihan guru dan ciri-ciri keperibadian guru. Dalam pengalaman guru pula terdapat tiga perkara utama yang menjadi asas iaitu latar belakang sosial, umur dan jantina. Seterusnya elemen kedua pula ialah pengalaman latihan guru berkaitan dengan tempat guru memperoleh latihan dan latihan yang pernah mereka ikuti sepanjang perkhidmatan. Mana kala elemen ketiga pula ialah ciri-ciri keperibadian guru yang mengambil kira bakat mengajar, kebijaksanaan, motivasi dan tingkah laku guru.

Seterusnya pemboleh ubah kedua pula ialah pemboleh ubah konteks (*context*) yang memberi fokus kepada empat elemen iaitu pengalaman pelajar, ciri-ciri keperibadian pelajar, sekolah & komuniti dan bilik darjah. Dalam elemen pengalaman pelajar terdapat tiga perkara utama yang memberi kesan iaitu latar belakang sosial, umur dan jantina. Elemen kedua pula ialah ciri-ciri keperibadian pelajar yang berkaitan dengan empat perkara iaitu kemampuan, pengetahuan, perangai dan tingkahlaku. Beralih pula kepada elemen ketiga iaitu sekolah dan komuniti. Elemen ini melibatkan iklim, komposisi etnik masyarakat dan saiz sekolah. Seterusnya elemen terakhir dalam pemboleh ubah ini adalah bilik darjah yang mengambil kira tiga perkara utama iaitu saiz kelas, buku teks dan televisyen pendidikan.


Pemboleh ubah ketiga dalam model ini ialah pemboleh ubah proses (*process*). Terdapat tiga elemen dalam pemboleh ubah ini iaitu kelakuan guru di bilik darjah, kelakuan pelajar di bilik darjah dan perubahan kelakuan pelajar.

Pemboleh ubah terakhir pula ialah pemboleh ubah hasil (*product*). Pemboleh ubah ini memberi penekanan kepada perubahan pelajar dalam jangka masa pendek dan perubahan pelajar dalam jangka masa panjang. Antara perkara yang memberi impak kepada perubahan pelajar dalam jangka masa pendek ialah pelajaran, perangai dan pertumbuhan bakat. Mana kala perubahan pelajar dalam jangka masa panjang ialah personaliti, profesional dan bakat dalam pekerjaan.¹⁷⁵

Secara keseluruhannya, model ini amat sesuai dengan kajian ini kerana empat pemboleh ubahnya amat selari dengan empat objektif kajian ini yang bertujuan untuk menyelidik tentang sukanan pelajaran, kaedah pengajaran, hasil pencapaian dan masalah

¹⁷⁵ Dunkin,M.J. & Biddle B.J., *The Study of Teaching*. (New York: Holt, Renhart and Winston, 1974), 36-48.

dalam pelaksanaan pengajaran kursus Tamadun Islam. Oleh itu, penyelidik menjadikan model ini sebagai asas kepada kajian ini. Kerangka Model Pengajaran Dunkin dan Biddle (1974) seperti yang terdapat dalam rajah 2.3.



Rajah 2.3: Model Pengajaran Dunkin dan Biddle (1974)

2.5 Kajian Berkaitan

2.5.1 Kajian Tamadun Islam di Malaysia

Siti Hajar dan Ratna Roshida telah melaksanakan kajian yang berkaitan dengan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Tujuan kajian mereka dilaksanakan adalah untuk melihat sejauhmanakah pengisian, pengaruh, dan kerelevanan tamadun Cina dalam genre sastera dapat dimanfaatkan dalam usaha menjana pembinaan tamadun Malaysia. Hasil kajian mereka mendapati pengetahuan tamadun Cina yang diajar dapat memberi kefahaman kepada pelajar tentang budaya hidup masyarakat Cina, sumbangsan dalam bidang kesenian, sains dan teknologi.¹⁷⁶

Menurut Abdul Rahman Mohd Amin, terdapat tiga faktor yang mempengaruhi sikap guru-guru pelatih terhadap kursus Tamadun Islam. Tiga faktor yang mempengaruhi sikap guru-guru pelatih terhadap kursus Tamadun Islam ialah faktor kesesuaian sukanan kursus Tamadun Islam, faktor kaedah penyampaian kursus dan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti yang bercorak Islam di maktab perguruan. Hasil kajian ini mendapati majoriti guru-guru pelatih mempunyai sikap yang positif terhadap kursus Tamadun Islam sama ada dari segi pandangan mahu pun perasaan mereka. Namun demikian terdapat perbezaan yang ketara di antara sikap guru-guru pelatih Islam dengan bukan Islam terhadap kursus Tamadun Islam. Manakala sikap di antara guru-guru pelatih lelaki dengan perempuan terhadap kursus Tamadun Islam tiada perbezaan yang jelas. Faktor kesesuaian sukanan pelajaran kursus Tamadun Islam mempunyai pertalian yang signifikan dengan sikap positif guru-guru pelatih terhadap

¹⁷⁶ Siti Hajar Che Man dan Ratna Roshida Abd Razak, “Penawaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Platform Utama ke Arah Memperkenalkan Tamadun Cina,” *Jurnal Sosiohumanika* 5, no. 1 (2012), 49-64, dicapai 6 April 2013, http://www.sosiohumanika-jpsk.com/sh_files/File/04.hajar.ratna.usm.

kursus tersebut. Begitu juga didapati kaedah penyampaian dalam pengajaran juga mempunyai pertalian yang tinggi dengan sikap guru-guru pelatih terhadap kursus Tamadun Islam. Sikap positif guru-guru pelatih terhadap kursus Tamadun Islam juga dihubungkan dengan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti yang bercorak Islam. ¹⁷⁷

Seterusnya kajian yang telah dikaji oleh Khairul Ziad mendapati kursus ini memberi kesan yang positif kepada para pelajar yang mana lebih 80 peratus daripada pelajar Islam dan bukan Islam yang mengikuti kursus ini berpendapat kursus yang diajar telah memberi kesan positif dalam mengeratkan hubungan kaum, gambaran yang baik tentang agama Islam, seterusnya menjadikan masyarakat berbilang kaum dapat hidup dan tinggal dalam suasana yang harmoni. ¹⁷⁸

Kajian yang selanjutnya telah dilaksanakan oleh Aleas Md Isa untuk mengenal pasti sikap guru-guru pelatih bukan Islam terhadap kursus Tamadun Islam di maktab perguruan. Setelah meneliti kajian ini, kekuatan kajian ini mendapati guru pelatih bukan Islam berminat untuk mengikuti kursus Tamadun Islam walaupun mereka bukan beragama Islam. Penyelidik telah membuktikan bahawa sikap tidak minat guru pelatih bukan Islam terhadap kursus ini adalah disebabkan oleh faktor yang munasabah seperti kaedah pengajaran yang tidak dipelbagaikan oleh para pensyarah, sukatan kursus dan terdapat fakta-fakta yang sukar difahami oleh mereka. Hasil dapatan ini adalah berdasarkan daripada instrumen soal selidik yang telah dijawab oleh guru pelatih dari empat buah maktab perguruan di Sarawak. ¹⁷⁹

¹⁷⁷ Abdul Rahman Mohd. Amin, “Sikap Guru Pelatih Maktab Perguruan terhadap Kursus Tamadun Islam” (tesis sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya,1991), iii-iv.

¹⁷⁸ Khairul Ziad Zahari, “Keberkesanan Pengajaran Tamadun Islam di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Suatu Kajian Khusus di Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor” (tesis sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, University Malaya, 2004), iii.

¹⁷⁹ Aleas Md Isa, “Kajian tentang Sikap Guru-Guru Pelatih Bukan Islam terhadap Kursus Tamadun Islam. Kajian Di Empat Maktab Perguruan Di Sarawak”(kertas projek, Fakulti Pendidikan UKM, 1999), 43.

Zulkifli bin Mohamad Noh pula mengkaji perbezaan pandangan para pelajar terhadap kursus TITAS. Kajian ini dijalankan untuk meninjau sambutan dan sikap para pelajar terhadap kursus tersebut. Hasil kajian mendapat pelajar berpandangan bahawa sukanan TITAS tidak banyak membantu kefahaman mereka terhadap Islam. Kedua pula pelajar berpandangan kemahiran pensyarah dalam aspek metodologi pengajaran dan pembelajaran adalah pada tahap sederhana. Inilah antara faktor yang menyebabkan minat dan kecenderungan pelajar terhadap kursus ini menurun dan pada tahap sederhana. Kesimpulannya, kajian ini dapat membantu mengenal pasti masalah dan cara mengatasinya agar tujuan dan matlamat kursus tercapai sepenuhnya. Pelajar dan pensyarah, bahkan semua pihak haruslah sentiasa bersedia untuk berubah dengan budaya baru.¹⁸⁰

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Faridah Che Husain dan Fakhruladabi Abdul Kadir tentang kursus TITAS, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan kursus ini mempunyai keunikan tersendiri berdasarkan isi kandungan kursus yang istimewa dan diwajibkan kepada semua pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tanpa mengira bidang pengajian mereka. Pembentukan hati budi yang diterap secara tidak langsung dalam pengajian kursus TITAS mampu mendidik akhlak dan moral para pelajar. Pemantapan hati budi yang sempurna dapat melahirkan pelajar yang mampu mencetuskan kesejahteraan insan dalam sesbuah masyarakat serta menjadi agen kelangsungan perkembangan sesbuah tamadun. Justeru, kajian ini akan memfokuskan sorotan literatur yang merangkumi konsep hati budi, akhlak dan moral, faktor-faktor

¹⁸⁰ Zulkifli bin Mohamad Noh, “Pandangan Para Pelajar terhadap Kursus Tamadun Silam dan Asia (TITAS) di IPTA: Suatu Kajian Kes di Universiti Utara Malaysia” (tesis sarjana Usuluddin, Jabatan sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002), iv.

pembentukan hati budi pelajar, dan sumbangan kursus TITAS terhadap pembentukan hati budi pelajar.¹⁸¹

Menurut Ali Mohammad, kedatangan Islam telah membawa perubahan menyeluruh kepada sistem kehidupan masyarakat Alam Melayu seperti akidah atau agama, sosial, politik, pemikiran, perundangan, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Namun, masih terdapat sebahagian bentuk budaya atau adat dari pengaruh Hindu sebelumnya diamalkan seperti adat bersanding dalam majlis perkahwinan dan lain-lain.¹⁸²

Secara ringkasnya, hasil kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik di atas, mendapati pelajar Islam dan bukan Islam berminat untuk mempelajari Tamadun Islam kerana dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun, minat sebahagian mereka menurun apabila terdapat pensyarah yang kurang mahir dalam metodologi pengajaran.

2.5.2 Kajian Amalan Pengajaran Tamadun Islam

Kajian berkaitan dengan amalan pengajaran Tamadun Islam yang telah dilakukan oleh Mohamad Azhari Abu Bakar, Siti Norazilah Mohd Said, Surena Sabil, Nor Hasniah Ibrahim, Aina Razlin Mohammad Roose, Edris Aden, Ida Juliana Hutasuhut & Zulmahari Marawi yang bertujuan untuk mengutarakan cadangan penambahaikan kursus yang sedia ada contohnya dialog antara agama oleh wakil-wakil agama dan

¹⁸¹ Faridah Che Husain dan Fakhruladabi Abdul Kadir, “Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia,” *Jurnal Al-Tamaddun* 7, no.1(2012),15-35, dicapai 14 Oktober 2014, http://ejournal.um.edu.my/public/issue-view.php?id=361&journal_id=67.

¹⁸² Ali Mohammad, “Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu hingga Abad Ke-17M,” *Jurnal Al-Tamaddun* 3, no.1(2008), 68-84, dicapai 14 Oktober 2014, http://ejournal.um.edu.my/public/issue-view.php?id=300&journal_id=67.

pembentangan isu ketamadunan dalam kolokium oleh para pelajar bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran TITAS.¹⁸³

Kajian seterusnya yang telah dijalankan Ahmad Nasir berkaitan dengan penggunaan bahan bantu mengajar, hasil kajian mendapati 89 peratus responden yang menyatakan amat setuju dan setuju penggunaan alat bantu mengajar dapat memudahkan pelajar memahami pengajaran para pensyarah. Bagi meningkatkan kualiti pengajaran Tamadun Islam, kerjasama dan persefahaman yang lebih rapat terjalin antara Pusat Pendidikan Islam UiTM Shah Alam dengan fakulti-fakulti lain, mengubah persepsi dan sikap pelajar tentang masa depan TITAS serta mampu melahirkan graduan yang berkualiti sebagai bangsa Malaysia dan bersedia untuk menghadapi era globalisasi.¹⁸⁴

Kajian lain yang dijalankan oleh Zarina Muhammad mendapati penerimaan pelajar adalah positif dan di tahap yang tinggi terhadap pembelajaran berpusatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia. Oleh yang demikian, pelaksanaan kursus ini di Universiti Putra Malaysia menjadi berkesan.¹⁸⁵

¹⁸³ Mohamad Azhari Abu Bakar, Siti Norazilah Mohd Said, Surena Sabil, Nor Hasniah Ibrahim, Aina Razlin Mohammad Roose, Edris Aden, Ida Juliana Hutasuhut & Zulmahari Marawi, “Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar” (Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration, Kuala Lumpur, 19-21 Jun 2012), 13-24, dicapai 14 Oktober 2014, <http://ir.unimas.my/3379/1/Pemantapan%20Pengajaran%20dan%20Pembelajaran%20Kursus%20Tamadun%20Islam%20dan%20Tamadun%20Asia%20%28TITAS%29%20%20Kajian%20Tinjauan%20Persepsi%20Pelajar.pdf>.

¹⁸⁴ Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff, “Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia: Suatu Kajian terhadap Sikap Pelajar Bumiputera Non Muslim di Universiti Teknologi Mara Shah Alam” (tesis sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, University Malaya, 2003), iv.

¹⁸⁵ Zarina Muhammad, “Pelaksanaan kaedah student-centered learning (SCL) dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia,” MALIM: *Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara* 8, (2007), 141, dicapai 12 Oktober 2014, <http://www.ukm.my/jmalim/images>.

2.6 Penutup

Penyelidik telah membincangkan secara mendalam mengenai Tamadun Islam iaitu konsep tamadun dari perspektif Islam, sifat Tamadun Islam, sumber Tamadun Islam, prinsip Tamadun Islam, kurikulum Tamadun Islam di IPG, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam, dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan Tamadun Islam.

Secara keseluruhannya, kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik sebelum ini lebih menumpukan kepada sikap dan juga berkaitan bahan bantu mengajar dan kaedah pengajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Hal ini selaras dan boleh dijadikan asas dan panduan untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang. Sehubungan dengan itu, penyelidik bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian berkaitan pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang agar hasil pembelajaran yang ditetapkan akan dapat dicapai.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab tiga ini akan membincangkan beberapa sub topik iaitu reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, peserta kajian, lokasi kajian, kaedah penganalisisan data, proses penganalisisan data, kesahan dan kebolehpercayaan, kajian rintis dan etika kajian. Penjelasan semua sub topik tersebut bertujuan memastikan kajian ini mengikut metodologi yang betul dan dapat menghasilkan dapatan kajian yang tepat.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif bertujuan untuk membuat penelitian terhadap pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di IPG Lembah Klang. Kriteria utama pemilihan pendekatan kualitatif adalah berdasarkan kepada beberapa pendapat sarjana dalam bidang kaedah penyelidikan. Menurut Sabitha Marican¹⁸⁶ penyelidikan kualitatif sebagai:

“Satu proses atau bagaimana sesuatu perkara itu berlaku dalam satu-satu suasana (setting) yang hendak dikaji dan ianya memberi fokus pada proses dan hasil. Penyelidikan kualitatif ini digunakan untuk mengkaji suasana atau proses yang sukar diukur dengan nombor, seperti imej diri dan tingkah laku. Ia penting kerana dapat meninjau sesuatu fenomena, membangunkan kefahaman dan membentuk satu teori serta dapat membantu menjelaskan interaksi yang merangkumi pelbagai dimensi yang kompleks. Penyelidik juga berada dekat dan mesra dengan data yang diperolehi serta dapat mengkaji fenomena tersebut dengan mendalam.”

¹⁸⁶ Sabitha Marican, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, ed. ke-2 (Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd., 2009), 11-12.

Seterusnya Chua Yan Piaw¹⁸⁷ pula menyatakan bahawa tidak semua kajian boleh dijelaskan dengan data numerika. Beliau menambah lagi dengan pernyataan iaitu “Banyak unsur seperti emosi, motivasi dan empati yang berkaitan dengan semula jadi individu atau kumpulan tertentu adalah lebih sesuai diselidik melalui kajian kualitatif, kerana unsur-unsur ini tidak dapat diuraikan berdasarkan angka-angka dalam data kuantitatif sahaja.”

Penyelidikan kualitatif menurut Marohaini Yusoff ialah “kerja yang melibatkan nilai dalam segala aspek aktiviti tersebut.”¹⁸⁸

Menurut Flick terdapat 11 elemen dalam kajian kualitatif iaitu menentukan bidang kajian, persoalan kajian, menentukan peranan, isu etika, pengumpulan data, analisis data, meninggalkan bidang, menulis laporan, kaitan dengan bidang, informasi setempat, pengumpulan data di luar bidang, dan sampel.¹⁸⁹

Secara ringkasnya, penyelidikan kualitatif merupakan penyelidikan yang boleh menyelami fenomena kajian lebih mendalam dengan memastikan proses mendapatkan data kajian secara beretika. Justeru penyelidik menggunakan penyelidikan kualitatif untuk mendapatkan data lebih terperinci, tepat dan benar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG dengan membuat temu bual secara langsung dalam proses ini iaitu pelajar KPLI SR dan pensyarah Tamadun Islam.

¹⁸⁷ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Buku 1* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006), 9.

¹⁸⁸ Norani Mohd. Salleh, “Etika dan Penyelidikan Kualitatif,” dalam *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, ed. Marohaini Yusoff (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 3.

¹⁸⁹ Flick, U., *An Introduction to Qualitative Research*, ed. ke-4 (London: Sage, 2009), 133.

3.2.1 Kajian Kualitatif

Menurut Fraenkel dan Wallen, kajian kualitatif adalah kajian yang mengkaji kualiti sesuatu hubungan, aktiviti, situasi, dan barang.¹⁹⁰ Terdapat lima ciri kajian kualitatif menurut Bogdan dan Biklen iaitu data yang diperolehi merupakan sumber langsung dan penyelidik merupakan instrumen utama kajian, data kualitaif dalam bentuk perkataan dan gambar, penyelidik kajian kualitatif lebih memberi penekanan kepada proses berbanding hasil, penyelidik kualitatif menganalisis data secara induktif, dan penyelidik kualitatif lebih memberi penekanan bagaimana sesuatu perkara itu berlaku secara mendalam.¹⁹¹

Manakala menurut Sharan B. Merriam pula, terdapat empat ciri utama kajian kualitatif iaitu memberi fokus kepada proses, kefahaman dan maksud, penyelidik adalah instrumen utama dalam pengumpulan data dan analisis, proses berbentuk induktif, dan produknya adalah deskriptif.¹⁹² Tujuan keseluruhan kajian kualitatif ialah mencapai kefahaman bagaimana manusia menaakul kehidupan mereka, menggambarkan proses sesuatu peristiwa dan pengalaman mereka.¹⁹³ Maksud penyelidik sebagai instrumen utama ialah kemampuan penyelidik memberi tindakan yang segera dan menerima data yang diperolehi dan menganalisis data tersebut.¹⁹⁴ Seterusnya ciri ketiga kajian kualitatif ialah prosesnya berbentuk induktif yang bererti penyelidik mengumpul data untuk membina konsep, hipotesis dan teori.¹⁹⁵ Ciri terakhir kajian kualitatif ini ialah produk (hasil kajian) yang deskriptif. Ianya

¹⁹⁰ Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E., *How to Design and Evaluate Research in Education* (Singapura: Mc Graw Hill, 2010), 422.

¹⁹¹ *Ibid.*, 422-423.

¹⁹² Sharan B. Merriam, *Qualitative Research A Quide to Design and Implementation* (San Francisco: Jossey-Bass, 2009), 14.

¹⁹³ *Ibid.*

¹⁹⁴ *Ibid.*, 15.

¹⁹⁵ *Ibid.*

bermaksud penyelidik dapat menyampaikan data yang diperolehi dari pelbagai sumber seperti dokumen, nota lapangan, temu bual, rakaman video dan alat komunikasi.¹⁹⁶

Seterusnya menurut Djam'an dan Aan tentang kajian kualitatif ialah penelitian yang menekankan pada kualiti atau hal terpenting dari sifat suatu barang atau jasa. Kajian kualitatif juga dapat memberikan sumbangannya terhadap teori, praktis, kebijakan, masalah-masalah sosial dan tindakan.¹⁹⁷

Secara keseluruhan, dapatlah difahami bahawa kajian kualitatif memberi penekanan kepada pelbagai sumber data tentang sesuatu isu yang dikaji agar hasil kajian dapat memberi sumbangan kepada pelbagai pihak berkenaan.

3.2.2 Kajian Kes

Kajian kes merupakan strategi reka bentuk kajian yang paling berkesan untuk mengkaji persepsi dan kesediaan guru berkaitan amalan pengajaran disebabkan memiliki ciri-ciri kesahan yang tinggi untuk memahami hubungan di antara guru, murid, ibu bapa dan pentadbiran sekolah. Hal ini bertepatan dengan pendapat Creswell yang menyatakan bahawa penggunaan perkataan “*how*” iaitu ‘bagaimana’ merupakan kata kerja yang terbuka untuk menjelaskan sesuatu isu yang dikaji.¹⁹⁸

Kajian kes ialah sejenis kajian untuk mengkaji dan menjelaskan satu kelompok yang kecil secara mendalam. Ia melibatkan pengumpulan maklumat yang

¹⁹⁶ *Ibid.*, 16.

¹⁹⁷ Djam'an Satori & Aan Komariah, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, ed. ke-2 (Bandung: Alfabeta, 2010), 22.

¹⁹⁸ Creswell, J., W., *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, ed. ke-3 (California: Sage, Publications, Inc., 2009), 132.

ekstensif untuk memahamkan sesuatu entiti yang dikaji. Maklumat yang dikumpulkan mungkin mengenai seseorang individu, organisasi, situasi. Contohnya kajian kes klinikal ataupun sekumpulan manusia yang mempunyai ciri-ciri yang sama ataupun mengenai sesuatu situasi di mana tingkah laku yang tidak dijangka atau tidak jelas dijadikan sebagai fokus kajian.¹⁹⁹

Menurut Yin, kajian kes merupakan kajian empirikal yang mengkaji fenomena kontemporari secara mendalam dalam konteks yang sebenar. Ia juga merangkumi beberapa variabel yang penting, memerlukan sumber yang pelbagai sebagai bukti dan data tersebut akan ditriangulasi untuk mendapat kesahan dan kebolehpercayaan. Kajian kes juga bertujuan memahami hal-hal yang sebenar, realiti-realiti sosial dan persepsi guru yang wujud, tanpa diganggu oleh pengukuran formal atau soalan-soalan yang ditentukan terlebih awal.²⁰⁰

Menurut Marohaini Yusoff, terdapat lima rasional pemilihan kajian kes secara kualitatif. Rasional yang pertama ialah nilai pendekatan kajian kes telah terbukti melalui penggunaan penyelidikan yang lain dalam penyelidikan penulisan. Rasional kedua pula ialah semasa pengutipan dan penganalisisan data berjalan dalam persekitaran yang sebenar. Seterusnya rasional ketiga kajian kes secara kualitatif dapat mengenal pasti, menghuraikan kerumitan dan memahami proses sesuatu isu yang dikaji mengikut kaca mata peserta kajian. Rasional keempat pula ialah peserta kajian merupakan alat penyelidik utama dapat menghasilkan dapatan kajian yang bermakna. Rasional terakhir kajian kes ialah memberi peluang kepada penyelidik

¹⁹⁹ Sabitha, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 83.

²⁰⁰ Robert, K. Yin, *Case Study Research Design and Methods*, ed. ke-4 (USA, California: Sage, Inc., 2009), 18.

untuk meneroka dan memahami persoalan yang dikaji dengan mendalam dan bukan sekadar menguji hipotesis.²⁰¹

Menurut Sabitha, terdapat dua jenis kajian kes iaitu kajian kes instrinsik dan kajian kes kolektif. Kajian kes instrinsik merupakan penjelasan yang mendalam mengenai seseorang individu, organisasi ataupun situasi manakala kajian kes kolektif pula memberi penjelasan yang mendalam kepada beberapa individu, organisasi dan situasi. Tujuan kajian kes instrinsik adalah untuk meningkatkan kefahaman terhadap beberapa isu atau untuk menghalusi atau mengubah penjelasan ke atas beberapa teori yang sedia ada manakala kajian kes kolektif pula untuk memberi maklumat yang boleh digeneralisasikan kepada kes-kes yang lain.²⁰²

Sehubungan dengan itu, kajian ini amat sesuai menggunakan kajian kes kerana sumber data yang diperolehi adalah pelbagai iaitu melalui temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Jadual 3.1 dan 3.2 di bawah menjelaskan tarikh dan masa pengumpulan data yang telah dilakukan oleh penyelidik melalui temu bual dengan pensyarah yang mengajar Tamadun Islam di IPG Lembah Klang, analisa dokumen seperti Sukatan Pelajaran Tamadun Islam KPLI SR dan pemerhatian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam untuk mendapatkan data bagi kajian ini.

²⁰¹ Marohaini Yusoff, “Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif,” dalam *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, ed. Marohaini Yusoff (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 39.

²⁰² Sabitha, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 85.

Jadual 3.1: Perolehan Data Kajian Secara Temu Bual, dan Analisa Dokumen

Peserta Kajian	Temu bual Mendalam 1	Temu bual Mendalam 2	Analisa Dokumen
P1	(19/10/09) (1 jam)	(30/10/09) (30 minit)	AD 1/1 (19/10/09)
P2	(19/10/09) (1 jam)	(19/3/14) (30 minit)	AD 1/1 (19/10/09)
P3	(21/8/09) (1 jam 15 minit)	-	AD 1/1 (21/8/09)
P4	(12/8/09) (1 jam)	(9/3/14) (30 minit)	AD 3/3 (12/8/09)
P5	(19/8/09) (1 jam 30minit)	(7/3/14) (30 minit)	AD 1/1 (19/8/09)
P6	(11/8/09) (1 jam)	(8/3/14) (35 minit)	AD 1/1 (11/8/09)
P7	(9/9/09) (1 jam)	(19/9/09) (40 minit)	AD 1/1 (9/9/09)
P8	(11/9/09) (1 jam)	(12/3/14) (30 minit)	AD 1/1 (11/9/09)

Jadual 3.2: Perolehan Data Kajian secara Pemerhatian

Bilangan Pemerhatian	Pemerhatian Lokasi 1	Pemerhatian Lokasi 2
1	(18/7/13) (2 jam)	(2/7/13) (1 jam)
2	(29/7/13) (2 jam)	(2/7/13) (1 jam)
3	(3/8/13) (1 jam)	(2/7/13) (1 jam)

Antara kelebihan kajian kes ialah ia sering dilakukan dalam tempoh yang lama dan merangkumi keseluruhan tingkah laku yang berlaku di dalam keadaan semula jadi. Kajian kes juga dapat memberi takrifan dari sudut emosi terhadap situasi yang dikaji. Kajian ini juga mengembangkan idea yang hendak dikaji oleh penyelidik kerana peserta kajian terlibat dalam kajian ini.²⁰³ Fokus kajian kes kepada beberapa perkara iaitu situasi atau fenomena yang khusus, deskriptif, dan menggalakkan kajian yang mendalam terhadap fenomena yang dikaji.²⁰⁴

3.2.3 Kaedah Perolehan Data

Pemerolehan data merupakan peringkat yang penting dalam menentukan kejayaan sesebuah kajian.²⁰⁵ Kaedah pemerolehan data menggambarkan bagaimana penyelidik mengumpul data dan dari siapa data itu diperolehi. Penyelidik menggunakan beberapa kaedah untuk tujuan pengumpulan data bagi menyiapkan tesis. Data tersebut diperolehi daripada pelbagai sumber yang umumnya merupakan sumber

²⁰³ *Ibid.*

²⁰⁴ Sharan B. Merriam, *Case Study Research in Education A Qualitative Approach* (San Francisco: Jossey-Bass, 1990), 21.

²⁰⁵ Marohaini, “Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif,” 87.

pertama di samping pemerolehan data dari sumber kedua. Oleh yang demikian, tesis ini diharap mempunyai nilai yang boleh dipertanggungjawabkan dari sudut objektif dan sah daripada segi status sebagai hasil penulisan ilmiah.

Penyelidik juga berusaha menerokai, mencari, mengumpul dan melakukan pentafsiran terhadap data-data yang telah dikumpulkan. Untuk memperolehi data-data yang relevan, beberapa sumber dikumpulkan oleh penyelidik melalui temu bual, pemerhatian, analisa dokumen. Hal ini bertepatan dengan penyelidikan kualitatif yang memerlukan tiga jenis pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.²⁰⁶ Penggunaan pelbagai teknik pengumpulan data dapat memberi *triangulation* atau pengukuhan data.²⁰⁷ Perkara ini selari juga dengan pendapat Sabitha yang menyatakan bahawa pengumpulan data boleh menggunakan satu cara pengumpulan data atau secara gabungan kerana lebih banyak cara pengumpulan data maka dapat memperolehi dapatan kajian yang lebih jitu.²⁰⁸

3.2.3.1 Temu bual Mendalam

Penyelidikan kualitatif banyak bergantung kepada temu bual untuk mengumpul maklumat.²⁰⁹ De Marrais mendefinisi temu bual sebagai suatu proses perbualan antara penyelidik dan peserta kajian yang memberi fokus perbincangan kepada soalan kajian yang berkaitan dengan kajian tersebut.²¹⁰ Temu bual juga berhubung rapat dengan pemerhatian dan menjadi sumber utama bagi mengumpul data dengan menemu bual

²⁰⁶ Sabitha, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 83.

²⁰⁷ Marohaini, "Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif," 88.

²⁰⁸ Sabitha, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 155.

²⁰⁹ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada teori dan Metod* (Tanjong Malim:Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 119.

²¹⁰ DeMarrais, K. "Qualitative interview studies: learning through experience," In *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation*, K. deMarrais & S.D. Lapan ed., F. merriam, (Mahwah, NJ: Erlbaum, 2004), 55.

tokoh-tokoh atau orang perseorangan. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan keterangan secara lisan dari peserta kajian secara berhadapan atau bersemuka.²¹¹

Terdapat tiga jenis temu bual yang boleh digunakan oleh penyelidik untuk mengumpulkan data iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi berstruktur, temu bual tidak berstruktur. Temu bual berstruktur bermaksud penyelidik telah menemu bual peserta kajian menggunakan soalan-soalan yang telah ditentukan berdasarkan objektif kajian. Jenis temu bual kedua pula ialah temu bual semi berstruktur. Temu bual ini adalah gabungan temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam temu bual semi berstruktur ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan yang dikemukakan adalah terbuka dan mengikut budi bicara penyelidik dan peserta kajian untuk dikembangkan. Seterusnya temu bual tidak berstruktur pula bermaksud penyelidik meneroka dengan terperinci sesuatu situasi untuk meningkatkan pengetahuannya sendiri. Maka soalan-soalan yang dikemukakan untuk temu bual jenis ini menggunakan soalan terbuka yang tidak terikat dengan jawapan tertentu.²¹²

Sehubungan dengan itu, penyelidik melaksanakan temu bual semi berstruktur yang mendalam dengan pensyarah Tamadun Islam di IPG Lembah Klang untuk mendapatkan data mengenai pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di IPG Lembah Klang. Temu bual yang dijalankan oleh penyelidik secara bersemuka iaitu menemu bual sebanyak dua kali secara langsung dengan peserta kajian. Melalui temu bual secara langsung ini, penyelidik dapat beramah mesra, melihat emosi yang dizahirkan dan memberi penjelasan sekiranya soalan yang dikemukakan kurang jelas.²¹³ Data temu bual diperolehi adalah berdasarkan soalan-soalan kajian yang diutarakan kepada

²¹¹ Koentjaraningrat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: P.T.Gramedia, 1986), 7.

²¹² Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 122-124.

²¹³ Sabitha, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 142.

mereka yang terlibat. Temu bual ini penting bagi melengkapkan kajian, khususnya dalam bab dua, tiga, empat dan lima.

3.2.3.2 Pemerhatian Pengajaran

Menurut Sabitha, pemerhatian digunakan bagi mengungkap data sebagai metod ilmiah melalui kaedah pengamatan terhadap perkara-perkara yang sedang berlangsung. Ia juga salah satu cara mengumpul data tanpa melibatkan komunikasi secara langsung dengan peserta kajian. Penggunaan kaedah ini bertujuan melengkapkan data yang diperolehi melalui penggunaan kaedah-kaedah yang lain.²¹⁴

Othman Lebar pula menyatakan bahawa metod yang sangat penting dalam penyelidikan kualitatif ialah pemerhatian. Pemerhatian merupakan perkara yang dilakukan setiap hari sama ada secara sedar ataupun tidak sedar. Walau bagaimanapun pemerhatian 'orang biasa' dengan pemerhatian seorang penyelidik adalah berbeza. Oleh itu, seorang penyelidik dapat melatih dirinya agar mahir dalam metod ini dengan menjadi pemerhati di tempat awam, pemerhati dalam tugas atau latar sosial yang lain, menonton filem atau pita video, dan belajar daripada penyelidik yang berpengalaman.²¹⁵

Tujuan pemerhatian adalah untuk merekodkan perlakuan yang sedang berlaku. Kebiasaan rekod pemerhatian dirujuk sebagai nota lapangan yang mencatatkan apa yang diperhati tanpa konkrit. Bagi mendapatkan kesahan dan keboleh percayaan kajian yang dijalankan, pemerhatian dilakukan bersama temu bual dan analisis dokumen agar data yang diperolehi dapat diriangulasikan. Semua deria terlibat seperti deria bau, dengar, sentuh dan rasa dalam metod pemerhatian. Pemerhatian merupakan

²¹⁴ *Ibid.*, 151.

²¹⁵ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada teori dan Metod*, 109-110.

perlakuan merekod fenomena yang biasanya menggunakan instrumen, dan merakamkannya untuk tujuan saintifik.²¹⁶

Melalui metod ini, penyelidik dapat meneliti secara keseluruhan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di keempat-empat IPG. Hasil pemerhatian secara tidak langsung tersebut mengukuhkan data temu bual yang diperolehi.

3.2.3.3 Analisa Dokumen

Analisis dokumen ialah cara pengumpulan data dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang ada kaitannya dengan masalah yang diteliti.²¹⁷

Analisis dokumen juga merupakan satu kaedah untuk memahami sejarah serta konteks persekitaran tempat kajian. Kajian ini dilakukan berpandukan dokumen-dokumen yang relevan. Seterusnya maklumat yang diperolehi daripada dokumen yang dikaji dapat menyokong data temu bual dan pemerhatian sesebuah kajian.²¹⁸ Antara dokumen yang digunakan dalam kajian ini ialah sukanan pelajaran Tamadun Islam KPLI SR, rancangan pengajaran semester, soalan tugas pelajar, dan minit mesyuarat jabatan. Menurut Merriam, dokumen merupakan data yang baik berbanding temu bual dan pemerhatian bagi pelbagai sebab yang hendak dikaji.²¹⁹ Terdapat dua jenis dokumen yang biasa digunakan dalam kajian kualitatif iaitu rekod awam dan dokumen peribadi.²²⁰ Seorang penyelidik hendaklah kreatif meneroka dokumen yang sesuai untuk menjawab persoalan kajian.²²¹

²¹⁶ *Ibid.*, 110-111.

²¹⁷ Abdul Halim Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1987), 115.

²¹⁸ Merriam, *Qualitative Research A Quide to Design and Implementation*, 150.

²¹⁹ *Ibid.*, 155.

²²⁰ *Ibid.*, 140.

²²¹ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 148.

Menurut Patton, analisis dokumen ialah “*Content analysis requires considerably more than just reading to see what's there*”.²²² Terdapat beberapa perkara penting yang seringkali gagal dijelaskan oleh penyelidik tentang analisis dokumen ialah tujuan dari analisis dokumen, apakah dokumen yang dianalisis cukup, apa yang dicari dari dokumen yang dianalisis, apakah sama dengan *central theme* yang dikaji dari teknik pengumpulan data yang lain, di mana data atau contoh data dari analisis dokumen disimpan di tesis atau disertasi dan apa makna dari data yang diperolehi dari dokumen, bagaimana data itu dibandingkan dengan data yang diperoleh dari sumber lain.²²³

3.3 Proses Pengumpulan Data

Terdapat tiga peringkat dalam proses pengumpulan data. Tiga peringkat tersebut ialah peringkat sebelum, semasa dan selepas. Langkah-langkah dalam tiga peringkat tersebut adalah seperti berikut.

3.3.1 Peringkat Sebelum Proses Pengumpulan Data

3.3.1.1 Penyelidik menyediakan soalan temu bual semi berstruktur yang diadaptasi dari beberapa kajian lampau yang berkaitan dengan kajian ini. Soalan ini terlebih dahulu ditunjukkan kepada penyelia penyelidik dan selepas itu disemak dan disahkan oleh tiga orang pakar dalam bidang Tamadun Islam dan Pendidikan Islam (lihat Lampiran A).

3.3.1.2 Penyelidik memohon kebenaran bertulis untuk menjalankan kajian di IPG dengan mengisi borang khusus daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Selepas dua minggu, bahagian ini

²²² Patton, M. Q., *How to Use Qualitative Methods in Evaluation* (Newburry Park, California: Sage Publication, 1987), 8.

²²³ Furqon dan Emi Emilia, *Penelitian Kuantitatif dan Kualitatif (Beberapa Isu Kritis)* (Bandung : Sekolah Pasca Sarjana, Universitas Pendidikan Indonesia), 55.

memberikan surat kebenaran menjalankan kajian kepada penyelidik sebagai bukti kebenaran menjalankan kajian (lihat Lampiran K).

3.3.1.3 Seterusnya penyelidik menghantar surat kebenaran yang diperolehi daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan proposal kajian kepada Bahagian Pendidikan Guru untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di empat buah IPG di Lembah Klang. Lebih kurang dua minggu, Bahagian Pendidikan Guru mengeluarkan surat kebenaran menjalankan kajian di IPG (lihat lampiran L).

3.3.1.4 Penyelidik juga mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di empat buah IPG yang dipilih dengan berjumpa terlebih dahulu pengarah setiap IPG dengan mengemukakan surat kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dan Bahagian Pendidikan Guru supaya proses mengumpul data temu bual dengan pensyarah Tamadun Islam, membuat pemerhatian pengajaran, dan menganalisis dokumen berkaitan dapat dijalankan dengan mudah, dan beretika (lihat lampiran M, N dan O).

3.3.1.5 Setelah mendapat kebenaran dari pengarah setiap IPG, penyelidik berjumpa dengan Ketua Jabatan Pendidikan Islam dan Moral di setiap IPG untuk mendapatkan maklumat tentang pensyarah yang mengajar Tamadun Islam. Hal ini kerana penyelidik akan memilih pensyarah yang sesuai dengan kajian untuk ditemu bual.

3.3.1.6 Penyelidik seterusnya berjumpa dengan pensyarah Tamadun Islam di empat IPG yang dipilih sebagai lokasi kajian untuk membuat temu janji bagi mendapatkan data kajian. Temu janji dengan pensyarah Tamadun Islam yang terpilih sebagai peserta

kajian dibuat dengan menentukan tarikh dan masa untuk ditemui bual, menganalisis dokumen dan pemerhatian pengajaran.

3.3.2 Peringkat Semasa Proses Pengumpulan Data

Setelah mendapat kebenaran daripada beberapa peringkat iaitu Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Bahagian Pendidikan Guru, pengarah di empat buah IPG, Ketua Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, dan pensyarah Tamadun Islam yang dipilih sebagai peserta kajian maka penyelidik boleh melaksanakan kajian dengan sempurna. Ini bertepatan dengan pendapat Marohaini yang menyatakan bahawa proses pengutipan data merupakan peringkat yang penting kerana proses ini, menentukan kejayaan sesebuah kajian.²²⁴

Penyelidik dalam kajian kualitatif adalah sebagai instrumen kajian. Oleh itu, penyelidik hendaklah mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan hubungan sosial agar dapat berinteraksi dengan baik semasa mengumpul data tanpa mengganggu situasi sebenar tempat yang dikaji. Maksud kemahiran interaksi yang perlu ada oleh seorang penyelidik dalam menjalankan kajian ialah dapat menyesuaikan diri, berkemahiran untuk mendengar, memberi perhatian, melihat dan membuat analisis, dan juga berkemampuan untuk membuat keputusan, iaitu memilih, merancang, menggunakan sesuatu teknik untuk mengutip dan menganalisis data yang ditemui di

²²⁴ Marohaini Yusoff , “Pengutipan dan Pengumpulan data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah,” dalam *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, ed. Marohaini Yusoff (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 87.

tempat kajian.²²⁵ Hal ini bertepatan dengan kata-kata Elly et al. iaitu “being in the field means that you will be interacting with wide variety of personalities....”²²⁶

Penyelidik mengambil masa lebih kurang empat bulan bermula Julai 2009 sehingga November 2009 pada peringkat pertama. Manakala pengumpulan data kali kedua pula selama lebih kurang tiga bulan bermula Januari 2014 sehingga Mac 2014. Semasa tempoh pengumpulan data, kadang-kadang terdapat temu janji yang telah ditetapkan tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat halangan yang mendatang dari pihak penyelidik dan peserta kajian. Walau bagaimanapun proses semasa pengumpulan data dapat dilaksanakan dengan baik kerana temu janji dapat diselaraskan bersama mengikut kesesuaian daripada kedua-dua pihak.

3.3.3 Peringkat Selepas Proses Pengumpulan Data

Semua data yang telah direkod, penyelidik akan menyusun data mengikut jenis data yang dikumpul dan cara-cara mengumpul data perlu dibentuk. Sehubungan dengan itu, semasa proses pengumpulan data, penyelidik menggunakan dua alat kelengkapan teknologi seperti kamera untuk merakam video semasa pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam dan *mp3* untuk merakam suara semasa temu bual dengan peserta kajian. Terdapat juga kaedah lain untuk merekodkan data dengan membuat catatan semasa temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen.²²⁷

Penyusunan data yang diperolehi oleh penyelidik akan disusun dan disesuaikan dengan kerangka teori kajian dan kerangka konseptual kajian ini serta objektif kajian

²²⁵ *Ibid.*

²²⁶ Ely, M., Anzul, M., Friedman, T., Gardner, D., dan Steinmetz, A.M., *Doing Qualitative Research: Circles Within Circles* (Great Britain: The Falmer Press, 1998), 41.

²²⁷ Marohaini Yusoff , “Pengutipan dan Pengumpulan data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah,” dalam *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, ed. Marohaini Yusoff, 132.

yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Menurut Marohaini, penyusunan data melibatkan tiga tugas iaitu membersihkan data, memahami data, dan menghasilkan kategori dan konsep analitikal.²²⁸

3.4 Peserta Kajian

Peserta kajian dipilih dari sebuah populasi kajian. Populasi kajian ialah sekumpulan individu, keluarga, kumpulan, organisasi, komuniti, peristiwa atau apa sahaja yang hendak dikaji oleh penyelidik.²²⁹ Menurut Marohaini, penyelidik hendaklah memastikan individu yang dipilih merupakan peserta kajian utama dan mendapatkan persetujuan daripada peserta kajian terlebih dahulu.²³⁰

Pemilihan peserta kajian ini adalah berdasarkan tajuk, objektif dan persoalan kajian. Sehubungan dengan itu, penyelidik telah memilih lapan orang pensyarah yang mengajar Tamadun Islam di IPG di Lembah Klang sebagai peserta kajian untuk ditemu bual bagi mendapatkan data. Kebanyakan mereka mempunyai pengalaman mengajar yang melebihi sepuluh tahun ke atas dan mempunyai kelulusan sarjana dan doktor falsafah. Bilangan dalam sesebuah populasi terlalu banyak. Oleh itu penyelidik hendaklah mengambil sebahagian sahaja bilangan daripada populasi kajian untuk mendapatkan data kajian. Sebahagian bilangan daripada populasi dinamakan sampel kajian. Sampel kajian dalam penyelidikan kualitatif juga disebut peserta kajian atau peserta kajian. Kajian ini memilih pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Ianya

²²⁸ Ibid., 139.

²²⁹ Sabitha, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 117.

²³⁰ Marohaini Yusoff , “Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan kajian kes Secara Kualitatif,” dalam *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, ed. Marohaini Yusoff (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 47.

merupakan sejenis pensampelan bukan kebarangkalian yang memilih sesuatu sampel dari satu populasi mengikut tujuan kajian.²³¹

3.5 Lokasi Kajian

Menurut Djam'an dan Aan, lokasi kajian adalah berpandukan kepada tempat peserta kajian yang dikaji. Kriteria lokasi kajian yang pertama ialah tujuan dan masalah kajian haruslah sesuai. Kriteria kedua pula ialah terdapat hubungan di antara pemahaman dengan perilaku.²³²

Seterusnya Spradley pula menyatakan “*Each investigator will have different reasons for selecting a particular setting for research*”²³³ Hal ini bermaksud penyelidik mempunyai sebab yang berbeza untuk memilih tempat kajian agar sifat dan keperluan kajian tidak membataskan apa yang ingin dikaji.²³⁴

Sehubungan dengan itu penyelidik memilih empat buah sahaja IPG dari 27 IPG seluruh Malaysia sebagai lokasi kajian. Latar belakang IPG tersebut secara ringkas akan diterangkan seperti yang berikut.

3.5.1 Latar Belakang Empat Buah IPG

Penyelidik akan menerangkan secara ringkas latar belakang setiap IPG yang dipilih untuk kajian ini dari beberapa aspek iaitu tahun penubuhan, sejarah ringkas dan kursus yang ditawarkan di IPG tersebut.

²³¹ *Ibid.*, 128.

²³² Djam'an & Aan, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, 56.

²³³ Spradley, J. P., *The Ethnographic Interview* (New York: Holt, Rinehart & Winston, 1979), 45.

²³⁴ Marohaini Yusoff , “Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan kajian kes Secara Kualitatif,” dalam *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, ed. Marohaini Yusoff, 39.

3.5.1.1 IPG A

Pada 25 April 1977 ditubuhkan IPG A. IPG A bermula di Maktab Perguruan Ilmu Khas pada Februari 1977 dengan mewujudkan sebuah Unit Pendidikan Agama Islam yang terdiri daripada 3 orang pensyarah Pendidikan Agama Islam. Justeru seramai 87 orang guru pelatih telah mengikuti Kursus Perguruan Sekolah Menengah. IPG A berpindah ke bangunan Institut Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur pada 25 April 1977. Tiga jabatan diwujudkan iaitu Jabatan Pengajian Agama Islam, Jabatan Pendidikan dan Jabatan Bahasa Melayu. Dr Abd Hamid bin Othman merupakan pengetuanya yang pertama di IPG A. Kursus Pendidikan Perguruan Sekolah Rendah bermula dengan pengambilan 237 orang pelatih baru tahun 1. Pada November 1977 pula IPG A berpindah ke bangunan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Petaling Jaya. Dua unit telah diwujudkan iaitu Unit Bahasa Inggeris dan Unit Gerk. Seterusnya pada bulan Mei 1983, IPG A berpindah lagi ke bangunan UKM di Lembah Pantai. Setelah kampus IPG A baru siap dibina, pada 14 Julai 1990, IPG A berpindah ke Bangi.

Bagi melahirkan guru-guru terlatih dalam bidang Pendidikan Agama Islam di semua sekolah rendah dan guru terlatih bahasa Arab di sekolah menengah, maka tujuh jabatan diwujudkan iaitu Jabatan Pengajian Agama Islam, Jabatan Pengajian Al-Quran dan Sunah, Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Jabatan Pendidikan, Jabatan Bahasa, Jabatan Kajian Sosial dan Jabatan Bahasa Inggeris.²³⁵ Bilangan pelajar di IPG A semakin bertambah iaitu seramai 1,217 orang dan 110 orang pensyarah pada tahun 1990. Terdapat banyak kursus yang ditawarkan iaitu Kursus Perguruan Asas Pendidikan Sekolah Menengah dan Rendah, Kursus Dalam Cuti,

²³⁵ Sitti Haishah, *Sejarah Perguruan Malaysia*, 338-339.

Kursus Diploma Pendidikan dan Kursus Dalam Perkhidmatan. Pada masa kini IPG A telah ditukar nama yang baru. Kursus yang ditawarkan sama dengan IPG yang lain.²³⁶

3.5.1.2 IPG B

Nama IPG B sebelum ini ialah *Specialist Teachers' Training Institute* (STTI). Perasmian IPG B telah disempurnakan pada 8 Jun 1960 oleh Abd Rahman bin Haji Talib yang merupakan Menteri Pelajaran ketika itu. Pengambilan pertama ke IPG B ialah seramai 40 orang pelajar mengambil bidang Pendidikan Jasmani pada Ogos 1959. Pengetua pertama STTI ialah RH. Drehnan yang bertugas hingga 1962. Tujuan penubuhan STTI adalah melatih guru-guru dalam beberapa bidang iaitu Pendidikan Jasmani, Sains Rumah Tangga, Pendidikan Seni, Pendidikan Pandang Dengar, Seni Lukis, Pertukangan Logam, Pertukangan Kayu dan Ilmu Pendidikan. Pada tahun 1962, kursus Pendidikan Kanak-kanak Buta telah ditawarkan di STTI. Setahun kemudian pula pada tahun 1963, kursus Pendidikan Kanak-kanak Pekak dan kursus Bimbingan Vokasional telah ditawarkan. Pada tahun 1964 bermula pengetua daripada rakyat tempatan iaitu Syed Ahmad Jamal. Pada tahun 1966 pula, nama STTI telah ditukar kepada Maktab Perguruan.²³⁷ Terdapat beberapa kursus ditawarkan di IPG B pada masa kini iaitu Pengajian Muzik, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Pengajian Bahasa Melayu, Pendidikan Seni Visual dan lain-lain. Program Khas Pensiswazahan Guru yang berkembar dengan Universiti Kebangsaan Malaysia juga ditawarkan

²³⁶ “Sejarah IPG Kampus Pendidikan Islam,” dicapai 23 Jun 2012, <http://www.ipislam.edu.my/index.php/page/pengenalan/15/latar-belakang>.

²³⁷ Siti Haishah, *Sejarah Perguruan Malaysia*, 324.

kepada guru-guru yang belum mempunyai ijazah bagi memenuhi perkembangan pendidikan di Malaysia.²³⁸

3.5.1.3 IPG C

IPG C ditubuhkan pada 17 Mei 1962 yang dikenali juga sebagai *Technical Teacher's Training College* (TTTC). Operasi pertama maktab ini bermula di Jalan Damansara, Kuala Lumpur dari tahun 1962 hingga 1967. Bangunan di Jalan Damansara, Kuala Lumpur merupakan bekas bangunan Kolej Perempuan Melayu (*Malay Girl's College*) yang berpindah ke Seremban, Negeri Sembilan. Pembinaan kampus tetap bermula pada tahun 1965 di Cheras dan bermula operasi pada tahun 1967. Pengetua pertama IPG C ialah S.P. Didcote. Penubuhannya atas cadangan Ahli Jawatankuasa Penyemakan Dasar Pelajaran Tahun 1960. Oleh demikian pada bulan Jun 1960, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu memohon Kerajaan Kanada menghantar pakar dalam bidang teknikal. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Kanada telah menghantar dua orang pakar melalui Rancangan Colombo pada tahun 1961 untuk melakukan penyelidikan selama enam bulan. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan Kanada telah membuat satu perjanjian iaitu Kerajaan Kanada bertanggungjawab menyediakan tenaga pengajar, merangka kursus dan menganjurkan latihan untuk kakitangan daripada rakyat tempatan.²³⁹

Pegawai tempatan mengambil alih mengurus IPG C ini apabila perkhidmatan kakitangan Kanada tamat pada akhir tahun 1967. Sistem Pelajaran Aneka Jurusan yang memperkenalkan empat mata pelajaran baru di sekolah menengah rendah pada

²³⁸“Institut Pendidikan Guru Malaysia,” dicapai 23 Jun 2012, http://ms.wikipedia.org/wiki/Institut_Pendidikan_Guru_Malaysia.

²³⁹ Siti Haishah, *Sejarah Perguruan Malaysia*, 325.

tahun 1965 menjadikan peranan IPG C bertambah penting. Empat mata pelajaran tersebut ialah Seni Perusahaan, Sains Pertanian, Perdagangan dan Sains Rumah Tangga. Pada awal tahun 1970 pula, Kursus Pertukangan dikendalikan apabila Maktab Pertukangan di Kuantan berpindah ke sini. Seterusnya pada tahun 1972, kursus Pengajian Perdagangan diajar di Maktab Perguruan Teknik kerana Jabatan Pengajian Perdagangan, Maktab Perguruan Ilmu Khas dipindahkan ke IPG C ini bertujuan menggabungkan jurusan teknik dan vokasional.

Sejak tahun 1989, maktab ini mengendalikan tiga komponen kursus Kemahiran Hidup iaitu Ekonomi Rumah Tangga, Kemahiran Manipulatif Tambahan dan Pertanian. Walau bagaimanapun tiga komponen kursus tersebut berpindah ke Maktab Perguruan Batu Pahat pada tahun 1992. Kini nama IPG C ditukar kepada Institut nama yang baru setelah diisyiharkan oleh Menteri Pelajaran ketika itu iaitu Y.A.B Menteri Pelajaran, Dato' Hishamuddin Tun Hussein pada 16 Januari 2009 di IPG Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu.²⁴⁰

3.5.1.4 IPG D

Penubuhan IPG D adalah cadangan dalam Penyata Razak 1956. Oleh demikian, pada 12 Januari 1958, tertubuhnya IPG D di Bukit Senyum, Johor Bharu. Pengetua yang pertama di kampus ini ialah J.E Tod. Perasmian telah dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman ibni AlMarhum Tuanku Muhammad pada 4 Jun 1959. Pada 12 Februari 1959, kuliah permulaan dilaksanakan di kampus Lembah Pantai. Pengetua di IPG D pada tahun 1959 ialah Ariffin bin Mohd. Nam. Nama IPG D

²⁴⁰“Sejarah IPGM Kampus Pendidikan Teknik,” dicapai 23 Jun 2012, <http://kolejkediamanipgmteknik.blogspot.com/2009/04/sejarah-ipgm-kampus-pendidikan-teknik.html>.

ditukarkan nama baru pada 28 Mei 1998.²⁴¹ Kemudian sekali lagi IPG D ditukar nama yang terbaru berdasarkan penaiktarafan yang di isytihar oleh Menteri Pelajaran ketika itu iaitu Y.A.B Menteri Pelajaran, Dato' Hishamuddin Tun Hussein pada 16 Januari 2009 di IPG Kuala Terengganu yang telah ditukar nama kepada Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.²⁴²

3.5.2 Sebab Pemilihan Empat Buah IPG

Kesemua kampus IPG sebanyak 27 buah di seluruh negara adalah di bawah pentadbiran sebuah IPG induk yang berpusat di Cyberjaya. Keseluruhan IPG di seluruh negara masih berada dalam pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia dan ianya diterajui oleh seorang rektor. Oleh demikian, pentadbiran, pengambilan pensyarah, kakitangan dan pelajar bagi semua IPG di seluruh Malaysia adalah sama iaitu dikelolakan oleh IPG induk. Justeru itu, pemilihan empat buah IPG di Lembah Klang oleh penyelidik untuk kajian ini tidak memberi apa-apa perbezaan kerana cara pentadbiran, pemilihan pelajar dan pensyarah adalah sama. Sehubungan dengan itu IPG di Lembah Klang dengan IPG yang berada di tempat lain seperti di Zon Sabah dan Sarawak, Zon Utara, Zon Tengah dan di Zon Selatan tiada perbezaan. Begitu juga tiada perbezaan dari segi sukatan pelajaran Tamadun Islam adalah sama di semua IPG.

Pemilihan empat buah IPG di Lembah Klang tidak memberi perbezaan kepada dapatan kajian ini. Perbezaan yang mungkin akan diperolehi dari segi pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam kerana teknik dan kaedah yang digunakan oleh seseorang

²⁴¹ Siti Haishah Abd Rahman, *Sejarah Perguruan Malaysia*, ed. ke-3 (Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010), 321.

²⁴² “Institut Pendidikan Guru Malaysia,” dicapai 23 Jun 2012, http://ms.wikipedia.org/wiki/Institut_Pendidikan_Guru_Malaysia.

pensyarah adalah berbeza berdasarkan pengalaman, ilmu pengetahuan serta kemahiran masing-masing. Hal ini bertepatan dengan sampel bertujuan kajian dalam pendekatan kualitatif yang kebiasaannya menetapkan tempat kajian yang selari dengan objektif kajian.²⁴³

3.6 Kaedah Penganalisisan Data

Semua penyelidik mempunyai cara tersendiri untuk menganalisis data kualitatif. Kadang-kadang penyelidik terbantut untuk menganalisis data yang telah diperolehi. Hal ini kerana analisis data kualitatif merupakan proses induktif dalam memberi sebab, pemikiran dan menghasilkan teori.²⁴⁴ Isu ini bertepatan dengan kata-kata Glaser and Strauss yang menyatakan “*The root sources of all significant theorizing is the sensitive insights of the observer himself*”²⁴⁵ Ini bermaksud tidak semua penyelidik mempunyai naluri dalaman yang sensitif kerana kemampuan menganalisis data kualitatif adalah berdasarkan pengalaman .²⁴⁶

Sehubungan dengan itu, apabila semua data yang diperlukan terkumpul, penyelidik akan melakukan pengolahan data dan menganalisis data-data tersebut. Dalam menganalisis data, penyelidik menggunakan metod induktif, deduktif dan komparatif. Metod Induktif ialah suatu kaedah menganalisis data melalui proses penarikan kesimpulan dari hal-hal yang bersifat khusus kepada suatu kenyataan yang bersifat umum. Melalui metod ini, penyelidik akan memaparkan data yang bersifat khusus dan kemudiannya membuat kesimpulan bersifat umum. Penggunaan metod ini

²⁴³ Djam'an Satori & Aan Komariah, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, 47.

²⁴⁴ Taylor, S., J., dan Bogdan R., *Introduction to Qualitative Research Methods: A Guidebook and Resource*, ed. ke-3 (USA: John Wiley & Sons, Inc., 1998), 140.

²⁴⁵ Glaser, B.G., and A. Strauss, *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*, (Chicago: Aldine, 1967), 251.

²⁴⁶ Taylor, S., J., dan Bogdan R., *Introduction to Qualitative Research Methods: A Guidebook and Resource*, 140.

dapat dilihat dalam bab satu, dua, tiga, empat, dan kesimpulan serta saranan dalam bab lima. Sebagai contoh dalam kajian ini ialah data temu bual yang berkaitan dengan pendapat pensyarah Tamadun Islam mengenai kaedah yang sesuai dan berkesan dalam pelaksanaan pengajaran dan Tamadun Islam di IPG. Dapatan kajian tersebut yang bersifat khusus akan disimpulkan oleh penyelidik sebagai kesimpulan yang bersifat umum.²⁴⁷

Metod Deduktif merupakan kaedah membuat kesimpulan yang bersifat khusus melalui data-data yang bersifat umum. Metode ini digunakan dalam membuat laporan penilaian dan analisis dalam bab 4. Sebagai contoh penyelidik membuat kesimpulan yang bersifat khusus iaitu mengenai isi kandungan sukan pelajaran kursus Tamadun Islam berdasarkan pendapat yang diberikan oleh pensyarah Tamadun Islam di IPG. Pendapat peserta kajian tersebut adalah menjelaskan data-data yang bersifat umum iaitu objektif kursus Tamadun Islam sebagaimana yang terdapat dalam sukan pelajaran.²⁴⁸

Metod komparatif ialah kaedah membuat perbandingan di antara data-data kajian yang diperolehi. Penyelidik telah membuat perbandingan terhadap pendapat yang diberikan oleh peserta kajian yang terdiri daripada pensyarah Tamadun Islam mengenai empat soalan kajian ini untuk menjawab empat objektif kajian. Perbandingan data-data tersebut juga boleh dijadikan dapatan kajian yang memberi kesimpulan terhadap keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG.²⁴⁹

²⁴⁷ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2009, 5-6.

²⁴⁸ *Ibid.*, 5.

²⁴⁹ Sabitha, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 215.

3.7 Proses Penganalisisan Data

Kajian ini menganalisis data temu bual yang telah dilakukan dengan peserta kajian iaitu seramai lapan orang dan pensyarah Tamadun Islam di IPG di Lembah Klang. Ini bererti penyelidik menganalisis data kualitatif sahaja. Menurut Coffee dan Atkinson, analisis kualitatif lebih menumpukan maksud data dan tidak menumpukan kepada perkiraan. Terdapat tiga prosedur dalam pengkodan kualitatif iaitu melakukan pemerhatian dan peka terhadap fenomena berkaitan; mengumpul contoh-contoh terhadap fenomena dan menganalisis fenomena itu untuk mencari persamaan, perbezaan, pola, trend atau struktur.²⁵⁰

Manakala menurut Esternberg pula, terdapat dua metod iaitu mencari sesuatu corak atau pola dalam data dan cara perbandingan kes.²⁵¹ Data kualitatif bermula dari awal kajian dan berlaku secara berterusan ketika mengumpul data. Pengelasan dan perkaitan antara data akan dibangunkan secara serentak ketika membuat pemerhatian dan dianalisis semula apabila telah mengumpul semua data.²⁵² Bagi memudahkan analisis data dalam kajian ini, penyelidik menggunakan perisian *QSR N-Vivo 8* untuk memudahkan data temu bual dianalisis dengan mewujudkan tema dan sub tema yang bertujuan menjawab objektif kajian. Tema dan sub tema tersebut dijelaskan dengan terperinci berdasarkan transkripsi temu bual peserta kajian sebagaimana yang terdapat dalam bab empat. Seterusnya perbincangan dapatan kajian dan implikasi kajian terhadap teori dan praktikal dibincangkan dalam bab lima. Bagi memantapkan kajian

²⁵⁰ Sabitha, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 215.

²⁵¹ *Ibid.*

²⁵² *Ibid.*, 217.

ini, penyelidik juga menyatakan sumbangan kajian, cadangan kajian lanjutan serta kesimpulan.²⁵³

Menurut Furqon dan Emi, terdapat tujuh masalah khusus yang terdapat dalam proses analisis data kualitatif. Masalah yang pertama ialah menyatukan analisis dalam satu masa. Masalah kedua pula ialah penyelidik kurang kesedaran segera menganalisis data yang diperolehi. Seterusnya masalah ketiga ialah penyelidik menganalisis data setelah memperolehi semua data menyebabkan penyelidik terbebani. Masalah keempat pula ialah penyelidik kurang sedar bahawa analisis data dalam penelitian kualitatif bersifat “*theory driven*”. Manakala masalah kelima ialah penyelidik tidak menjelaskan tahap-tahap dalam menganalisis data yang diperolehi dari sumber data. Selanjutnya masalah keenam ialah penyelidik kurang kesedaran bahawa analisis dan pemilihan data yang dipaparkan tidak bersifat neutral tetapi bergantung kepada kreativiti, pengetahuan dan kerja keras peneliti. Masalah terakhir ialah penyelidik tidak berhati-hati ketika menginterpretasi data dengan menggunakan perkataan yang menunjukkan kata-kata umum seperti “secara umum” tetapi menggunakan perkataan khusus yang lebih diyakini seperti “diyakini oleh...”²⁵⁴.

Amalan yang baik dalam membuat kajian kualitatif ialah mencatat semua maklumat yang diperolehi dengan lengkap. Hal ini kerana data diperolehi daripada pelbagai sumber. Untuk menganalisis data dengan mudah, penyelidik hendaklah mengelola data yang diperolehi dengan baik. Penyelidik juga digalakkan membiasakan diri dengan data agar mudah untuk menganalisis data. Mengelola data

²⁵³ Pat Bazeley, *Qualitative Data Analysis with NVivo*, ed. ke-2 (London: Sage Publications Ltd, 2009), 83.

²⁵⁴ Furqon dan Emi Emilia, *Penelitian Kuantitatif dan Kualitatif (Beberapa Isu Kritis)*, 56-59.

dalam kajian kualitatif memerlukan kemahiran yang tinggi supaya proses menganalisis data dapat dilaksanakan dengan mudah dan sempurna.²⁵⁵

Menurut Creswell, terdapat tiga peringkat dalam menganalisis data iaitu menyusun dan menyediakan data untuk dianalisis, membaca keseluruhan data yang diperolehi dan peringkat ketiga ialah memperincikan analisis data dengan melakukan proses koding.²⁵⁶

Sehubungan dengan itu penyelidik memulakan analisis data temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dengan membacanya secara terperinci. Selepas itu, penyelidik mengenal pasti tema dan sub tema agar selaras dengan objektif kajian, persoalan kajian dan kerangka konseptual kajian ini. Bagi menentukan kebolehpercayaan dapatan kajian, penyelidik hendaklah menyediakan nota lapangan dan laporan aktiviti semasa kajian. Penyelidik juga hendaklah melaksanakan “*audit trail*” bagi memastikan data yang telah dikumpul direduksikan menurut apa yang dikatakan oleh peserta dalam konteks kajian. Selanjutnya penyelidik memasukkan data temu bual ke dalam perisian *QSR NVivo 8* untuk mengkodkan mengikut tema dan sub tema yang sesuai dengan objektif kajian ini dan kerangka konseptual kajian ini. Seterusnya penyelidik melakukan triangulasi tema dan sub tema yang diperolehi dengan data pemerhatian, dokumen berkaitan dan kerangka konseptual kajian ini. Penyelidik membincangkan hasil kajian dengan mengaitkan dengan tinjauan kajian lalu serta merumuskan kajian ini.

²⁵⁵ Akbar Ibrahim, *Penyelidikan Kualitatif: Satu Pengenalan Ringkas* (Kuching: Persatuan Perkembangan Profesionalisme Pendidikan Sarawak, 2004), 62-63.

²⁵⁶ Creswell, J., W., *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, 183.

3.8 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Ketekalan dan ketepatan sesebuah dapatan kajian berkait rapat dengan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu kajian.²⁵⁷ Kesahan dan kebolehpercayaan dalam semua jenis kajian hendaklah diberi perhatian yang teliti dalam semua peringkat kajian. Peringkat kajian tersebut ialah pengumpulan data, analisis dan tafsiran serta penjelasan terhadap dapatan kajian yang diperolehi.²⁵⁸

Justeru penyelidik akan menjelaskan mengenai kesahan dan kebolehpercayaan yang telah dilakukan dalam kajian ini supaya ianya menepati kehendak prosedur kajian yang tepat serta dapatan kajian tersebut boleh diterima. Kesahihan sesebuah kajian memberikan gambaran yang benar tentang apa yang dikaji. Ia juga merupakan indikator ketepatan kajian.²⁵⁹

Menurut Maxwell yang dipetik dalam Othman Lebar menyatakan bahawa kesahan juga disebut “kredibiliti sesuatu deskripsi, kesimpulan, penerangan, interpretasi atau lain-lain bentuk pernyataan atau laporan”.²⁶⁰ Manakala Creswell dan Miller yang dipetik dalam Othman Lebar pula menyatakan kesahan ialah “pernyataan dan penjelasan yang tepat dalam mewakili realiti partisipan tentang sesuatu fenomena sosial”.²⁶¹ Seterusnya Hammersley yang dipetik dalam Othman Lebar pula menyatakan kesahan ialah “pernyataan atau penjelasan yang sah atau benar sekiranya ia mewakili secara tepat ciri-ciri fenomena yang cuba dijelaskan, diterangkan atau

²⁵⁷ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, ed. ke-3 (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 185-186.

²⁵⁸ Sharan B. Merriam, *Qualitative Research A Quide to Design and Implementation* (San Francisco: Jossy-Bass, 2009), 210.

²⁵⁹ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 183.

²⁶⁰ *Ibid.*, 184.

²⁶¹ *Ibid.*

diteorikan”.²⁶² Hal ini dengan jelas menunjukkan kesahan ialah ketepatan pernyataan dalam kesimpulan yang dinyatakan untuk sesebuah kajian dengan dunia sebenar.²⁶³

3.8.1 Kesahan Dalaman

Kesahan dalaman yang tinggi adalah hasil penyelidikan yang diperoleh benar-benar disebabkan rawatan yang diberikan dan bukan disebabkan oleh faktor-faktor lain.²⁶⁴ Menurut Merriam, kesahan dalaman berkaitan dengan bagaimana dapatan kajian sepadan dengan realiti. Cara menentukan kesahan dalaman ialah triangulasi, peserta kajian memeriksa kembali data, pemerhatian jangka panjang dan berulang-ulang di lapangan kajian, pemeriksaan rakan sekerja, mod penyelidikan yang kolaboratif dan partisipatif dan bias penyelidik.²⁶⁵

Justeru penyelidik telah melaksanakan beberapa cara tersebut untuk memastikan kajian ini memenuhi kesahan dalaman iaitu triangulasi dengan mendapatkan data temu bual dari lapan orang pensyarah dari empat buah IPG yang berbeza di Lembah Klang. Penyelidik juga membuat analisis dokumen dengan meneliti isi kandungan sukatan pelajaran kursus Tamadun Islam yang dikaji yang bertujuan mendapatkan pelbagai data untuk mengesahkan dapatan. Seterusnya penyelidik juga melakukan pemerhatian di lokasi kajian dari segi pelaksanaan kursus ini di IPG yang dikaji. Data temu bual yang telah ditranskripsi akan ditunjukkan kepada peserta kajian untuk disemak kesahihan data. Pengesahan data temu bual

²⁶² *Ibid.*

²⁶³ *Ibid.*

²⁶⁴ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*, ed. ke-5 (Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia, 2009), 3.

²⁶⁵ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 185. Rujuk juga Creswell, J., W., *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, 199-200.

telah dilakukan oleh penyelidik dengan mengepos transkripsi tersebut kepada setiap peserta kajian.²⁶⁶

Setelah peserta kajian meneliti, mereka akan menghantar kembali borang pengakuan dan pengesahan transkripsi temu bual (lampiran G) dan borang pengesahan temu bual peserta kajian (lampiran H) sama ada terdapat pembetulan atau sebaliknya. Penyelidik juga meminta rakan yang dalam bidang yang sama dari kalangan pensyarah Jabatan Islam dan Moral di IPG untuk memeriksa data temu bual agar tidak terpesong dari objektif kajian ini. Bias penyelidik juga dapat dielakkan oleh penyelidik kerana kajian dilakukan di empat buah IPG. Oleh itu dapatan kajian tidak berpihak kepada tempat penyelidik bertugas sahaja.²⁶⁷

Triangulasi merupakan prosedur kesahan iaitu penyelidik membentuk tema dalam kajiannya berdasarkan pelbagai sumber maklumat. Penyelidik juga menganalisis dan menyusun data dengan meletakkannya di bawah tema tertentu agar data tidak bertindih. Pelbagai metode digunakan untuk membuktikan data iaitu melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang menghasilkan laporan yang sah kerana pelbagai proses dan bentuk data telah digunakan. Terdapat lima jenis triangulasi yang biasa digunakan iaitu triangulasi data, triangulasi penyelidik, triangulasi teori, triangulasi metode dan triangulasi persekitaran. Justeru penyelidik juga telah menggunakan beberapa jenis triangulasi dalam kajian ini iaitu menggunakan pelbagai sumber data dan maklumat yang berbeza seperti menemu bual beberapa orang peserta kajian yang terdiri daripada pihak pelajar KPLI SR dan pensyarah Tamadun Islam. Seterusnya triangulasi persekitaran juga digunakan kerana kajian ini dilakukan di empat buah IPG. Oleh itu peserta kajian dan pelaksanaan

²⁶⁶ Sila rujuk Lampiran G dan Lampiran H.

²⁶⁷ Sabitha, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 138.

proses pengajaran dan pembelajaran di keempat-empat lokasi kajian tersebut memberi pelbagai data. Jelas menunjukkan kajian ini menggunakan triangulasi untuk mendapat kesahan kajian.²⁶⁸

3.8.2 Kesahan Luar

Kesahan luaran yang tinggi apabila keputusan atau hasil kajian yang diperoleh dapat diaplikasikan dalam dunia sebenar.²⁶⁹ Ia juga merujuk kepada tahap generalisasi dapatan kajian. Terdapat beberapa strategi yang boleh digunakan agar keputusan kajian kualitatif digeneralisasi ialah deskripsi yang kaya dan terperinci, ketipikalan kategori dan reka bentuk pelbagai latar.²⁷⁰

Sehubungan dengan itu, penyelidik telah melaksanakan beberapa perkara untuk memastikan kajian ini telah memenuhi kesahan luar. Perkara pertama yang dilakukan oleh penyelidik ialah menghuraikan kajian dengan jelas dan terperinci agar kajian ini boleh digunakan dalam situasi yang lain. Oleh itu penyelidik menghuraikan dengan terperinci kajian ini iaitu yang berkaitan isi kandungan sukanan pelajaran Tamadun Islam di IPG, kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan objektif kursus Tamadun Islam di IPG untuk dicapai. Seterusnya perkara kedua pula, penyelidik menghuraikan ciri-ciri tipikal kajian sebenar yang telah dilakukan dan membuat perbandingan dengan literatur kajian ini.²⁷¹

3.8.3 Kebolehpercayaan Data

²⁶⁸ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 192-194.

²⁶⁹ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis* , 3.

²⁷⁰Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 185.

²⁷¹ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis* , 3.

Kebolehpercayaan sesebuah kajian ialah ketekalan dapatan kajian sekiranya ia diulang semula. Terdapat perbezaan di antara kebolehpercayaan penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Ini adalah kerana penyelidikan kualitatif andaian asasnya tentang bentuk realiti adalah pelbagai, dinamik dan boleh berubah. Oleh demikian, konsep kebolehpercayaan dalam penyelidikan kualitatif berkait dengan soal kebolehsandaran (*dependability*) dan ketekalan (*consistency*) keputusan atau hasil daripada data yang dikumpul. Justeru penyelidik menggunakan tiga teknik untuk memastikan dapatan kajian ini adalah tekal.

Teknik pertama ialah pendirian penyelidik dengan menerangkan andaian, teori yang digunakan, peserta kajian, lokasi kajian dan lain-lain yang berkaitan dengan kajian tersebut. Oleh itu penyelidik telah menerangkan teori, peserta kajian, lokasi kajian dan lain-lain yang digunakan dalam kajian ini. Teknik kedua pula ialah triangulasi iaitu penyelidik telah mendapatkan data kajian dengan menggunakan pelbagai kaedah dan sudut. Antaranya menemu bual peserta kajian iaitu lapan orang pensyarah Tamadun Islam, membuat pemerhatian dan meneliti dokumen sukatan pelajaran Kursus Tamadun Islam. Teknik ketiga pula ialah jejak audit (*audit trail*) iaitu penyelidik menjelaskan secara terperinci bagaimana data dikumpul, bagaimana kategori dibentuk dan keputusan yang diambil sepanjang kajian sebagaimana yang diterangkan dalam prosedur kajian.²⁷²

Sehubungan dengan tiga teknik untuk mendapat kebolehpercayaan kajian ini maka penyelidik menyediakan borang persetujuan pakar untuk mengesahkan tema yang dibuat oleh penyelidik setelah mendapat pengesahan transkripsi daripada peserta kajian. Hal ini kerana kebolehpercayaan data dan kredibiliti kajian ini

²⁷² *Ibid.*, 187-188.

dilakukan dengan meminta dua orang pakar dari Institut Pendidikan Guru (IPG) yang berpengalaman mengajar mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia di IPG dan pakar dalam kajian kualitatif untuk menilai berdasarkan nilai persetujuan kappa. Untuk memantapkan lagi penilaian persetujuan kappa, penyelidik juga meminta pengesahan dari seorang pakar yang berpengalaman dalam Kurikulum Pendidikan Islam yang berkhidmat di Universiti Malaya sebagai pensyarah dan penyelia pelajar siswazah khususnya peringkat kedoktoran sudah pasti penilaian beliau amat dipercayai. Sehubungan dengan itu, Jadual 3.3 berikut adalah senarai pakar yang dilantik sebagai *interater* untuk mengesahkan pembinaan tema kajian ini.

Jadual 3.3: Pakar Penilai (*Interater*) Kesahan Pembinaan Tema Kajian

Nama	Bertugas	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran
Pakar A	Fakulti Pendidikan, UM	Ketua Jabatan / Pensyarah Kanan, Dr	Pendidikan Islam / Kurikulum Pendidikan Islam
Pakar B	IPG K Ilmu Khas, KL	Ketua Unit / Pensyarah Kanan, Dr	TITAS / Pendidikan Islam
Pakar C	IPG K Tuanku Bainun, PP	Pensyarah, Dr	TITAS / Pendidikan Islam

Seterusnya penyelidik mengira nilai persetujuan pekali Kappa Cohen setelah menerima penilaian dari kesemua pakar. Nilai pekali persetujuan ini dikira menggunakan formula Cohen Kappa seperti Jadual 3.4 di bawah ini.

$$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$$

fa – unit persetujuan

fc – 50 peratus jangkaan persetujuan

N – bilangan unit (tema) yang diuji nilai persetujuan

Jadual 3.4: Pengiraan Nilai Persetujuan Cohen Kappa di antara Pakar Penilai

Penilai 1	Penilai 2	Penilai 3	Nilai Keseluruhan	Persetujuan
$K = \frac{52-27}{54-27}$	$K = \frac{49-27}{54-27}$	$K = \frac{50-27}{54-27}$	$= \frac{0.93 + 0.81 + 0.85}{3}$	
$K = \frac{25}{27}$	$K = \frac{22}{27}$	$K = \frac{23}{27}$		= 0.86
N= 0.93	N= 0.81	N= 0.85		

Berdasarkan kiraan nilai persetujuan Cohen Kappa di atas, penyelidik telah memperoleh indeks pekali Cohen Kappa pada tahap 0.86. Skala persetujuan Cohen Kappa 0.86 ini pada tahap skala tinggi dan sangat baik.

Jadual 3.5: Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa (Wiersma, 1991)

Indikator	Nilai Cohen Kappa
Sangat Tinggi	> 0.90
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.89
Rendah	< 0.30

3.9 Kajian Rintis

Kajian rintis bertujuan untuk menguji kesesuaian soalan dan kefahaman mereka terhadap soalan temu bual yang akan digunakan dalam kajian. Kebiasaannya ia dilakukan kepada sebilangan responden yang mempunyai latar belakang sama dengan peserta kajian sebenar. Terdapat tiga tujuan kajian rintis iaitu penyelidik dapat memastikan soalan yang dikemukakan tidak sensitif, menggugat responden dan tindakan responden terhadap soalan. Sekiranya terdapat soalan yang tidak sesuai, maka penyelidik sepatutnya memperbaiki soalan tersebut sebelum ianya digunakan dalam kajian sebenar.²⁷³

²⁷³ Sabitha, *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, 172-173.

Justeru, penyelidik telah menjalankan kajian rintis kepada dua orang pensyarah Tamadun Islam di dua buah IPG yang berbeza. Mereka berpengalaman mengajar Tamadun Islam di IPG dan mengetahui dan memahami struktur kurikulum Tamadun Islam. Pemilihan pensyarah Tamadun Islam dalam kajian rintis ini mempunyai latar belakang yang sama dengan peserta kajian sebenar untuk memastikan soalan temu bual yang dikemukakan dapat difahami oleh peserta kajian sebenar. Sekiranya terdapat soalan yang kurang difahami, penyelidik akan memperbaikinya sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Hal ini bertepatan dengan pendapat Yin yang menyatakan bahawa kajian rintis dapat memperbaiki dan memberi kekuatan kepada kajian sebenar yang dikaji.²⁷⁴

Penyelidik menggunakan sebuah instrumen kajian iaitu satu set soalan semi berstruktur temu bual untuk pensyarah Tamadun Islam. Pembinaan instrumen ini dilakukan oleh penyelidik berdasarkan objektif dan soalan kajian ini serta kajian-kajian sarjana sebelum ini yang berkaitan dengan fokus kajian ini iaitu pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam. Tujuan soalan temu bual dikemukakan kepada pensyarah Tamadun Islam adalah untuk mendapatkan jawapan tentang pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam. Hal ini kerana untuk memastikan jawapan yang diperolehi adalah tepat dengan kehendak objektif kajian ini. Bagi mengesahkan soalan temu bual dan protokol pemerhatian pengajaran, penyelidik telah mengemukakan kepada penyelia dan tiga orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang Tamadun Islam dan Pendidikan Islam sebelum kajian rintis dijalankan. Berikut adalah senarai pakar yang dirujuk untuk mengesahkan protokol temu bual dan pemerhatian pengajaran seperti yang terdapat dalam Jadual 3.6.

²⁷⁴ Yin, R., K., *Case Study Research: Design and Methods*, ed. ke-4, volume 5 (California: Sage Publication, Inc, 2009), 92.

Jadual 3.6: Penilai Soalan Temu Bual dan Protokol Pemerhatian Pengajaran

Nama	Bertugas	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran
Pakar A	Akademi Islam, UM	Pengajian Pensyarah, Prof, Dr	Pendidikan Islam / Kurikulum Pendidikan Islam / Tamadun Islam
Pakar B	Fakulti UM	Pendidikan, Ketua Jabatan / Pensyarah Kanan, Dr	Pendidikan Islam / Kurikulum Pendidikan Islam / Pedagogi
Pakar C	Fakulti UPM	Pendidikan, Pensyarah, Dr	Pendidikan Islam / Pedagogi

3.10 Etika Kajian

Noraini Idris menyatakan, “etika merupakan isu yang sangat penting dalam penyelidikan pendidikan berikutan penglibatan manusia sebagai subjek penyelidikan. Oleh yang demikian, penyelidik perlu mengambil kira faktor-faktor yang berikut agar peserta penyelidikan tidak dibebani sebarang masalah ekoran penyelidikan tersebut.”²⁷⁵

Sehubungan dengan itu, penyelidik mendapatkan persetujuan secara lisan dan bertulis daripada peserta kajian untuk mendapatkan komitmen dalam memberi data kepada penyelidik. Persetujuan secara bertulis yang diberikan oleh penyelidik kepada peserta kajian ialah Surat Kebenaran Subjek Kajian seperti yang terdapat dalam Lampiran E. Penyelidik juga merahsiakan nama peserta kajian dengan memberi kod tertentu agar identiti peserta tidak terjejas. Seterusnya transkripsi temu bual yang telah disiapkan oleh penyelidik, diserahkan kembali kepada peserta kajian untuk disemak kesahihan dan ketepatan maklumat yang diberikan seperti yang terdapat dalam Pengesahan Temu Bual Subjek Kajian (Lampiran H).

²⁷⁵ Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill Sdn. Bhd., 2010), 13.

Sebelum memulakan penyelidikan di lokasi kajian, penyelidik mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Bahagian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, dan Pengarah setiap Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang seperti yang terdapat dalam Lampiran K, L, M, N, dan O. Penyelidik juga memaklumkan kepada peserta kajian bahawa nama, latar belakang peserta kajian, lokasi kajian dan laporan akhir kajian dirahsiakan dengan menggunakan kod tertentu.²⁷⁶

3.11 Penutup

Secara keseluruhannya penyelidik telah membincangkan secara terperinci beberapa perkara yang berkaitan dengan metodologi kajian. Antara perkara tersebut ialah reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, peserta kajian, lokasi kajian, kaedah penganalisisan data, proses penganalisisan data, kesahan dan kebolehpercayaan, kajian rintis dan etika kajian. Tujuan penerangan mengenai perkara-perkara tersebut adalah untuk memastikan metodologi yang digunakan dalam kajian ini menepati dan memperolehi dapatan kajian yang dapat menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

²⁷⁶ Ahmad Yunus Kasim, “Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes”, (tesis kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 129-130.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian bagi menjawab empat persoalan kajian yang merupakan dapatan daripada data secara kualitatif. Analisis data kualitatif ini adalah berdasarkan transkripsi temu bual, pemerhatian, analisa dokumen antara penyelidik dengan peserta kajian iaitu di kalangan pensyarah Tamadun Islam. Dalam bahagian ini turut membincangkan secara terperinci hasil kajian dan data-data yang diperolehi. Bahagian pertama akan membincangkan latar belakang peserta kajian berdasarkan borang profil subjek kajian dan data temu bual. Bahagian seterusnya akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah dinyatakan di dalam bab satu secara satu persatu. Dapatan kajian yang diperolehi bagi setiap persoalan kajian dianalisa oleh penyelidik dengan menentukan beberapa tema dan sub tema yang bersesuaian dan untuk menjawab kehendak objektif kajian yang telah ditetapkan.

Untuk kajian ini, peserta kajian akan diwakili dengan singkatan P1, P2 sehingga P8 bagi melindungi identiti mereka daripada dapat dikesan. Sebagai contoh P1 membawa maksud “Pensyarah Tamadun Islam” dan “1” merujuk kepada nombor peserta kajian. Kesemua peserta kajian telah bersetuju untuk menyertai kajian ini tanpa sebarang keraguan. Untuk mengelak bias proses memperolehi data, penyelidik memastikan bahawa peserta kajian yang dipilih terdiri daripada mereka yang belum pernah ditemu bual oleh penyelidik sebelum ini.

4.2 Konteks Kajian

Kajian kes ini dilaksanakan di empat buah Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang iaitu Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dan Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik. Keempat-empat institut ini dipilih kerana ianya terlibat dalam pelaksanaan pengajaran kursus Tamadun Islam.

Kajian ini melibatkan proses pengumpulan data melalui temubual secara mendalam, pemerhatian tanpa ikut serta analisa dokumen yang dilaksanakan di bilik kuliah, bilik sumber atau di bilik khas di institut yang berkenaan.

4.3 Latar Belakang Peserta Kajian

Latar belakang peserta kajian dalam kajian ini yang dijelaskan ialah pensyarah Tamadun Islam dari empat buah Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang. Maklumat latar belakang ini diperolehi oleh penyelidik melalui temu bual dan borang profil subjek kajian yang telah diisi oleh peserta kajian. Penyelidik menerangkan latar belakang peserta kajian dari segi umur, jantina, latar belakang pengajian, pengalaman mengajar dan gred jawatan semasa ditemu bual.

Seramai lapan orang pensyarah Tamadun Islam telah dipilih sebagai peserta kajian iaitu lima orang lelaki dan tiga orang perempuan bagi mendapatkan maklumat yang boleh digunakan bagi menjawab objektif kajian ini. Ringkasan latar belakang Pensyarah Tamadun Islam tersebut bolehlah diringkaskan seperti terdapat dalam jadual 4.1 berikut.

Jadual 4.1: Latar belakang Pensyarah Tamadun Islam di IPG Lembah Klang

Peserta Kajian	Usia / Jantina	Latar Belakang Pengajian	Pengalaman Mengajar	Gred Jawatan
P1	46 tahun / Lelaki	*Kedoktoran (PhD), UKM *Sarjana Pendidikan, UM *Sarjana Muda, U. Jordan	13 tahun	DG48
P2	56 tahun / Lelaki	*Sarjana Bahasa Moden, UM *Sarjana Muda, Universiti al-Azhar, Mesir	29 tahun	DG52
P3	43 tahun / Lelaki	*Sarjana Usuluddin, UM *Sarjana Muda Syariah, UKM	18 tahun	DG48
P4	43 tahun / Wanita	*Sarjana Usuluddin, UM *Sarjana Muda Usuluddin, UM	18 tahun	DG48
P5	56 tahun / Lelaki	*Sarjana Pendidikan, Pendidikan Islam, UKM *Sarjana Muda Usuluddin & Falsafah, UKM	28 tahun	DG52
P6	41 tahun / Wanita	*Sarjana Pengajian Islam, UKM *Sarjana Muda Pengajian Islam, UKM	14 tahun	DG48
P7	42 tahun / Lelaki	*Sarjana Pendidikan, Bahasa Arab, UM *Sarjana Muda Syariah, Universiti al-Azhar, Mesir	14 tahun	DG44
P8	47 tahun / Wanita	*Sarjana Pendidikan, Pendidikan Islam, UM *Sarjana Muda, Bahasa Arab, UIA *Sijil Perguruan Asas, Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, MPI, 1988	20 tahun	DG48

4.3.1 Peserta Kajian Pertama (P1)

Peserta kajian P1 ialah seorang lelaki yang berusia 46 tahun. Beliau berkelulusan Sarjana Muda dari Universiti Jordan, Sarjana Pendidikan dari Universiti Malaya dan Ijazah Kedoktoran dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Berpengalaman mengajar selama 12 tahun dan sedang berada dalam gred jawatan DG48. Berpengalaman di dalam mengajar subjek Tamadun Islam, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Pendidikan Islam dan Fiqh Islam. Beliau terlibat sebagai penggubal Modul Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) peringkat Persediaan Program Ijazah Sarjana Muda

Perguruan (PPISMP). Terlibat juga sebagai penggubal Modul subjek Bahasa Arab peringkat Pensiwazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR) dan penggubal Modul Pendidikan Kaunseling. Merupakan ahli Persatuan Kaunseling Malaysia dan ahli Kesatuan Guru Kebangsaan Malaysia. Memegang prinsip di dalam kehidupan “rebutlah peluang yang dikurniakan oleh Allah dalam kebolehan, kemampuan yang sedia ada, di kelak hari beroleh kejayaan”.

4.3.2 Peserta Kajian Kedua (P2)

Peserta kajian ini seorang pensyarah lelaki berusia 56 tahun. Beliau mempunyai pengalaman mengajar selama 29 tahun. Berkelulusan Sarjana Muda dari Universiti al-Azhar, Mesir dan Sarjana Bahasa Moden dari Universiti Malaya dan sekarang beliau berada dalam gred jawatan DG52. Berpengalaman di dalam mengajar subjek Tamadun Islam, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan Bahasa Arab. Beliau pernah terlibat dalam kursus pengenalan Tamadun Islam dan seminar Islam Hadhari. Beliau juga pernah menyertai bengkel Pemurnian Pengkalan Data, kursus Peningkatan Profesionalisme Pensyarah Pengkhususan Kursus Audit Dalaman ISO 9001:208 dan kursus Statistik & Interpretasi Data. Merupakan pendakwah dan penceramah kuliah agama di masjid dan surau yang berhampiran tempat tinggalnya. Memegang prinsip di dalam kehidupan “ikhlas dan terus terang”.

4.3.3 Peserta Kajian Ketiga (P3)

P3 merupakan seorang pensyarah lelaki berusia 43 tahun dan berpengalaman mengajar selama 17 tahun. Mempunyai kelulusan Sarjana Muda Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Usuluddin dari Universiti Malaya. Bidang pengkhususan pada peringkat Ijazah Sarjana ialah bidang politik Islam. Sekarang beliau

berada dalam gred jawatan DG48. Berpengalaman di dalam mengajar subjek Tamadun Islam, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Pedagogi Pendidikan Islam j-QAF, Pendidikan Al-Quran j-QAF, dan Pendidikan Islam Pendidikan Khas. Beliau terlibat sebagai penggubal Modul Pendidikan Islam Pendidikan Khas j-QAF. Merupakan pendakwah dan penceramah di dalam kuliah agama di masjid dan surau yang berhampiran tempat tinggalnya. Beliau terlalu banyak menghabiskan masa untuk menyampaikan kuliah agama selepas sahaja selesai bertugas di institutnya. Memegang prinsip di dalam kehidupan “ berjuang untuk menegakkan agama Allah di atas muka bumi Allah ”.

4.3.4 Peserta Kajian Keempat (P4)

Peserta kajian seterusnya merupakan seorang pensyarah wanita berusia 43 tahun. Memiliki kelulusan Sarjana Muda Syariah dari Universiti Malaya dan Sarjana Usuluddin dari Universiti Malaya. Bidang pengkhususan pada peringkat Sarjana ialah bidang Sejarah dan Tamadun Islam. Pengalaman mengajar selama 18 tahun dan sedang berada dalam gred jawatan DG48. Berpengalaman di dalam mengajar subjek Tamadun Islam, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Sejarah, Pendidikan Islam, Pedagogi Pendidikan Islam j-QAF, Pendidikan Al-Quran j-QAF, dan Pendidikan Islam Pendidikan Khas, dan Pendidikan Khat & Jawi j-QAF. Beliau terlibat sebagai penggubal Modul Pendidikan Islam Pendidikan Khas j-QAF. Terlibat didalam penggubalan modul Pendidikan Islam DPLI. Merupakan ahli Persatuan Bahasa Arab Malaysia. Memegang prinsip di dalam kehidupan “buat yang terbaik kerana Allah Taala.”

4.3.5 Peserta Kajian Kelima (P5)

P5 merupakan pensyarah lelaki berusia 56 tahun. Sangat berpengalaman dan telah mengajar selama 28 tahun. Berkelulusan Sarjana Muda Usuluddin dan Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2002 dan berada dalam gred jawatan DG52. Berpengalaman di dalam mengajar subjek Tamadun Islam, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Pengajian Islam dan Pendidikan Moral. Beliau terlibat sebagai penggubal Modul Tamadun Islam peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR). Beliau pernah terlibat dalam kursus pengenalan seminar Tamadun Islam di Universiti Teknologi Mara, kursus Pemantapan Al-Quran, seminar Pemurnian Aqidah : Ancaman Syiah, seminar Pemurnian Aqidah : ESQ dan kongres Sistem Pendidikan Islam Negara. Merupakan Pengerusi dan Imam Surau Diri Jumaat Al-Syakirin di institutnya.. Memegang prinsip di dalam kehidupan “berkhidmat tanpa membuang masa.”

4.3.6 Peserta Kajian Keenam (P6)

Pensyarah Tamadun Islam yang menjadi peserta kajian ialah P6. Beliau seorang wanita berumur 41 tahun. Telah mengajar selama 14 tahun. Beliau mempunyai kelulusan Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sekarang beliau berada dalam gred jawatan DG48. Berpengalaman di dalam mengajar subjek Tamadun Islam, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Pendidikan Islam, Pedagogi Pendidikan Islam j-QAF, Pendidikan Al-Quran j-QAF, dan Pendidikan Moral. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Surau Diri Jumaat Al-Syakirin di institutnya. Beliau cergas dalam organisasi Pergerakan Puteri Islam Malaysia cawangan institutnya. Ketika

ini beliau sedang melanjutkan pengajiannya di peringkat kedoktoran di salah sebuah institut pengajian tinggi dalam negara ini.

4.3.7 Peserta Kajian Ketujuh (P7)

Peserta kajian P7 merupakan seorang pensyarah Tamadun Islam yang berusia 42 tahun. Beliau seorang lelaki yang berkelulusan Sarjana Muda Syariah Islamiyah dari Universiti Al-Azhar, Mesir. Meneruskan pengajian di peringkat sarjana dan memiliki Sarjana Pendidikan (Bahasa Arab) dari Universiti Malaya. Berpengalaman mengajar selama empat belas tahun dan berada dalam gred jawatan DG44. Berpengalaman di dalam mengajar subjek Tamadun Islam, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Bahasa Arab dan Pendidikan Islam. Beliau pernah terlibat dalam bengkel Modul Al-Quran Rasm Uthmani, seminar Pendekatan Dakwah Kontemporari, kursus Penulisan Khat dan Jawi, kursus Peningkatan Profesionalisme j-QAF dan seminar Aqidah. kursus pengenalan Tamadun Islam dan seminar Islam Hadhari. Beliau juga pernah menyertai bengkel Pengacaraan Majlis, bengkel Analisis Data MS ISO 9001 : 2008 dan Orientering Tahap 1. Merupakan Imam dan Ahli Jawatankuasa Surau di Institutnya. Memegang prinsip di dalam kehidupan “keazaman yang tulus akan membawa jalan yang lurus”.

4.3.8 Peserta Kajian Kelapan (P8)

P8 pula seorang wanita yang berumur 47 tahun. Mempunyai pengalaman mengajar yang lama dalam bidang pendidikan iaitu selama 20 tahun. Beliau berkelulusan Sijil Perguruan Asas bidang Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Maktab Perguruan Islam pada tahun 1988. Kemudian beliau menyambung pelajaran dan berjaya memperolehi Sarjana Muda Bahasa Arab dari Universiti Islam Antarabangsa. Seterusnya beliau

menyambung pelajaran lagi dan berjaya memperolehi Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) dari Universiti Malaya. Sekarang beliau berada dalam gred jawatan DG48. Berpengalaman di dalam mengajar subjek Tamadun Islam, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Pendidikan Islam, Pedagogi Pendidikan Islam j-QAF, dan Pendidikan Al-Quran j-QAF. Beliau bergiat cergas dalam organisasi Pergerakan Puteri Islam Malaysia cawangan institutnya selaku juru latih utama di dalam pergerakan ini.

4.4 Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini akan menjawab keseluruhan empat persoalan kajian seperti yang telah dijelaskan sebelum ini dalam bab satu.

4.4.1 Isi Kandungan Sukatan Pelajaran Tamadun Islam

Persoalan pertama ialah “Apakah isi kandungan sukatan pelajaran kursus Tamadun Islam yang diperkenalkan kepada pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang?” Untuk tujuan menjawab persoalan kajian ini, penyelidik telah mengajukan soalan kepada peserta kajian iaitu “Apakah pandangan anda mengenai kursus Tamadun Islam ini?”. Data yang diperolehi dalam kajian ini adalah hasil daripada temu bual, pemerhatian terhadap pengajaran pensyarah kerana mereka terlibat secara langsung dalam pengajaran Tamadun Islam.

Tugas seseorang pendidik di dalam bilik kuliah adalah untuk melaksanakan sukanan pelajaran yang telah ditetapkan. Bagi kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru, sukanan pelajaran ini dilaksanakan berdasarkan ketetapan yang telah disediakan oleh Bahagian Pendidikan Guru, KPM. Berdasarkan sukanan pelajaran, para pensyarah akan memilih topik yang akan diajar mengikut kalender akademik

pengajian.²⁷⁷ Dalam melaksanakan pengajaran, isi kandungan sukanan pelajaran bagi sesebuah kursus atau mata pelajaran adalah penting kerana pemilihan isi kandungan sesebuah kurikulum amatlah kompleks. Terdapat tiga unsur yang perlu dititikberatkan dalam pemilihan kandungan kurikulum ialah unsur kognitif, efektif, dan psikomotor. Ketiga-tiga unsur ini merupakan asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembinaan insan yang seimbang.²⁷⁸ Bagi memudahkan penulisan ini, penyelidik meringkaskan dapatan kajian bagi persoalan kajian mengenai pandangan peserta kajian mengenai kursus Tamadun Islam seperti dalam jadual 4.2 berikut.

Jadual 4.2: Taburan Pola Tema Isi Kandungan Tamadun Islam

Komponen	Peserta Kajian								
Tema	Sub tema	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8
Pandangan Terhadap Kursus	Sesuai Kepada Semua Pelajar		x				x	x	x
	Menerangkan Asas-Asas Pendidikan Islam dan Tamadun Islam	x	x	x				x	x
Tajuk Yang Minat Diajar	Konsep dan Sumber Tamadun Islam	x			x	x	x		x
	Berkaitan Dengan Asas iaitu Aqidah, Syariah dan Akhlak		x		x	x	x		x
	Mengaitkan Isi Kandungan Tamadun Islam dari Aspek Politik dan Peranan Sebagai Guru			x				x	
Penyertaan Kursus Berkaitan Tamadun Islam	Pernah hadir		x			x			
	Tidak pernah hadir	x		x	x		x	x	x

x – Dapatan kategori dan tema kajian

²⁷⁷ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukanan Pelajaran Tamadun Islam”, 3.

²⁷⁸ Abd. Ghafar, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, 19.

4.4.1.1 Pandangan Mengenai Kursus

4.4.1.1(a) Sesuai kepada Semua Pelajar

Dapatkan kajian bagi sub tema ini mendapati empat peserta kajian mengakui bahawa sukanan pelajaran Tamadun Islam adalah sesuai kepada semua pelajar. Isi kandungan kursus Tamadun Islam ini adalah amat bersesuaian kepada pelajar Islam dan pelajar bukan Islam. Bagi pelajar Islam, mereka dapat melihat keagungan Islam berdasarkan sejarah dan tamadun lampau. Ini jelas dilihat melalui kata-kata peserta kajian peserta kajian P6. Beliau menegaskan dengan berkata, “Melihat kepada kursus ini, kursus ini wajib memang amat baik kepada pelajar untuk mengambil subjek tersebut.”(P6/TB1)

Begitulah juga bagi peserta kajian P7, beliau menjelaskan berkata, “Kursus ini dia sebenarnya sangat sesuai walaupun ada sesetengah pelajar itu sudah belajar diperingkat universiti, tetapi kita dapati mereka masih lagi dahagakan ilmu.” (P7/TB1)

Manakala bagi pelajar bukan Islam, isi kandungan Tamadun Islam amat sesuai kepada mereka kerana mendapat gambaran yang jelas mengenai ajaran Islam, keistimewaan Tamadun Islam dan menambah pengetahuan mereka mengenai Islam. Ini dapat dilihat melalui kata-kata daripada peserta kajian P2 yang menyatakan bahawa kursus ini diajarkan kepada semua lapisan pelajar dengan katanya, “Pandangan saya baguslah, sebenarnya dia dalam itu tujuannya supaya Tamadun Islami ni diajar juga kepada orang bukan Islam supaya mereka dapat gambaran Islam sebenarnya.”(P2/TB1)

Manakala menurut peserta kajian P8 menyatakan pula bahawa kursus ini adalah bersesuaian dengan pelajar dengan katanya:

“Saya rasa memang bagus sebab dia mengajar bukan meliputi orang Islam sahaja. Pada yang bukan Islam jadi maknanya benda ini orang dapat gambaran awal tentang Tamadun Islam itu sendiri. Jadi kalau sesiapa yang berminat kemungkinan dia boleh tambah ilmu lagi.”(P8/TB1)

Berdasarkan triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen sukatan pelajaran Tamadun Islam KPLI SR, antara isi kandungan yang terdapat dalam sukatan pelajaran Tamadun Islam adalah sesuai kepada pelajar Islam kerana menunjukkan keagungan Tamadun Islam melalui tokoh-tokoh Islam dan sumbangan mereka dalam pelbagai aspek.

Antara tajuk tersebut ialah tokoh-tokoh Islam iaitu al-Khuwarizmi, Ibnu Sina, al-Razi, al-Zarqali, Ibnu Haitham, al-Ghazali, al-Farabi, Ibnu Khaldun, HAMKA dan Ibnu Batutah.²⁷⁹ Tajuk yang berkaitan dengan sumbangan Tamadun Islam ialah sumbangan Tamadun Islam dalam bidang sosial, ekonomi, dan politik.²⁸⁰ Seterusnya tajuk yang memberi gambaran mengenai Islam kepada pelajar bukan Islam ialah tajuk Tasawwur Islam yang membincangkan mengenai aqidah, syariah, dan akhlak.²⁸¹

4.4.1.1(b) Menerangkan Asas-Asas Pendidikan Islam dan Tamadun Islam

Dapatan kajian mendapati lima peserta kajian mengakui bahawa sukatan pelajaran Tamadun Islam dapat menerangkan asas-asas Pendidikan Islam dan Tamadun Islam kepada para pelajar. Kursus Tamadun Islam memainkan peranan penting bagi melahirkan generasi pelajar yang sentiasa memahami gambaran ajaran Islam secara

²⁷⁹Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam”, 7.

²⁸⁰Ibid., 8.

²⁸¹Ibid., 9.

menyeluruh di dalam negara ini. Dalam kandungan kursus Tamadun Islam ada menerangkan mengenai asas-asas Pendidikan Islam. Antara tajuk yang terdapat dalam sub topik asas-asas Pendidikan Islam dalam kurikulum kursus Tamadun Islam ini ialah aqidah, syariah, dan akhlak.

Ini menunjukkan aspek Pendidikan Islam tidak boleh dipisahkan dengan ketamadunan dan sejarah sesebuah peradaban manusia. Jelas menunjukkan pelajar yang mempelajari kursus Tamadun Islam berasa tertarik untuk mempelajari kursus ini kerana terdapat penerangan tentang aqidah, syariah, dan akhlak. Hal ini jelas sebagaimana yang telah dinyatakan oleh peserta kajian P1 ketika ditemu bual dengan berkata, "Maksudnya kalau kita ambil dalam content yang utama iaitu kita ambil asas akhlak, syariah, akidah dan kita ada sumbangan yang diberikan kepada barat dan perlu kita fokuskan tambah satu lagi iaitu kesan kejatuhan supaya boleh melihat secara menyeluruh."(P1/TB1)

Perkara ini disokong oleh peserta kajian P3 yang menyatakan mempelajari Tamadun Islam dapat menambah ilmu Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar seperti kata-kata :

"Saya tengok kalau mana-mana kurang, tidak ada buat huraian panjang tapi yang saya rasa penting untuk pemikiran dan kefahaman dia orang jadi lama sikitlah. Tajuknya macam matlamat tamadun dan ciri-ciri tamadun yang itu benda yang penting untuk kita beritahu terlebih awal dan itu perlu bagi tahu, supaya dia dapat membezakan Tamadun Islam dengan tamadun-tamadun lain yang berasaskan bangsa dan budaya semata-mata." (P3/TB1)

Seterusnya peserta kajian P2 juga berpandangan sub topik asas-asas Pendidikan Islam dalam kurikulum Tamadun Islam dapat mendekatkan diri terhadap ajaran Islam seperti yang telah diutarakan oleh beliau iaitu :

“Disamping itu juga, dari segi sejarah Islam itu lebih kepada sejarah dan Tamadun Islam dia masuk dalam intisari sikit tapi bukan kepada hukum-hukum itu tidak banyak tapi menyentuh lebih dalam sikit tentang ajaran Islam untuk mendekatkan lagi ajaran Islam dan kepada orang Islam sendiri melalui tamadun ini supaya dia dapat praktikkan lagi.” (P2/TB1)

Begitu juga peserta kajian P7 menyatakan bahawa para pelajar sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang Pendidikan Islam walaupun tempoh latihan perguruan mereka agak singkat di Institut Pendidikan Guru. Ini jelas melalui kata-kata, “Kursus ini dia sebenarnya sangat sesuai walaupun ada sesetengah pelajar itu sudah belajar diperingkat universiti, tetapi kita dapati mereka masih lagi dahagakan ilmu ini sebab dia ada kait rapat dengan Pendidikan Islam.” (P7/TB1)

Peserta kajian P7 turut menyatakan juga bahawa Tamadun Islam merupakan kursus yang berupaya memantapkan lagi Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar. Ini bertepatan dengan kata-kata beliau :

“Jadi, kalau mana-mana bahagian yang tidak mantap atau pun tidak cukup dalam Pendidikan Islam, kita boleh masukkan dalam subjek ini. Itu peluang kita hendak mengajar, kita sebagai guru Pendidikan Islam hendak mengajar guru itu sendiri supaya dia menghayati Pendidikan Islam dan Tamadun Islam.” (P7/TB1)

Melalui kursus Tamadun Islam, para pelajar menyedari bahawa Islam mencapai kegemilangan dalam sejarah yang terdahulu. Ini terbukti dengan kata-kata peserta kajian P8 seperti berikut :

“Kalau orang Islam, kadang-kadang Islam dia tidak tahu Tamadun Islam itu sendiri. Jadi bila belajar Tamadun Islam, walaupun mungkin dia belajar di universiti maknanya di sini bagi pendedahan lagi, jadi timbul sedikit kesedaran itu tentang Islam pernah cemerlang dan pernah gemilang pada masa dulu. Makna positiflah!.” (P8/TB1)

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen iaitu sukatan pelajaran Tamadun Islam KPLI SR,²⁸² mendapati isi kandungan dalam sukatan pelajaran Tamadun Islam ada menerangkan asas-asas Pendidikan Islam dalam bidang aqidah, syariah dan akhlak.

Perkara ini jelas melalui tajuk aqidah yang menerangkan definisi aqidah, mengenal Allah, kepentingan aqidah dan tugas manusia mencari kebenaran aqidah. Seterusnya tajuk syariah pula menjelaskan mengenai definisi syariah, peranan dan undang-undang Allah yang meliputi semua aspek kehidupan, pembahagian syariah (ibadah, muamalat, ekonomi, munakahat, siasah dan jenayah). Tajuk akhlak pula menerangkan mengenai definisi akhlak, kepentingan akhlak, hubungan antara manusia dengan Allah, sesama manusia dan alam sekitar.

Rumusan bagi dapatan kajian mengenai pandangan mengenai kursus Tamadun Islam ini, jelas menunjukkan bahawa sukatan Tamadun Islam sesuai kepada pelajar Islam dan bukan Islam. Begitu juga dapat menerangkan asas-asas Pendidikan Islam secara menyeluruh dalam aspek aqidah, syariah, dan akhlak.

4.4.1.2 Tajuk yang Minat Diajar

Penyelidik telah mengajukan soalan kepada pensyarah iaitu “Bahagian atau tajuk yang manakah anda yang paling berminat untuk mengajar?” Soalan ini diajukan kepada peserta kajian bagi memastikan samada mereka cenderung atau sebaliknya dalam berinteraksi dengan pelajar dalam pengajaran kursus Tamadun Islam. Data yang diperolehi dalam kajian ini adalah hasil daripada temu bual, pemerhatian terhadap pensyarah, dan menganalisis terhadap dokumen peserta kajian.

²⁸² Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam”, 9.

4.4.1.2(a) Konsep dan Sumber Tamadun Islam

Dapatan kajian mendapat sebahagian besar peserta kajian iaitu lima orang daripada lapan orang peserta kajian menegaskan isi kandungan sukanan pelajaran Tamadun Islam dapat menerangkan konsep dan sumber Tamadun Islam kepada para pelajar. Kurikulum Tamadun Islam mengandungi pelbagai definisi dan konsep bagi memahamkan kepada para pelajar mengenai gambaran Islam samada secara menyeluruh atau pun secara detil. Pelbagai definisi telah dijelaskan mengikut pandangan sarjana Islam, barat dan sebagainya. Begitu juga peserta kajian telah ditemubual mengenai tajuk-tajuk yang diajar oleh para pensyarah.

Menurut peserta kajian P1, beliau menyatakan tajuk-tajuk yang diminati untuk diajarkan atau disampaikan kepada pelajar ialah berkaitan konsep asas Tamadun Islam itu sendiri. Ini berdasarkan kata-kata beliau iaitu, “Saya lebih suka konsep sumber Tamadun Islam itu sendiri. Contohnya asal definisi dia punya sumbangan kepada sumber-sumber itu. Yang kedua tentang sumbangan Islam kepada barat dan kesan ideologi Barat kepada orang Islam.” (P1/TB1)

Bagi peserta kajian dari P4 berkata, “Konsep asas Tamadun Islamlah sebab itu peringkat awal kita beri pengenalan kepada pelajar. Lepas itu, tajuk yang belakang yang akhir, iaitu tasawwur secara keseluruhan.” (P4/TB1)

Menurut P5 pula, beliau mengatakan :

“Bagi saya, konsep asas Tamadun Islam amat penting bagi kita dedahkan kepada para pelajar, khususnya pelajar-pelajar non-muslim. Dalam ini dia berbentuk bidang sejarah daripada saya tadi, saya menyebut pasal Tamadun Islam ini merupakan matlamat tamadun, prinsip-prinsip Tamadun Islam kemudian pembentukan Tamadun Islam di peringkat permulaan.” (P5/TB1)

Seterusnya menurut peserta kajian dari P6 menjelaskan :

“Tajuk dia tajuk permulaan, konsep asas itu dan tajuk Tasawwur Islam sebab di sini, kalau pelajar kita itu bukan Islam, kita cuba unuk menerangkan keindahan agama Islam itu sendiri. Peluang untuk kita berdakwah. Ini peluang besar di mana kebanyakan mereka dapat gambaran Islam yang sebenar di mana gambaran di luar adalah negatif tentang Islam.” (P6/TB1)

Bagi peserta kajian P8 pula ada juga menjelaskan :

“Tajuk konsep dan sumber Tamadun Islam memang salah satu tajuk yang menarik untuk diajar... sebab itu adalah pengenalan kepada tamadun islam itu sendiri dan juga memberi peluang kepada guru/pensyarah untuk menerangkan keistimewaan dan perbezaan tamadun Islam berbanding dengan tamadun dunia yang lain. Seperti dari segi sumber Tamadun Islam adalah bersumberkan wahyu Allah, begitu juga dengan matlamat Tamadun Islam juga amat berbeza dengan tamadun lain. Ini adalah peluang untuk kita berdakwah kepada pelajar non-muslim.” (P8/TB2)

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen Sukatan Pelajaran Tamadun Islam KPLI SR, mendapati isi kandungan dalam sukatan pelajaran Tamadun Islam ada menerangkan konsep dan sumber Tamadun Islam iaitu melalui tajuk konsep asas Tamadun Islam. Di dalam tajuk ini dijelaskan beberapa sub topik iaitu definisi tamadun dan Tamadun Islam, ciri-ciri Tamadun Islam, matlamat Tamadun Islam, prinsip-prinsip Tamadun Islam, sumber-sumber Tamadun Islam dan pembentukan Tamadun Islam di peringkat permulaan.²⁸³

4.4.1.2(b) Berkaitan dengan Asas iaitu Aqidah, Syariah dan Akhlak

Dapatan kajian mendapati sebahagian besar peserta kajian iaitu lima orang daripada lapan orang peserta kajian menegaskan isi kandungan sukatan pelajaran Tamadun

²⁸³ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam”, 6.

Islam dapat menerangkan asas-asas Pendidikan Islam kepada para pelajar. Asas-asas Pendidikan Islam tersebut ialah yang berkaitan bidang aqidah, syariah dan akhlak.

Menurut peserta kajian P2 mengatakan, “Tamatun Islam ini, saya minat dari segi bahagian ada kaitan agama untuk menerapkan dari segi praktikal misalnya, hubungan dengan masyarakat dan sebagainya, itulah contoh-contohnya.” (P2/TB1)

Menurut P4, beliau menjelaskan, “Perbincangan di dalam kursus Tamadun Islam ini mengandungi perbincangan mengenai aqidah iaitu berkaitan kepercayaan, syariah iaitu hukum keagamaan dan juga budi pekerti di antara manusia.” (P4/TB2)

Menurut P5 pula, beliau mengatakan :

“Kita ada menyentuh dari segi akidah dan kita menyentuh daripada syariah, kita sentuh dari segi akhlak, tapi tak nampaklah sebab tu lah saya letak tasawwur tu di belakang... kerana saya lihat seolah-olah ia repeat saja tajuk-tajuk tu. Jadi apabila saya letakkan Tasawwur di belakang, ia berfungsi mendetilkan konsep asas Tamadun. Yang diletakkan di awal tadi... jadi konsep asas Tamadun itulah tajuk yang penting.” (P5/TB1)

Menurut P6 pula, beliau mengatakan, “Saya berminat untuk mengajar tajuk-tajuk berkaitan dengan asas Islam kerana ini merupakan ruang dan peluang untuk menambah pengetahuan pelajar terhadap agama Islam.” (P6/TB2)

Seterusnya bagi peserta kajian P8 pula ketika ditemubual mengenai tajuk-tajuk yang diminati untuk diajar ialah, “Tajuk pertama Tassawur Islam, aqidah, syariah.....” (P8/TB1)

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen sukatan pelajaran Tamadun Islam, mendapati isi kandungan dalam sukatan pelajaran

Tamadun Islam menerangkan asas-asas Pendidikan Islam dalam bidang aqidah, syariah, dan akhlak. Hal ini jelas melalui tajuk aqidah yang menerangkan mengenai definisi, mengenal Allah, kepentingan aqidah dan tugas manusia mencari kebenaran aqidah. Seterusnya tajuk syariah pula menjelaskan mengenai definisi, peranan dan undang-undang Allah yang meliputi semua aspek kehidupan, pembahagian syariah (ibadah, muamalat, ekonomi, munakahat, siasah dan jenayah). Tajuk akhlak pula menerangkan mengenai definisi, kepentingan akhlak, hubungan antara manusia dengan Allah, sesama manusia dan alam sekitar.²⁸⁴

4.4.1.2(c) Mengaitkan Isi Kandungan Tamadun Islam dari Aspek Politik dan Peranan Sebagai Guru

Dapatan kajian mendapati dua orang daripada lapan orang peserta kajian menegaskan isi kandungan sukan pelajaran Tamadun Islam dapat mengaitkan dengan aspek politik dan peranan sebagai seorang guru. Aspek politik juga merupakan tajuk atau bahagian yang penting di dalam kurikulum Tamadun Islam di peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah. Bagi peserta kajian P3, beliau ada menyatakan, “Saya seronok belaka tapi saya suka sistem politik yang bahagian kenegaraan, pentadbiran, syura sebab itu bidang master saya. Walaupun bidang saya Usuluddin, tapi kajian saya tentang politik di Malaysia, nak kaji ia seleweng tidak dengan aqidah.”(P3/TB1)

Isi kandungan Tamadun Islam dapat menjelaskan peranan guru kepada para pelajar. Ini jelas difahami melalui kata-kata berikut. Peserta kajian P7, menegaskan :

“Saya secara umum minat tu dia akan datang apabila ia berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab guru di sekolah apabila tamadun isi kandungan ada kaitan dengan peranan guru disekolah. Di situ saya akan hurai seluas luasnya, contohnya apabila dia mengajar disekolah itu, dia kena luaskan skop. Contohnya guru bahasa Melayu. Jangan

²⁸⁴Bahagian Pendidikan Guru, “Sukan Pelajaran Tamadun Islam”, 9.

dia sempitkan skop ajar bahasa Melayu je. Dia kena luaskan..... contohnya jangan tajuk " Hobi saya pelancongan saja, masukkan jugalah unsur nilai.....contohnya sumbangan tokoh Islam dari segi perubahan. Maknanya ustaz minat mengajar ini tengok kepada tajuk itu terus kaitkan tanggungjawab guru." (P7/TB1)

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen sukatan pelajaran Tamadun Islam, mendapati isi kandungan dalam sukatan pelajaran Tamadun Islam ada mengaitkan dengan aspek politik sebagaimana yang terdapat dalam tajuk sumbangan Tamadun Islam dalam bidang politik. Tajuk ini menerangkan mengenai sistem syura, sifat-sifat pemimpin dan konsep negara Islam.²⁸⁵

Rumusan bagi dapatan kajian mengenai tajuk yang minat di ajar oleh peserta kajian ialah mengenai konsep dan sumber Tamadun Islam, asas Pendidikan Islam iaitu Aqidah, Syariah dan Akhlak serta mengaitkan Tamadun Islam dari aspek politik dan peranan sebagai guru di dalam sesbuah pengajaran.

4.4.1.3 Penyertaan Kursus Berkaitan Tamadun Islam

Kursus Tamadun Islam diajar kepada semua pelajar di Institut Pendidikan Guru di seluruh Malaysia bagi peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah bermula tahun 2003. Pensyarah Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru telah diberikan kursus yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam.

Bagi tujuan mendapatkan bukti bahawa pensyarah diberikan kursus Tamadun Islam sepanjang perkhidmatan mereka sebagai pensyarah kursus Tamadun Islam, penyelidik telah mengajukan soalan khusus iaitu, "Pernahkah anda mengikuti sebarang kursus mengenai pendedahan kursus ini?

²⁸⁵Bahagian Pendidikan Guru, "Sukatan Pelajaran Tamadun Islam", 9.

Dapatan kajian mendapati dua daripada peserta kajian telah menyatakan bahawa mereka pernah menghadiri kursus berkaitan Tamadun Islam sebelum ini. Peserta kajian P2 menyatakan, “Saya ingat pernah sekali di Sabah, lagi ada kursus di Kelantan pada tahun 1991 di bawah anjuran kementerian atau BPG kot.” (P2/TB1)

Bagi peserta kajian P5 pula, menyatakan bahawa beliau pernah menyertai kursus Tamadun Islam. Beliau juga merupakan salah seorang panel penggubal kepada sukanan pelajaran Tamadun Islam. Dengan nada yang ceria beliau berkata, “Ada, 2 kali untuk pensyarah IPG, melibatkan pengajaran tamadun.Pada tahun 1985 dulu ada sekali. Ustaz Rashid Ngah, Ustaz Azhar yang jadi bossnya di Port Dickson. Kali ke 2, saya sendiri, Ustaz Abdullah, Ustaz Rashid Ngah beri taklimat tahun 2003 di Langkawi”. (P5/TB1)


Walau bagaimana pun terdapat juga peserta kajian yang belum pernah mengikuti kursus Tamadun Islam, seperti peserta kajian P1 yang menyatakan, “Pendedahan untuk KPLI tidak ada, tapi untuk program Tamadun Islam PPISMP saya pernah mengikuti untuk program Tamadun Islam untuk menyelaraskan untuk sarjana muda tapi KPLI tiada.” (P1/TB1)

Begitu juga peserta kajian P7 belum pernah menyertai sebarang kursus Tamadun Islam dan masih menaruh harapan agar dapat menyertai kursus yang berkenaan dengan berkata, “Minta maaf, tidak pernah, tapi dalam hati duk harap-harap ada. Sebab duk tengok senarai-senarai kursus oleh ILIM ni, tak ada subjek Tamadun ni, jadi tak boleh apply. Saya memang mahu kerana kita sendiri pun bukan pandai sangat. Tahu sendirilah..” (P7/TB1)

Seterusnya peserta kajian P3, P4 dan P8 pula mendedahkan bahawa beliau belum pernah mengikuti kursus seperti seminar dan lain-lain bagi mengajar kursus Tamadun Islam dengan berkata, “Tidak pernah.” Bagi peserta kajian P6 juga menyatakan bahawa beliau tidak pernah menyertai kursus Tamadun Islam dengan nada yang kurang memberangsangkan beliau berkata, “Tidak pernah dapat kursus Tamadun Islam ini, harap dapatlah .” (P6/TB1)

Secara ringkas, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan peserta kajian masih belum pernah menghadiri sebarang kursus Tamadun Islam dalam perkhidmatan mereka. Hal ini kerana Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru hanya akan mengadakan kursus berkaitan Tamadun Islam jika ada keperluan dengan perubahan kurikulum dan pedagogi sesebuah kursus atau mata pelajaran.

Berdasarkan dapatan kajian melalui triangulasi pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual yang telah dianalisis dengan bantuan perisian program *QSR Nvivo*, secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan tema-tema isi kandungan sukatan pelajaran kursus Tamadun Islam yang diperkenalkan kepada pelajar di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang, telah menjelaskan berkaitan pandangan mereka mengenai kursus Tamadun Islam yang telah diajarkan, begitu juga tajuk yang minat diajar oleh pensyarah dan juga berkaitan kursus yang dihadiri oleh peserta kajian. Rajah 4.1 berikut menjelaskan gambaran dapatan tema yang diperolehi.



Rajah 4.1: Dapatan Tema Kajian Isi Kandungan Tamadun Islam (QSR Nvivo)

4.4.2 Kaedah yang Digunakan dalam Pengajaran Tamadun Islam

Persoalan kedua ialah “Bagaimanakah kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang?” Untuk tujuan menjawab persoalan berkaitan mengenai bagaimana seseorang pensyarah memulakan proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidik telah mengajukan soalan khusus iaitu “ Bagaimanakah anda memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam?.

Pemilihan terhadap sesuatu kaedah pengajaran dapat membantu para pelajar memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap serta tingkah laku, menanam minat dan nilai yang diingini. Bagi para pensyarah perlu menyampaikan pengajaran berdasarkan tahap keupayaan pemikiran pelajarnya. Pembentukan

kurikulum yang bersepadau tidak akan sempurna sekiranya kaedah pengajaran tidak dititik beratkan. Bagi memudahkan penulisan ini, penyelidik meringkaskan daptan kajian bagi persoalan kajian mengenai kaedah yang digunakan dalam pengajaran kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang seperti dalam jadual 4.3 berikut.

Jadual 4.3: Taburan Pola Tema Kaedah Pengajaran Tamadun Islam

Komponen	Peserta Kajian								
Tema	Sub tema	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8
Permulaan Pengajaran dan Pembelajaran	Memulakan dengan Ucapan Salam dan Taaruf		x	x					x
	Memperkenalkan Sukatan kepada Pelajar					x	x	x	x
	Memulakan dengan Kuliah	x							
	Menggunakan Bahan Bantu Mengajar	x							
	Sorotan Isu Semasa				x				
Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang kerap digunakan	Kaedah Kuliah	x			x				x
	Kaedah Perbincangan				x	x	x	x	x
	Kaedah Sumbang Saran		x		x	x	x	x	x
Kaedah yang amat bersesuaian peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah	Kaedah Perbincangan dan Sumbang Saran		x	x	x	x			x
	Kaedah Berpusatkan Pelajar dan Bahan	x	x		x	x	x		
	Kaedah Kuliah		x			x	x		x
Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran	Bahagikan Topik Mengikut Rancangan Pengajaran	x	x		x	x			
	Tajuk Tugasan Berdasarkan Sukatan Pelajaran	x	x		x	x	x		x

	Merancang Tajuk Mengikut Kesesuaian Masa/Bilangan pelajar/Isi Kandungan Tajuk /Objektif	x	x	x	x	x	x		x
	Tugasan Diberikan Setelah Berlaku Interaksi Pengajaran		x		x	x	x		x
	Sentiasa Bermesyuarat Menyelesaikan Masalah Akademik		x		x			x	x
	Mengadakan Persediaan Sebelum Pengajaran dan Pembelajaran		x		x			x	x
	Perkembangan Pengajaran Bersamaan Subjek Lain		x		x	x	x		
Pandangan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan	Mudah Difahami, Menarik dan Mudah Diterima		x		x	x	x		
	Gabungan Pelbagai Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	x	x	x	x	x	x		x
	Kepelbagaiannya Bahan Sumber	x	x		x	x	x		
	Menggunakan Pelbagai Pendekatan dalam Satu Pengajaran		x			x	x		

x – Dapatkan kategori dan tema kajian

4.4.2.1 Permulaan Pengajaran dan Pembelajaran

4.4.2.1 (a) Memulakan dengan Ucapan Salam dan Taaruf

Pada kebiasaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang pertama bagi setiap kursus, pensyarah memulakan pengajaran dengan memberi ucapan salam dan mengadakan sesi *taaruf* (berkenalan) antara pensyarah dengan pelajar. Hal ini sebagai

contoh atau *qudwah* yang terbaik daripada seorang pensyarah kerana ada kesepadan di antara ilmu dan amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam.

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapatkan seramai tiga orang peserta kajian memulakan pengajaran dengan ucapan salam sebagaimana yang telah dikatakan oleh peserta kajian P2, “Kita mulakan dengan ucapan salam, kemudian kita mengenalkan tentang Islam dan kelebihan agama Islam.” (P2/TB1)

Seterusnya menurut peserta kajian P3, “Satunya, hari pertama, masuk, apa yang saya buat dalam kelas biasanya taaruf dulu.” (P3/TB1) Begitu juga peserta kajian P8 yang memulakan pengajaran beliau dengan mengadakan *taaruf* (berkenalan) semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kata-kata beliau ialah, “Biasanya taaruf, bagi sukatkan. Lepas itu, kadang-kadang terus bagi soalan untuk kerja kursus pendek.” (P8/TB1)

4.4.2.1 (b) Memperkenalkan Sukatan kepada Pelajar

Dapatan kajian mendapatkan empat peserta kajian telah memulakan pengajaran Tamadun Islam dengan memperkenalkan sukatan pelajaran Tamadun Islam kepada para pelajar dalam sesi pengajaran yang pertama. Ini jelas melalui temu bual yang dijalankan dengan peserta kajian P5 melalui kata-katanya, “Kita sepatutnya didedahkan dari segi matlamat dan pengenalan kepada pelajaran ini. Matlamat dia sudah ada dalam silibus ini, kita baca sahaja dan dulu diingatkan sangat pada hari permulaan kita, oleh kerana melibatkan para pelajar bukan Islam.” (P5/TB1)

Begitu juga dengan peserta kajian P6 menjelaskan dalam temu bualnya telah berkata, “Biasanya kita akan menerangkan isi kandungan berdasarkan sukatan yang ada,

jadi kita terangkan apa yang pelajar itu akan belajar dalam subjek Tamadun Islam.” (P6/TB1)

Seterusnya ada juga idea yang dicetuskan berdasarkan temu bual yang telah dilaksanakan mengatakan bahawa cara hendak memulakan pengajaran ialah dengan memperkenalkan terlebih dahulu sukanan pelajaran kepada para pelajar. Menurut peserta kajian P7 beliau berkata:

“perancangan awal yang kita perkenalkan kursus ini sendiri iaitu sukanan kepada pelajar-pelajar supaya mereka tahu apa yang hendak dipelajari dan dalam masa sama kita edarkan proforma dan kita bagi tugas terus kepada mereka supaya mereka tidak tersasar atau terlewat dan sebagainya.” (P7/TB1)

Menurut peserta kajian P8 juga mengatakan beliau memulakan pengajaran dengan memberikan sukanan pelajaran terlebih dahulu sebelum hendak memulakan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya, “...bagi sukanan. Lepas itu, kadang-kadang terus bagi soalan untuk kerja kursus pendek.” (P8/TB1)

4.4.2.1 (c) Memulakan dengan Kuliah

Dalam menjawab soalan yang telah dikemukakan kepada peserta kajian, dapatan kajian mendapati seorang peserta kajian telah menyuarakan pandangan mengenai kaedah ini. Jawapan telah dapat ditemui semasa melaksanakan temu bual terhadap peserta kajian yang dimaksudkan.

Kuliah merupakan kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah ini merupakan kaedah yang selalu digunakan di pusat pengajian tinggi. Pensyarah memberi penerangan yang jelas dalam kaedah kuliah, ini menunjukkan pelajar lebih banyak bergantung kepada pensyarah

dalam mendapatkan ilmu pengetahuan. Hal ini boleh mencetuskan perasaan hormat dan sanjungan pelajar terhadap pensyarah.

Kaedah kuliah digunakan oleh pensyarah, jelas melalui kata-kata peserta kajian P1 seperti berikut, “Kebanyakan lebih kepada stail kuliah untuk memulakan sesi pengajaran pembelajaran dan perbincangan sub-sub topik, soal jawab dan meminta pelajar menyediakan bahan-bahan yang boleh dibincang dalam kelas perbincangan.”(P1/TB1)

Berdasarkan perbualan di atas, daptan kajian menunjukkan bahawa terdapat dalam kalangan pensyarah yang memulakan sesi pengajaran kursus Tamadun Islam dengan kaedah kuliah atau penerangan kepada para pelajar. Selepas kaedah ini, beliau akan meneruskan pengajaran dengan menggunakan kaedah perbincangan dan soal jawab.

4.4.2.1 (d) Menggunakan Bahan Bantu Mengajar

Terdapat juga pensyarah yang memulakan pengajaran mereka dengan menggunakan bahan bantu mengajar dengan memaparkan *power point*. Penggunaan bahan bantu mengajar memberi sumbangan yang amat besar dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Bahan bantu mengajar ini juga dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam kaedah pengajaran guru yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Bahan bantu mengajar terdiri daripada pelbagai bahan dan sesuatu bahan boleh disampaikan dengan pelbagai cara, misalnya dalam bentuk buku, carta atau dimasukkan dalam *slaid* dan dipancarkan pada skrin.

Peserta kajian P1 telah menyatakan bahawa terdapat pensyarah yang telah menggunakan bahan bantu mengajar dalam memulakan pengajaran mereka. Ini jelas berdasarkan kata-kata peserta kajian P1 iaitu, “Kemudian penggunaan ABM contohnya power point, saya suka guna power point dan juga bahan-bahan yang diambil dari internet contohnya macam UiTM ada dia punya portal, lagi fakulti ekologi, ada juga yang saya ambil dari kursus Tamadun Islamnya.” (P1/TB1)

Kata-kata peserta kajian P1 sebelum ini jelas menunjukkan bahawa pensyarah memulakan sesi pengajaran kursus Tamadun Islam dengan mengaplikasi bahan bantu mengajar seperti *slaid* kepada para pelajar yang bertujuan untuk memudahkan dan melancarkan proses pengajaran. Penggunaan bahan bantu mengajar juga menarik minat pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dengan terancang dan berkesan, mengikut kesesuaian masa dan tempat pengajaran.

4.4.2.1 (e) Sorotan Isu Semasa

Sorotan isu semasa yang berlaku pada hari ini turut memainkan peranan bagaimana proses pengajaran akan berlaku. Dapatkan daripada peserta kajian P4 mendapati, “Selalunya saya suka hal itu berkenaan isu semasa. Saya akan lontarkan sesuatu isu untuk mencetuskan minda mereka. Contohnya yang berkaitan akidah kita ambil isu murtad supaya kita dapat tengok apa dia punya respon pelajar mengenai isu itu.” (P4/TB1)


Berdasarkan kata-kata peserta kajian P4 di atas, jelas menunjukkan bahawa mencetuskan isu semasa yang berlaku, boleh merangsang pemikiran para pelajar agar dapat dikaitkan dengan tajuk yang akan dipelajari dalam sesebuah sesi pengajaran Tamadun Islam. Hal ini bertepatan dengan salah satu daripada elemen yang perlu

ditetapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah kemahiran berfikir aras tinggi, sesuai dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen, iaitu rancangan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam mendapat pensyarah telah memberi penerangan tentang sukan pelajaran Tamadun Islam dalam sesi pengajaran yang pertama.²⁸⁶

Berdasarkan data kajian yang telah dianalisis dengan bantuan perisian program *QSR Nvivo*, secara keseluruhan dapatkan kajian menunjukkan terdapat lima sub tema yang menyokong tema ini iaitu memulakan pengajaran dengan ucapan salam dan taaruf, memperkenalkan sukan pelajaran kepada pelajar, memulakan dengan kuliah, menggunakan bahan bantu mengajar dan mendahului perbincangan dengan sorotan isu semasa. Rajah 4.2 berikut menjelaskan gambaran dapatan tema yang diperolehi.

²⁸⁶ Lampiran U. (Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Semester Tamadun Islam KPLI SR).



**Rajah 4.2: Dapatan Tema Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Permulaan PnP
(QSR Nvivo)**

4.4.2.2 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang Kerap Digunakan

Kaedah pengajaran dan pembelajaran amat penting dalam proses pengajaran agar hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai. Untuk tujuan menjawab persoalan berkaitan mengenai aplikasi kaedah pengajaran dan pembelajaran, penyelidik telah mengajukan soalan kepada pensyarah iaitu “Apakah kaedah yang kerap anda gunakan dalam pelaksanaan pengajaran anda,mengapa?”.

4.4.2.2 (a) Kaedah Kuliah

Dapatan kajian mendapati empat peserta kajian telah menyuarakan pandangan mengenai kaedah yang kerap digunakan dalam pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam. Hal ini bertepatan dengan kata-kata peserta kajian P1 yang menegaskan bahawa beliau kerap mengaplikasikan kaedah kuliah atau syarahan ketika pengajarannya. Beliau berkata, “Kaedah pengajaran adalah biasa seperti syarahan bentuk huraihan dan juga saya tunjukkan visual gambar-gambar berkaitan dengan Tamadun Islam.” (P1/TB1)

Begitu juga peserta kajian P2, beliau menyatakan bahawa kaedah ini kerap diaplikasikan dalam pengajaran Tamadun Islam di dalam kelasnya. Ini disebabkan ruang masa yang diperuntukkan dapat dipenuhi dengan sebaik-baiknya. Ini dibuktikan dengan berkata, “ Kaedah pengajaran dalam bentuk kuliah dan perbincangan kerapkali digunakan.....”(P2/TB2)

Seterusnya bagi peserta kajian P4, juga kerap menggunakan kaedah kuliah terutamanya ketika ingin menjelaskan kepada para pelajar berkenaan asas-asas Islam kerana melalui kaedah kuliah, penerangan terhadap sesuatu ilmu dapat disampaikan secara menyeluruh. Beliau berkata :

“ Saya kerap menggunakan kaedah kuliah dalam pengajaran ketika menjelaskan mengenai asas-asas Islam kepada pelajar saya. Penerangan awal saya adalah secara menyeluruh, selepas itu saya meminta mereka untuk membincangkan secara lebih mendalam bidang-bidang tersebut.” (P4/TB2)

Peserta kajian P8 juga kerap menggunakan kaedah kuliah kerana dapat memberi ilmu pengetahuan yang banyak kepada para pelajar. Bagi beliau, kaedah ini memang sesuai diaplikasikan di kalangan pelajar yang mengikuti kursus ini. Kata-kata beliau seperti berikut, “Memang kaedah kuliah adalah kaedah yang paling kerap

digunakan...saya rasa kaedah ini memang sesuai untuk pelajar yang sudah dewasa kerana ia membolehkan kita sebagai pensyarah memberikan input sebanyak mungkin.” (P8/TB2)

4.4.2.2 (b) Kaedah Perbincangan

Kaedah seterusnya yang kerap digunakan dalam pengajaran Tamadun Islam ialah kaedah perbincangan. Ini selaras dengan dapatan kajian yang mendapati empat peserta kajian menyuarakan pandangan mereka tentang kaedah yang kerap digunakan di dalam melaksanakan proses pengajaran iaitu kaedah perbincangan. Sebagaimana peserta kajian P4, beliau menegaskan ketika sesi pengajaran Tamadun Islam, kaedah yang kerap digunakan ialah kaedah perbincangan seperti kata-kata berikut, “.... dalam perbincangan, contohnya kita bagi tajuk ikut kumpulan. Lepas itu, kita bagi isu , buat pembentangan dan kita sebagai fasilitator.” (P4/TB2)

Seterusnya peserta kajian P5, kerap menggunakan kaedah perbincangan dalam pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam. Selepas itu disusuli dengan pembentangan hasil perbincangan dalam kumpulan masing-masing dan akhirnya beliau sebagai pensyarah akan merumuskan perbincangan mengenai tajuk pada hari tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam penyataannya, “ Lepas itu, kita pergi ke perbincangan kumpulan. Kemudian dia bentang hasil di akhir perbincangan dia itu. Last sekali buat rumusan di akhir itu.” (P5/TB2)

Begitu juga peserta kajian P6 menyatakan kaedah perbincangan kerap digunakan dalam kumpulan pelajar yang membincangkan tentang sesuatu isu yang berkaitan dengan tajuk yang terdapat dalam kursus Tamadun Islam seperti perbandingan di antara sistem ekonomi Islam dengan sistem ekonomi konvensional. Hal ini dapat

dijelaskan berdasarkan kata-katanya, “Kumpulan perbincangan, kita cuba mencari jawapan dan berikan persoalan-persoalan, banding beza sistem ekonomi Islam dengan sistem konvensional.” (P6/TB2) Bagi peserta kajian P7 juga kerap menggunakan kaedah perbincangan dalam pengajarannya, dengan berkata, “Macam tadilah, sumbang saran dan perbincangan itu paling banyak, yang sesuai ikut tahap mereka.” (P7/TB1)

Peserta kajian P8 juga berpandangan bahawa kaedah perbincangan kerap diaplikasikan dalam pengajaran Tamadun Islam kerana kaedah ini berjaya mencungkil pengetahuan pelajar berkaitan dengan ketamadunan sesebuah bangsa. Melalui kaedah ini juga, para pelajar berusaha untuk mendapatkan pengetahuan melalui pembacaan dan pertukaran pendapat sesama mereka. Penyataan ini berdasarkan kata-kata beliau, “Kaedah ini adalah kaedah kedua selepas kaedah kuliah.... Sebab kita cungkil pengetahuan sedia ada pelajar tentang isu-isu berkait dengan ketamadunan bangsa dan agama... Di sinilah kita boleh nampak sama ada pelajar itu orang yang suka membaca ataupun tidak....” (P8/TB2)

4.4.2.2 (c) Kaedah Sumbang saran

Kaedah sumbang saran juga kerap digunakan dalam pengajaran Tamadun Islam sebagai mana yang telah dinyatakan oleh lima peserta kajian ini. Hal ini kerana golongan pelajar di Institut Pendidikan Guru merupakan pelajar yang telah meningkat dewasa yang memiliki banyak pengalaman dan maklumat yang terkini. Menurut peserta kajian P4 dalam temu bual menegaskan bahawa beliau kerap menggunakan kaedah sumbang saran dalam pengajarannya seperti berikut, “Itulah... mereka sudah dewasa, maka ada banyak pengalaman jadi kaedah kita lebih kepada sumbang saran dengan kaedah pemudah cara dalam perbincangan, contohnya kita bagi tajuk ikut kumpulan..” (P4/TB1)


Seterusnya bagi peserta kajian P5, beliau kerap juga menggunakan kaedah sumbang saran semasa permulaan atau pertengahan pengajaran berdasarkan keperluan sesebuah tajuk yang diajar. Beliau telah menegaskan dengan kata-kata, “Kerap juga saya menggunakan sumbang saran sama ada pada permulaan kuliah atau pun di pertengahan kuliah, bergantunglah kepada keperluan sesi pengajaran kursus ini.” (P5/TB2)

Begitu juga kaedah sumbang saran kerap digunakan oleh peserta kajian P6 kerana kaedah ini membolehkan pelajar-pelajar melibatkan diri secara meluas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam. Beliau berkata, “Saya kerap juga menjadikan kaedah sumbang saran dalam pengajaran Tamadun Islam, kerana ianya membolehkan para pelajar melibatkan diri secara maksimum dalam sesi pengajaran dan pembelajaran .” (P6/TB2)

Seterusnya peserta kajian P7 turut kerap menggunakan kaedah sumbang saran dalam pengajarannya kerana ia sesuai dengan tahap para pelajar. Ini dapat dilihat berdasarkan kata-kata beliau, “Macam tadilah, sumbang saran dan perbincangan itu paling banyak, yang sesuai ikut tahap mereka.” (P7/TB1) Bagi peserta kajian P8 juga kaedah sumbang saran dapat membantu untuk mencungkil pengetahuan sedia ada para pelajar dalam tajuk perbincangan kursus Tamadun Islam seperti kata-katanya, “Kaedah ini juga kerap saya gunakan kerana ianya boleh membantu saya mencungkil pengetahuan pelajar saya dalam satu-satu tajuk..” (P8/TB2)

Berdasarkan data kajian yang telah dianalisis dengan bantuan perisian program *QSR Nvivo*, secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga kaedah yang kerap digunakan iaitu kaedah kuliah, kaedah perbincangan dan kaedah sumbang saran. Kesemua ini saling melengkapi bagi menghasilkan satu proses pengajaran yang

berkesan dan terancang. Rajah 4.3 berikut menjelaskan gambaran dapatan tema yang diperolehi.



Rajah 4.3:Dapatan Tema Kaedah PnP Kaedah yang Kerap Digunakan (QSR Nvivo)

4.4.2.3 Kaedah Yang Amat Bersesuaian Peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah

Kejayaan seseorang dalam mengendalikan kelas adalah bergantung rapat dengan kebijaksanaan dalam mengaplikasikan sesuatu kaedah, pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Dalam bahagian ini, penyelidik ini melihat apakah kaedah yang amat sesuai diaplikasikan terhadap pelajar pada peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR).

Untuk tujuan menjawab persoalan berkaitan mengenai kaedah amat sesuai diaplikasikan pada peringkat ini, penyelidik telah mengajukan soalan kepada pensyarah iaitu “Pada pandangan anda, kaedah yang bagaimanakah amat bersesuaian untuk diaplikasikan dalam sesi kuliah terhadap pelajar lulusan KPLI ?” Data yang diperolehi dalam persoalan kajian ini adalah hasil daripada temu bual bersama pensyarah kerana mereka adalah merupakan peserta kajian dalam kajian ini.

4.4.2.3 (a) Kaedah Perbincangan dan Sumbang Saran

Dalam menjawab soalan yang telah dikemukakan kepada peserta kajian, pelbagai jawapan telah diperolehi mengikut pandangan masing-masing. Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati enam peserta kajian telah menyuarakan pandangan mengenai kaedah amat sesuai pada peringkat KPLI. Bagi peserta kajian P2, beliau menyatakan kaedah perbincangan dan sumbang saran amat sesuai diaplikasikan dalam pengajarannya dengan berkata, “Pada pandangan saya, kedua-dua kaedah ini amat sesuai untuk pelajar KPLI, tetapi kaedah sumbang saran lebih banyak menggunakan masa.” (P2/TB2)

Begin juga bagi peserta kajian P4, beliau menegaskan bahawa perbincangan dan sumbang saran turut sesuai dalam pengajaran Tamadun Islam dengan berkata, “Ye.....mereka lebih dewasa dan berpengetahuan luas berbanding pelajar PISMP. Jadi kaedah perbincangan mahu pun sumbang saran amatlah sesuai bagi tahap mereka sekarang ini.” (P4/TB2)

Bagi peserta kajian P5 juga beliau turut menyatakan bahawa perbincangan dan sumbang saran wajar digandingkan dalam pengajaran dengan berkata:

“Bagi saya, kita campur-campur kaedah iaitu selain perbincangan, sumbang saran, kemudian boleh juga kuliah sekali sekala. Maksud saya, penerangan mesti ada tidak boleh tinggal kaedah kuliah dan penerangan ini untuk memperkenalkan tajuk. Memperkenalkan konsep sebab itu kita kena bagi penerangan dan kuliah. Gunakan BBM seperti LCD, laptop, kita ambil tayangan VCD Jejak Rasul dan sebagainya.” (P5/TB1)

Seterusnya peserta kajian P3 menyatakan kaedah yang amat sesuai dalam pengajaran kursus Tamadun Islam pada peringkat pelajar KPLI Sekolah Rendah ialah kaedah perbincangan. Menurutnya lagi apabila berlaku perbincangan di kalangan

pelajar, idea yang dikemukakan adalah berbagai-bagai pandangan dan berlainan jawapan mengikut opsyen pengajian dalam kalangan pelajar. Beliau menjelaskan:

“Peringkat dia orang, saya tengok lebih pada kaedah perbincangan, banyak idea. Cuma saya tengok bila saya mengajar satu kelas, dua kelas idea dalam perbincangan tidak sama. Maksudnya antara seorang pelajar dengan seorang pelajar atau antara kelas dengan kelas berbeza-beza. Mentaliti mereka berbeza-beza mengikut kelas. Jika yang ambil Matematik lain, yang ambil Pendidikan Jasmani lain. Sangat bagus perbincangan itu berjalan dengan baik dapat respon yang baik dapat kerjasama semua berbeza-beza antara kelas dengan kelas mengikut dia punya kelas. Tapi setakat ni, pengalaman saya, kaedah perbincangan ini bagus.” (P3/TB1)

Bagi peserta kajian P8 juga menyatakan kaedah perbincangan amat sesuai kerana para pelajar dapat bertukar-tukar idea seperti kata-katanya, “...kaedah perbincangan sebab maknanya kita boleh bertukar-tukar idea. Bagi saya bersetuju dengan kaedah perbincangan. Kerana walau pun kita di depan, mungkin mereka lebih tahu daripada kita, contohnya pelajar yang memang bidang sejarah.” (P8/TB1)

Begitu juga peserta kajian P6 menegaskan bahawa kaedah sumbang saran amat sesuai diaplikasikan kerana para pelajar mempunyai banyak idea mengikut zaman mereka yang terdedah dengan internet. Hal ini kerana teknologi yang lebih pantas dan terkini seperti kemudahan internet memberi peluang kepada para pelajar mencari sebanyak mungkin ilmu dan pengetahuan terhadap sesebuah tajuk yang dipelajari. Ini jelas melalui kata-kata :

“Sumbang saran sebab mereka ini banyak idea yang kita kena dengar. Kadang-kadang idea itu tidak berfikir sebagai pensyarah sebab mereka dalam zaman mereka banyak perkara-perkara baru yang mereka lalui dan kadang-kadang kita tahu di tahap kita sahaja tapi di zaman mereka lebih maju dengan internet contohnya perbankan pakai online sahaja.” (P6/TB1)

4.4.2.3 (b) Kaedah Berpusatkan Pelajar dan Bahan

Sesuatu proses pengajaran akan berlaku dengan menarik dan berkesan sekiranya melibatkan penglibatan daripada banyak pihak. Ini bermaksud penglibatan secara maksimum daripada pelajar di dalam kelas adalah lebih berkesan dibantu dengan bimbingan oleh pensyarah yang membimbang dalam kursus yang berkenaan. Para pelajar ini sememangnya memiliki pengalaman yang banyak dalam pengetahuan mengikut opsyen masing-masing.

Dalam bahagian ini, dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati lima peserta kajian menyatakan bahawa kaedah berpusatkan pelajar dan bahan amatlah bersesuaian dalam pengajaran kursus Tamadun Islam. Hal ini dapat disaksikan dalam sesi temubual yang telah dijalankan, antaranya pandangan peserta kajian P1, beliau menyatakan :

“Sebenarnya mereka ni dah melalui beberapa proseslah... tapi, kalau bagi saya, saya lebih suka mereka menguasai dalam penerokaan ilmu seperti melihat buku-buku rujukan dan membincangkan di depan kelas dan kita beri komen tentang tajuk, disamping kita beri penerangan-penerangan khusus tentang tajuk itu.” (P1/TB1)

Perkara tersebut menunjukkan pembelajaran lebih berpusatkan pelajar. Mereka dapat melakukan perbincangan dan diskusi serta mereka boleh mendapatkan bahan dengan menerokai bahan-bahan maujud seperti buku rujukan yang wujud di sekeliling mereka. Begitu juga bahan boleh diperolehi daripada laman sesawang seperti internet. Ini dapat ditinjau berdasarkan idea tambahan peserta ini dengan berkata :

“Bahan-bahan yang sedia ada, saya selalu dapat daripada internet dan buku-buku yang sesuai dipakai dalam kelas dan saya letakkan kepada pensyarah-pensyarah memerlukan bahan tersebut dan mereka boleh akses. Sama ada gunakan power point ataupun nota-nota yang ringkas yang sedia ada.” (P1/TB1)

Bagi peserta kajian P2, beliau berkata, “ Pada pandangan saya, kaedah berpusatkan pelajar dan bahan, amat sesuai pada peringkat KPLI kerana pelajar-pelajar telah boleh berfikir sendiri dan memilih serta menilai sesuatu dengan lebih cermat dan efisyen. ” (P2/TB2)

Seterusnya peserta kajian P4, beliau lebih cenderung menggunakan kaedah yang berpusatkan bahan iaitu menggunakan tayangan *power point* kerana pengajaran akan lebih berfokus. Beliau akan tahu apakah pengetahuan atau informasi yang hendak disampaikan kepada pelajar dengan cara yang lebih tepat. Beliau menyatakan, “Kalau saya, lebih mudah dan fokus, power point. Maknanya kita tidak ada merapu. Maknanya kita sudah tahu apa benda yang hendak kita sampaikan, selalunya guna power point.” (P4/TB2)

Bagi peserta kajian P5 pula dengan nada yang bersahaja menyatakan bahawa pengajaran berpusatkan pelajar dan bahan amatlah sesuai di dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam. Beliau telah menyatakan, “Amat sesuai.....kerana semua kaedah ini adalah sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam, antaranya ialah kaedah berpusatkan pelajar dan bahan .” (P5/TB2)

Akhirnya bagi peserta kajian P6 menerangkan bahawa pengajaran berpusatkan bahan dapat dikenal pasti melalui kefahaman para pelajar terhadap bahan atau sumber yang diperolehi dalam pengajaran. Perumpamaan yang diberikan oleh peserta ini ialah mengenai kefahaman mereka terhadap amalan zakat pendapatan yang diwajibkan kepada orang Islam yang telah memenuhi syarat yang melayakkan mengeluarkan zakat bagi individu muslim. Hal ini dapat dilihat dalam penegasan beliau bahawa:

“Kalau kita boleh hendak bagi dia lebih inovatif dan kreatif daripada bahan yang dia ambil, kita hendak tengok sejauh mana menerangkan dan menterjemahkan dalam bentuk diri sendiri, dia tahu sistem. Dia sudah belajar syariat sejauh mana dia sudah guna syariat yang dia tahu itu pada diri dia sendiri ataupun keluarga dia. Contohnya dari segi ibadah, muamalatnya seperti zakat, adakah dia potong zakat pendapatan?” (P6/TB1)

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan pemerhatian tentang proses pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di dua Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang mendapati kaedah yang amat bersesuaian pada peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI SR) ialah kaedah berpusatkan pelajar dan bahan. Maksud kaedah berpusatkan pelajar dalam pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam ialah pelajar membentangkan tajuk yang diberikan oleh pensyarah dengan membantukan komputer dan LCD. Ini bertepatan juga dengan sukanan pelajaran Tamadun Islam KPLI SR yang menggalakkan pembelajaran secara berpusatkan pelajar dan bahan. Ini jelas melalui pemerhatian oleh penyelidik terhadap enam orang pelajar yang telah membentangkan tajuk berkaitan sukanan pelajaran Tamadun Islam dalam kelas mereka.

4.4.2.3 (c) Kaedah Kuliah

Pelbagai idea yang dinyatakan oleh peserta kajian apabila penyelidik menemu bual mengenai apakah kaedah yang amat bersesuaian dengan pelajar pada peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah dalam pengajaran kursus Tamadun Islam. Dalam bahagian ini, dapatan kajian bagi tema ini mendapati empat peserta kajian menyatakan bahawa penggunaan kaedah kuliah amatlah sesuai digunakan dalam pengajaran kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru. Menurut peserta kajian P2 menegaskan bahawa, “Pada pandangan saya, kaedah kuliah agak sesuai pada peringkat KPLI di dalam menyampaikan tajuk-tajuk khusus dan penting sahaja.”

(P2/TB2)

Begitulah juga menurut peserta kajian P5, beliau telah menceritakan kepada penyelidik bahawa kaedah ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep sesebuah gagasan tajuk yang memerlukan kepada penerangan terlebih awal kepada para pelajar. Hal ini tidaklah menafikan kaedah perbincangan, sumbang saran dan lain-lain. Menurut beliau dalam kata-katanya :


“...bagi saya, kita campur-campur kaedah iaitu selain perbincangan, sumbang saran, kemudian boleh juga kuliah sekali sekala. Maksud saya, penerangan mesti ada, tidak boleh tinggal kaedah kuliah dan penerangan ini untuk memperkenalkan tajuk. Memperkenalkan konsep sebab itu kita kena bagi penerangan dan kuliah.” (P5/TB1)

Ada ketikanya kaedah ini amat sesuai diaplikasikan dalam pengajaran Tamadun Islam seperti yang dijelaskan oleh P6 dalam jawapannya ketika ditemu bual. Baginya dengan kaedah ini, para pelajar akan dapat menilai segala fakta dan informasi yang disampaikan oleh tenaga pengajar. Menurut beliau dengan berkata, “...ada ketikanya kaedah kuliah ini amat sesuai kerana pelajar kita ni dah ada ijazah.....mereka dapat menilai setiap fakta yang diajarkan oleh pensyarah . ” (P6/TB2)

Seterusnya bagi peserta kajian P8 berkata, “sangat sesuai kerana pelajar ini sudah matang dan sudah banyak di universiti. ” (P8/TB2) Menurut peserta ini, pengaplikasian kaedah ini dalam pengajaran Tamadun Islam amatlah sesuai kerana mereka sudah berada pada tahap kematangan pemikiran dan memadailah penyampaian dalam bentuk kuliah sahaja serta kaedah ini sememangnya amat sesuai diaplikasi di institut pengajian tinggi.

Berdasarkan data kajian yang telah dianalisis dengan bantuan perisian program *QSR Nvivo*, secara keseluruhan dapatkan kajian menunjukkan terdapat tiga kaedah yang amat sesuai digunakan iaitu kaedah perbincangan dan sumbang saran, kaedah

berpusatkan pelajar dan bahan dan kaedah kuliah . Hal ini berdasarkan siri temu bual yang dilaksanakan secara dua peringkat terhadap mereka bagi mendapatkan jawapan yang konkret dan tepat untuk memantapkan penyelidikan ini. Rajah 4.4 berikut menjelaskan gambaran dapatan tema yang diperolehi.



Rajah 4.4: Dapatan Tema Kaedah PnP Kaedah yang Bersesuaian Peringkat KPLI (QSR Nvivo)

4.4.2.4 Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam melaksanakan sesuatu pengajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran amatlah penting diaplikasikan agar sesuatu proses pembelajaran dapat berjalan dengan berjaya. Bagi menjawab persoalan berkaitan mengenai pandangan peserta kajian mengenai perkembangan pengajaran dan pembelajaran, penyelidik telah mengajukan soalan kepada pensyarah iaitu “Boleh anda ceritakan secara ringkas mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di institut ini?” dan “Bagaimanakah anda merancang langkah-langkah pengajaran yang bersesuaian sebelum anda memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran?”

4.4.2.4 (a) Bahagikan Topik Mengikut Rancangan Pengajaran

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati enam peserta kajian telah menyuarakan pandangan mengenai langkah-langkah bagi memulakan sesi pengajaran kursus Tamadun Islam. Menurut peserta kajian P1 beliau melaksanakan proses awal pengajaran dengan membahagikan topik-topik atau tajuk-tajuk mengikut bab-bab yang telah ditetapkan dalam rancangan pengajaran semester. Ini dapat dilihat dalam kata-katanya, “jadi kami bahagikan sukanan mengikut bab-bab berdasarkan pengajaran minggu ini, sehingga minggu terakhir. (P1/TB1) Begitu juga dengan peserta kajian P2, beliau telah berkata, “ ya, saya cuba buatkan semaksimum mungkin berdasarkan Rancangan Pengajaran.” (P2/TB2) Bagi peserta P8 berkata, “ ya.....

Seterusnya bagi peserta kajian P4 beliau melaksanakan proses awal pengajaran dengan membahagikan tajuk-tajuk mengikut bab-bab yang telah ditetapkan dalam rancangan pengajaran semester.

Beliau menyatakan, “ isi kandungan....sukanan, sebab sudah itu yang telah ditetapkan. Kalau cara mengajar pun ada jadual waktu telah ditentukan .” (P4/TB1) Beliau menambah lagi dengan menyatakan, “Biasanya sama sahaja rancangan subjek lain. Kata dalam tajuk konsep asas jadi kita sudah tahu mungkin dari set induksi. Kita sediakan permasalahan, lepas itu kita pastikan bahan kita, power point kita itu lengkap .” (P4/TB1)

Bagi peserta kajian P5, beliau akan membentangkan kepada semua pelajar mengenai topik-topik yang akan diajarkan kepada pelajar-pelajarnya. Ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar. Kebiasaannya akan diterangkan semasa pertemuan atau interaksi yang pertama atau di awal kalender pengajian

akademik. Beliau ada menyatakan, "Kita bentang kepada pelajar tentang topik yang kita tayangkan, apa yang dia faham tajuk-tajuk itu. Kemudian kita masuk kepada penerangan isi." (P5/TB1)

Seterusnya berlainan pula bagi peserta kajian P6, beliau berpandangan bagi memulakan langkah-langkah pengajaran yang awal, beliau terlebih dahulu akan membina rancangan pengajaran harian yang berkaitan tajuk yang akan diajar pada masa tersebut. Hal ini merujuk kepada perbualan dengan menyatakan, "Sebelum hendak mengajar kenalah buat rancangan pengajaran harian, apa tajuk yang kita hendak ajar, apa persediaan bahan untuk kita hendak gunakan untuk pengajaran dan mencari bahan-bahan yang sesuai untuk sesi pengajaran itu." (P6/TB1)

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen iaitu rancangan pengajaran dan pembelajaran semester Tamadun Islam KPLI SR, mendapati pensyarah telah merancang pengajaran dengan mengagihkan tajuk pelajaran Tamadun Islam dalam tempoh 15 jam bagi satu semester pengajian.²⁸⁷

Dapatan di atas memperincikan kepada penyelidik bahawa pembahagian topik atau tajuk mengikut rancangan pengajaran memainkan peranan penting bagi langkah-langkah permulaan pengajaran Tamadun Islam oleh seseorang pensyarah terhadap pelajar yang akan mempelajari kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru.

4.4.2.4 (b) Tajuk Tugasan Berdasarkan Sukatan Pelajaran

Dalam bahagian ini, dapatan kajian mendapati enam peserta kajian turut menyuarakan pandangan mengenai langkah-langkah bagi memulakan sesi pengajaran kursus

²⁸⁷ Lampiran U. (Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Semester Tamadun Islam KPLI SR)

Tamadun Islam. Menurut peserta kajian P1 selain daripada beliau membahagikan topik atau tajuk mengikut rancangan pengajaran yang telah ditetapkan, beliau juga akan menyediakan tajuk tugasan iaitu kerja kursus kepada pelajar. Tugasan berkenaan merujuk kepada sukanan pelajaran kursus Tamadun Islam dan dikaitkan dengan keperluan kurikulum semasa. Beliau yang juga merupakan penyelaras kursus ini, akan mengadakan bengkel bagi para pensyarah mereka bentuk dan membina soalan berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) kursus Tamadun Islam. Beliau ada menjelaskan dengan berkata:

“Kemudian dari segi tajuk tugasan saya juga membina satu soalan tugasan berdasarkan pada kerja khusus pendek iaitu pelajar dikehendaki menulis eseai seperti mana yang termaktub dalam sukanan Tamadun Islam ni dan tajuk-tajuk itu saya buat sendiri, kadang-kadang saya bagi 35 tajuk pelajar itu memilih satu tajuk untuk 2 orang. Maknanya dalam satu kelas mesti berlainan tajuk.” (P1/TB1)

Penyelidik mendapatkan maklumat yang seterusnya daripada peserta P2 mengenai tajuk tugasan yang diberikan kepada pelajar. Peserta kajian P2 menyatakan tugasan kerja kursus yang diberikan kepada pelajar adalah merujuk kepada sukanan pelajaran. Mereka diminta untuk menghuraikan secara terperinci mengenai keperluan tajuk tugasan berpandukan kepada pembacaan dan pengalaman mereka sedia ada. Hal ini dapat dilihat melalui kata-katanya, “Tugasan yang saya berikan adalah berdasarkan sukanan pelajaran tetapi meminta pelajar menghuraikannya dengan lebih mendalam berdasarkan pembacaan dan pengalaman mereka sendiri.” (P2/TB2)

Seterusnya bagi peserta kajian P4 juga beliau menjelaskan kepada penyelidik bahawa dalam melaksanakan langkah permulaan pengajaran seperti mengedarkan tugasan kerja kursus Tamadun Islam kepada pelajar, beliau akan memastikan tajuk yang diberikan kepada pelajar hendaklah selari dengan kehendak sukanan pelajaran atau proforma kursus.

Beliau telah menyatakan, “ Memanglah tak dapat dinafikan, saya akan memberikan tajuk tugasan kerja kursus berdasarkan sukatan pelajaran yang sedia ada. Memanglah menjadi suatu kesalahan jika kita memberi tugasan kepada pelajar sedangkan perkara tersebut tidak ada dalam sukatan pelajaran .” (P4/TB2)

Begitulah juga dengan pandangan daripada peserta kajian P5. Beliau akan memastikan tajuk tugasan Tamadun Islam hendaklah diselaraskan berdasarkan kehendak bahagian kurikulum dari Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Beliau telah menyatakan :“Saya juga memberikan tajuk tugasan kerja kursus kepada pelajar-pelajar berdasarkan sukatan pelajaran yang telah diselaraskan oleh pihak Bahagian Pendidikan Guru.” (P5/TB2)

Begitu jugalah bagi P6, beliau berkata, “tugasan yang diberikan kepada pelajar mestilah selari dengan rancangan pengajaran kursus Tamadun Islam itu sendiri.” (P6/TB2)

Seterusnya peserta kajian P8 juga menjelaskan pembinaan soalan tugasan kerja kursus iaitu dengan membina soalan dalam bentuk objektif dan juga subjektif. Beliau menambah lagi pelajar juga perlu menulis esei berdasarkan tajuk yang telah diberikan, kemudian mereka akan melakukan pembentangan pada tarikh yang telah ditetapkan. Beliau berkata, “KKP/ kerja kursus biasanya kita buat ujian objektif dan subjektif. Lepas itu, buat satu esei berdasarkan tajuk, pelajar itu akan buat satu esei dan berdasarkan satu esei itu buat pembentangan. Pembentangan pula kita ambil markah individu.” (P8/TB1)

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen iaitu soalan tugasan kerja kursus Tamadun Islam, mendapatkan pensyarah yang mengajar

kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru telah memberi soalan tugas yang mempunyai kaitan dengan tajuk yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Tamadun Islam KPLI SR.²⁸⁸

Dapatan kajian bagi tema tersebut menunjukkan bahawa pembahagian tajuk tugas kerja kursus Tamadun Islam yang diserahkan kepada para pelajar perlulah mengikut sukanan pelajaran yang disediakan oleh pihak Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia.

4.4.2.4 (c) Merancang Tajuk Mengikut Kesesuaian Masa/Bilangan pelajar/Isi Kandungan Tajuk /Objektif

Dalam bahagian ini dapatan kajian bagi sub tema ini, mendapati hampir kesemua peserta kajian telah menyatakan pandangan mengenai cara bagi memulakan sesi pengajaran kursus Tamadun Islam. Menurut peserta kajian P1 beliau melaksanakan langkah-langkah pengajaran dengan memastikan tajuk-tajuk yang perlu diajar kepada pelajar berdasarkan kesesuaian masa yang telah diperuntukkan. Beliau akan mengadakan persediaan bahan pengajaran terlebih awal sama ada nota, bahan bantu mengajar dan lain-lain. Beliau akan membaca dan membuat rujukan awal sebelum mengajar. Ini dapat dilihat dalam kata-katanya:

“Saya selalu rancang dengan pastikan tajuk-tajuk yang hendak diajar berdasarkan kesesuaian masa. Biasanya persediaan sebelum, saya akan pastikan bahawa sama ada nota daripada power point, saya sediakan atau saya bagi selepas pengajaran maknanya saya rancang, selalunya saya baca dahulu point-point yang patut saya sampaikan, penekanan tertentu yang saya bagi sebelum P&P dijalankan. Kadang-kadang tiada power point, sumber-sumber BBM lain, saya akan gunakan nota OHP dan juga edaran-edaran tertentu.” (P1/TB1)

²⁸⁸ Lampiran V. (Soalan Tugasan Tamadun Islam KPLI SR).

Hal ini turut disokong oleh peserta kajian P2 mengenai perkara yang hampir sama di atas. Menurut peserta kajian P2, beliau menyatakan, “ Ya, saya cuba buatkan sebaik mungkin mengikut kesesuaian dari segi masa, bilangan pelajar, isi kandungan tajuk dan objektif pengajaran dan pembelajaran.” (P2/TB2)

Seterusnya peserta kajian P3 juga melaksanakan langkah-langkah pengajaran dengan memastikan terlebih dahulu mengenai peruntukan masa untuk interaksi bagi kelas berkenaan iaitu kelas Tamadun Islam dan beliau akan melihat dari segi jumlah bilangan pelajar. Beliau juga akan melihat isi penting dalam rancangan pengajaran harian yang hendak disampaikan pada masa yang berkenaan. Kata-kata beliau yang menunjukkan keadaan di atas ialah :

“Satunya masa, kita perlu tahu banyak mana. Yang kedua bilangan murid. Yang ketiga, tajuk itu point penting bagi saya tengok RPH yang dibuat. Masa biasanya 1 jam, bilangan murid tengok ramai ke sikit sebab kalau sedikit itu macam mana kita hendak buat. Maksud saya dalam pemikiran saya. Objektif pula saya lihat pada isi kandungan. Maksudnya saya sendiri yang tapis daripada isi kandungan yang banyak itu.” (P3/TB1)

Bagi peserta kajian P4 juga melihat dari segi sukatan pelajaran Tamadun Islam itu sendiri sebelum hendak melaksanakan sesuatu pengajaran. Hal ini kerana perkara ini telah ditetapkan oleh bahagian kurikulum Bahagian Pendidikan Guru. Kenyataan beliau seperti berikut, “Isi kandungan... sukatan, sebab sudah itu yang telah ditetapkan. Kalau cara mengajar pun ada jadual waktu telah ditentukan. Lepas itu mengikut bilangan pelajar jadi kalau ramai, ramailah pensyarah terlibat, kalau sikit, sikitlah.” (P4/TB1)

Begitu juga peserta kajian P5 turut menjelaskan, “Saya turut merancang tajuk mengikut kesesuaian isi kandungan, objektif dan masa yang telah ditetapkan dalam setiap semester tersebut.” (P5/TB2) Bagi peserta kajian P6 menjelaskan, “ ye..... saya

juga merancang tajuk mengikut kesesuaian masa, isi kandungan dan objektif yang telah ditetapkan.” (P6/TB2) Begitu juga bagi peserta kajian P6 dan P8 turut menyatakan dengan berkata,ya. (P6/TB2) dan (P8/T2).

Berdasarkan daripada dapatan kajian bagi tema di atas, jelas menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian melainkan peserta kajian P7 berpandangan bahawa perlunya kepada seseorang pensyarah untuk merancang tajuk pengajaran mengikut kesesuaian masa, mengikut peruntukan masa, mengambil kira bilangan pelajar di dalam kelas dan kesesuaian objektif pengajaran kursus Tamadun Islam.

4.4.2.4 (d) Tugasan Diberikan Setelah Berlaku Interaksi Pengajaran

Menurut peserta kajian P2 beliau menjelaskan kepada penyelidik bahawa bagi melaksanakan langkah-langkah pengajaran antaranya ialah menyediakan tugas kerja kursus. Tugasan ini disediakan oleh penyalaras kursus Tamadun Islam. Penyerahan soalan tugasan kepada pelajar kebiasaannya diserahkan dalam proses pengajaran yang sedang berjalan di dalam kelas dan telah ditetapkan oleh Unit Penilaian dan Peperiksaan sesebuah institut yang berkenaan. Beliau berkata:

“Di sini dia ada ketua unit Ustaz Abdul Aziz dan ketua unit akan menentukan di sini unit Tamadun Islam, kemudian di bahagi-bahagi kepada pensyarah lain. Kemudian dari segi masa markah itu dia akan beritahu bila masa ada. Biasanya tugas untuk kerja kursus, peperiksaan secara khas, Tamadun tak ada, kerja kursus je... maknanya dah belajar 3 suku, baru ada kerja kursus.” (P2/TB1)

Berlainan pula dengan pandangan daripada peserta kajian P4 dan P8. Kedua-dua peserta kajian ini akan menyerahkan soalan tugasan kerja kursus Tamadun Islam kepada pelajarnya di dalam interaksi pada minggu kedua atau ketiga tanpa menunggu pertengahan interaksi kelas. Ini bertujuan memudahkan para pelajar agar dapat mencari

bahan bacaan dan maklumat dengan kadar yang segera. Pengurusan masa di institut perlulah diatur dengan sebaik-baiknya kerana jadual pembelajaran di kelas adalah ketat dan padat serta bebanan tugas yang terlalu banyak.

Peserta kajian dari P4 berkata, “ Saya berikan kerja kursus kepada pelajar saya sejak awal interaksi dengan pelajar, selalunya minggu kedua atau ketiga tanpa menunggu dipertengahan interaksi pengajaran. Ini memudahkan mereka mencari bahan dan maklumat.” (P4/TB2)

Peserta kajian P8 juga ada menyatakan, “ Tidak..... kebiasannya dalam interaksi yang kedua atau yang ketiga .” (P8/TB2)

Seterusnya bagi peserta kajian P5, beliau menyerahkan soalan tugas ini sejak permulaan interaksi kelas Tamadun Islam. Ianya bertujuan memudahkan pelajar mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian atau tugas. Para pelajar hanya diberi tempoh dua minggu bagi menyiapkan dan menyerahkan tugas kepada pensyarah yang mengajar kursus ini. Ini dapat dilihat kata-kata peserta kajian P5 :

“ ...tidak... tak boleh beri tugas terlampau lewat... kita kena berikan tugas kepada pelajar kita sejak awal interaksi lagi, ianya supaya memudahkan pelajar kita mencari maklumat berkaitan kajian atau tugas yang telah diberikan. Mereka diberi masa selama 2 minggu sahaja untuk penyediaan dan diserahkan tugas tersebut dalam tempoh tersebut.” (P5/TB2)

Begitulah juga peserta kajian P6 berkata, “ ianya telah diberikan lebih awal kerana pelajar akan mengambil masa untuk menyiapkan dan pensyarah sering bertanya jika mereka tidak faham bagaimana hendak melakukan tugas .” (P6/TB2)

Berdasarkan daripada dapatan kajian bagi tema ini, menunjukkan bahawa lima peserta kajian berpandangan bahawa tugas kerja kursus perlu diserahkan kepada pelajar dalam tempoh interaksi pengajian. Ini bagi memudahkan mereka mencari bahan bacaan bagi tujuan menghasilkan penulisan yang baik dan memuaskan serta tidak terganggu dengan aktiviti-aktiviti yang sentiasa mendarat secara mendadak dan lain-lain.

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen iaitu rancangan pengajaran dan pembelajaran semester Tamadun Islam KPLI SR, mendapati pensyarah Tamadun Islam akan menyerahkan soalan tugas kerja kursus bermula tarikh yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Pengajaran tersebut bagi semester pengajian yang berkenaan.²⁸⁹

4.4.2.4 (e) Sentiasa Bermesyuarat Menyelesaikan Masalah Akademik

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati empat peserta kajian telah menyatakan mengenai pandangan tentang kepentingan sentiasa bermesyuarat di kalangan para pensyarah yang akan mengajar kursus Tamadun Islam. Bagi peserta kajian P7 menegaskan kepada penyelidik bahawa beliau bersama pensyarah dalam jabatannya akan mengadakan sidang mesyuarat pada awal semester sebelum bermulanya sesi pengajaran dan pembelajaran. Jadi, di dalam perbincangan ini akan menjurus kepada persoalan akademik seperti pembahagian jadual pengajaran bagi semester yang berkenaan. Ini dapat dilihat melalui kata-kata, “Alhamdulillah sebenarnya subjek ini setiap semester dalam mesyuarat JAPIM, kita bermesyuarat tentang akademik, jadi KJ membuka peluang untuk timbulkan segala masalah atau soalan.” (P7/TB1)

²⁸⁹ Lampiran U. (Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Semester Tamadun Islam KPLI SR)

Bagi peserta kajian P2, beliau sentiasa berbincang dan bermesyuarat dengan rakan sejawat yang mengajar kursus ini, berusaha menyelesaikan masalah akademik pelajar. Usaha ini juga bertujuan membantu pelajar mereka dari segi masalah kebijakan mereka. Beliau menyatakan, “Ya, saya selalu bermesyuarat dan bertanyakan masalah kepada Ketua Jabatan dan rakan-rakan pensyarah lain untuk cuba menyelesaikan masalah akademik dan juga masalah yang berlaku ke atas pelajar-pelajar.” (P2/TB2)

Hal ini juga disokong oleh peserta kajian P8 dan P4 mengenai keperluan untuk bermesyuarat bagi menyelesaikan masalah akademik pelajar. Bagi peserta kajian P8, perbincangan itu diadakan seandainya mendesak atau pun memerlukan pandangan rakan sejawat bagi membincangkan permasalahan pelajar terutamanya dari segi akademik mereka. Peserta kajian P8 menyatakan, “Ada juga sekiranya perkara tersebut serius dan perlu pandangan orang lain.” (P8/TB2). Begitulah juga bagi peserta kajian P4 juga menyatakan, “Tidak, lebih kepada perbincangan dengan rakan sejawat.” (P4/TB2)

Berdasarkan daripada dapatan kajian bagi tema ini, menunjukkan bahawa empat peserta kajian berpendapat bahawa membudayakan amalan bermesyuarat bagi menyelesaikan masalah akademik di kalangan pelajar merupakan suatu amalan yang positif yang perlu diteruskan dari satu ke satu masa yang lain. Ini juga akan dapat membantu pihak pengurusan sesebuah institut meningkatkan prestasi akademik institut tersebut.

4.4.2.4 (f) Mengadakan Persediaan Sebelum Pengajaran dan Pembelajaran

Menurut peserta kajian daripada P2 dan P4, mereka berdua menjelaskan kepada penyelidik bahawa bagi melaksanakan langkah-langkah pengajaran antaranya ialah mengadakan persediaan sebelum pengajaran dan pembelajaran. Persediaan ini amatlah

penting bertujuan untuk memastikan proses pengajaran yang akan dilaksanakan nanti akan dapat berjalan dengan baik dan lancar. Tambahan lagi subjek yang akan diajar nanti, sememangnya sudah wujud proformanya yang sendiri. Bagi peserta kajian P2 berkata, “ Ya, pada kebiasaannya saya selalunya membuat persediaan sebelum pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan tujuan supaya proses pengajaran & pembelajaran berjalan dengan baik dan lancar. ” (P2/TB2)

Seterusnya bagi peserta kajian P4 turut menjelaskan,“ Memang saya sentiasa membuat persediaan awal sebelum melaksanakan sesi pengajaran, lagi pun subjek yang nak diajar ni memang dah ada proforma sebelum ini.” (P4/TB2)

Bagi peserta kajian P7 pula, beliau menegaskan bahawa perlunya kepada persediaan pengajaran dan pembelajaran dengan melihat kembali sukatan pelajaran kursus Tamadun Islam. Jika perlu ianya dimantapkan atau sebaliknya, maka seseorang pensyarah itu perlu melakukan penambahbaikan. Beliau berkatanya:

“Kita tengok balik sukatan itu yang mana kena tambah dan sebagainya tetapi kalau hari-hari biasa nanti, maknanya kita ambil pada hari itu, kita tahu bahawa tajuk apa yang hendak dibincangkan dan waktu itu juga kita tengok balik buku-buku yang ada kaitan dengan tajuk supaya kita lebih bersedia untuk berhadapan dengan soalan-soalan yang diajukan oleh pelajar.” (P7/TB1)

Bagi peserta kajian P8, beliau menjelaskan kepada penyelidik bahawa perlunya persediaan oleh pensyarah sebelum berinteraksi dalam kelas dan persediaan ini sewajarnya merujuk kepada perancangan yang telah ditetapkan oleh pihak institut yang berkenaan. Beliau menjelaskan,“Itu kita berdasarkan kita rujuk perancangan dia. Lepas itu, cari bahan kalau tiada buat power point dan tambah lagi ABM-ABM yang lain.” (P8/TB1)

Berdasarkan daripada dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa empat peserta kajian berpandangan perlunya tenaga pengajar yang terdiri daripada pensyarah Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru agar sentiasa mengadakan persediaan sebelum pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di kalangan pelajar.

4.4.2.4 (g) Perkembangan Pengajaran Bersamaan Subjek Lain

Dapatan kajian mendapati empat peserta kajian telah memberi pandangan mengenai langkah-langkah bagi memulakan sesi pengajaran kursus Tamadun Islam. Menurut peserta kajian ini, perjalanan atau perkembangan pengajaran kursus Tamadun Islam adalah menyamai dengan perkembangan subjek-subjek lain yang diajarkan kepada para pelajar di institut. Bagi peserta kajian P1 telah berkata, “ Saya merasakan bahawa perkembangan pengajaran dan pembelajaran sama seperti subjek lain juga kecuali Tamadun Islam tidak ada peperiksaan khusus baginya. ” (P2/TB2)

Menurut peserta kajian P4, langkah pengajaran harian antara subjek Tamadun Islam dengan subjek lain adalah hampir bersamaan. Ianya bermula dengan langkah set induksi, perkembangan langkah pengajaran, kaedah pengajaran, aktiviti, bahan bantu mengajar dan penutup. Beliau berkata:

“Biasanya sama sahaja rancangan subjek lain. Dalam tajuk konsep asas jadi kita sudah tahu mungkin dari set induksi. Kita sediakan permasalahan lepas itu, kita pastikan bahan kita, power point kita itu lengkap. Lepas itu mungkin dalam bahagian itu kita buat isu, suruh mereka bincang, sumbang-saran dan buat penyelesaian masalah. Lepas itu, penutuplah, sama seperti subjek lain.” (P4/TB1)


Seterusnya bagi peserta kajian P5 menyatakan juga beliau pun melaksanakan persediaan pengajaran berdasarkan perkembangan rancangan pengajaran. Beliau memulakan dengan set induksi, penerangan isi kandungan pelajaran, melanjutkan

kepada perbincangan dan akhirnya dilakukan rumusan perbincangan. Ini dapat ditinjau kata-katanya:

“Biasanya kita mula perkenalkan tajuk set induksi. Kita bentang kepada pelajar tentang topik yang kita tayangkan, apa yang dia faham tajuk-tajuk itu. Kemudian kita masuk kepada penerangan isi. Lepas itu, kita pergi ke perbincangan kumpulan. Kemudian dia bentang hasil di akhir perbincangan dia itu. Last sekali buat rumusan di akhir itu. Saya banyak buat begitulah.” (P5/TB1)

Begitu juga bagi peserta kajian P6 ada menyatakan beliau membina rancangan pengajaran harian mengikut perkembangan dan langkah-langkah pengajaran yang telah ditetapkan. Katanya, “Sebelum hendak mengajar kenalah buat rancangan pengajaran harian, apa tajuk yang kita hendak ajar, apa persediaan bahan untuk kita hendak gunakan untuk pengajaran dan mencari bahan-bahan yang sesuai untuk sesi pengajaran P&P itu.” (P6/TB1)

Berdasarkan sesi temu bual yang telah dilaksanakan terhadap peserta kajian yang iaitu di kalangan pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang, mereka menjelaskan perkembangan kaedah pengajaran dan pembelajaran ialah dengan membahagikan topik mengikut rancangan pengajaran, tajuk tugasan berdasarkan sukanan pelajaran, merancang tajuk mengikut kesesuaian masa/bilangan pelajar/isi kandungan tajuk /objektif. Seterusnya tugasan diberikan setelah berlaku interaksi pengajaran dan pembelajaran, sentiasa bermesyuarat menyelesaikan masalah akademik, mengadakan persediaan sebelum pengajaran dan pembelajaran dan perkembangan pengajaran Tamadun Islam bersamaan dengan subjek lain. Rajah 4.5 berikut menjelaskan gambaran dapatan tema yang diperolehi.



Rajah 4.5: Dapatan Tema Kaedah PnP Perkembangan PnP (QSR Nvivo)

4.4.2.5 Pandangan Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan

Dalam melaksanakan sesuatu pengajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran amatlah penting diaplikasikan agar sesuatu proses pembelajaran dapat berjalan dengan berkesan dan memuaskan. Untuk tujuan menjawab persoalan berkaitan pandangan peserta kajian mengenai pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, penyelidik telah mengajukan soalan kepada pensyarah iaitu “ Apakah yang dikatakan pengajaran dan pembelajaran pensyarah menarik dan berkesan?” Data yang diperolehi dalam persoalan kajian ini adalah hasil daripada temu bual, pemerhatian terhadap pensyarah kerana mereka adalah merupakan peserta kajian dalam kajian ini.

4.4.2.5 (a) Mudah Difahami, Menarik dan Mudah Diterima

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati empat peserta kajian telah menyatakan pandangan mereka bahawa pengajaran yang mudah difahami, menarik dan mudah diterima oleh pelajar yang mengikuti kelas yang diajar oleh pensyarah mereka. Hal ini dinyatakan oleh pandangan peserta kajian P2 dengan mengatakan pengajaran yang menarik ialah apabila sesuatu penjelasan atau penerangan mudah diterima oleh pelajar. Suasana kondusif semasa berlakunya pengajaran Tamadun Islam juga merupakan unsur yang boleh diterima secara positif di kalangan pelajar bagi memastikan kelancaran pengajaran. Peserta kajian P2 berkata, “P&P yang menarik adalah dari segi apa yang saya rasa bila kita dapat menarik pelajar mendengar kita hendak sampaikan dia dapat terima. Kemudian dari segi dia belajar pun dalam keadaan yang dia dapat terima baik apa yang kita sampaikan, InsyaAllah.” (P2/TB1)

Bagi peserta kajian P4 pula, pengajaran yang berkesan ialah sekiranya berlakunya respon yang positif daripada para pelajar. Bagi peserta kajian P4 berkata, “Ya.... mungkin kalau kita kata menyampaikan, itu cara olahan kita menyampaikan ilmu itu menarik dan mereka tidak bosan dan dapat respon daripada pelajar dalam masa panjang, berjayalah.” (P4/TB2)

Seterusnya bagi peserta kajian P5 pula, sekiranya cara pelaksanaan proses pengajaran berlaku secara berkesan dan berjaya menyelitkan unsur-unsur kebaikan berkaitan tamadun, itu menunjukkan pengajaran seseorang adalah jelas, menarik dan efisien. Peserta kajian P5 ada berkata kepada penyelidik, “Selitkan unsur-unsur kebaikan dalam tamadun, jadi cara pelaksanaan penting, supaya pelajar faham semangat-semangat yang perlu kita pupuk. ” (P5/TB2)

Akhirnya bagi peserta kajian P6 menjelaskan pengajaran yang berkesan ialah kebijaksanaan tenaga pengajar mengaplikasikan dan menggunakan kepelbagaian bahan bantuan mengajar. Pengajaran bukan setakat di dalam kelas sahaja, malah sekiranya perlu mengadakan lawatan ke tempat bersejarah, itu adalah lebih baik dan menyeronokkan. Hal ini diceritakan oleh peserta kajian P6 :

“....benar, menarik ini maknanya dari segi bahan, kita mengajar dia perlu ada tukar-tukar. Kalau boleh kita buat dalam bentuk power point. Kaedah pengajaran itu kita boleh juga dalam bentuk lawatan ke, lawatan muzium Islam. Kita dapat melihat sejarah-sejarah di situ dan tidak spesifik sangat dalam kelas sahaja untuk tamadun kita berkembang sikit lagi.” (P6/TB2)

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen Sukatan Pelajaran Tamadun Islam KPLI SR, mendapati pelbagai kaedah yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran Tamadun Islam bagi merangsang pengajaran dan pembelajaran di kalangan para pelajar yang mengikuti kursus ini.²⁹⁰

4.4.2.5 (b) Gabungan Pelbagai Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati tujuh peserta kajian telah menyatakan pendapat bahawa pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam yang berkesan ialah sekiranya berlaku penggabungan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran terhadap para pelajar. Penggabungan dalam tema bahagian ini ialah gabungan kaedah syarahan, kuliah, perbincangan, tayangan dan pembelajaran *student centred*. Menurut peserta kajian P1 dalam kata-katanya :

“Saya biasa kalau Tamadun Islam lebih kepada saya dalam kuliah, saya buat syarahan dan huraian menggunakan power point. Saya rasa lebih berkesan dan kita menonjolkan aspek-aspek yang berbentuk visual gambar-gambar lebih menarik daripada kita hanya membaca daripada buku atau kita dapat gabungkan apa yang kita dapat daripada bahan-bahan yang banyak kita dapat. Pelajar respon...., ada kala mereka cari bahan dan bentang. Tapi mereka juga kita terang. Tapi

²⁹⁰ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam”, 6.

saya suka student centred sebab dapat melatih dari segi emosi, minda dan sebagainya.” (P1/TB1)

Seterusnya bagi peserta kajian P2 berpendapat gabungan kaedah sebegini rupa akan menghasilkan natijah yang baik dalam sesuatu pengajaran. Hal ini dapat ditinjau melalui kata-katanya, “ Ya, gabungan pelbagai kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran. InsyaAllah akan menghasilkan kesan yang baik di dalam pengajaran dan pembelajaran .” (P2/TB2)

Bagi peserta kajian P3, gabungan kaedah yang diaplikasikan dalam sesi pengajaran beliau dapat berjalan dengan berkesan apabila kaedah perbincangan digandingkan dengan kaedah sumbang saran dan lain-lain. Ini dapat dilihat dalam kata-katanya:

“Saya dapat lihat kaedah yang saya guna pakai, iaitu kaedah perbincangan ini dia punya keberkesanan saya dapat detect melalui dia punya penulisan kerja kursus dia di mana saya tengok dekat situ mantap. Maknanya dia punya perbincangan itu, isi mantap dan benda-benda yang saya pernah sentuh saya bincang ada di dalamnya. Selain perbincangan fakta-fakta yang saya utarakan, saya buat sumbang saran.” (P3/TB1)

Seterusnya peserta kajian P4 menceritakan kepada penyelidik bahawa gabungan kaedah pengajaran di dalam kelas beliau dapat dilihat berdasarkan penerangan, sumbang saran, pembentangan dan soal jawab di antara pelajar dengan beliau. Katanya:

“Mungkin kalau kita kata menyampaikan itu cara olahan kita menyampaikan ilmu itu menarik dan mereka tidak bosan dan dapat respon daripada pelajar dalam masa panjang, berjayalah. Katakan 1 jam 2 jam mereka boleh respon, kita rasa itu berkesan dan menariklah. Selain itu, pembentangan. Contoh kaedah sumbang saran lebih berpusatkan pelajar. Jadi kita guna dua-dua kaedah berpusat guru dan pelajar. Pembentangan...” (P4/TB1)

Bagi peserta kajian P5 memberi pandangan mengenai pengajaran yang berkesan melalui gabungan pelbagai kaedah pengajaran. Ini dapat diperhatikan dalam temu bual dengan penyelidik dengan berkata:

“Bagi saya kaedah yang menarik memang teknologi moden yang kita pakai sangat menarik. Bagi saya guna projektor dan LCD dan CD-CD yang berkaitan dengan pencapaian Tamadun Islam. Kita jangan lupa juga, kita mengajar ada satu unsur-unsur kebaikan dalam tamadun itu kita selitkan. Kalau tidak nanti dia akan timbul macam belajar ini tidak ada satu faedah. So maknanya dalam kaedah itu penerapan nilai itu penting.” (P5/TB1)

Bagi peserta kajian P6 berkata, “ Gabungan kepelbagaian kaedah ini perlu kerana dengan ini akan menghindarkan dari kebosanan pada diri pelajar ketika berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya di dalam kursus Tamadun Islam ini.” (P6/TB2)

Akhirnya bagi peserta kajian dari P8, beliau berpandangan kepelbagaian kaedah semasa proses pengajaran menjadikan pengajaran lebih berkesan dan berjalan lancar. Pengajaran perlu aplikasi ICT, *power point*, slaid dan lain-lain. Hal ini berasaskan kata beliau:

“Saya rasa lebih kepada penggunaan ICT. Kalau kita mengajar sahaja tidak guna bahan alat batu mengajar terutama ICT. Selain itu, dengan suasana sekarang ini, saya tidak nampak atau kurang keberkesaan kalau kita tidak guna contohnya power point, slide, saya bawa masuk kelas, saya ada yang sendiri punya.” (P8/TB1)

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan pemerhatian tentang proses pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di dua IPG mendapati kaedah pengajaran yang berkesan ialah gabungan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam ialah pelajar membentangkan tajuk yang diberikan oleh pensyarah dengan berbantuan komputer dan LCD.

Ini menunjukkan bahawa terdapat kepelbagaian kaedah yang digunakan iaitu pembentangan menggunakan bahan seperti komputer dan LCD untuk membuat persembahan *power point*. Selepas itu pensyarah akan memberi ruang kepada para pelajar untuk menyuarakan pandangan atau soalan berkaitan tajuk yang dibentangkan oleh rakan mereka. Setelah itu pensyarah akan merumuskan tajuk yang dibentangkan agar fakta-fakta penting dapat difahami dan diingati oleh pelajar.

Berdasarkan daripada dapatan kajian bagi tema bahagian ini, menunjukkan kepada kita bahawa tujuh peserta kajian berpandangan bahawa gabungan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terdiri daripada kaedah syaranan, kuliah, tayangan, perbincangan, sumbang saran, pembentangan, soal jawab, ICT, *power point* dan slaid. Jelas menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam yang berkesan ialah apabila berlakunya penggabungan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu kursus.

4.4.2.5 (c) Kepelbagaian Bahan Sumber

Persediaan dalam memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting dalam proses sesuatu pengajaran. Bagi peserta kajian P1, menegaskan persediaan pensyarah mengaplikasikan bahan pengajaran dan seumpamanya akan dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan menarik seperti katanya, “Pengajaran berkesan ialah kita mesti memastikan pelajar ada bahan yang nak dipelajari ataupun mereka mendapatkan bahan dan kita hurai dalam bentuk ke lebih baik berbantukan dengan alat bantu mengajar yang power point dan bahan-bahan sumber internet.” (P1/TB1)

Seterusnya bagi peserta kajian P2, beliau memberi idea dalam temu bualnya bahawa sekiranya wujudnya kepelbagaian sumber di dalam proses pengajaran, sudah pasti akan memberi impak positif yang besar di dalam pengajaran. Ini dilihat dalam kata-katanya, “ Kepelbagaian sumber juga memberikan impak di dalam keberkesanan pengajaran & pembelajaran, tetapi pelbagai kaedah pengajaran memainkan peranan lebih penting di dalam usaha untuk mewujudkan keberkesanan di dalam pengajaran & pembelajaran. ” (P2/TB2)

Menurut peserta kajian P4, beliau merasakan pengajaran akan lebih berfokus atau tertumpu serta pensyarah mudah bersedia seandainya wujudnya kepelbagaian bahan sumber pengajaran. Begitu juga seseorang itu dapat menyampaikan berdasarkan tajuk yang akan dibincangkan dalam pengajaran. Bagi peserta kajian P4, beliau berkata, “Kepelbagaian bahan sumber amatlah penting di dalam sesi pengajaran, saya rasa sebab dia lebih fokus dan kita senang serta bersedia. Kita tahu apa hendak cakap dan tidak lari daripada tajuk.” (P4/TB2)

Seterusnya peserta kajian P5 menegaskan dalam perbualan bahawa beliau amat kerap menggunakan pelbagai bahan sumber dalam pengajaran kerana ianya amat memudahkan kelancaran proses pengajaran di dalam kelas. Katanya, “Saya sangat setuju..... kerap dalam pengajaran, saya pelbagaikan sumber yang ada, sama ada bahan maujud, projektor, LCD dan sebagainya. Semua itu memudahkan proses pengajaran kita.” (P5/TB2)

Cara pengajaran secara konvensional perlulah dikurangkan kerana ianya tidak sesuai untuk para pelajar pada hari ini. Konvensional ini ialah seperti bercakap sahaja dan ianya tentu menimbulkan rasa kebosanan di kalangan pelajar. Menurut peserta

kajian P6, pengajaran yang berkesan ialah pensyarah dapat menyediakan persediaan bahan pengajaran untuk melaksanakan pengajaran seperti katanya:

“Menarik ni maknanya dari segi bahan. Kalau kita hanya cakap tanpa membuktikannya. Cakap dalam kuliah sahaja tentu lama-lama. kalau cara begitu kita gunakan mesti pelajar anggapkan kita mengajar cara konvensional. Kita mengajar dia perlu ada tukar-tukar. Kalau boleh kita buat dalam bentuk power point.” (P6/TB1)

Berdasarkan daripada dapatan kajian bagi tema bahagian ini menunjukkan bahawa lima peserta kajian berpandangan seandainya para pensyarah mengaplikasikan pelbagai bahan sumber dalam proses pengajaran Tamadun Islam sudah pasti akan menjadikan pengajaran makin memuaskan dan berkesan.

4.4.2.5 (d) Menggunakan Pelbagai Pendekatan dalam Satu Pengajaran

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati dua peserta kajian dalam bahagian ini telah menyatakan pandangan mereka mengenai pengajaran dan pembelajaran pensyarah yang menarik dan berkesan iaitu dengan menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam satu pengajaran. Hal ini dimaksudkan ialah pengajaran kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru.


Ini dapat dilihat pada peserta kajian P2 dalam kata-katanya, “ Saya rasa kepelbagaian pendekatan dalam satu pengajaran memainkan peranan penting di dalam mencapai keberkesanannya di dalam P & P, tetapi pelbagai kaedah pengajaran adalah faktor yang paling utama. ” (P2/TB2)

Begitu juga menurut peserta kajian P6, beliau menyatakan pengajaran yang berkesan ialah apabila pensyarah semasa sesi pengajaran berjaya menyingkap kembali

sejarah kegemilangan Islam terdahulu seperti yang berlaku pada zaman kegemilangan Islam. Perkara ini dijelaskan melalui kata-kata:

“Kaedah kita itulah kalau kita dapat memberi contoh yang dekat dengan pelajar yang mengaku yang Islam itu sempurna tapi seolah-olah sekarang kita tidak nampak kesempurnaan Islam itu sekarang. Kenapa zaman dahulu boleh gemilang contohnya zaman Ibnu Sina, Ibnu Rusyd sampai tahap tertinggi tapi kenapa sekarang ini tidak boleh sampai ketahap itu, jadi kalau kita dapat bawa student punya pemikiran sampai ke arah itu memang mereka amat minat.” (P6/TB1)

Berdasarkan data kajian yang telah dianalisis dengan bantuan perisian program *QSR Nvivo*, secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah sesuatu pengajaran mudah difahami, menarik dan mudah diterima. Begitu juga mempunyai gabungan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Para pensyarah juga perlu mempelbagaikan bahan sumber ketika berlakunya proses pengajaran dan juga dapat menggunakan pelbagai pendekatan dalam satu pengajaran. Rajah 4.6 berikut menjelaskan gambaran dapatan tema yang diperolehi.



Rajah 4.6: Dapatan Tema Kaedah PnP Pandangan PnP yang berkesan (QSR Nvivo)

4.4.3 Hasil Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Tamadun Islam

Persoalan ketiga ialah “Sejauhmanakah hasil pencapaian pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang? ” Bagi menjawab persoalan berkaitan mengenai hasil pencapaian pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam, penyelidik telah mengajukan soalan kepada pensyarah iaitu “ Sejauhmanakah keberkesanan kursus ini terhadap tingkah laku pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek telah dapat dihasilkan?”

Hasil pencapaian pelajar dalam sesebuah kursus amatlah penting bagi mengukur keberkesanan sesuatu program atau kursus. Hasil pencapaian yang dimaksudkan dalam bahagian ini ialah para pelajar dapat menguasai objektif yang telah ditetapkan dalam kursus Tamadun Islam. Objektif pengajaran dikatakan juga sebagai perubahan yang hendak dicapai oleh pelajar setelah berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Objektif yang dimaksudkan dalam bahagian ini ialah perubahan tingkah laku jasmani, emosi, rohani, dan keintelektualan pelajar. Terdapat kesan lain dari segi perubahan tingkah laku pelajar yang berbentuk positif selain daripada keempat-empat domain di atas yang boleh dilihat pada diri pelajar yang setelah mengikuti kursus ini.

Bagi memudahkan penulisan ini, penyelidik meringkaskan dapatan kajian bagi persoalan kajian mengenai hasil pencapaian pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang seperti dalam jadual 4.4 berikut.

Jadual 4.4: Taburan Pola Tema Hasil Pencapaian Pelajar dalam Kursus Tamadun Islam

Komponen	Peserta Kajian								
Tema	Sub tema	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8
Perubahan tingkah laku Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek Pelajar	Perubahan dari segi intelek	x			x			x	x
	Perubahan dari segi emosi, rohani dan jasmani	x	x	x				x	
Kesan Lain Perubahan Tingkah Laku	Perubahan dan Kesan Positif	x	x	x				x	x
Saranan dan Cadangan	Kursus Tamadun Islam Perlu Diteruskan dan Diwajibkan	x	x		x	x	x		x
	Penambahan Sumber, Menyediakan Kepelbagaiaan Bahan Bantu Mengajar dan Bahan Rujukan	x	x	x	x	x	x		x
	Menambah Masa Pengajaran		x		x		x		x
	Kaedah Pengajaran Pensyarah		x			x	x		x
	Penggunaan ICT dan Kemudahan Prasarana		x	x	x	x			x
	Menganjurkan Kursus untuk Peningkatan Ilmu Pensyarah		x		x		x	x	x
Kursus Bersifat Teoritikal	Teoritikal		x	x		x	x	x	x
	Teoritikal dan praktikal	x				x			

x – Dapatan kategori dan tema kajian

4.4.3.1 Perubahan Tingkah Laku Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek Pelajar

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan berkaitan mengenai perubahan tingkah laku di kalangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam. Tingkah laku yang dimaksudkan di sini ialah dari segi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Perubahan di sini ialah yang melibatkan kognitif, psikomotor dan efektif di kalangan para pelajar. Bagi pelajar yang mengikuti kursus Tamadun Islam ini, perubahan tingkah laku juga dapat diperhatikan terhadap diri mereka apabila mereka telah mengikuti kursus ini.

4.4.3.1 (a) Perubahan dari Segi Intelek

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati empat peserta kajian telah memberi pandangan mengenai hasil pencapaian pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang. Dapatan ini adalah menurut pandangan para pensyarah yang menjadi peserta kajian ini. Di kalangan para pensyarah iaitu peserta kajian P1 berkata menyatakan wujudnya perubahan dari segi aspek intelek pelajar dengan berkata, “Dari segi yang boleh kita sampai adalah minda kita, dari segi jasmani kita tidak boleh lihat, tapi kalau dari segi emosi kita kena baca.” (P1/TB1)

Seterusnya bagi peserta kajian P4, beliau turut menyatakan bahawa terdapat juga perubahan dari segi aspek intelek di kalangan pelajar. Hal ini dapat diperhatikan semasa berlangsungnya kelas Tamadun Islam yang membincangkan tentang perekonomian menurut pandangan agama. Peserta kajian P4 membuat penyataan ini setelah memerhatikan hasil perbincangan kelas Tamadun Islam sebelum ini dengan berkata:

“Intelek ya..... jasmani saya rasa tiada, rohani ye juga, emosi saya tidak pasti tapi mungkin juga kita tengok kita bincang kita dedahkan

tentang tamadun-tamadun kejayaan Islam memang emosi dia akan berasa kagum tentang kejayaan silam dan mungkin dia akan cuba memotivasi diri kita pensyarah bagi motivasi dekat dia. Contoh perbankan Islam dia mungkin memberi motivasi pada dia, contohnya dari segi ketokohan.” (P4/TB1)

Bagi peserta kajian P7, menyatakan perubahan di kalangan pelajarnya tidak dapat diukur secara jelas, namun dapat dibuat kesimpulan bahawa mereka tersebut memiliki ciri-ciri intelek berdasarkan kata-katanya:

“Itu masalahnya apabila kata keberkesanan ini kita tidak dapat ukur walau bagaimanapun ada pelajar kita tidak dapat lihat tingkah laku mereka berubah ada yang kurang setiap kali saya mengajar sama ada subjek Tamadun atau Pendidikan Islam saya sentiasa kaitkan dengan surau. Pelajar ini perlu rapat dengan surau kita boleh lihat wajah-wajah ke surau atau wajah tidak ke surau.” (P7/TB1)

Akhirnya menurut peserta kajian P8 juga menegaskan bahawa terdapat juga perubahan pada pelajarnya setelah tamatnya pengajaran kursus Tamadun Islam dengan berkata, “Saya rasa kalau dari segi intelek sahaja yang kita boleh nampak. Tapi yang lain tidak tahu sebab kita tidak boleh hendak ukur.” (P8/TB1)

Triangulasi dapatkan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen, iaitu sukanan pelajaran Tamadun Islam mendapati para pelajar mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan kritis contohnya pelajar dapat membezakan kelebihan Islam berbanding ekonomi konvensional.

Ini bertepatan dengan objektif pembelajaran di dalam sukanan pelajaran Tamadun Islam yang kedua iaitu “membekalkan bakal pendidik dengan ilmu

pengetahuan dan ketahanan diri yang membolehkan mereka memahami serta menghadapi pergolakan dunia dan cabaran global semasa”.²⁹¹

Triangulasi juga boleh dibuat dengan pemerhatian terhadap pembentangan pelajar di dalam bilik kuliah Tamadun Islam. Mereka membentang terhadap sesuatu tajuk dengan menggunakan bahan bantu mengajar seperti komputer dan *LCD* dengan persembahan dan paparan yang amat menarik perhatian pensyarah dan rakan-rakan menjadikan pengajaran lebih berkesan. Hal ini menunjukkan bahawa mereka merupakan pelajar yang memiliki daya intelektual yang tinggi mampu memberikan penjelasan dengan merujuk kepada pelbagai sumber.

Berdasarkan daripada dapatan kajian bagi sub tema bahagian ini menunjukkan bahawa setelah berakhirnya pengajaran Tamadun Islam, besar kemungkinan di kalangan para pelajar yang telah mengikuti kursus ini akan terserlah perubahan dari segi pemikiran dan keintelektualan di dalam jiwa para pelajar. Hal ini juga adalah selaras dengan objektif Sukatan Pelajaran Tamadun Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah.²⁹²

4.4.3.1 (b) Perubahan dari Segi Emosi, Rohani dan Jasmani

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapat empat peserta kajian telah memberi pandangan mengenai hasil pencapaian pelajar dalam kursus Tamadun Islam. Perubahan yang berlaku pada tahap ini ialah yang melibatkan emosi, rohani dan jasmani para

²⁹¹Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam”, 2.

²⁹² *Ibid.*

pelajar yang mengikuti kursus Tamadun Islam. Di kalangan para pensyarah iaitu peserta kajian P1 berkata, beliau menyatakan wujudnya perubahan dari segi aspek emosi pelajar dengan berkata, “...tapi kalau dari segi emosi kita kena baca, macamana, tapi mungkin jelmaan dalam konsep pengajaran kita.” (P1/TB1)

Seterusnya bagi peserta kajian P3 juga menyatakan bahawa terdapat perubahan dari aspek emosi pada pelajar. Ini dapat diperhatikan setelah mereka melalui proses pengajaran kursus Tamadun Islam. Beliau telah berkata:

“Saya tengok sepanjang saya mengajar subjek ini atau subjek lain dan fokus subjek ini apabila saya masuk kelas itu, pada saya amat kenal dengan pelajar-pelajar saya. Dia pun sangat kenal pada kita. Keluar dari kelas dia tegur kita. Dia hormat, dia SMS, ucapan dan sebagainya. Itu dari segi emosi dia orang.” (P3/TB1)

Begitu juga menurut peserta kajian P7 ada menyatakan bahawa perubahan di kalangan pelajarnya dari aspek emosi pelajar. Hal ini berdasarkan pengalaman pelajar setelah ditempatkan sebagai guru terlatih, datang untuk menghadiri konvokesyen IPG dan menceritakan pengalaman-pengalaman mereka. Ini dapat dilihat pada kata-katanya:

“Walau bagaimana pun mungkin kesan kita mengajar kesan dari kita kesan subjek sebenarnya yang penting pelajar-pelajar sudah posting mereka datang untuk konvokesyen memang datang, berjumpa dengan kita kalau bertemu di mana-mana. Mereka menceritakan pengalaman dan sebagainya jadi sebab kita tahu guru-guru dihantar ke seluruh negeri mungkin mereka terkenang balik apa yang dia belajar.” (P7/TB1)

Selain aspek emosi pelajar, aspek jasmani turut ditonjolkan setelah melalui proses pengajaran kursus Tamadun Islam ini. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kata-kata peserta kajian P2 yang telah berkata, “... sedikit sebanyak adalah juga dari segi jasmani ada perkembangannya.” (P2/TB1)

Akhir sekali mengenai aspek kerohanian pelajar, dapat dikenal pasti melalui tingkah laku para pelajar berdasarkan penghayatan amalan ibadah seperti solat jemaah di surau Institut. Peserta kajian P2 telah menyatakan, “..... cuma perubahan sikit-sikit dari segi amalan. Sebab di sini KPLI ni, semuanya pelajar-pelajar Islam yang saya ajar. Keberkesanannya secara jelas sangat sukar juga. Mungkin amalan tu susahlah. Saya selalu tekankan solat jemaah.” (P2/TB1)

Berdasarkan temu bual yang telah dilaksanakan terhadap pensyarah yang menjadi peserta kajian kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru, mereka menyatakan wujudnya perubahan tingkah laku positif di kalangan pelajar setelah mengikuti kursus Tamadun Islam ini. Secara keseluruhannya perubahan yang dimaksudkan ialah dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek pada diri pelajar.

4.4.3.2 Kesan Lain Perubahan Tingkah Laku

Bahagian ini adalah untuk tujuan menjawab persoalan berkaitan mengenai kesan yang lain mengenai perubahan tingkah laku di kalangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam. Perubahan yang berlaku di kalangan para pelajar ada juga berlaku secara tidak langsung pada diri mereka sendiri setelah mereka melalui proses pengajaran Tamadun Islam. Penyelidik telah mengajukan soalan kepada pensyarah iaitu “ Mungkin anda dapat menyatakan kesan lain daripada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus ini?”

4.4.3.2 (a) Perubahan dan Kesan Positif

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapat lima peserta kajian telah memberi pandangan mengenai hasil pencapaian pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut

Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang. Bagi peserta kajian P1 menyatakan wujudnya kesan dan perubahan positif di kalangan pelajar yang mengikuti kursus Tamadun Islam dengan berkata, “Kesan lain bagi penghormatan pada saya, maksudnya ustaz mengajar perghormatan itu ada rasa kita macam dihargai. Mereka banyak bertanya, maknanya dia minat. Bila dia hormati kita, maksudnya dia suka agama.” (P1/TB1) Hal ini memberi maksud bahawa pelajar yang mengikuti kursus Tamadun Islam berminat mempelajari kursus ini kerana mereka sering bertanya untuk mendapatkan penjelasan mengenai sesuatu fakta yang dipelajari.

Bagi peserta kajian dari P2 pula, kesan positif yang terserlah pada pelajar ialah wujud tabiat saling mengasihani. Ini dapat dilihat kata-kata, “...wujud simpati daripada pelajar-pelajar yang kurang nasib baik ada juga. Lepas kita nasihat tentang menderma dan ziarah kawan-kawannya yang sakit tu, kita nampaklah juga.” (P2/TB1)

Peserta kajian P3 pula menyatakan para pelajar amat meminati kelas Tamadun yang diajar oleh beliau, lantaran kerap menelefonnya serta bertanya bilakah kelas seterusnya akan diadakan lagi. Ini dapat dilihat melalui katanya, “Dia ada tanya bila ada kelas lagi, bila hendak ajar tamadun. Student ni student Cina ni dia selalu telefon.” (P3/TB1)

Seterusnya bagi peserta kajian P7 turut menyatakan juga terdapatnya kesan positif di kalangan pelajarnya iaitu dengan memiliki jiwa yang ingin sentiasa mendidik. Perkara ini dilihat melalui kata-kata, “Kesan lain susah hendak kesan, cuma saya sentiasa mendidik sahsiah mereka supaya seorang guru ini bertanggungjawab. Cuma saya selalu tekankan dari sudut akhlak, tanggungjawab, penampilan, pakaian lengkap, name-tag, perwatakan mesti nampak seperti guru.” (P7/TB1)

Akhirnya bagi peserta kajian P8, turut juga mengatakan kepada penyelidik bahawa terpancarnya kesan positif di kalangan pelajarnya dengan berkata:

“Dari segi hubungan ada rasanya, dia orang kadang-kadang kalau boleh ada masalah dari segi agama pun dia orang datang jumpa kita. Mengadu masalah dengan kita, selalunya masalah mereka rujuk HEP, Unit Kerohanian Puan Rusni (dulu dia ustazah). Tapi biasanya JAPIMlah, kita ni. surau bawah JAPIM... ada AJK Tadbir Surau.” (P8/TB1)

Berdasarkan temu bual dengan pensyarah yang menjadi peserta kajian ini, mereka telah menyatakan bahawa wujudnya kesan positif dari segi tingkah laku di kalangan pelajar setelah mengikuti kursus Tamadun Islam. Hal ini adalah seperti menggalakkan pelajar untuk menerokai ilmu pengetahuan yang baru, mengajar menghormati sesama insan dan sentiasa menunggu sesi pembelajaran seterusnya bagi kursus ini. Tambahan pula pensyarah yang mengajar kursus ini diminati oleh para pelajar kerana pengajaran yang disampaikan menarik dan mudah difahami. Kesan positif yang dimaksudkan di sini ialah perubahan tingkah laku pelajar yang boleh dilihat dengan mata kasar bukannya penilaian berdasarkan kerja kursus atau pun peperiksaan.

4.4.3.3 Saranan dan Cadangan

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan berkaitan mengenai saranan dan cadangan penyelidik bagi meningkatkan kualiti dan keberkesaan kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang. Penyelidik telah mengajukan soalan kepada pensyarah iaitu “ Apakah saranan anda bagi meningkatkan kualiti dan keberkesaan kursus ini?”

4.4.3.3 (a) Kursus Tamadun Islam Perlu Diteruskan dan Diwajibkan

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati enam peserta kajian telah menyatakan saranan mereka bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Di kalangan para pensyarah iaitu peserta kajian P2 menyatakan agar kursus Tamadun Islam ini dipelajari oleh para pelajar pada peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah. Manakala bagi pelajar bukan Islam pula, kursus ini wajib diambil dan dipelajari oleh mereka. Kursus ini adalah diharapkan agar dapat memberikan kefahaman yang sebenar mengenai agama Islam. Menurut peserta kajian P2 beliau berkata, “Pada pandangan saya, kursus Tamadun Islam perlu diteruskan kepada pelajar Muslim dan diwajibkan kepada pelajar non-Muslim. Ini bertujuan untuk memberikan kefahaman dan menjinakkan hati mereka kepada pengajaran Islam yang sebenarnya.” (P2/TB2)

Seterusnya bagi peserta kajian P4, beliau turut menyarankan agar kursus ini dapat diteruskan kerana dengan berlakunya proses pengajaran secara yang terancang, akan dapat menjadikannya sebagai salah satu saluran untuk menyampaikan saluran dakwah kepada pelajar bukan Islam. Kefahaman yang sebenar berdasarkan maklumat yang tepat tentang ajaran Islam akan menjadikan para pelajar yang mempelajari kursus ini tidak akan memandang negatif atau serong terhadap agama Islam. Ini dilihat kata-kata, “Saya rasa diteruskan kalau kata hendak beri kefahaman tentang apa itu Islam terutama orang yang bukan Islam. Saya rasa memang perlu diteruskan supaya tak ada bias. dapat mengelak pandangan serong tentang Islam.” (P4/TB1)

Bagi peserta kajian P5 beliau turut menambah agar kursus ini diteruskan kepada semua pelajar. Justifikasi kepada ini akan menjadikan pelajar bukan Islam akan lebih

mempercayai terhadap orang Islam yang memiliki akhlak mulia. Hal ini dapat dilihat daripada kata-katanya :

“Perlu diteruskan kerana semua pelajar sama ada Muslim atau bukan Islam dapat memahami Islam. Justeru mereka tidak merasa takut dengan ajaran Islam dan tidak timbul syak wasangka terhadap Islam yang menjadi anutan sebahagian besar penduduk Malaysia. Hasilnya kemungkinan orang-orang bukan Islam lebih mempercayai orang-orang Islam yang berakhlik mulia dan bukan bersifat ganas .”
(P5/TB2)

Begitu bagi peserta kajian P6, beliau menyarankan agar kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar yang sedang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah. Beliau berkata, “Kalau dari segi kualiti maknanya ilmulah iaitu peningkatan penambahan ilmu lagi, sentiasa diberikan pendedahan tentang P&P Tamadun Islam berkesan untuk mengajar Tamadun Islam ini. Lagi, kursus ini jadi wajibkan kepada semua pelajar tiada pengecualian.” (P6/TB1)

Hal ini ditambah oleh peserta kajian P8 dengan mengenai saranan agar kursus Tamadun Islam diwajibkan kepada semua pelajar yang menyertai Kursus Perguruan Lepas Ijazah dengan berkata, “ Ya perlu diwajibkan.... (P8/TB2) Kursus ini diwajibkan kerana ianya merupakan kursus teras yang mesti dipelajari oleh pelajar yang belum mempelajari atau tidak mencukupi jam kredit semasa mereka menuntut di Institut Pengajian Tinggi sebelum ini.

Berdasarkan kepada dapatan temubual dengan peserta kajian di atas, dalam usaha meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam di kalangan para pelajar, adalah diharapkan pihak Bahagian Pendidikan Guru perlu mengambil maklum balas tentang keperluan wajaran kursus ini diteruskan untuk dipelajari pada peringkat

KPLI SR dan kursus ini juga wajar diwajibkan kepada semua pelajar untuk mengikuti kursus pada peringkat ini.

4.4.3.3 (b) Penambahan Sumber, Menyediakan Kepelbagai Bahan Bantu Mengajar dan Bahan Rujukan

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati tujuh peserta kajian telah menyatakan saranan mereka bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam. Mereka menyarankan agar di setiap Institut Pendidikan Guru menambah dan mempertingkatkan bahan rujukan iaitu bahan bacaan Tamadun Islam yang terbaru serta menambah bahan bantu pengajaran.

Bagi peserta kajian P1 beliau menyarankan agar pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam agar dapat menyediakan bahan pengajaran sebanyak mungkin dengan berkata, “Tapi pensyarah kena menyediakan bahan yang banyak pengetahuan dan sentiasa mengkaji dan membuat kajian dan melihat sumber-sumber yang boleh dikemukakan kepada pelajar pelajaran dalam masa yang singkat.” (P1/TB1)

Seterusnya bagi peserta kajian P3 pula, beliau ada menyarankan agar bahan rujukan perlu diperbanyakkan di perpustakaan institut. Begitu juga menambah, bahan-bahan rujukan boleh diperolehi melalui menjadi ahli perpustakaan negara. Beliau berkata:

“Yang kedua bahan rujukan kena banyak dekat library. Jadi saya cadangkan buku-buku yang berkaitan. Dari internet, jadi ahli e-library, yang ini saya ingat pelajar lebih tahu, rupanya mereka tak tahu. Kalau jadi ahli perpustakaan negara, boleh dapat kod access ke library-library universiti seluruh negara. Lagi banyak bahan-bahan ilmiah dari e-book.” (P3/TB1)

Begitu juga bagi peserta kajian P5, beliau turut menyarankan agar bahan rujukan perlu diperbanyakkan di perpustakaan institut. Beliau berkata, “Ya...usaha hendaklah dibuat dari semasa ke semasa bagi penambahan sumber dan bahan rujukan supaya pengajaran dan pembelajaran lebih menarik.” (P5/TB2)

Begitu jugalah bagi peserta kajian P6 pula juga ada berkata dengan ringkas sahaja, “perlu ada penambahan ... (P6/TB2) Maksud penambahan yang dinyatakan ialah peserta kajian P6 ialah penambahan dari segi sumber, penyediaan pelbagai BBM dan bahan rujukan. Ini adalah kerana sumber tersebut penting untuk meningkatkan hasil pencapaian Tamadun Islam.

Bagi peserta kajian P2, beliau merasakan segala kemudahan yang disediakan di Institut Pendidikan Guru memang sudah lengkap, cuma kaedah penggunaannya perlu diperkemaskan, agar dengan itu boleh menghasilkan dapatan yang terbaik. Hal ini dapat dilihat dalam kata-katanya, “Saya rasa semuanya sudah baik dan lengkap, tetapi penggunaan dan perlaksanaannya masih boleh diperkemaskan lagi untuk menghasilkan kesan dan pulangan yang terbaik. ” (P2/TB2)

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan, mereka menyatakan setiap Institut Pendidikan Guru perlu menambah dan mempertingkatkan bahan rujukan iaitu bahan bacaan Tamadun Islam yang terbaru serta menambah bahan bantu pengajaran. Usaha sebegini rupa amatlah wajar bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam yang dipelajari oleh para pelajar KPLI SR di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang.

4.4.3.3 (c) Menambah Masa Pengajaran

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati empat peserta kajian telah menyatakan saranan mereka bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam. Masa pengajaran kursus Tamadun Islam adalah satu jam kredit bersamaan dengan 15 jam interaksi pertemuan antara pensyarah dengan para pelajar yang mengikuti kursus ini.

Bagi peserta kajian P2, beliau menjelaskan sekiranya kursus ini mengandungi peperiksaan, maka wajarlah ditambah waktu pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam. Hal ini berdasarkan kata-katanya :

“ Pada pandangan saya, sekiranya tidak ada peperiksaan yang khusus bagi Tamadun Islam, waktu yang sedia ada sudah mencukupi, tetapi sekiranya diwujudkan peperiksaan yang khusus untuk Tamadun Islam, maka penambahan masa perlu diberikan untuknya. ” (P2/TB2)

Seterusnya bagi peserta kajian P4 pula beliau menyatakan perlunya penambahan masa pengajaran kepada 30 jam bagi kursus ini, bukannya 15 jam seperti ada berlaku ketika ini. Ini berdasarkan kata-kata beliau, “ Ya.... bagi saya mungkin boleh tambah waktu kepada 30 jam.” (P4/TB2)

Di kalangan para pensyarah iaitu peserta kajian P8 berkata, beliau menyarankan agar pihak kurikulum Bahagian Pendidikan Guru menambah jumlah waktu interaksi kursus Tamadun Islam peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah. Ini berdasarkan kata-kata beliau, “Bagi saya mungkin boleh tambah waktu. Tapi tambah masa kena tambah lecturer lah... (P8/TB1) Seterusnya menurut peserta kajian P6 pula menyatakan perlu juga kepada penambahan masa pengajaran Tamadun Islam agar para pelajar dapat

belajar dengan lebih mendalam dengan berkata “Setuju dengan penambahan masa kerana dapat belajar dengan lebih mendalam.” (P6/TB2)

Berdasarkan dapatan kajian, empat peserta kajian telah menyatakan bahawa masa pengajaran untuk pengajaran kursus Tamadun Islam wajar ditambah dan dipertingkatkan di Institut Pendidikan Guru bertujuan untuk memantapkan lagi pengajaran Tamadun Islam. Peningkatan masa ini akan dapat mengatasi ruang masa yang terbatas berbanding waktu pengajaran sebelum ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa para pensyarah mencadangkan agar masa interaksi ditambah kerana isi kandungan yang terdapat di dalam kursus ini dapat dijelaskan dengan lebih terperinci dan mendalam. Oleh yang demikian, pihak yang berkaitan hendaklah menilai semula peruntukan masa bagi kursus ini.

4.4.3.3 (d) Kaedah Pengajaran Pensyarah

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati empat peserta kajian telah menyatakan saranan mereka bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam. Bagi peserta kajian P2, beliau menegaskan seseorang pensyarah amatlah perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar. Hal ini dapat dilihat dalam kata-katanya iaitu , “Saya merasakan bahawa pensyarah amat perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam menyampaikan pengajaran mereka kepada pelajar-pelajar.” (P2/TB2)

Seterusnya peserta kajian P5 menyatakan perlu juga kepada kepelbagaian penggunaan kaedah oleh para pensyarah semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar. Seandainya para pensyarah dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran, maka sudah pastilah pengajaran tersebut akan menjadi lebih

menarik dan berkesan. Perkara ini dapat dilihat dengan kata-kata beliau, “ Ya, mempelbagaikan kaedah bererti pengajaran lebih menarik...” (P5/TB2)

Begitu juga menurut peserta kajian P6, setiap pensyarah wajar untuk mempelbagaikan penggunaan kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar. Namun demikian di kalangan pensyarah perlu juga didedahkan dengan pelbagai kursus yang berkaitan dengan pedagogi sebagai pemantapan dalam melaksanakan proses pengajaran, Beliau berkata , “ perlu dipelbagaikan dan pensyarah diberi pendedahan tapi setakat ni tak adapun kursus untuk tamadun Islam. .”(P6/TB2) Berkaitan perkara yang hampir sama di atas, peserta kajian P8 menyatakan , “ ...ya, perlu dipelbagaikan kaedah pengajaran untuk kursus Tamadun Islam. .” (P8/TB2)

Berdasarkan dapatan kajian, empat peserta kajian telah menyatakan bahawa kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan oleh para pensyarah semasa proses pengajaran merupakan faktor penting bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang. Begitu juga mereka juga perlu juga didedahkan dengan kursus yang berkaitan dengan pedagogi kursus Tamadun Islam bertujuan memantapkan kemahiran dan kecekapan dalam mengendalikan sesi pengajaran Tamadun Islam. Kursus yang dimaksudkan ialah kursus pedagogi yang memberi penekanan kepada kaedah-kaedah yang sesuai dengan Tamadun Islam. Pelaksanaan kursus pedagogi Tamadun Islam ini hendaklah dilaksanakan secara praktikal agar para pensyarah dapat menguasai dan mahir untuk mengaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka di dalam bilik kuliah kelak. Tenaga pengajar atau fasilitator yang akan mengendalikan kursus pedagogi untuk para pensyarah sewajarnya terdiri daripada pensyarah cemerlang dalam bidang

Tamadun Islam agar ilmu pengetahuan dan kemahiran dapat disampaikan dengan terancang dan menyeluruh.

4.4.3.3 (e) Penggunaan ICT dan Kemudahan Prasarana

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati enam peserta kajian telah menyatakan saranan mereka bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di dalam pengendalian seseorang pensyarah di dalam sesebuah kelas pengajaran adalah sebagai bantuan untuk melancarkan proses pengajaran. Kemudahan prasarana yang wujud di dalam sesebuah kelas juga memainkan peranan penting bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam.

Peserta kajian P2 telah menyatakan bahawa pelaksanaan penggunaan ICT perlu dilaksanakan bermula pada masa sekarang dan kemudahan prasarana juga perlu dipertingkatkan kemudahannya bagi memastikan keberkesanan di dalam pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam. Hal ini boleh dilihat dalam kata-katanya, “Pelaksanaannya mesti dilaksanakan sekarang dengan menggunakan kemudahan ICT dan prasarana untuk keberkesanan di dalam pengajaran.” (P2/TB2)

Seterusnya bagi peserta kajian P3, beliau menyarankan agar pihak pengurusan dapat menambah baik dari segi kemudahan dalam kelas. Ini boleh dilihat kata-kata:

“ Satunya, kemudahan prasarana kelas untuk semua subjek tapi pada saya dalam konteks Tamadun Islam ini, kelas itu mesti bagus. Maksudnya, kalau kelas bagus, kalau ada OHP. Nak pancar LCD power point pun boleh. Maknanya sebagai seorang tenaga pengajar hendak guna pakai pilihan dia banyak dan pilihan ini disediakan pada saya jadi mudah. Jadi kemudahan-kemudahan asal seperti white board, kertas mahjong, harap maktab boleh bekalkan.” (P3/TB1)

Bagi peserta kajian P4 menyarankan pula kepada penyelidik agar kemudahan bahan bantu mengajar seperti LCD disediakan secara kekal di dalam setiap kelas. Perkara ini bertujuan agar bahan ini tidak dibawa sendiri oleh para pensyarah ke dalam kelas atau bilik-bilik pengajaran yang telah ditetapkan untuk pengajaran kelas yang berkaitan. Kata beliau seperti berikut, “Kemudian kemudahan penggunaan ICT dan LCD sebaik-baiknya LCD ada di dalam kelas tidak payah kita bawa daripada jabatan. LCD ni selalu hilang dicuri, jadi berebut, LCD ada dua je.” (P4/TB1)

Begitu juga bagi peserta kajian P5 mengatakan pada masa sekarang adalah menjadi keutamaan untuk menggunakan kemudahan tersebut. Ini dapat dilihat melalui kata-katanya, “ Penggunaan ICT sangat relevan dengan perkembangan teknologi masa kini. Saya sendiri menggunakan laptop, LCD dan internet. Penggunaan LCD hampir keseluruhan kuliah saya gunakan. ” (P5/TB2)

Peserta kajian P6 pula mengatakan sekiranya ada dibekalkan dengan kemudahan prasarana tersebut, maka itu adalah lebih baik dengan berkata , ...kalau ada ICT bolehlah guna. ” (P6/TB2) Akhirnya menurut peserta kajian P8, sekiranya ada dibekalkan dengan kemudahan prasarana tersebut, maka itu akan lebih memudahkan pengajaran Tamadun Islam. Katanya, “ kemudahan penggunaan LCD dan capaian internet akan memudahkan pengajaran Tamadun Islam.” (P8/TB2)

Berdasarkan dapatan kajian di atas, sebahagian besar peserta kajian telah menyuarakan bahawa penggunaan ICT atau TMK dan kemudahan prasarana merupakan sebahagian faktor penting bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang.

Triangulasi dapatan temu bual secara mendalam dengan analisis dokumen iaitu rancangan pengajaran dan pembelajaran semester Tamadun Islam KPLI SR, mendapati pensyarah telah merancang pengajaran dengan mengagihkan tajuk pelajaran Tamadun Islam dalam tempoh 15 jam bagi satu semester pengajian.²⁹³

4.4.3.3 (f) Menganjurkan Kursus untuk Peningkatan Ilmu Pensyarah

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati lima peserta kajian telah menyarankan bahawa kewajaran para pensyarah untuk menghadiri kursus untuk meningkatkan kemahiran dan menambahkan ilmu para pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam. Menurut peserta kajian P2 beliau berkata :

“ Kursus-kursus kepada pensyarah yang belum mengikuti kursus-kursus khas berkenaan Tamadun Islam bagi meningkatkan ilmu pensyarah adalah amat perlu. Ini bagi memastikan bahawa perancangan dan matlamat pengajaran Tamadun Islam akan dapat dihasilkan dengan sempurna.” (P2/TB2)

Seterusnya peserta kajian P6 menambah perkara yang hampir sama dengan menyarankan agar pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam didedahkan dengan kursus yang berkaitan dengan Tamadun Islam dengan berkata, “sentiasa diberikan pendedahan tentang P&P Tamadun Islam berkesan untuk mengajar Tamadun Islam ini. Lagi, kursus ini jadi wajibkan kepada semua pelajar tiada pengecualian.” (P6/TB1)

Begitulah juga menurut peserta kajian P7, beliau berpandangan bahawa pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG) perlu menganjurkan kursus khas berkaitan Tamadun Islam kepada para pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru. Hal ini dapat dilihat dalam kata-katanya, “ BPG perlu menganjurkan

²⁹³Lampiran U. (Rancangan Pengajaran Semester Tamadun Islam KPLI SR)

kursus khas yang berkaitan dengan tamadun. Panggil semua pensyarah-pensyarah tamadunlah. JAPIM perlulah detail dan lengkapkan dan mantapkan.” (P7/TB1)

Dalam bahagian ini juga terdapat idea daripada peserta kajian P4 dan P8 yang menyarankan kepada penyelidik bahawa sebenarnya para pensyarah Tamadun Islam sebaik-baiknya terlebih dahulu perlulah menguasai dan memantapkan pengetahuan berkaitan ilmu Tamadun Islam. Kebiasaan para pelajar di dalam kelas banyak bergantung pengetahuan dan maklumat daripada pensyarah yang mengajar mereka.

Menurut peserta kajian P4 menyatakan :

“Mungkin pensyarah sendiri kena mantapkan lagi pengetahuan tentang Tamadun Islam sebab kadang-kadang pensyarah bukan bidang Tamadun Islam, jadi maknanya pensyarah sendiri kena mantapkan ilmu. Lepas itu pelajar ini bergantung pada pensyarah. Kalau pensyarah itu dapat menarik minat pelajar, jadi pelajar itu akan minat juga.” (P4/TB1)

Begitulah juga dengan pendapat peserta kajian P8 yang berkata, “satu lagi dari segi pensyarah sendiri kena tingkatkan ilmu dari segi sejarah dan juga tingkatkan ilmu kemahiran P&P.” (P8/TB1)

Berdasarkan temu bual yang telah dilaksanakan terhadap pensyarah yang menjadi peserta kajian dalam kursus Tamadun Islam ini, mereka telah memberi saranan dan cadangan bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan pengajaran Tamadun Islam. Mereka memberi saranan dengan berkata kursus Tamadun Islam wajar diteruskan dan diwajibkan, menyediakan penambahan sumber dan bahan bantu mengajar serta bahan rujukan. Seterusnya perlu juga kepada kepelbagaiannya kaedah pengajaran oleh pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam, penggunaan ICT dan kemudahan prasarana, keperluan kepada pihak yang berkenaan untuk menganjurkan kursus untuk pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru.

4.4.3.4 Kursus Bersifat Teoritikal

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan berkaitan mengenai hasil pencapaian pelajar dalam kursus Tamadun Islam mengenai pandangan pensyarah yang menyatakan kursus Tamadun Islam yang bersifat teoritikal. Penyelidik telah mengajukan soalan khusus kepada pensyarah “ Apakah anda bersetuju jika dikatakan kursus ini bersifat teoritikal, mengapa?” Data yang diperolehi dalam persoalan kajian ini adalah hasil daripada temu bual bersama dan pensyarah kerana mereka adalah merupakan peserta kajian dalam kajian ini.

4.4.3.4 (a) Teoritikal

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati enam peserta kajian telah memberi pandangan mereka bahawa kursus Tamadun Islam merupakan subjek yang lebih menekankan kepada aspek teori berbanding praktikal kerana ianya lebih berorientasikan sejarah. Menurut peserta kajian P2 menjelaskan bahawa kursus Tamadun Islam lebih menggabung kaitkan dengan sumbangan tokoh-tokoh ketamadunan dan juga yang melibatkan unsur atau elemen yang tersirat dalam tamadun manusia. Hal ini dapat dilihat melalui kata-kata:

”Tapi saya rasa betul juga itu sebab dia lebih kepada teori kerana Tamadun Islam ini masa kursus dulu pernah dia cerita sebenarnya dia ni dari subjek sejarah Islam lalu diperkenalkan sebagai Tamadun Islam. Dia di modified secara Islam. Tetapi bila sejarah Islam dia belajar sejarah tapi bila tamadun itu kita masuk dalam intisari Islam.”
(P2/TB1)

Seterusnya peserta kajian P7, beliau menyatakan mungkin kursus ini lebih menitik beratkan kepada fakta sejarah, oleh itu menampakkan berbentuk teoritikal sahaja. Beliau berharap pada masa akan datang wajar diadakan tugasan berbentuk

lawatan dan membuat laporan sejurus setelah selesai mengikuti aktiviti tersebut. Beliau berkata:

“Mungkin juga, jadi mungkin sukan dia lebih kepada fakta sejarah dan sebagainya , jadi walaupun saya cuba kaitkan dengan isu semasa dan benda ini boleh dilihat di muzium-muzium Islam dan sebagainya, saya syorkan satu ketika nanti jika ada tugas, ada kita buat tugas pelajar melalui lawatan muzium kesenian Islam dan balik dia buat laporan.” (P7/TB1)

Peserta kajian P8 menambah lagi dengan menegaskan kursus ini berbentuk sejarah, maka apabila berkait dengan sejarah ia lebih merujuk kepada fakta. Beliau ada berkata :

“Bagi saya betul sebab memang benda-benda yang sejarah, bila berkait dengan sejarah benda ini fakta, ilmu. Dari segi amalinya, tak adalah bagi saya! Setakat ni tak sempat pula nak bawa melawat Muzium Tamadun Islam. Masa TITAS dulu sempat. kita bagi tajuk, jadi depa pergi tengok. Balik dia buat eseai. KPLI ni tak pergi tak ada masa...” (P8/TB1)

Bagi peserta kajian P3 pula telah menggambarkan kepada penyelidik bahawa kursus ini adalah berbentuk teori juga kerana tidak melibatkan lapangan aktiviti di luar bilik darjah. Namun boleh dilakukan penambahbaikan dengan melakukan tugas tambahan kepada pelajar seperti menganjurkan program khidmat masyarakat dan lain-lain. Ini merujuk kepada kata-kata:

“Saya setuju sebab dia tidak ada seperti subjek lain dan tiada masuk makmal, keluar lapangan kerja ke, tetapi benda ini subjek kalau dibuat beri tugas macam itu boleh, contoh dijadikan khidmat masyarakat apa ke boleh atas inisiatif sendiri. Tapi kalau BPG ada beri peruntukan, bolehlah. Tak lah payah.” (P3/TB1)

Bagi peserta kajian P5, beliau turut menyatakan kursus ini adalah berbentuk teori sahaja kerana ia sendiri bersesuaian dengan matlamat kursus sebagai pendedahan kepada para pelajar peringkat KPLI SR di Institut Pendidikan Guru.

Ini dapat diperhatikan melalui kata-kata , ... kursus ini bersifat teoritikal sesuai dengan hasrat dan matlamat kursus ini untuk memberi pendedahan tentang tamadun.” (P5/TB2)

Malah peserta kajian P6 turut menyatakan kursus Tamadun Islam ini berorientasikan kepada teoritikal disebabkan peruntukan masa pengajaran hanya 15 jam sahaja dalam satu semester akademik. Beliau menambah lagi bahawa tajuk atau bidang yang perlu diajar adalah terlalu luas dan banyak berbanding peruntukan masa interaksi.

Ini dapat dilihat kata-kata:

“Sebab kredit hour dia 1 sahaja 15 jam. Jadi 15 jam kita hendak memahamkan dia semua sekali, kalau boleh apa yang ada dalam Tamadun Islam jadi tamadun itu luas, besar dan global. Jadi ruang 15 jam itu memang amat sedikit, kadang-kadang lebih pada pendedahan teori sebab kadang-kadang kita tengok dari segi sukatanya peruntukan untuk Tassawur Islam ini hanyalah 2 jam, sedangkan di situ hendak cerita aqidah, syariah dan ekonomi Islam, hendak ajar politik lagi akhlak. Selalunya banyaklah tak dapat dibincangkan.” (P6/TB1)

Berdasarkan dapatan kajian di atas, sebahagian besar peserta kajian telah menyatakan bahawa kursus Tamadun Islam yang diajarkan kepada para pelajar merupakan subjek yang lebih menekankan kepada aspek teori ini kerana kebanyakannya berkait dengan fakta-fakta seperti sejarah, politik, ekonomi, sosial dan keagamaan.

4.4.3.4 (b) Teoritikal dan Praktikal

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati dua peserta kajian telah memberi pandangan mereka bahawa kursus Tamadun Islam merupakan subjek yang menekankan kesepadan di antara aspek teori dengan praktikal di dalam kehidupan seharian.

Menurut peserta kajian P1 menjelaskan kepada penyelidik bahawa kursus Tamadun Islam adalah subjek yang menekankan dari aspek teori dan praktikal secara integrasi. Ini dapat dilihat bahawa sumber ketamadunan yang unggul iaitu dalil Al-Qur'an menggambarkan beberapa urusan dunia secara teori sahaja namun dalam keadaan yang sama menggambarkan secara praktikal seperti urusan muamalat, ekonomi dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan kata-kata:

“Mungkin kursus ini kita tengok teori saja tapi dari segi praktikalnya ialah kita mengukuhkan teori yang dalam tamadun sendiri dan sumber dia Al- Qur'an, tapi pelaksanaan dia kalau kita banyak di antara yang kita lihat pada hari ini contohnya lahir daripada sejarah Tamadun Islam sendiri bentuk lebih kurang amali, contohnya bidang ekonomi dan muamalat..” (P1/TB1)

Beliau menambah lagi dengan menyatakan kepada bahawa di dalam Hadis Nabi SAW dan Al-Qur'an ada menjelaskan urusan kehidupan harian seperti perekonomian yang melibatkan unsur secara teori dan praktikal di dalam kehidupan mereka. Beliau berkata-kata, “Kita ada banyak produk yang dikemukakan dalam hadis Nabi dan Al-Qur'an yang boleh digunakan untuk berurus dengan manusia ini. Secara tak langsung itulah yang berlaku pada hari ini, banyak produk-produk Islam di bank-bank Malaysia. Pelajar-pelajar ada tanya...” (P1/TB1)

Seterusnya bagi peserta kajian P5 mengutarakan kepada penyelidik bahawa kursus Tamadun Islam adalah kursus yang menitik beratkan aspek teori dan praktikal. Ini bersandarkan kepada idea beliau mengenai tajuk-tajuk perbincangan dalam kursus ini sebenarnya dalam bentuk peta konsep. Oleh itu itu ianya boleh disesuaikan dengan keperluan semasa mengenai tajuk-tajuk yang berkaitan.


Beliau menjelaskan: “Itulah kalau kita lihat dari segi tajuk yang kita buat, tidak jadi teoritikal sangat sebab kita dah buat dalam bentuk peta konsep. Contoh dari segi konsep-konsep tu kita kaitkan dengan keadaan semasa, keguruan, kehidupan.” (P5/TB1)

Temu bual yang telah dilaksanakan terhadap pensyarah yang menjadi peserta kajian dalam kursus Tamadun Islam, mereka berpandangan kursus Tamadun Islam yang diajar kepada para pelajar bersifat teoritikal yang membicarakan secara umum sahaja dan dalam masa yang sama bersifat integrasi di antara teoritikal dan praktikal dalam kehidupan seharian manusia.

Berdasarkan temu bual yang telah dilaksanakan terhadap pensyarah yang menjadi peserta kajian kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru, mereka menyatakan wujudnya perubahan tingkah laku di kalangan pelajar setelah mengikuti kursus Tamadun Islam ini. Secara keseluruhannya perubahan yang dimaksudkan ialah dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani pada diri pelajar. Begitu juga mereka telah menyatakan bahawa wujudnya kesan positif dari segi tingkah laku di kalangan pelajar setelah mengikuti kursus Tamadun Islam. Hal ini adalah seperti menggalakkan pelajar untuk menerokai ilmu pengetahuan yang baru, mengajar menghormati sesama insan dan sentiasa menunggu sesi pembelajaran seterusnya bagi kursus ini. Tambahan pula pensyarah yang mengajar kursus ini diminati oleh para pelajar kerana pengajaran yang disampaikan menarik dan mudah difahami. Kesan positif yang dimaksudkan di sini ialah perubahan tingkah laku pelajar yang boleh dilihat dengan mata kasar bukannya penilaian berdasarkan kerja kursus atau pun peperiksaan.

Seterusnya temu bual yang telah dilaksanakan terhadap pensyarah yang menjadi peserta kajian dalam kursus Tamadun Islam ini, mereka telah memberi saranan dan cadangan bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan pengajaran Tamadun Islam.

Mereka turut menyarankan dengan berkata kursus Tamadun Islam wajar diteruskan dan diwajibkan, menyediakan penambahan sumber dan bahan bantu mengajar serta bahan rujukan. Seterusnya perlu juga kepada kepelbagaian kaedah pengajaran oleh pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam, penggunaan ICT dan kemudahan prasarana, keperluan kepada pihak yang berkenaan untuk menganjurkan kursus untuk pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru. Berdasarkan dapatan kajian melalui triangulasi pemerhatian pengajaran, analisis dokumen dan temu bual yang telah dianalisis dengan bantuan perisian program *QSR Nvivo*, secara keseluruhan mendapati peserta kajian telah menyatakan hasil pencapaian pelajar dalam kursus Tamadun Islam yang telah dipelajari oleh pelajar-pelajar. Rajah 4.7 berikut menjelaskan gambaran dapatan tema yang diperolehi.



Rajah 4.7: Dapatan Tema Hasil Pencapaian Dalam Kursus Tamadun Islam (*QSR Nvivo*)

4.4.4 Masalah yang Dihadapi Pelajar dalam Kursus Tamadun Islam

Persoalan keempat ialah “Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang?” Untuk tujuan menjawab persoalan kajian ini, penyelidik telah menyediakan beberapa soalan kepada pensyarah iaitu “Apakah permasalahan yang sering dihadapi oleh anda dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus ini?” dan “Sejauhmanakah wujudnya permasalahan-permasalahan yang boleh menghalang keberkesanan kursus Tamadun Islam?

Dapatan kajian tentang masalah yang wujud dalam bahagian ini ialah kemudahan infrastruktur tidak lengkap, masa pengajaran tidak mencukupi, pelajar kurang berminat mempelajari Tamadun Islam, keperluan persediaan pensyarah terhadap ilmu dan hikmat penyampaian serta kesibukan para pensyarah dalam melaksanakan pengajaran Tamadun Islam.

Bagi membantu memudahkan penulisan ini, penyelidik meringkaskan dapatan kajian bagi persoalan kajian mengenai masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang seperti dalam jadual 4.5 berikut.

Jadual 4.5. Taburan Pola Tema Masalah dalam Kursus Tamadun Islam

Komponen	Tema	Sub tema	Peserta Kajian							
			P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8
Masalah Pengajaran dan Pembelajaran	Infrastruktur tidak lengkap	x			x		x			x
	Masa pengajaran tidak mencukupi	x	x	x			x	x		
	Pelajar kurang berminat mempelajari Tamadun Islam	x	x	x		x				
	Kekurangan sumber bacaan dan bahan bantu belajar	x	x				x	x		
	Persediaan pensyarah terhadap ilmu dan hikmat penyampaian		x	x					x	x
	Kesibukan pensyarah			x	x				x	

x – Dapatkan kategori dan tema kajian

4.4.4.1 Masalah Pengajaran dan Pembelajaran

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan berkaitan mengenai masalah pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam yang dihadapi oleh pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang menurut pandangan para pensyarah yang mengajar kursus ini.

4.4.4.1 (a) Infrastruktur tidak lengkap

Dapatkan kajian bagi sub tema ini mendapat empat peserta kajian telah memberi pandangan tentang masalah yang dihadapi oleh para pelajar yang mengikuti kursus

Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang. Dapatan ini adalah menurut pandangan para pensyarah yang menjadi peserta kajian ini.

Menurut peserta kajian P1 menjelaskan kepada penyelidik bahawa kemudahan infrastruktur iaitu bahan bantu mengajar seperti LCD tidak disediakan di dalam bilik kuliah yang dijadikan sebagai tempat pengajaran di institut. Begitu juga sekiranya bilik kuliah yang disediakan adalah kurang selesa dan tidak memuaskan seperti panas dan tiada kemudahan pengudaraan yang sepatutnya. Beliau telah berkata-kata, “Kemudahan agak kurang pasal kita gunakan LCD yang disediakan jabatan. Satu lagi bilik kuliah yang kurang kondusif.” (P1/TB1)

Seterusnya menurut peserta kajian P4 menyatakan juga bahawa sewajarnya wujud kemudahan yang lengkap di dalam bilik kuliah. Hal ini dapat dilihat melalui kata-katanya, “Tidak..... tetapi sebaik-baiknya lengkap dalam dunia serba moden.” (P4/TB2)

Begitu juga terhadap peserta kajian P8 menjelaskan bahawa kemudahan pembelajaran yang lengkap adalah amat diperlukan diwujudkan di dalam bilik kuliah yang bertujuan meningkatkan keberkesanan dan keselesaan para pelajar di dalam mengikuti pengajaran daripada pensyarah. Hal ini dapat diperhatikan melalui kata-katanya iaitu, “ Ya.....kemudahan yang berkaitan masih perlu dipertingkatkan lagi agar proses pengajaran dapat berjalan dengan lebih lancar dan berkesan.” (P8/TB2)

Begitu juga menurut peserta kajian P6 ada menjelaskan kepada penyelidik seandainya dipertingkatkan segala prasarana untuk disediakan di dalam bilik kuliah, diwujudkan bilik kuliah yang selesa, maka akan bertambah berkesanlah pengajaran kursus Tamadun Islam yang disampaikan oleh para pensyarah yang berkenaan. Peserta

kajian ini telah menyatakan bahawa, “Kalau dapat disediakan lagi, lebih banyak peralatan prasarana, bilik yang sesuai untuk mengajar lagi berkesanlah kursus ini.” (P6/TB1)

Berdasarkan daptan kajian dari sub tema di atas, sebahagian daripada peserta kajian telah menyatakan bahawa keperluan kepada kelengkapan kemudahan pembelajaran seperti bahan bantu mengajar seperti LCD, bilik kuliah yang kondusif dan selesa dan kemudahan yang lain yang membantu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam.

4.4.4.1 (b) Masa pengajaran tidak mencukupi

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati lima peserta kajian telah memberi pandangan tentang masalah yang dihadapi oleh para pelajar yang mengikuti kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang.

Masa interaksi yang diperuntukkan untuk pengajaran kursus Tamadun Islam ialah selama 15 jam untuk satu semester akademik. Peserta kajian P1 menyatakan bahawa faktor masa atau waktu pengajaran yang diperuntukkan untuk kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru untuk para pelajar KPLI SR adalah tidak mencukupi. Kekangan ini disebabkan berlaku pertindihan program-program lain di institut dengan masa pengajaran Tamadun Islam seperti yang telah ditetapkan. Hal ini berdasarkan kata-kata beliau, ” Kadang kala tidak cukup masa untuk berinteraksi kerana banyak program-program yang sentiasa overlap dengan kerja-kerja mengajar ini.” (P1/TB1)

Beliau menambah lagi disebabkan terdapat aktiviti-aktiviti yang terpaksa para pelajar ikuti, hal ini menyebabkan masa interaksi antara pensyarah Tamadun Islam

dengan pelajarnya hanya berbaki sepuluh hingga dua belas jam sahaja. Ini dilihat kata-katanya, “Masa pula sejam dan pelajar pula ada program-program yang terpaksa mereka ikut pada masa P&P menyebabkan kadang kala ada masa sahaja 10 hingga 12 jam tinggal untuk pensyarah berinteraksi dalam kelas.” (P1/TB1)

Seterusnya menurut peserta kajian P2 juga telah menceritakan bahawa peruntukan masa untuk pertemuan dengan para pelajar di dalam interaksi kursus Tamadun Islam adalah terhad dan banyak pertembungan dengan aktiviti-aktiviti pelajar. Beliau akan mengganti waktu pengajaran sekiranya tidak cukup pertemuan dengan masa sebelum ini dengan berkata, “Kadang-kadang masa yang kita hendak mengajar suntuk juga sebab dengan aktiviti benda-benda lain. Kalau tak dapat masuk kena ganti juga, kita tanya bila bila mereka free untuk ganti” (P2/TB1)

Bagi peserta kajian P3 pula, beliau membuat andaian bahawa masalah kekangan masa yang menyebabkan masa pengajaran Tamadun Islam tidak mencukupi interaksi pertemuan ialah berpunca daripada kedua-dua belah pihak sama ada daripada pihak pensyarah mahu pun daripada pihak pelajar sendiri iaitu pelajar KPLI SR di Institut Pendidikan Guru, “Satunya, sama ada tenaga pengajar atau murid itu sendiri ada masalah menghadapi kekangan masa. Sama ada kekangan masa daripada pihak mengajar atau guru pelatih.” (P3/TB1) Dalam pada itu juga menurut peserta kajian P7 juga menyatakan mengenai kesuntukan masa untuk dilaksanakan pengajaran di dalam bilik kuliah. Hal ini dapat dilihat melalui kata-kata peserta kajian P7 yang menyatakan, “Ye betul, timbul masalah paling besar ialah kesuntukan masa bagi kumpulan KPLI..” (P7/TB1)

Bagi peserta kajian P6 beliau pula menyatakan berlaku terdapat gangguan masa dalam pelaksanaan pengajaran pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam. Ini

disebabkan kursus ini ditawarkan kepada pelajar KPLI SR di institutnya pada semester kedua. Dalam semester ini para pelajar sedang menjalani latihan praktikum di sekolah-sekolah yang telah ditetapkan dan tempoh praktikum ini mengambil masa hampir tiga bulan di sekolah yang ditempatkan. Jadi, tempoh untuk kembali ke institut selepas itu hanya mengambil yang terlalu singkat antara satu setengah bulan sahaja untuk menghabiskan kursus atau subjek yang boleh dipelajari dan hal ini termasuklah dengan kursus Tamadun Islam. Kata-kata ini dapat diteliti pada peserta kajian P 6 yang berkata, “Masalah pertama ialah gangguan masa P&P, sebab KPLI ni, Tamadun Islam ditawarkan pada semester 2. Praktikum dia 3 bulan, lepas tu masa yang tinggal untuk dia belajar dah tinggal hanya 1 bulan setengah. Tolak tu tolak ni, jadi dalam masa yang singkat, semua nak dipelajari.” (P6/TB1)

Berdasarkan temu bual yang telah dilaksanakan terhadap pensyarah yang menjadi peserta kajian dalam pengajaran kursus Tamadun Islam, sebahagian daripada mereka berpandangan peruntukan masa untuk kursus adalah tidak mencukupi berbanding dengan topik atau tajuk kursus yang terlalu banyak dan amat mendalam. Adalah diharapkan dengan penambahan waktu kursus ini akan mengurangkan masalah kekangan masa yang dihadapi oleh tenaga pensyarah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru.

4.4.4.1 (c) Pelajar Kurang Berminat Mempelajari Tamadun Islam

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati empat peserta kajian telah berpendapat bahawa terdapat para pelajar yang kurang berminat untuk mempelajari kursus Tamadun Islam. Andaian ini adalah disebabkan kerana kursus ini tidak memberi sebarang kesan terhadap keputusan peperiksaan pada peringkat KPLI SR. Oleh itu timbulah rasa kurang berminat untuk mereka mengikuti kursus Tamadun Islam ini. Bagi peserta kajian

P1, beliau telah berkata, “pelajar yang kurang berminat contohnya dianggap kursus ini tidak membawa kredit apa-apa sebab hanya kursus.” (P1/TB1)

Bagi peserta kajian P3, beliau menjelaskan kepada penyelidik mengenai sikap kurang minat mempelajari Tamadun Islam di kalangan para pelajar kerana kursus ini tidak dijadikan subjek peperiksaan malah hanya melibatkan pemarkahan melalui kerja kursus sahaja. Beliau mencadangkan agar kursus ini dijadikan subjek peperiksaan dan pelajar wajib untuk lulus dalam peperiksaan. Hal ini adalah kerana jika kursus Tamadun Islam tidak dinilai melalui peperiksaan dan tidak menentukan CGPA keputusan keseluruhan peperiksaan bagi seseorang pelajar, ini menyebabkan para pelajar tidak bersungguh-sungguh mempelajari kursus ini. Isu ini jelas melalui kata-kata peserta kajian P3 seperti berikut :

“Satu, sistem peperiksaan dia tidak jadi subjek peperiksaan. Dia KKBI sahaja. Jadi saya rasa perlu juga Tamadun Islam ni jadi subjek periksa juga yang menentukan CGPA. Selain itu, subjek ini dilihat sebagai subjek yang tidak ada komersial, subjek yang tidak boleh cari makan apabila keluar nanti dan tidak ada apa-apa... Jadi ditambah nilai, Tamadun Islam perlu diperdanakan.” (P3/TB1)

Seterusnya beliau terus menambah lagi sekiranya kursus ini dijadikan subjek yang melibatkan peperiksaan maka ketika itu para pelajar akan mengambil berat dan prihatin untuk mempelajari kursus ini setanding dengan kursus yang lain yang dipelajari oleh para pelajar yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Beliau ada berkata seperti berikut, “Bila Tamadun Islam di IPG dijadikan satu mata pelajaran, baru ia diseminarkan, diwacanakan. Barulah guru-guru ini ada bawanya ke sekolah nanti, sebab maktab ini kalau nak berdiri sama tinggi, duduk sama rendah.” (P3/TB1)

Bagi peserta kajian P5, masalah kurang berminat sepatutnya tidak berlaku di kalangan para pelajar sekiranya pensyarah Tamadun Islam mampu mengajar kursus ini dengan menjelaskan tujuan dan objektif kursus ini. Hal ini bertujuan agar para pelajar dapat memahami tujuan dan objektif kursus ini amat penting antaranya untuk melahirkan generasi yang mengutamakan perpaduan dalam masyarakat yang berbilang kaum dan mengambil iktibar mengenai kejayaan dan kehebatan tokoh-tokoh Islam yang silam. Maklumat ini boleh difahami melalui pernyataan peserta kajian P5 iaitu :

“Tidak timbul masalah kurang berminat dengan syarat pensyarah perlu menyatakan tujuan atau objektif subjek ini diajar yang lebih menumpukan kepada perpaduan kaum dan dapat mengambil pengajaran daripada tokoh-tokoh silam. Perkara lain yang penting supaya minat pelajar tidak hilang ialah penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan pelbagai.” (P5/TB2)

Begitu juga bagi peserta kajian P2 ada menyatakan keperluan kepada pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam agar dapat memotivasi pelajar mereka dengan menjelaskan bahawa kursus ini merupakan salah satu subjek yang menyeronokkan dan menarik untuk dipelajari oleh pelajar. Beliau menambah lagi seandainya wujudnya kerjasama dan iltizam yang tinggi daripada pihak pensyarah dan pelajar, maka sudah tentulah pembelajaran kursus ini amat menyeronokkan. Kata-kata beliau seperti berikut:

“Di samping itu motivasi dan semangat perlu ditingkatkan di kalangan pelajar dan juga tenaga pelajar. Apabila kedua-dua pihak ini bekerjasama dan mempunyai iltizam yang kuat, barulah Tamadun Islam akan terserlah sebagai satu matapelajaran yang menyeronokkan. Keadaan ini hanya wujud dengan adanya kerjasama dari semua pihak yang terlibat.” (P2/TB2)

Berdasarkan temu bual yang telah dilaksanakan terhadap pensyarah yang menjadi peserta kajian dalam pengajaran kursus Tamadun Islam, sebahagian daripada mereka berpandangan kursus ini sewajarnya dijadikan subjek peperiksaan agar para pelajar lebih bersungguh-sungguh untuk mempelajari dan memperolehi keputusan

peperiksaan bagi kursus ini dengan cemerlang. Para pensyarah juga hendaklah merancang pengajaran mereka dengan memilih kaedah pengajaran yang sesuai, supaya pelajar berminat mempelajari kursus ini. Penjelasan tentang tujuan dan objektif kursus ini juga hendaklah diterangkan oleh pensyarah Tamadun Islam kepada pelajar agar dapat menarik minat mereka untuk mempelajari kursus ini. Kefahaman tentang tujuan ini membolehkan mereka memahami kepentingan tentang isu perpaduan kaum dan kehebatan tokoh-tokoh Islam yang silam.

4.4.4.1 (d) Kekurangan Sumber Bacaan dan Bahan Bantu Belajar

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati lima peserta kajian telah memberi pandangan betapa perlunya bahan rujukan iaitu bahan bacaan dan bahan bantu mengajar di dalam pelaksanaan pengajaran kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru. Menurut peserta kajian P1 dan P2 menjelaskan di pusat sumber institut mereka bahan bacaan mengenai Tamadun Islam memang tidak mencukupi. Maksudnya di sini ialah bilangan buku tersebut adalah terhad, sedangkan bilangan pelajar yang mempelajari kursus ini adalah terlalu ramai pada satu-satu pengambilan pelajar. Begitu juga buku yang Tamadun Islam tidak mencukupi kerana proses cadangan pembelian buku-buku oleh pihak Pusat Sumber selalunya pada penghujung tahun pengajian. Ini mengakibatkan proses penerimaan buku baharu adalah terlalu lewat sedangkan para pelajar yang mempelajari kursus ini sudahpun selesai mempelajari kursus ini. Selain itu juga bahan rujukan tersebut adalah buku-buku yang lama dan masih belum dibekalkan buku-buku rujukan Tamadun Islam yang terbaru dan terkini.

Menurut peserta kajian P1 berkata, “Sumber daripada bahan-bahan asli sedia ada di pusat sumber tidak mencukupi dan tidak mengikut masa terkini..” (P1/TB1) Begitu juga menurut peserta kajian P2 turut menjelaskan dengan berkata, “Tapi di sini dari segi

bahan-bahan itu ada...., tapi kurang, kadang-kadang kekurangan masa nak sedia bahan-bahan itu.” (P2/TB1)

Seterusnya menurut peserta kajian P7 juga menjelaskan mengenai bahan bacaan Tamadun Islam. Beliau menyarankan agar tenaga pensyarah Institut Pendidikan Guru sendirilah yang menulis buku bacaan Tamadun Islam sebagai bahan bacaan dan rujukan bagi pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Ini disebabkan buku-buku Tamadun Islam yang wujud di dalam pasaran, ditulis dan disediakan oleh tenaga Pensyarah dari Institut Pengajian Tinggi di negara ini. Bagi beliau, terdapat sedikit perbezaan di dalam sukatan Tamadun Islam IPG dengan IPT di negara ini. Kata-kata beliau seperti berikut :

“Saya kembali kepada masalah tak ada buku tadi. Kita buat sukatan tapi tak ada buku yang menepati sukatan kita. Buku Tamadun Islam yang IPTA bila dirujuk, tak menepati sukatan kita. Kita yang di maktab ni kena tulis juga buku sendiri. IPTA ini dia ada sukatan sendiri jadi bila kita buka, rujuk tak tepat. Itu jadi masalahnya. Masalah tiada buku khusus yang menepati sukatan kita.” (P7/TB1)

Selain daripada kekurangan bahan rujukan untuk bacaan, masalah ketiadaan kemudahan seperti LCD pun masih berlaku di dalam bilik-bilik kuliah. Hal ini lebih mendesak apabila para pelajar telah kembali semula ke institut masing-masing setelah mereka selesai menjalani latihan praktikum di sekolah-sekolah. Disebabkan masalah sebegini rupa, akhirnya berlakulah proses pengajaran secara tradisional sahaja. Hal ini dapat dilihat melalui kata-kata P6 :

“Selain itu, bahan bantu kita dengan prasarana institut kita yang seadanya ini. Bilik apabila dia sudah balik, jadi 10 kelas balik ruang mana yang ada dia hendak ini. Kadang-kadang dia dapat bilik yang tiada, kemudahan LCD. Jadi kita macam mana pun terpaksa guna konvensional balik semula sebab hendak bentang semua itu. kadang-kadang terpaksa guna cara tradisi.”(P6/TB1)

Berdasarkan dapatan kajian dari sub tema di atas, sebahagian daripada peserta kajian telah menyatakan bahawa setiap pengurusan institut sewajarnya menyediakan pertambahan bahan rujukan untuk bacaan pelajar terutamanya buku yang berkaita Tamadun Islam dan sebagainya. Begitu juga keperluan kepada bahan bantuan pengajaran seperti LCD, komputer dan alat elektrik lain yang boleh membantu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam.

4.4.4.1 (e) Persediaan Pensyarah Terhadap Ilmu dan Hikmat Penyampaian

Dalam bahagian ini berdasarkan dapatan kajian, bahawa empat peserta kajian telah menyatakan bahawa setiap pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam seharusnya memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang mereka masing-masing terutamanya ilmu mengenai sejarah dan tamadun. Para pelajar yang mempelajari kursus ini terdiri daripada pelajar beragama Islam dan juga bukan Islam dan mereka ini adalah golongan pelajar yang bijak dan sudah memiliki ijazah pertama daripada IPT dalam negara dan luar negara. Menurut peserta kajian P2, beliau menjelaskan dengan berkata, “Tapi ada sesetengah pelajar bukan Islam ni soalan dia kritis... jadi kita kena ada idea nak jawab. Mereka ini jujur... jadi kita kena ada kelebihan untuk jawab.” (P2/TB1)

Seterusnya bagi peserta P8 mengakui bahawa dirinya tidak memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam berkenaan Tamadun Islam, kadang-kadang beliau tidak dapat menjawab pertanyaan atau kemosykilan daripada pelajarnya. Oleh itu untuk mendapatkan jawapan yang ditanya oleh pelajarnya maka beliau akan merujuk kepada bahan bacaan yang berkaitan Tamadun Islam. Beliau menjelaskan, “Ada masa juga kadang-kadang tak dapat jawab... saya kata nanti saya rujuk bukulah... Biasanya kalau hendak pastikan cukup masa kita suruh pelajar kita yang bentang.” (P8/TB1)

Bagi peserta kajian P3 beliau menjelaskan seseorang pensyarah perlunya bijak dan berhikmah di dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar semasa di dalam bilik kuliah. Para pelajar adalah golongan yang sudah berilmu dan memiliki banyak pengalaman dalam kehidupan. Sebenarnya tajuk-tajuk yang perlu diajarkan adalah terlalu banyak dan mendalam. Oleh itu para pensyarah perlulah bijak dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan memfokuskan bahagian yang manakah yang penting untuk diajarkan terlebih dahulu kepada pelajar kursus Tamadun Islam. Beliau menyatakan :

“Isi kandungan Tamadun Islam ni banyak, masa yang diberikan sedikit. Menyebabkan apa yang dikendong keciciran... jadi untuk menyelesaikan masalah ini, saya buat keputusan sendiri, tajuk-tajuk yang penting tu saya lebih fokuskan, habiskan dulu. Tajuk-tajuk mana yang perlu huraian, bentang dan suruh pelajar cari bahan.” (P3/TB1)

Pengajaran Tamadun Islam merupakan saluran untuk memupuk persefahaman sejagat dan melahirkan sikap hormat menghormati di kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu dalam hal ini peserta kajian P7 telah menyuarakan pandangan mengenai menzahirkan sikap toleransi dalam beragama di negara ini. Peserta kajian begitu berhati-hati dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran yang disampaikan kepada pelajarnya sama ada yang beragama Islam mahu pun bukan Islam. Beliau telah menyatakan :

“Bimbang juga Tamadun Islam ini mengajar nilai-nilai Islam, takut kepada pelajar-pelajar bukan Islam ni kata kita nak dakwah mereka. Walau bagaimanapun saya cuba jaga-jaga juga. Kena pandai-pandai lah sikit, kalau pun kita nak berdakwah jangan bagi nampak. Itu masalahnya tu, Tapi setakat ini tak ada dia orang complaint.” (P7/TB1)

Jelaslah berdasarkan dapatan ini, faktor kesediaan para pensyarah di dalam memiliki ilmu pengetahuan berkaitan Tamadun Islam amatlah penting. Sewajarnya

mereka mesti berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan sebegini rupa agar para pelajar akan melihat kehebatan pensyarah yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan dapat meyakinkan pelajar mereka. Para pensyarah juga perlu bijak dan berhikmah di dalam melaksanakan pengajaran dan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar.

4.4.4.1 (f) Kesibukan Pensyarah

Dapatan kajian bagi sub tema ini mendapati tiga peserta kajian telah berpendapat bahawa faktor pensyarah yang sentiasa sibuk dengan tugas-tugasan bukan akademik merupakan sebahagian penyebab kepada wujudnya permasalahan-permasalahan yang menghalang keberkesanan kursus Tamadun Islam. Menurut peserta kajian P3 waktu pengajarannya kerap terganggu kerana terpaksa menghadiri sesi mesyuarat, taklimat dan sebagainya secara mengejut dan mendapat notis secara tiba-tiba sahaja daripada pihak pengurusan institut.

Namun demikian beliau berusaha untuk menggantikan kelas yang tertangguh tersebut pada masa yang lain. Baginya yang penting, isi kandungan tajuk atau topik yang dibincangkan pada kelas tersebut perlulah diuraikan dengan mendalam kepada pelajarnya yang mengikuti kelas Tamadun Islam. Beliau berkata, “Kadang-kadang dalam masa tu kita sendiri kena mesyuarat, taklimat dan sebagainya. Semua sekali mengganggu P&P, tapi kita terima benda itu akan berlaku hendak adjust macam mana tidak boleh tidak... jadi saya cuba adjust, content yang penting saya panjangkan huraian.” (P3/TB1)

Seterusnya menurut peserta kajian P7 menerangkan bahawa pensyarah terlalu banyak tugas-tugas sampingan di luar kampus dan ini menyebabkan kuliah beliau terhadap pelajarnya tidak dapat dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kesibukan sebegini rupa menjadikan beliau tidak dapat memfokuskan pengajarannya kepada pelajar. Kata-kata beliau seperti berikut, “Pensyarah banyak keluar, tugas-tugas sampingan terlalu banyak. Jadi kerja bertimbun-timbun, fokus kita kepada kelas kadang-kadang kurang.” (P7/TB1)


Scenario sebenar di Institut Pendidikan Guru, kadang-kadang pensyarah mendapat arahan bertugas di luar kawasan dalam tempoh yang singkat menyebabkan tidak sempat untuk menggantikan kelas terlebih dahulu. Kadang-kadang para pelajar pula diarahkan menjalani aktiviti-aktiviti luar pada waktu pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan menyebabkan pensyarah tidak mengajar. Hal ini melibatkan bilangan waktu pengajaran tidak mencukupi dan menjadi kewajipan untuk menggantikannya pada masa yang lain. Untuk menggantikan kelas pada waktu yang lain juga menjadi kekangan kerana pensyarah lain juga memerlukan kelas ganti. Oleh itu, pihak pengurusan di peringkat IPG induk hendaklah memastikan tugas luar pensyarah disusun sebaik mungkin agar tidak mengganggu perjalanan IPG kampus.

Bagi peserta kajian P4 pula, keperluan beliau menghadirinya kursus di luar kampus turut menjadi penghalang atau menampakkan kesibukan pensyarah dalam melaksanakan tugas kerja hakiki di institutnya. Ini dapat ditinjau daripada persepsi pelajarnya yang kurang komitmen di dalam kelas pensyarah ini kerana beranggapan pensyarahnya yang sentiasa sibuk dengan tugas-tugas sampingan sama ada di dalam kampus mahu pun di luar kampus.

Kata-kata ini boleh dilihat, “Masalah..... kadang-kadang itu kita perlu pergi kursus itu jadi, walaupun kita minta kawan kita ganti tapi sebab kita kadang-kadang, budak itu rasa macam dia kurang komitmen sebab dia kata kita kena ini kan, dia rasa lain sebab kita sibuk.” (P4/TB1)

Berdasarkan temu bual yang telah dilaksanakan terhadap pensyarah yang menjadi peserta kajian dalam kursus Tamadun Islam ini, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa penyumbang kepada wujudnya masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar terhadap keberkesanan kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru di Lembah Klang. Faktor tersebut ialah disebabkan masalah infrastruktur yang tidak lengkap di bilik-bilik kuliah pelajar. Faktor kekurangan jam interaksi pengajaran kursus Tamadun Islam juga menyebabkan penyumbang kepada masalah penghalang keberkesanan kursus. Rasa kurang berminat di kalangan pelajar untuk mempelajari Tamadun Islam juga merupakan faktor yang menghalang keberkesanan kursus Tamadun Islam. Begitu juga para pensyarah perlulah memiliki ilmu pengetahuan yang mantap berkaitan sejarah dan Tamadun Islam. Akhirnya faktor kesibukan pensyarah mengenai tugas-tugas sampingan juga merupakan penghalang kepada keberkesanan kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru dalam negara ini.

Berdasarkan data kajian yang telah dianalisis dengan bantuan perisian program *QSR Nvivo*, secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah sesuatu pengajaran mudah difahami, menarik dan mudah diterima. Begitu juga mempunyai gabungan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Para pensyarah juga perlu mempelbagaikan bahan sumber ketika berlakunya proses pengajaran dan juga dapat menggunakan pelbagai pendekatan dalam satu pengajaran. Rajah 4.8 berikut menjelaskan gambaran dapatan tema yang diperolehi.



Rajah 4.8: Dapatan Tema Masalah yang Dihadapi (QSR Nvivo)

4.5 Penutup

Jelas menunjukkan bahawa dalam bab ini, penyelidik telah menerangkan secara terperinci berkaitan dapatan kajian berdasarkan empat objektif kajian yang terdapat dalam kajian ini. Persoalan kajian yang dikemukakan dalam kajian ini telah menggariskan kepada empat persoalan utama iaitu isi kandungan sukan pelajaran Tamadun Islam, kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, hasil pembelajaran setelah mempelajari Tamadun Islam dan masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari Tamadun Islam. Persoalan kajian ini telah menjadi tema utama dalam setiap soalan manakala setiap tema tersebut akan terbentuk sub tema yang kecil yang menghasilkan dapatan kajian yang jelas dan konkret.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Penyelidik akan membincangkan beberapa sub topik dalam bab ini iaitu perbincangan daptan kajian, rumusan, implikasi kajian dan cadangan, sumbangan kajian, cadangan kajian lanjutan, kesimpulan, dan penutup. Secara umumnya, kajian ini memberi tumpuan untuk menjawab beberapa persoalan berikut :

- 5.1.1 Apakah isi kandungan sukatan pelajaran kursus Tamadun Islam yang diperkenalkan kepada pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang?
- 5.1.2 Apakah kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang?
- 5.1.3 Sejauhmanakah hasil pencapaian pelajar dalam kursus Tamadun Islam diInstitut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang?
- 5.1.4 Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang?

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian berdasarkan daripada bab empat, penyelidik membincangkan mengenai isi kandungan sukan pelajaran Tamadun Islam KPLI SR, kaedah yang digunakan dalam pengajaran Tamadun Islam, hasil pencapaian pelajar dan masalah yang dihadapi pelajar dalam kursus Tamadun Islam. Perbincangan juga berdasarkan pandangan pensyarah Tamadun Islam di empat buah IPG di Lembah Klang. Perbincangan ini berdasarkan pandangan Teori al-Ghazali (t.t.) dan Model Pengajaran Dunkin & Biddle (1974). Satu rumusan rajah keberkesanannya pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG dihasilkan oleh penyelidik pada akhir bab ini.

5.2.1 Isi kandungan Sukatan Pelajaran Tamadun Islam

Isi kandungan sukan pelajaran bagi sesebuah mata pelajaran adalah penting kerana pemilihan isi kandungan dalam sesebuah kurikulum amat kompleks dan memerlukan ketelitian. Terdapat tiga perkara yang perlu dititikberatkan dalam pemilihan kandungan kurikulum ialah unsur kognitif, afektif, dan psikomotor. Ketiga-tiga unsur ini merupakan asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembinaan insan yang seimbang.²⁹⁴ Sehubungan dengan itu bagi memastikan isi kandungan menepati hasil pembelajaran sesebuah kurikulum, terdapat sembilan kriteria yang telah diguna pakai oleh pakar kurikulum. Sembilan kriteria berikut ialah kriteria kegunaan, kriteria kesewajagatan, kriteria pulangan maksimum, kriteria kekurangan, kriteria kesusahan, kriteria membantu hidup, kriteria kesesuaian, kriteria kualiti dan kriteria minat.²⁹⁵

Dalam kajian ini, peserta kajian memberi pandangan mengenai kursus Tamadun Islam. Kursus ini sesuai kepada pelajar Islam kerana mereka dapat melihat keagungan

²⁹⁴ Abdul Rahim, *Pengajian Kurikulum*, 59.

²⁹⁵ *Ibid.*, 61.

Islam berdasarkan sejarah dan tamadun lampau. Dapatan ini menyokong salah satu daripada matlamat sukanan pelajaran Tamadun Islam di IPG iaitu “untuk menyedarkan guru-guru terhadap pencapaian dan sumbangan tokoh-tokoh terkenal dalam bidang-bidang tertentu ke arah kehidupan universal”.²⁹⁶ Manakala bagi pelajar bukan Islam, kursus ini sesuai kepada mereka kerana mendapat gambaran yang jelas mengenai Islam, keistimewaan Tamadun Islam dan menambah pengetahuan mereka mengenai Islam.

Dapatan ini menyokong matlamat kursus Tamadun Islam ialah “menyediakan guru-guru yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman mengenai konsep dan prinsip tamadun Islam”. Hal ini bertepatan juga dengan pendapat dengan pendapat Ting Len Siong dan Muhammad Sidek Said yang menyatakan bahawa guru berilmu adalah guru yang sentiasa mencari, menerokai dan menambah ilmu-ilmu baru sesuai dengan perubahan masa dan situasi.²⁹⁷ Hal ini sejajar berdasarkan pendapat A.G. Chejne yang merumuskan pandangan Ibn Hazm yang menyatakan ilmu pengetahuan merupakan jalan atau pra syarat kepada kebahagian hidup di dunia dan akhirat. Walau pun iman dan akal mempunyai sifat yang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk memperoleh kebaikan tersebut. Iman dan akal yang serasi dapat menjamin kebahagian hidup di dunia dan akhirat.²⁹⁸

Pandangan mengenai kursus Tamadun Islam berdasarkan dapatan kajian ialah pelajar mendapat penerangan mengenai asas-asas Pendidikan Islam yang terdapat dalam kursus ini. Secara tidak langsung, para pelajar dapat mengingati kembali ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan agama Islam. Dapatan ini amat bertepatan dengan hasil pembelajaran kursus Tamadun Islam sebagai mana yang terdapat dalam sukanan

²⁹⁶ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukanan Pelajaran Tamadun Islam,” 2.

²⁹⁷ Ting Len Siong & Muhammad Sidek Said, *Ingin Menjadi Guru?*, 239.

²⁹⁸ Alias Azhar, “Sains dan Teknologi Dalam Ketamadunan Islam: Analisa Epistemologi dan Metodologi”, laman sesawang *umrefjournal*, dicapai 31 Ogos 2015, <https://www.google.com/search?q=ALIAS+Azhar%2C+E2%80%9CSains+dan+Teknologi+Dalam+Ke+tamadunan+Islam%3A+Analisa+Epistemologi+dan+Metodologi&ie=utf-8&oe=utf-8>. 61.

pelajaran Tamadun Islam KPLI SR iaitu hasil pembelajaran yang kelima iaitu menghuraikan peranan aqidah, syariah, dan akhlak Islam dalam kehidupan seharian dengan mengintegrasikan Tamadun Islam.²⁹⁹ Perkara ini juga selari dengan pendapat yang diutarakan oleh Yusuf Al-Qardhawi bahawa syariat Islam bersesuaian untuk dilaksanakan pada setiap tempat dan zaman.³⁰⁰

Seterusnya dapatan kajian mengenai tajuk yang minat diajar oleh pensyarah dalam kursus Tamadun Islam ialah menerangkan konsep dan sumber Tamadun Islam kepada para pelajar. Dapatan ini menyokong dan selari dengan sinopsis kandungan kursus Tamadun Islam KPLI SR iaitu “kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar tentang konsep asas, prinsip, sumber, matlamat, pencapaian serta sumbangsan Tamadun Islam terhadap sains moden di Eropah serta perkembangan ilmu kini”.³⁰¹

Seterusnya tajuk yang minat diajar oleh pensyarah Tamadun Islam berdasarkan dapatan kajian ialah tajuk kursus Tamadun Islam berkaitan asas iaitu aqidah, syariah dan akhlak. Dapatan ini sejajar dengan pendapat Fadzil Noor dan Abdul Hadi Awang yang menyatakan bahawa aqidah adalah suatu ikatan yang mengikat diri, pemikiran dan hati seseorang kepada suatu keyakinan. Keyakinan ini akan menjadikan kehidupan insan tersebut terarah dan terpimpin.³⁰²

Bidang syariah juga merupakan bahagian yang dipelajari oleh para pelajar. Kemenangan dan kemajuan dalam sejarah Islam adalah kesan daripada berpegang teguh

²⁹⁹ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam,” 5.

³⁰⁰ Yusuf Al-Qardhawi, *Pelaksanaan Syariah Islam*, terj. Juanda Haji Jaya (Selangor: Maktabah Al-Qardhawi, 1998), 3.

³⁰¹ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam,” 5.

³⁰² Fadzil Noor dan Abdul Hadi Awang, *Aqidah dan Perjuangan*, (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2012), 23.

dengan syariah.³⁰³ Berdasarkan sejarah Islam, jelas memaparkan bahawa kekuatan dan kemulian umat Islam berpaksikan kepada sejauh manakah penganutnya berpegang dengan syariat Islam. Apabila mereka berpaling daripada hidup beragama maka akan ditimpa bala bencana sebagai ganjaran terhadap kesalahan yang telah mereka lakukan. Seterusnya bidang akhlak merupakan pelengkap kepada perbincangan bidang aqidah dan syariah. Dapatkan ini menyokong salah satu daripada objektif kursus Tamadun Islam di IPG iaitu “melahirkan bangsa Malaysia yang bertamadun tinggi dan sanggup memperjuangkan nilai-nilai ketamadunan universal yang luhur dan murni”. Hal ini juga adalah sejajar dengan pandangan Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid bahawa akhlak yang mulia merupakan tanda dan natijah iman yang sebenar. Sesungguhnya agama Islam telah meletakkan persoalan akhlak adalah inti pati segala ibadah.³⁰⁴

Begitu juga pandangan mengenai kursus Tamadun Islam berdasarkan dapatkan kajian ialah pelajar yang menegaskan isi kandungan sukanan pelajaran Tamadun Islam ada mengaitkan dengan aspek politik. Dapatkan ini menyokong hasil pembelajaran kursus Tamadun Islam KPLI SR iaitu “menganalisis sumbangsa Tamadun Islam terhadap pertumbuhan ilmu pengetahuan”³⁰⁵. Di dalam sukanan ini juga menjelaskan mengenai konsep syura, sifat-sifat kepimpinan, dan konsep negara Islam. Kaedah pengajaran yang dicadangkan dalam bahagian ini ialah pembentangan dalam kumpulan, soal jawab, dan menerokai maklumat mengenai politik melalui bacaan rujukan bacaan.

³⁰⁶ Dapatkan ini sejajar juga dengan pendapat Abdul Karim Zaidan yang menyatakan bahawa sistem politik terdiri daripada beberapa dasar dan peraturan yang berkaitan dengan pemerintah atau ketua negara, kaedah pemilihan, kedudukannya dari segi

³⁰³ Yusuf Al-Qardhawi, *Pelaksanaan Syariah Islam*, terj. Juanda Haji Jaya (Selangor: Maktabah Al-Qardhawi, 1998), 49.

³⁰⁴ Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid, *Indahnya Hidup Bersyariat*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009), 49.

³⁰⁵ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukanan Pelajaran Tamadun Islam,” 5.

³⁰⁶ *Ibid.* 9.

undang-undang, hubungan rakyat dengan ketua negara, matlamat yang dicapai melalui politik dan sebagainya.³⁰⁷

5.2.2 Kaedah yang Digunakan dalam Pengajaran Tamadun Islam

Menurut Ahmad Mohd Salleh, kaedah bererti satu perancangan yang sistematik secara keseluruhan untuk menyampaikan bahan pengajaran dan merupakan satu prosedur melakukan sesuatu berdasarkan tanggapan asas yang dibina melalui pendekatan.³⁰⁸

Menurut beliau juga, kaedah pengajaran merupakan kegiatan terarah yang dijalankan oleh seseorang pengajar dalam proses melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Perlakuan ini adalah untuk membimbing dan membantu pelajar untuk mencapai proses pembelajaran dan perubahan terhadap tingkah laku mereka.³⁰⁹

Pemilihan terhadap sesuatu kaedah pengajaran dapat membantu para pelajar memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap serta tingkah laku, menanam minat dan nilai yang diingini. Bagi para pensyarah perlu menyampaikan pengajaran berdasarkan tahap keupayaan pemikiran pelajarnya. Pembentukan kurikulum yang bersepada tidak akan lengkap dan sempurna sekiranya kaedah pengajaran dan pembelajaran tidak dititik beratkan.³¹⁰

Dalam kajian ini, bagi memulakan proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam terhadap para pelajar, peserta kajian menyatakan bahawa pensyarah memulakan dengan ucapan salam dan taaruf semasa sesi pertama proses pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam di dalam bilik kuliah. Dapatan ini menyokong dengan pendapat Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, bahawa dalam

³⁰⁷ Abdul Karim Zaidan, *Usul Dakwah Sistem-sistem Islam*, (Batu Caves: Pustaka Salam, 2011), 321.

³⁰⁸ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajaran Islam*, 95.

³⁰⁹ *Ibid.*, 93.

³¹⁰ Kamarul Azmi & Ab. Halim, *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, 30.

memulakan ses sebuah pengajaran terlebih dahulu para pensyarah hendaklah terlebih dahulu mengenali pelajar agar dapat mewujudkan iklim pembelajaran yang positif.³¹¹ Hal ini kerana dengan sesi berkenalan terhadap pelajar pada awal pengajaran akan merapatkan hubungan di antara pensyarah dengan para pelajarnya.

Seterusnya dapatan kajian mendapati pensyarah Tamadun Islam memperkenalkan sukatan kepada pelajar sebelum memulakan proses pengajaran dalam kuliah yang pertama. Dapatan ini menyokong pendapat Kamarul Azmi dan Ab. Halim yang menjelaskan seorang guru berperanan menyampaikan ilmu menepati kandungan sukatan pelajaran yang ditetapkan. Hal ini bertujuan agar proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana pelajar telah mengetahui apa yang akan dipelajari dan bersedia sebelum kuliah dilaksanakan.³¹²

Kajian juga mendapati terdapat pensyarah Tamadun Islam yang memulakan kuliah pertama mereka menggunakan kaedah kuliah. Dapatan ini bertepatan dengan sirah Rasulullah SAW yang menggunakan kaedah ini dalam menyampaikan dakwah dan khutbah Jumaat.³¹³ Begitu juga sesuai untuk pengajaran yang masanya terhad.³¹⁴ Sharifah Nooraida menegaskan terdapat pensyarah yang berpengalaman memulakan sesi pengajaran beliau dengan memberi kuliah tentang sesuatu tajuk dan meneruskan pengajaran berasaskan bahan bacaan sebagai sumber rujukan utama dalam kursus yang diajar.³¹⁵

³¹¹ *Ibid.*, 66.

³¹² *Ibid.*, 76.

³¹³ *Ibid.*, 49

³¹⁴ Zakaria Ahmad (Pensyarah Kursus Tamadun Islam, IPG Kampus Pendidikan Teknik), dalam temubual dengan penulis, 18 Ogos 2009.

³¹⁵ Sharifah Nooraida Wan Hasan, Raihanah Abdullah “Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Muslim: Pengalaman Institut Pendidikan Guru di Sarawak,” *The Online Journal of Islamic Education* January 2014, vol. 2 issue 1., 65.

Selanjutnya dapatan kajian mendapati bahawa bahan bantu belajar digunakan pada permulaan pengajaran dan pembelajaran ini. Dapatan ini menyokong bahawa bahan bantu mengajar adalah alat kelengkapan dan kemudahan yang diguna pakai oleh seseorang pensyarah bagi membantunya dalam proses pengajaran di dalam bilik kuliah. Ianya tidak terhad kepada buku teks, papan tulis malah merangkumi segala benda yang digunakan dalam pelajaran yang boleh dilihat, didengar, dipegang, dibaca dan sebagainya.³¹⁶ Umumnya bahan bantu mengajar dapat dikategorikan kepada empat jenis iaitu yang pertama, sumber asas seperti buku teks, papan tulis, kad manila, buku kerja dan lain-lain. Kedua, sumber bukan elektronik seperti model, lukisan, patung, glob dan sebagainya. Ketiga, sumber elektronik seperti radio, pita rakaman, slaid dan keempat ialah sumber bercorak pengalaman seperti lakonan, lawatan, pameran dan sebagainya.³¹⁷

Begitu juga dapatan kajian mendapati bahawa terdapat pensyarah yang memulakan pengajaran dengan mengaitkan tajuk pelajaran dengan isu semasa. Dapatan ini menyokong pendapat Abdul Fattah Abu Ghuddah yang menyatakan sirah Rasulullah SAW dalam pengajaran baginda, iaitu menceritakan kisah dan berita-berita masa lalu agar sidang pendengar tertarik terhadap isi kandungan yang disampaikan.³¹⁸

Di dalam pelaksanaan pengajaran, peserta kajian turut menyatakan mengenai kaedah yang kerap mereka laksanakan semasa melaksanakan pengajaran Tamadun Islam di dalam bilik kuliah. Dapatan kajian mendapati kaedah kuliah kerap digunakan oleh pensyarah untuk mengajar Tamadun Islam. Hal ini menunjukkan dapatan kajian ini selari dengan pendapat yang menyatakan bahawa kaedah kuliah lebih banyak melibatkan pensyarah membuat huraian dalam pengajaran mereka kepada pelajar.

³¹⁶ *Ibid.*, 119.

³¹⁷ *Ibid.* 127.

³¹⁸ Abdul Fattah Abu Ghuddah, *40 strategi Pendidikan Rasulullah*, (Bandar Baru Bangi: Pelima Media Sdn. Bhd., 2011), 182.

Begitu juga kaedah ini boleh mencetuskan rasa hormat pelajar terhadap para pensyarah kerana wujudnya rasa kasih sayang antara keduanya.³¹⁹

Selain daripada kaedah kuliah yang kerap digunakan di dalam pengajaran Tamadun Islam di dalam bilik kuliah, daptan kajian turut mendapati pensyarah Tamadun Islam kerap mengaplikasikan kaedah perbincangan dalam pengajaran mereka. Dapatan ini sejajar dengan pendapat yang menyatakan bahawa kaedah perbincangan memberi peluang kepada pelajar supaya bebas mengeluarkan dan mengulas pendapat mengenai sesuatu tajuk yang dibincangkan. Cara ini ini dapat melatih pelajar melontarkan buah fikiran yang bernas dalam jangka waktu yang ditentukan.³²⁰ Terdapat lima jenis kaedah perbincangan yang melibatkan perbahasan, seminar, forum, kumpulan belajar, dan sesi buzz. Implikasi kepada kekerapan penggunaan kaedah ini menyebabkan pelajar dapat belajar secara aktif, mengukuhkan kemahiran komunikasi secara berkesan, dan melatih pelajar mengeluarkan pendapat dan buah fikiran secara matang.³²¹

Seterusnya kaedah sumbang saran juga kerap digunakan dalam pengajaran Tamadun Islam. Sumbang saran ialah komunikasi dua hala untuk mewujudkan interaksi bersemuka dan mencungkil idea-idea utama dalam sesuatu tajuk yang dibincangkan.³²² Dapatan ini menyokong pandangan Ting Len Siong dan Muhamad Sidek Said yang menyenaraikan enam tujuan utama kaedah sumbang saran digunakan dalam sesebuah pengajaran. Antaranya adalah untuk memastikan pihak guru dan murid bersedia dengan topik yang dibincangkan. Tujuan kedua untuk mencungkil idea bernas daripada murid. Seterusnya tujuan ketiga pula topik berkenaan dapat dibincangkan secara lebih luas dan

³¹⁹ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*, 108.

³²⁰ Ting Len Siong & Muhammad Sidek Said, *Ingin Menjadi Guru?*, 122.

³²¹ *Ibid.*, 123

³²² *Ibid.*, 117-118.

telus. Manakala tujuan keempat adalah untuk mewujudkan perasaan kekitaan semasa sesi sumbang saran dilaksanakan. Tujuan kelima pula dapat membangkitkan rasa selesa ketika memberi pandangan tanpa rasa formal. Tujuan keenam adalah untuk melahirkan hubungan yang lebih akrab dan murid rasa bebas untuk mengajukan soalan atau berkongsi pendapat.³²³

Pelajar yang mengikuti kursus Tamadun Islam ini merupakan daripada kalangan peringkat Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah. Tinjauan peserta kajian terhadap pelajar sebelum ini adalah menjurus kepada kekerapan kaedah yang diaplikasikan terhadap pelajar dalam kursus Tamadun Islam. Namun pada bahagian ini pula, tinjauan peserta kajian adalah tentang kaedah yang amat bersesuaian digunakan kepada pelajar pada peringkat KPLI SR.

Dapatan kajian mendapati gabungan kaedah perbincangan dan sumbang saran merupakan salah satu kaedah yang amat bersesuaian digunakan oleh pensyarah untuk mengajar Tamadun Islam kepada pelajar KPLI SR. Apabila berlaku perbincangan di kalangan pelajar, idea yang dikemukakan adalah berbagai-bagai pandangan dan berlainan jawapan mengikut opsyen pengajian dalam kalangan pelajar. Kaedah perbincangan amat sesuai kerana para pelajar dapat bertukar-tukar idea. Begitu juga kaedah sumbang saran amat sesuai diaplikasi kerana para pelajar mempunyai banyak idea mengikut zaman mereka yang terdedah dengan teknologi yang terkini. Dapatan ini menyokong pandangan Noraini dan Shuki yang menyatakan bahawa kaedah perbincangan, setiap idea yang dikemukakan akan dinilai sebaik sahaja idea pelajar dikemukakan dan bagi kaedah sumbang saran pula, setiap idea akan dinilai setelah keseluruhan aktiviti dilaksanakan.³²⁴

³²³ Ibid., 118.

³²⁴ Noraini dan Shuki, *Pengajaran dan Pembelajaran, Teori dan Praktis*, 92.

Dalam kajian ini juga mendapati bahawa kaedah pengajaran berpusatkan pelajar dan bahan merupakan juga merupakan salah satu kaedah yang amat bersesuaian digunakan oleh pensyarah untuk mengajar Tamadun Islam kepada pelajar KPLI SR. Penglibatan secara maksimum daripada pelajar di dalam kelas adalah lebih berkesan dibantu dengan bimbingan oleh pensyarah yang membimbing dalam kursus yang berkenaan. Dapatkan ini menyokong salah satu strategi yang dicadangkan dalam sukatan pelajaran Tamadun Islam yang bertajuk “Pengaruh Tamadun Islam terhadap pertumbuhan sains moden di Eropah” dengan memaparkan tayangan video Jejak Rasul bagi melaksanakan pengajaran Tamadun Islam.³²⁵ Begitu juga, dapatkan kajian ini selaras dengan dapatkan kajian yang telah dilakukan oleh Zarina Muhammad yang mendapati penerimaan yang tinggi dan positif dalam kalangan pelajar terhadap penggunaan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar dalam kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia.³²⁶

Kaedah kuliah juga merupakan kaedah yang amat bersesuaian dalam pengajaran Tamadun Islam. Dapatkan ini bersesuaian dengan pendapat Abdullah yang menyatakan bahawa kaedah kuliah selalu diaplikasi di pusat pengajian tinggi kerana melalui kaedah ini pensyarah dapat memberikan huraian dan penjelasan.³²⁷ Tambahan pula kaedah kuliah adalah kaedah yang kerap diamalkan oleh baginda Nabi Muhammad SAW ketika menyampaikan khutbah Jumaat dan ajaran Islam kepada para sahabat baginda.³²⁸

Hal ini bertepatan dengan analisis dokumen Sukatan Pelajaran Tamadun Islam yang mencadangkan tajuk “Sumbangan Tamadun Islam dalam bidang politik” yang

³²⁵ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam,” 8.

³²⁶ Zarina Muhammad, “Pelaksanaan kaedah student-centered learning (SCL) dalam pengajaran & pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia & Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia. MALIM: *Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara*, vol. 8 (2007), dicapai pada 12 Oktober 2014, <http://www.ukm.my/jmalim/images>.

³²⁷ Abdullah, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. 69.

³²⁸ Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran & Pembelajaran* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 49.

menerangkan sistem politik Islam dan sumbangannya terhadap Tamadun Islam³²⁹ dengan menggunakan kaedah kuliah kerana pelajar KPLI SR merupakan golongan berada pada tahap pemikiran yang matang dan mampu untuk menyelesaikan sesuatu urusan dan perkara dengan penuh bijaksana dan berhikmah.

Dalam kajian ini, perkembangan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam turut dibincangkan secara mendalam bagi mendapatkan tema dalam kajian mengenai kaedah pengajaran kursus Tamadun Islam. Dapatan kajian mendapati pensyarah telah membahagikan topik mengikut rancangan pengajaran yang berpandukan sukatan pelajaran Tamadun Islam. Dapatan ini menyokong pendapat Bryan Coombs yang menyatakan seseorang tenaga pengajar perlu merancang setiap pelajaran kerana tugas mengajar melibatkan penggunaan masa. Rancangan ini disusun sebagai panduan kepada pengajar agar lebih yakin dengan tahap pencapaian objektif yang dikehendaki.³³⁰ Dapatan kajian seterusnya yang berkaitan dengan perkembangan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam mendapati pensyarah telah memberikan tajuk tugasan berdasarkan sukatan pelajaran Tamadun Islam. Dapatan ini menyokong kenyataan di dalam sukatan pelajaran yang mencadangkan tugasan hendaklah berdasarkan topik-topik yang terdapat dalam sukatan pelajaran Tamadun Islam ini.³³¹

Pensyarah yang mengajar Tamadun Islam turut merancang tajuk pengajaran mengikut kesesuaian masa, bilangan pelajar, isi kandungan tajuk, dan objektif pengajaran. Dapatan ini menyokong sebagaimana yang disarankan di dalam kandungan dan peruntukan masa kursus Tamadun Islam KPLI SR.³³² Begitu juga rancangan pengajaran adalah berdasarkan objektif sebagaimana yang terdapat di dalam dokumen

³²⁹ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam,” 9.

³³⁰ Bryan Coombs (2009), *Mengajar Secara Efektif*. Siti Aishah Mohd Elias (terj.), c. 5. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. . 14.

³³¹ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam,” 10.

³³² *Ibid.*, 3.

sukatan pelajaran Tamadun Islam.³³³ Begitu juga dapatan kajian mendapati bahawa pensyarah sentiasa mengadakan mesyuarat di kalangan para pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam. Ianya merupakan juga perbincangan di dalam langkah perkembangan dan pembelajaran kursus Tamadun Islam yang dipelajari oleh pelajar-pelajar. Dapatan ini menyokong pendapat yang disarankan oleh Ahmad Mohd Salleh bahawa guru hendaklah berperanan memastikan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah sentiasa meningkat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Untuk membantu peningkatan pengajaran, guru hendaklah memahami beberapa kaedah pengajaran dan kaedah pengurusan bilik darjah di sekolah.³³⁴

Dapatan kajian seterusnya ialah pensyarah sentiasa mengadakan persediaan sebelum pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam. Persediaan ini amatlah penting bertujuan untuk memastikan proses pengajaran yang dilaksanakan akan dapat berjalan dengan baik dan lancar. Proforma yang telah diwujudkan amatlah membantu dan memudahkan kepada para pensyarah untuk melaksanakan proses pengajaran dengan sempurna. Dapatan kajian ini menyokong bahawa perkara ini terkandung dalam dokumen Rancangan Pengajaran Semester yang terdapat di dalamnya yang memperincikan agihan topik selama 15 minggu iaitu waktu pengajaran selama sejam untuk seminggu.³³⁵ Hal ini juga bertepatan dengan pendapat Abd. Ghafar yang telah menggariskan enam tujuan menyediakan Rancangan Pengajaran adalah untuk menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran, mengenal pasti kandungan pelajaran, memilih kaedah dan teknik pengajaran, memberi keyakinan mengajar, memudahkan semakan pentadbiran, dan memudahkan penyeliaan atau pencerapan.³³⁶

³³³ *Ibid.*, 2

³³⁴ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajaran Islam*, 440.

³³⁵ Lampiran U. (Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Semester Tamadun Islam KPLI SR).

³³⁶ Abd. Ghafar, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*, 44-45.

Manakala T.H.B. Hollins menegaskan seseorang guru hendaklah membuat persediaan dengan memberi penekanan kepada kualiti guru yang mampu memahami pelajar, memberi keyakinan kepada mereka agar objektif kursus dapat dicapai.³³⁷ Realiti sebenar mengenai persediaan sebelum melaksanakan pengajaran Tamadun Islam di IPG, penyelidik mendapati pensyarah telah membuat persediaan yang rapi berdasarkan dokumen Rancangan Semester, Rancangan Mingguan yang dibuat sebagai panduan untuk proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah.

Seterusnya dapatan kajian mendapati di dalam perkembangan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam, pelaksanaan di dalam kursus ini adalah bersamaan subjek lain. Selain mempelajari kursus Tamadun Islam, mereka juga mempelajari kursus berbentuk Pengajian Asas yang lain seperti Bahasa Melayu Komunikasi, Pengurusan Sumber, Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral, Pendidikan Negara Bangsa Malaysia, Pendidikan Alam Sekitar, Muzik dalam Pengajaran dan Pembelajaran serta Pendidikan Jasmani.³³⁸ Ini bermaksud perkembangan pengajaran kursus Tamadun Islam adalah menyamai dengan perkembangan subjek-subjek lain yang diajarkan kepada para pelajar di institut. Ianya bermula dengan langkah set induksi, perkembangan langkah pengajaran, kaedah pengajaran, aktiviti, bahan bantu mengajar dan penutup.

Dapatan ini menyokong pendapat yang telah dinyatakan oleh Ahmad Mohd Saleh dan Kamarul Azmi dan Ab. Halim bahawa dalam sesebuah pengajaran, guru hendaklah menyediakan satu set pengajaran yang dirancang dalam Rancangan Pengajaran Harian. Perkara yang terdiri dalam sesebuah Rancangan Pengajaran Harian ialah tahun, bilangan murid, masa, tajuk, isi kandungan, hasil pembelajaran, kaedah,

³³⁷ T.H.B. Hollins (1973), *The Objectives of Teacher Education*. Berks: NFER Publishing Company Ltd., 9.

³³⁸ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam,” Lampiran A.

pengetahuan sedia ada, bahan bantu belajar dan penerapan nilai. Seterusnya dalam langkah pelaksanaan pengajaran, guru hendaklah memulakan dengan pendahuluan iaitu membaca doa belajar, set induksi, langkah satu, langkah dua, langkah tiga, penilaian dan penutup.³³⁹ Perkara ini selaras dengan idea Akhiar dan Shamsina yang menjelaskan rancangan pengajaran guru sewajarnya mengambil kira maklum balas yang diberikan oleh pelajar agar aktiviti yang dirancang dalam proses pengajaran mendapat tumpuan dan komitmen daripada para pelajar.³⁴⁰ Memang tidak dapat dinafikan, menjadi kewajipan kepada semua para pensyarah akan memastikan semua proses pengajaran yang akan dilaksanakan mestilah menuruti langkah-langkah pengajaran yang telah ditetapkan oleh prosedur standard oleh pihak IPG.

Dalam perbincangan mengenai pandangan pensyarah berkaitan pengajaran yang berkesan, dapatan kajian menyatakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan terhadap pelajar ialah kursus ini mudah difahami, menarik dan mudah diterima. Dapatkan ini menyokong dan bertepatan dengan ciri-ciri pengajaran yang berkesan bagi mencapai matlamat pengajaran seperti yang digariskan dalam sesuatu kurikulum. Peranan dan tugas sebagai pelaksana kurikulum adalah bergantung kepada pengetahuan, kepakaran dan profesionalisme keguruan.³⁴¹ Isu ini bersesuaian dengan pendapat T.H.B. Hollins yang menyatakan guru yang berkesan hendaklah mempunyai teknik dan kemahiran yang profesional, ilmu pengetahuan dan kefahaman serta memiliki kualiti personal.³⁴²

³³⁹ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajaran Islam*, 236-271 dan Kamarul Azmi & Ab. Halim, *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, 137-139.

³⁴⁰ Akhiar Pardi dan Shamsina Samsuddin (2014), *Rancangan Pengajaran Harian (dalam Pengajaran dan Pembelajaran)*. Puchong: Multimedia. 167.

³⁴¹ Abdul Rahim Abdul Rashid (2007), *Profesionalisme Keguruan, Prospek dan Cabaran*, c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 127-132.

³⁴² T.H.B. Hollins, *The Objectives of Teacher Education.*, 9.

Dapatan kajian juga menyatakan pengajaran yang berkesan dalam kursus Tamadun Islam ialah dengan berlakunya gabungan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan kursus atau subjek yang dipelajari, berlaku penggabungan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran terhadap para pelajar. Penggabungan dalam bahagian ini ialah gabungan kaedah syaranan, kuliah, perbincangan, tayangan dan pembelajaran *student centred*. Hal ini kerana gabungan kaedah sebegini rupa akan menghasilkan natijah yang baik dalam sesuatu pengajaran. Dapatan ini menyokong pendapat Musa Daia yang menyarankan guru hendaklah mempunyai kemahiran yang cukup apabila mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berbeza. Ini adalah kerana keberkesanan kaedah adalah bergantung kepada orang yang menggunakaninya. Kaedah yang sama mungkin berjaya oleh seorang guru tetapi tidak berjaya kepada guru yang lain.³⁴³ Keadaan ini amat bersesuaian dengan pendapat Eggen dan Kauthak yang menyatakan guru hendaklah mengaplikasi pelbagai kaedah pengajaran untuk memudahkan kefahaman murid di samping mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam untuk membantu murid dalam pembelajaran.³⁴⁴

Jelas juga di sini menunjukkan bahawa dapatan kajian ini selaras dengan model Dunkin, M.J. & Biddle B.J yang menjadi asas kepada kajian ini yang menitik beratkan kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di IPG. Hal ini adalah kerana pengajaran yang berkesan dapat mewujudkan suasana bilik kuliah yang selesa dan keseronokan untuk menimba ilmu serta memupuk ciri-ciri guru profesional yang disanjung tinggi oleh masyarakat.³⁴⁵ Melalui pengamatan penyelidik, aplikasi kepelbagaian kaedah yang sesuai dan berkesan mengikut tahap pelajar menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berfokus dan sistematik.

³⁴³ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajaran Islam*, 105.

³⁴⁴ Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh dan Ab. Halim Tamuri, "Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam," *The Online Journal of Islamic Education* Jun 2014, vol. 1 issue 2., 11.

³⁴⁵ Dunkin, M.J. & Biddle B.J., *The Study of Teaching*. 36-48

Terdapat juga dapatan kajian yang menyatakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah dengan menggunakan kepelbagaian bahan sumber dalam proses pengajaran Tamadun Islam. Hal ini kerana apabila pensyarah mengaplikasikan bahan pengajaran dan seumpamanya akan dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan menarik. Sekiranya wujudnya kepelbagaian sumber di dalam proses pengajaran, sudah pasti akan memberi impak positif yang besar di dalam pengajaran. Dapatan ini menyokong pendapat Kamarul Azmi dan Ab. Halim yang menyatakan bahan bantu belajar adalah elemen penting dalam pelaksanaan pengajaran. Tujuan bahan bantu belajar digunakan untuk menjimatkan masa, tenaga guru, memberi motivasi, dan meningkatkan sikap ingin tahu pelajar terhadap topik yang dipelajari. Hal ini juga sejajar dengan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh baginda Nabi Muhammad SAW ialah simulasi, model, rakaman, bahan maujud, bahan alam dan tempat khusus.³⁴⁶

Untuk memastikan bahan bantu mengajar itu sesuai dan berkesan dengan tajuk yang diajar, Brown J.W. menyarankan terdapat tujuh panduan dalam pemilihan bantu mengajar iaitu tiada bantu yang terbaik, selaras dengan objektif pengajaran, membiasakan diri dengan bahan bantu mengajar tersebut, bersesuaian dengan kaedah, bersesuaian dengan keupayaan dan gaya pembelajaran, pemilihan secara objektif dan pengaruh keadaan sekitar. ³⁴⁷ Ahmad Fkrudin, Mohd Isa dan Wan Norina juga menyatakan penggunaan teknologi multimedia membolehkan ilmu dipersembahkan dengan lebih menarik, meyakinkan serta berkesan. ³⁴⁸ E- Pembelajaran juga merupakan penyampaian pendidikan melalui internet dengan menggunakan komputer. Pendekatan pengajaran ini juga turut dibudayakan dan diterapkan di seluruh institusi pengajian bagi

³⁴⁶ Kamarul Azmi & Ab. Halim, *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, 119-120.

³⁴⁷ Abdul Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran..*, 72-73.

³⁴⁸ Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Mohd Isa Hamzah, Wan Norina Wan Hamat, “Pembangunan Perisian Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia Interaktif Pengurusan Jenazah Politeknik Malaysia,” *The Online Journal of Islamic Education* July 2013, vol. 2 issue 2., 13.

memenuhi keperluan terhadap pembelajaran hayat.³⁴⁹ Senario yang berlaku di IPG, penyelidik mendapati para pensyarah Tamadun Islam kerap menggunakan bahan bantu mengajar seperti komputer riba dan LCD kerana kaedah pembentangan dilaksanakan di dalam bilik kuliah berbantukan *power point* yang ditayangkan menggunakan kedua-dua alat teknologi maklumat tersebut.

Dapatan kajian juga menyatakan pandangan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam kursus Tamadun Islam ialah dengan menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam satu pengajaran. Dapatan ini menyokong pendapat Bender yang menyatakan setiap strategi seharusnya mudah diubah suai selaras dengan sosial dan keperluan emosional yang unik bagi pelajar, cara mengajar yang dipilih, panduan kelakuan yang ditetapkan oleh sekolah untuk mencapai objektif pendidikan yang telah ditetapkan. Terdapat beberapa format untuk melaksanakan pelbagai pendekatan dan strategi pengajaran ialah penerangan senario yang terperinci, kenyataan mengkategorikan objektif dan strategi, penerangan bagaimana teknik yang dipilih boleh mencapai objektif, langkah untuk melaksanakan strategi, perbincangan tentang sebab dan masalah yang berkemungkinan timbul dan pelbagai idea bagi menyesuaikan teknik untuk situasi mengajar yang berlainan.³⁵⁰

Pendapat Pierce dan Lorber mengukuhkan lagi dapatan di atas dengan menyenaraikan lima faktor untuk memilih kaedah pengajaran, antaranya ialah objektif pengajaran, bahan pengajaran dan pembelajaran, jangka masa pengajaran, latar belakang dan jumlah pelajar serta iklim dan suasana sekolah.³⁵¹ Keadaan sebenar yang

³⁴⁹ Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah, Surina Akmal Abd Sattai, "Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) dalam Bidang Pendidikan Islam," *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2., 26.

³⁵⁰ Bender, *Keberkesanan Dalam Pengajaran Secara Positif: 35 Strategi Berkesan Untuk Penglibatan Pelajar Secara Aktif dan Bersemangat di dalam Kelas*, terj. Azarie Idris (Cheras: Wisdom Mind Resources Sdn. Bhd., 2008), v-vi.

³⁵¹ Abdul Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran.*, 49-50.

berlaku di IPG, para pensyarah pada hakikatnya menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam satu pengajaran dan ianya termasuklah kursus Tamadun Islam.

Jelas di sini bahawa kaedah pengajaran merupakan elemen yang penting dalam kelangsungan sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran. Penguasaan kemahiran mengaplikasikan pelbagai kaedah perlu dikuasai oleh para pensyarah Tamadun Islam khususnya pemilihan kaedah juga hendaklah selaras dengan tahap, minat dan kebolehan pelajar serta sesuai dengan tajuk yang diajar. Oleh yang demikian pihak IPG hendaklah menyediakan kursus yang berterusan berkaitan pedagogi untuk meningkatkan kualiti pengajaran para pensyarah di IPG.

5.2.3 Hasil Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Tamadun Islam

Hasil pencapaian yang dimaksudkan dalam bahagian ini ialah para pelajar dapat menguasai objektif yang telah ditetapkan dalam kursus Tamadun Islam. Objektif pengajaran dapatlah dikatakan sebagai perubahan yang hendak dicapai oleh pelajar setelah berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Objektif tersebut boleh jadi dalam bentuk pengetahuan, kemahiran, sikap, nilai dan sebagainya. Untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan, seseorang tenaga pengajar juga perlu membentuk jenis penilaian yang bersesuaian bagi menyemak sama ada pengajarannya berkesan atau sebaliknya.³⁵²

Dalam kajian ini, peserta kajian turut menyatakan tentang hasil pencapaian pelajar dalam mempelajari kursus Tamadun Islam. Perubahan ini dapat dilihat melalui tingkah laku dari segi aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani mereka. Perubahan di sini ialah melibatkan kognitif, psikomotor dan efektif di kalangan para pelajar. Bagi

³⁵² Rahil Mahyuddin *et al.*, *Amalan Pengajaran Berkesan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd. 3

pelajar yang mengikuti kursus Tamadun Islam ini, perubahan tingkah laku juga dapat diperhatikan terhadap diri mereka apabila mereka telah mengikuti kursus ini.

Dapatan kajian mendapati berlaku perubahan tingkah laku pelajar dari segi keintelektualan, emosi, rohani dan jasmani pada diri pelajar. Perubahan intelek yang dapat dilihat berdasarkan lontaran dan sumbang idea mereka ketika melaksanakan pembentangan tugas yang diberikan dan sumbang saran mengenai sesuatu isu yang dibahaskan semasa proses pengajaran Tamadun Islam di dalam bilik kuliah. Begitu juga perubahan emosi turut berlaku berdasarkan pemerhatian pensyarah Tamadun Islam yang mendapati para pelajar mengagumi kejayaan Tamadun Islam yang lampau melalui memek muka dan ulasan kehebatan seseorang tokoh Tamadun Islam yang dibincangkan di dalam bilik kuliah. Para pelajar juga dapat mengaitkan kecemerlangan Tamadun Islam di IPG dengan pengalaman yang mereka sedang alami di sekolah di tempat mereka berkhidmat ketika ini. Mereka menyatakan bahawa tajuk-tajuk atau perbincangan mengenai Tamadun Islam yang mereka pelajari sebelum ini, menyuntik semangat untuk menyampaikan ilmu kepada murid-murid di sekolah. Antara tokoh Tamadun Islam yang diketengahkan dalam sukanan pelajaran Tamadun Islam di IPG ialah Ibnu Sina, Ibnu Rush, al-Khawarizmi yang merupakan tokoh-tokoh Islam yang memiliki kepakaran dalam bidang sains, perubatan dan lain-lain yang mampu melonjakkan kegemilangan Tamadun Islam pada masa tersebut.

Menurut Hamidah, Zawawi dan Rorlinda menyatakan keupayaan mengenali, memupuk dan membina kematangan emosi memberi kesan positif dalam menyeimbangkan kesejahteraan kendiri manusia.³⁵³ Hal ini amat relevan dengan pendapat Roziah Sidik yang menyatakan sokongan yang padu perlu diberikan oleh

³⁵³ Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail dan Rorlinda Yusof, "Kecerdasan Emosi Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Aplikasinya dalam Membentuk Akhlak Remaja," *The Online Journal of Islamic Education* Jun 2013, vol. 1 issue 2., 51.

pemerintah sesebuah negara terhadap program yang berkaitan dengan sains yang dianjurkan oleh rakyat agar kegemilangan sains dalam Tamadun Islam akan muncul kembali.³⁵⁴ Menurut Zulfahmi dan Wan Hasmah menegaskan konsep akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh mendapat bahawa keutamaan, kebaikan, kebahagiaan dan kesempurnaan yang berhubung dengan aspek intelek mempunyai kaitan dengan aspek emosi dan jasmani. Perbezaan pendapat di antara al-Ghazali dan Ibn Miskawayh ialah al-Ghazali membincangkan akhlak secara dalaman manakala Ibn Miskawayh lebih menekankan aspek luaran iaitu tingkah laku yang muncul dari aspek intelek.³⁵⁵

Seterusnya perubahan dari segi rohani dan jasmani pula, para pelajar dapat menunjukkan tingkah laku yang mulia seperti sering melaksanakan solat secara berjemaah di surau kampus di lokasi tempat belajar belajar sekarang. Perkara ini sejajar dengan pendapat Syed Muhammad Naquib al-Attas yang diutarakan oleh Faridah dan Fakhruладabi dengan menjelaskan rohani merupakan sesuatu yang seni (*al-latifah al-ruhaniyyah*) yang membawa maksud roh boleh dicapai oleh akal melalui pengamatan terhadap aktiviti-aktiviti yang berpuncanya darinya. Menurut al-Quran rohani manusia juga disebut *al-'aql* (akal atau intelek), *al-qalb* (hati atau heart), *al-nafs* (jiwa atau soul atau self) *dan al-ruh* (roh atau spirit).³⁵⁶ Aktiviti-aktiviti atau tingkah laku yang baik amat berkait rapat dengan rohani yang baik dalam diri seseorang. Sehubungan dengan itu, para sarjana Islam meyakini bahawa ilmu psikologi yang dikaji daripada al-Quran boleh

³⁵⁴ Roziah Sidik@Mat Sidek, “Relevansi Faktor Kegemilangan Sains Islam dengan Dunia Islam Masa Kini,” laman sesawang *umrefjournal* dicapai 31 Ogos 2015, <https://www.google.com/search?q=Roziah+Sidik%40Mat+Sidek%2C+E2%80%9C+Relevansi+Faktor+Kegemilangan+Sains+Islam+dengan+Dunia+Islam+Masa+Kini&ie=utf-8&oe=utf-8..>, 10.

³⁵⁵ Zulfahmi Syamsuddin, Wan Hasmah Wan Mamat, “Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam Aspek Intelek,” *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 1 issue 2., 118.

³⁵⁶ Faridah Che Husain dan Fakhruладabi Abdul Kadir, “Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia,” laman sesawang *e-journal.um*, dicapai 31 Ogos 2015, <https://www.google.com/search?q=Faridah+Che+Husain+dan+Fakhruладabi++Abdul+Kadir%2C+E2%80%9C+Sumbangan+Pengajian+Kursus+Tamadun+Islam+dan+Tamadun+Asia+%28TITAS%29+Terhadap+Pembentukan+Hati+Budi+Mahasiswa+di+Institusi+Pengajian+Tinggi+Awam+%28IPTA%29+Malaysia%2C+E2%80%9D&ie=utf-8&oe=utf-8..>, 17.

mempengaruhi perubahan sosial manusia, membangunkan tamadun cemerlang, membawa perubahan kepada kehidupan manusia dan membentuk insan yang lebih berkualiti pada dirinya sendiri dan orang di sekelilingnya sehingga terbentuknya sebuah tamadun yang gemilang.³⁵⁷ Fathiyah, Nor Hayati, Azimi dan Lukman juga menegaskan perkembangan spiritual juga salah satu tujuan Pendidikan Islam kerana insan terdiri daripada unsur roh.³⁵⁸

Berdasarkan perbincangan tentang perubahan tingkah laku daripada keempat-empat aspek, didapati dapatan ini menyokong Model Konseptual Pendidikan Guru yang menekankan tiga aspek asas iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disepakukan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancangkan. Model Konseptual Pendidikan Guru ini mengutamakan akauntabiliti guru kepada tiga dimensi utama iaitu kendiri, kemasyarakatan, dan ketuhanan.³⁵⁹ Isu ini juga selari dengan pendapat Sidek Baba yang menegaskan :

“sebagai hamba, pelajar sentiasa sedar dan menilai corak kemajuan dan perubahan yang berada di sekelilingnya. Kemajuan dan perubahan mestilah memenuhi fitrah insan. Patuh, taat dan meninggalkan segala larangan Allah sentiasa menjadi faktor asas membentuk generasi rabbani yang akan berfungsi sebagai khalifah yang berkesan.”³⁶⁰

Secara umumnya, perubahan tingkah laku pelajar dapat dikesan melalui pengamatan pensyarah berdasarkan tutur kata dan perlakuan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan di luar bilik kuliah seperti penglibatan mereka dalam aktiviti yang dianjurkan oleh surau IPG.

³⁵⁷ Che Haslina Abdullah, “Pembinaan Tamadun Islam Seimbang Melalui Psikologi Islam,” *Jurnal Hadhari* 5 (1) (2013) 199-213., 205.

³⁵⁸ Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, Lukman Abd. Mutualib, “Pemahaman dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan dalam Pengajaran,” *The Online Journal of Islamic Education* January 2013, vol. 1 issue 2., 3.

³⁵⁹ Lampiran U (Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Semester Tamadun Islam KPLI SR)

³⁶⁰ Sidek Baba (2006). *Pendidikan Rabbani (Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia)*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd. 10.

Dapatan kajian turut mendapat terdapat perubahan tingkah laku yang lain di kalangan pelajar selain daripada keintelektualan, emosi, rohani dan jasmani pada diri pelajar. Hal ini dapat diperhatikan seperti galakan kepada pelajar untuk menerokai ilmu pengetahuan yang baru, penghormatan sesama insan seperti pelajar menghormati para pensyarah dan juga mengenai pelajar sering bertanya kepada pensyarah mengenai waktu pengajaran kuliah Tamadun Islam akan diadakan pada masa akan seterusnya. Dapatan ini menyokong teori al-Ghazali yang mengharapkan pelajar yang dididik merupakan individu yang berilmu dan berperibadi mulia iaitu boleh menjadi contoh teladan (*uswah hasanah*), jujur, adil, bersaudara, semangat perwira dan berperasaan persamaan.³⁶¹ Hal ini juga selari dengan konsep ilmu yang ditegaskan oleh al-Attas iaitu ilmu dapat diaplikasi dalam kehidupan secara keseluruhan termasuk asapek spiritual, intelektual, agama, budaya dan sosial yang membawa maksud ciri-ciri yang bersifat sejagat dan ia mampu memandu manusia dalam keamanan.³⁶²

Menurut Ahmad Munawar, Zakaria Stapa dan Siti Aishah menegaskan aqidah merupakan elemen asas terpenting dalam pembinaan jati diri seorang muslim sejati berbanding pendidikan yang lain kerana elemen ini dapat melahirkan individu yang cemerlang dan unggul dari sudut keperibadian serta memberi sumbangan dan kesinambungan pemerintahan akan datang.³⁶³ Menurut Rashidi, Fakrul Adabi dan Ilhamie menyatakan pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual

³⁶¹ Ibrashi al-Muhammad Athiya, *Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Falasifatuha* (t.p., t.t.), 259.

³⁶² Saim Kayadibi dan Ahmad Hidayat Buang, "The Role of Islamic Studies in Muslim Civilization in the Globalized World: Malaysian Experience," *Jurnal Hadhari* 3 (2) (2011) 83-102., 87.

³⁶³ Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa, Siti Aishah Suhaiimi, "Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu," *Jurnal Hadhari* Special Edition (2012) 143-154., 148.

termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika yang tinggi.³⁶⁴

Seterusnya dapatan kajian mendapati terdapat beberapa saranan yang telah dicadangkan bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus Tamadun Islam. Ini bertujuan untuk melihat kepada hasil pencapaian pelajar dalam mempelajari kursus Tamadun Islam ini. Dapatan kajian mendapati bahawa kursus Tamadun Islam perlu diteruskan dan diwajibkan kepada semua pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat KPLI SR di Institut Pendidikan Guru. Kursus ini adalah diharapkan agar dapat memberikan kefahaman yang sebenar mengenai agama Islam. Kursus ini wajar diteruskan kerana dengan berlakunya proses pengajaran secara yang terancang, akan dapat menjadikannya sebagai salah satu saluran untuk menyampaikan saluran dakwah kepada pelajar bukan Islam. Kefahaman yang sebenar berdasarkan maklumat yang tepat tentang ajaran Islam akan menjadikan para pelajar yang mempelajari kursus ini tidak akan memandang negatif atau serong terhadap agama Islam. Dapatan ini menyokong sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian pendahuluan sukatan pelajaran Tamadun Islam yang menegaskan “Tamadun Islam ini penting kepada bakal guru agar mereka mengetahui keunggulan prinsip dan nilai hidup masyarakat silam serta dapat membandingkan dengan kekuatan dan kelemahan masa kini”.³⁶⁵

Seterusnya dapatan kajian mendapati perlunya kepada penambahan sumber bahan bantu belajar dan penambahan bahan rujukan berkaitan Tamadun Islam untuk bacaan di kalangan pelajar. Bahan bacaan ini perlu diperbanyakkan di perpustakaan setiap institut sebagai bacaan dan rujukan kepada para pelajar kerana ada di beberapa

³⁶⁴ Rashidi Abbas, Fakhru Adabi Abdul Kadir, Ilhamie Abdul Ghani Azmi, “Kemahiran Generik: Hubungan Nilai Amanah dengan Etika dan Moral Profesional dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia,” *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2., 125.

³⁶⁵Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam,” 1.

perpustakaan institut, bahan rujukan sebegini rupa masih tidak mencukupi dan ada bahan rujukan yang telah mengjangkau usia yang agak lama. Dapatkan ini menyokong gagasan baharu IPG iaitu mewujudkan persekitaran pembelajaran teragih (distributed learning environment) “yang berusaha untuk membantu dan memacu kecemerlangan IPG sebagai sebuah institusi pendidikan bertaraf universiti berdasarkan perkembangan teknologi yang menuntut keperluan pembelajaran yang lebih luwes”³⁶⁶

Begitu juga dapatkan kajian mengenai saranan peserta kajian tentang kursus Tamadun Islam mendapati bahawa kursus ini perlu kepada penambahan peruntukan waktu di dalam pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan dapatkan kajian ini, peserta kajian mencadangkan agar tempoh pembelajaran kursus Tamadun Islam ini ditambah kepada 2 jam seminggu bersamaan 30 jam (2 kredit). Hal ini adalah kerana sukatan pelajaran dalam kursus ini perlu kepada perincian isi kandungannya. Dapatkan ini menyokong pendapat Abd. Ghafar yang menyatakan salah satu faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran iaitu jangka masa pengajaran yang amat berkait rapat dengan pemilihan kaedah pengajaran. Umpamanya kaedah perbincangan tidak sesuai digunakan dalam tempoh pengajaran selama sejam tetapi memerlukan kepada dua jam. Perkara ini disebabkan waktu untuk perbincangan sekurang-kurang mengambil masa tiga puluh minit, selepas itu pensyarah akan mengambil masa untuk merumuskan dapatkan daripada perbincangan dari kalangan pelajarnya.³⁶⁷ Pendapat ini selaras dengan dapatkan kajian yang menyatakan penambahan waktu perlu diberikan agar pelajar dapat belajar dengan lebih selesa dan terperinci. Begitu juga terdapat dapatkan kajian yang mencadangkan agar bilangan pensyarah yang mengajar Tamadun Islam perlu ditambah.

³⁶⁶Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, “The New IPG: Learner Centred University,” (Buku Panduan, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Cyberjaya, Februari 2011), 6.

³⁶⁷ Abd. Ghaffar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. 49.

Oleh yang demikian, pihak IPG Induk yang mengurus kurikulum hendaklah membuat penilaian kembali tentang SLT (*Subject Learning Time*) bagi kursus Tamadun Islam ini agar hasil pembelajaran dapat dicapai dengan sempurna. Maksud SLT ialah beban sebenar pembelajaran pelajar termasuk persediaan mereka mencari sumber yang berbentuk buku dan maklumat di internet. Ia juga bukan hanya berasaskan tempoh masa interaksi antara pelajar dan pensyarah semata-mata.³⁶⁸ Maka pensyarah hendaklah memberikan tugas tambahan kepada pelajar untuk memastikan isi kandungan atau tajuk yang terdapat di dalam sukanan pelajaran bagi kursus ini benar-benar dikuasai, difahami dan boleh diaplikasi pengajarannya dalam minda dan tingkah laku pelajar. Hal ini adalah kerana waktu pembelajaran mereka tidak terhad di dalam bilik kuliah semata-mata, tetapi perlu diperluaskan di luar bilik kuliah. Hal ini bertepatan dengan keadaan yang sebenar, pensyarah selalu memberi tugas secara berterusan seperti mencari sumber seperti buku sebelum topik yang baru akan diajar pada interaksi yang akan datang.

Seterusnya dapatan kajian menyarankan agar para pensyarah perlu mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran di dalam menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar. Dapatan ini menyokong pendapat Abd. Ghafar yang menyatakan seseorang pensyarah perlu mengetahui kaedah yang paling baik untuk menyampaikan ilmunya kerana pensyarah yang berjaya bukan sahaja mempunyai ilmu yang luas tetapi seharusnya bijak menggunakan kaedah pengajaran yang berkesan.³⁶⁹ Hal ini bertepatan dengan pendapat Muhammad Abdul Qadir Ahmad yang menyenaraikan empat tujuan mempelajari sirah Nabawiyah iaitu para pelajar dapat mengambil iktibar yang baik daripada tokoh sirah, mengaplikasi tingkah laku dalam kehidupan seharian dan dapat menghadapi kesulitan dalam kehidupan mereka. Tujuan

³⁶⁸ CAD, “Rujukan daripada MQA,” dicapai 22 Ogos 2015, cad.uthm.edu.my

³⁶⁹ *Ibid.*, 48.

kedua pula, sirah dapat menjadi contoh teladan kepada umat Islam dan merupakan sumber syariat. Seterusnya tujuan ketiga mempelajari sirah dapat mengembangkan iman, menyucikan moral, membangkitkan patriotisme dan mendorong untuk berpegang kepada kebenaran. Tujuan terakhir mempelajari sirah dapat membina tingkah laku manusia yang ideal. Beliau menambah lagi dengan menekankan enam kaedah mengajar sirah iaitu soal jawab, bercerita, pembelajaran kontekstual, mengambil pengajaran, perbincangan dan menayangkan video.³⁷⁰ Realiti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam yang dilaksanakan oleh pensyarah didapati kepelbagaian kaedah telah digunakan seperti kaedah pembentangan, perbincangan, sumbang saran dan membuat refleksi pada akhir pembelajaran.

Begitu juga dapatan kajian mendapati bahawa kursus yang dilaksanakan ini perlu mempertingkatkan penggunaan ICT dan kemudahan prasarana di dalam pengajaran Tamadun Islam. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di dalam pengendalian seseorang pensyarah di dalam sesbuah kelas pengajaran adalah sebagai bantuan untuk melancarkan proses pengajaran. Ada juga yang menyarankan agar pihak pengurusan dapat menambah baik dari segi kemudahan dalam kelas. Dapatkan ini menyokong pendapat Ismail Zain yang menyatakan pensyarah hendaklah mampu mengintegrasikan ketiga-tiga aspek iaitu pedagogi, psikologi, dan teknologi dalam proses penyampaian ilmu. Suasana pengajaran dan pembelajaran akan lebih menyeronokkan sekiranya pensyarah menggunakan media pengajaran dalam pengajaran mereka.³⁷¹ Begitu juga Norliza, Mohamad Sattar dan Roseamnah

³⁷⁰ Muhammad Abdul Qadir Ahmad, *Metodologi Pengajaran Agama Islam*, terj. H.A. Mustofa (Jakarta: Rineka Cipta, 2008), 169-172.

³⁷¹ Ismail Zain, *Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran* (Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002), 2-3.

menegaskan aplikasi web dalam pengajaran guru dapat memajukan dan menambahkan lagi kecenderungan pendidikan seseorang pelajar terhadap kursus yang dipelajari.³⁷²

Selanjutnya dapatan kajian turut mendapati bahawa perlu kepada pihak berkenaan untuk menganjurkan kursus peningkatan ilmu dan kemahiran kepada pensyarah yang mengajar Tamadun Islam. Adalah amat wajar para pensyarah untuk menghadiri kursus bagi meningkatkan kemahiran dan menambahkan ilmu para pensyarah yang mengajar kursus Tamadun Islam. Sehubungan dengan itu, kesemua IPG di Lembah Klang ada menganjurkan latihan dalam perkhidmatan (LDP) yang berusaha menyediakan pengetahuan dan kemahiran melalui seminar, persidangan, bengkel dan latihan-latihan tertentu agar ilmu dan kemahiran pensyarah sentiasa dapat dipertingkatkan.³⁷³ Begitu juga kursus dalam perkhidmatan secara jangka pendek atau jangka panjang kepada para pensyarah wajar diberi perhatian agar mereka sentiasa terkehadapan dan kompeten bagi melaksanakan tugas yang mencabar dan memerlukan pengetahuan baharu dan terkini. Ianya juga bagi memartabatkan profesion keguruan dan membolehkan profesion ini mampu menghadapi cabaran globasasi.³⁷⁴

Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyarankan seperti mana yang terdapat di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang berhasrat untuk meningkatkan kualiti pensyarah dengan menambah baik kriteria pemilihan bagi pensyarah IPG dengan mengutamakan pemegang ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah. Kemahiran pensyarah baharu dan sedia ada akan ditingkatkan melalui program latihan induksi. Pensyarah di IPG juga akan digalakkan untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang pengkhususan tertentu dan mengagihkan masa

³⁷² Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul, Roseamnah Abd. Rauf, "Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam," *The Online Journal of Islamic Education* Jun 2013, vol. 1 issue 2., 58.

³⁷³ Abd. Rahim Abd. Rashid, *Profesionalisme Keguruan, Prospek dan Cabaran*, 119.

³⁷⁴ Ibid. 120.

mereka untuk pengajaran, penyelidikan, dan penerbitan bahan.³⁷⁵ Umumnya, kesemua IPG di Lembah Klang melaksanakan kepelbagai kursus, seminar, bengkel dan sebagainya untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran para pensyarah sejajajar dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Seterusnya dapatan kajian mendapati bahawa kursus Tamadun Islam merupakan subjek yang lebih menekankan kepada aspek teori berbanding praktikal kerana ianya lebih berorientasikan sejarah. Pendapat ini selaras dengan dapatan kajian yang menyatakan terdapat tajuk-tajuk di dalam kursus Tamadun Islam lebih menitik beratkan fakta sejarah seperti definisi tamadun, sumbangan tokoh-tokoh Islam seperti Ibnu Sina, Ibnu Rush, Al Khawarizmi dan lain-lain. Begitu juga terdapat dapatan kajian yang menjelaskan maksud teoritikal di sini ialah kursus ini tidak menekankan aktiviti luar bilik kuliah seperti tiada cadangan menganjurkan lawatan ke tempat-tempat bersejarah. Seterusnya terdapat juga dapatan kajian yang menyatakan kursus ini hanya sebagai pendedahan kepada para pelajar yang mengikuti kursus ini di peringkat pengajian Kursus Perguruan Lepas Ijazah.

Namun demikian, dapatan kajian juga mendapati bahawa kursus Tamadun Islam tidaklah sahaja menitik beratkan aspek teoritikal sahaja, malah merupakan subjek yang menekankan kesepadan di antara aspek teori dengan praktikal di dalam kehidupan seharian. Kursus ini menekankan dari aspek teori dan praktikal secara integrasi. Ini dapat dilihat bahawa sumber ketamadunan yang unggul iaitu dalil Al-Qur'an menggambarkan beberapa urusan dunia secara teori sahaja namun dalam tempoh yang sama menggambarkan secara praktikal seperti urusan muamalat, ekonomi dan sebagainya. Di dalam Al-Qur'an ada menjelaskan urusan kehidupan harian seperti

³⁷⁵ Kementerian Pendidikan Malaysia, "Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025" (Buku Panduan Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, 2013), 5-5.

perekonomian yang melibatkan unsur secara teori dan praktikal di dalam kehidupan mereka. Hal ini bertepatan dengan pendapat Sidek Baba yang menyatakan proses integrasi perlu dilakukan untuk menyelamatkan umat Islam dan umat manusia kepada pembangunan ilmu dan akhlak dalam keluarga dan masyarakat secara serius, terancang dan bijaksana.³⁷⁶

Rumusannya, dapatan kajian yang berkaitan dengan hasil pencapaian pelajar di dalam kursus Tamadun Islam didapati para pelajar menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif dari sudut intelek seperti dapat membentangkan hasil tugas dengan sempurna dan memuaskan. Begitu juga perubahan emosi dapat dilihat melalui memek muka yang mengagumi kehebatan tokoh-tokoh Islam.

5.2.4 Masalah yang Dihadapi Pelajar dalam Kursus Tamadun Islam

Di dalam melaksanakan pengajaran Tamadun Islam di dalam bilik kuliah, terdapat beberapa masalah yang sering dihadapi oleh pelajar sama ada semasa atau selepas proses pengajaran yang berlaku. Penyelidik mendapati masalah-masalah ini perlu diatasi dengan berhemah dan semua pihak perlu bertindak secara positif bagi meningkatkan reputasi pendidikan negara sesuai dengan gagasan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Dapatan kajian mendapati terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam tempoh pembelajaran kursus Tamadun Islam seperti kekurangan bahan bantu belajar seperti LCD, bilik kuliah yang tidak kondusif dan sebagainya. LCD hanya dibekalkan di beberapa bilik kuliah sahaja. Kedapatan juga beberapa LCD yang dibekalkan di bilik kuliah tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik. Peruntukan kewangan untuk penyelenggaraan LCD tidak mencukupi, tambahan pula pengajaran

³⁷⁶ Sidek Baba, *Pendidikan Rabbani (Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia)* . 156

Tamadun Islam atau kursus lain diajar secara serentak bagi kesemua kelas setiap ambilan. Sekiranya terdapat LCD di setiap jabatan akademik seperti Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, ianya masih belum mencukupi kerana nisbah bilangan LCD adalah kurang berbanding bilangan pensyarah yang mengajar Tamadun Islam. Selain itu, usaha untuk membaik pulih bilik-bilik kuliah juga tidak dapat dilaksanakan kerana isu ini berkait rapat dengan peruntukan kewangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Realiti yang sebenar berlaku terdapat usaha sendiri daripada kalangan pensyarah dan pelajar yang suka rela mengumpul wang untuk menjadikan bilik kuliah lebih kondusif dan menarik seperti mengecat semula, pemasangan langsyir, membeli kipas bagi mewujudkan suasana tempat pembelajaran yang lebih selesa. Menjadi harapan warga IPG, agar hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menaik taraf infrastruktur fizikal di semua kampus IPG seperti menaik taraf dewan kuliah, pusat sumber dan pusat kegiatan guru pelatih dengan kemudahan terkini yang mencukupi akan menjadi kenyataan. Kementerian juga perlu meningkatkan akses kepada sumber pengetahuan dengan menambah koleksi buku, kertas penyelidikan dan sumber dalam talian.³⁷⁷

Selanjutnya dapatan kajian mendapati bahawa waktu pengajaran terhadap pelajar adalah tidak mencukupi. Faktor masa atau waktu pengajaran yang diperuntukan untuk kursus Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru adalah tidak memadai. Kekangan ini disebabkan berlaku pertindihan program-program dan akitiviti-aktiviti lain di institut dengan masa pengajaran Tamadun Islam seperti yang telah ditetapkan. Program dan aktiviti yang dimaksudkan ialah para pelajar perlu menyertai seperti

³⁷⁷Kementerian Pendidikan Malaysia, “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025” (Buku Panduan Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, 2013), 5-5.

kursus Bina Insan Guru (BIG), Pendidikan Luar (PL), Perkhemahan Unit Beruniform dan lain-lain yang kadang yang dijadulakan secara mengejut. Semua aktiviti ini merupakan kursus wajib dan dikira kredit dalam keputusan peperiksaan bagi melayakkan mereka memperolehi Diploma Pendidikan.

Begitu juga terdapat beberapa aktiviti atau program yang dianjurkan oleh agensi luar daripada Kementerian Pendidikan yang memohon pelajar-pelajar ambilan Kursus Perguruan Lepas Ijazah untuk menyertai program mereka seperti seminar, bengkel pergigian, wacana ilmu dan kursus di peringkat negeri dan kebangsaan. Sehubungan dengan itu, para pelajar yang terlibat dengan aktiviti sebegini rupa, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran pengecualian kuliah daripada pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar institut yang berkenaan. Sekiranya semua pelajar dalam kelas tersebut terlibat dengan aktiviti luar, maka pensyarah yang terbabit hendaklah menggantikan pada masa yang sesuai di luar jadual waktu pengajaran.

Sehubungan dengan perkara di atas, dapatan ini menyokong tindakan yang akan diambil dan telah digariskan oleh gagasan baharu IPG iaitu Pembelajaran Tepat Pada Masa (*Just In Time Learning*). Maksud pembelajaran ini ialah pembelajaran mudah dapat dicapai di mana-mana dan bila-bila masa sahaja dalam kepesatan perkembangan teknologi. Sehubungan dengan itu, IPG perlu membekalkan maklumat kepada pelajar tepat pada masa mengikut keperluan pelajar tanpa mengira masa dan tempat. Hal ini kerana Pembelajaran Tepat Masa amat sesuai dengan situasi semasa. Walaupun tidak berada di dalam bilik kuliah, pelajar masih dapat mengakses bahan pembelajaran mereka melalui internet, CD-ROM, interaktif dan pelbagai bahan pembelajaran yang lain serta dapat memperoleh maklumat terkini yang dikehendakki tepat pada

waktunya.³⁷⁸ Situasi ini sering berlaku di IPG, walau bagaimanapun pensyarah dan pelajar bekerjasama untuk memastikan bilangan waktu pembelajaran mencukupi dan sukanan pelajaran dapat disempurnakan dengan baik.

Seterusnya dapatan kajian mendapati bahawa para pelajar kurang berminat untuk mempelajari kursus Tamadun Islam kerana kursus ini dinilai melalui tugas kerja kursus berasaskan ilmu (KKBI) bukan peperiksaan. Oleh yang demikian para pelajar kurang memberi perhatian berbanding kursus yang dinilai secara peperiksaan. Untuk memastikan para pelajar memberi komitmen yang tinggi kepada kursus ini, pensyarah hendaklah merancang pelbagai aktiviti yang boleh menggalakkan mereka meneroka maklumat yang berkaitan dengan Tamadun Islam seperti mengadakan forum, diskusi, wacana ilmu dan sebagainya. Dapatkan ini menyokong pendapat Saedah Siraj dan Mohd Ikram Abdullah yang mendapati bukti dari beberapa kajian yang menunjukkan pensyarah yang mengetahui kekuatan dan kelemahan pelajarnya boleh menyusun semula strategi pengajaran agar diminati oleh pelajar.³⁷⁹

Seterusnya dapatan kajian mendapati bahawa Pusat Sumber di beberapa IPG yang menjadi subjek kajian, masih kekurangan sumber bacaan dan bahan bantu belajar yang berkaitan dengan kursus ini. Terdapat juga bahan rujukan yang lama melebihi 10 tahun ke atas menjadikan para pelajar kurang berminat untuk membuat rujukan dan ianya tidak selari dengan sukanan pelajar kursus ini. Oleh yang demikian, Ketua Unit Pusat Sumber adalah dicadangkan agar memberi borang cadangan pembelian buku-buku Tamadun Islam yang terkini kepada pensyarah yang mengajar Tamadun Islam agar dapat memilih buku-buku berkaitan Tamadun Islam yang terkini dan bersesuaian

³⁷⁸ Institut Pendidikan Guru Malaysia, “The New IPG: Learner Centred University,” 6.

³⁷⁹ Saedah Siraj dan Mohd. Ikram Abdullah, “Stail Belajar dan Aplikasinya Kepada Pelaksanaan Kurikulum,” dalam *Perkembangan Kurikulum, Teori dan Amalan*, ed. Saedah Siraj (Kuala Lumpur: Alam Pintar Enterprise), 92.

dengan proforma Tamadun Islam. Adalah lebih baik dan menjadi keutamaan seandainya buku rujukan Tamadun Islam adalah hasil penulisan pensyarah daripada IPG sendiri. Perkara ini ada kaitan dengan cadangan agar para pensyarah menulis buku yang berkaitan dengan kursus tertentu. Hal ini bertepatan dengan pendapat Saedah Siraj iaitu pensyarah yang berhasrat untuk mendapatkan cuti sabatikal ini hendaklah menyediakan proposal untuk menjalankan penyelidikan atau menulis buku. Mereka juga hendaklah menghantar laporan kemajuan setiap tiga bulan bagi yang menjalankan penyelidikan.³⁸⁰

Manakala masalah kekurangan bahan bantu belajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlulah diberi perhatian oleh pensyarah Tamadun Islam kerana terdapat enam kepentingan bahan bantu mengajar iaitu masa pengajaran dapat dikurangkan, minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan, tajuk yang diajar dapat difahami dengan lebih mendalam dan realistik, ingatan isi pengajaran dapat dikekalkan dengan lebih lama, pelajar merasa seronok dan tidak jemu terhadap pengajaran guru dan menawarkan pengalaman yang sebenar.³⁸¹ Realiti yang sebenar di IPG, tidak dapat dinafikan bahawa pensyarah sentiasa menggunakan bahan bantu belajar seperti menayangkan *power point* dan video yang berkaitan dengan tajuk yang terdapat dalam kursus ini. Kepelbagaiannya bahan bantu belajar seperti gambar-gambar, dokumentari, insklopedia dan sebagainya boleh menarik minat pelajar untuk mempelajari kursus tamadun Islam. Pensyarah juga boleh memberi para pelajar beberapa artikel yang berkaitan dengan Tamadun Islam untuk dibincangkan secara kritis sama ada secara individu atau berkumpulan. Hal ini bertepatan dengan pendapat Abdul Ghafar yang menyatakan terdapat beberapa fungsi media dalam pengajaran iaitu dapat menerangkan sesuatu konsep, merangsang minat pelajar,

³⁸⁰ *Ibid.*, 29.

³⁸¹ Kamarul Azmi & Ab. Halim, *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, 136.

mempelbagai kegiatan pengajaran dan pembelajaran, menjimatkan masa untuk pengajaran, melibatkan pelajar secara aktif dan menyediakan pengalaman yang sebenar.³⁸²

Seterusnya dapatan kajian mendapati bahawa para pensyarah Tamadun Islam perlu memiliki ilmu yang tinggi dan sentiasa berhikmat di dalam penyampaian. Seseorang pensyarah hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan sama ada melalui pembacaan, pengalaman, menyertai seminar berkaitan kursus Tamadun Islam dan seumpamanya. Hal ini amat penting supaya ilmu pengetahuan para pensyarah sentiasa mengatasi pengetahuan pelajar. Isu ini juga kerana pelajar yang mempelajari kursus ini, terdiri daripada pelajar yang beragama Islam dan bukan Islam. Mereka juga sewajarnya mempunyai kemahiran, bijak dan berhikmah ketika menyampaikan isi kandungan sesebuah topik yang terdapat dalam kursus ini agar para pelajar dapat memahami apa yang disampaikan dengan tepat dan meyakinkan.

Hal ini bertepatan dengan tujuan kursus Tamadun Islam diwajibkan kepada pelajar KPLI SR adalah bertujuan sebagai saluran untuk memupuk persefahaman sejagat dan melahirkan sikap hormat menghormati di kalangan rakyat Malaysia³⁸³. Menurut Firdaus, Kamarul Azmi dan Khirunnisa berdasarkan pendapat para sarjana telah menegaskan bahawa ilmu pengetahuan merupakan sesuatu yang penting bagi diri seorang pendidik. Ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang pendidik merupakan kriteria kecemerlangan yang membolehkan mereka memberi penjelasan mengenai

³⁸² Abdul Ghafar Md. Din, *Prinsip dan Amalan Pengajaran.*, 70-71

³⁸³ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukatan Pelajaran Tamadun Islam,” 1.

sesuatu perkara dengan lebih baik dan lebih bersedia menjawab persoalan daripada pelajar.³⁸⁴

Keperluan seorang pensyarah membuat persediaan sebelum melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas selaras dengan pendapat al-Ghazali yang salah satu tanggungjawab seorang guru ialah guru hendaklah mengajar mengikut kesesuaian tahap kemampuan akal pemikiran murid. Seorang guru juga perlu merancang pengajaran mereka agar selaras dengan tahap pemahaman murid, perbezaan individu murid dari segi bakat dan kemampuan akal. Selanjutnya guru dianggap seperti penjaga ilmu yang paling amanah.³⁸⁵ Untuk memastikan para pensyarah sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, terdapat IPG yang melaksanakan latihan dalam perkhidmatan seperti program Sinergi Imu yang menyediakan topik-topik mengikut perkembangan semasa dan terkini dalam pendidikan.

Kesimpulan yang dapat dinyatakan yang berkaitan dengan masalah yang wujud dalam kajian ini, pensyarah Tamadun Islam dan pentadbir di IPG Lembah Klang hendaklah memberi perhatian yang sewajarnya untuk memastikan masalah-masalah ini dapat di atasi agar pelaksanaan pengajaran Tamadun Islam di IPG dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

5.3 Rumusan

Berdasarkan daripada keseluruhan dapanan kajian yang telah dianalisis di dalam bab lima dalam kajian ini, dapatlah penyelidik merumuskannya kepada empat perkara iaitu

³⁸⁴ Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi dan Khairunnisa A Shukor, “Elemen Pengetahuan Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di Politeknik Premier: Satu Kajian Rintis,” *The Online Journal of Islamic Education* January 2015, vol. 3 issue 1., 14.

³⁸⁵ Abdul Salam Yussof, *Idea-idea Pendidikan Berkesan al-Ghazali & Konfuis*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010) 83.

mengenai isi kandungan sukatan pelajaran Tamadun Islam, kaedah yang telah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, hasil pencapaian pelajar dalam kursus ini dan mengenai masalah yang dihadapi oleh pelajar yang mengikuti kursus Tamadun Islam ini. Sebagai rumusan berdasarkan persoalan kajian adalah seperti berikut :

- 5.3.1 Sukatan pelajaran kursus Tamadun Islam berdasarkan dapatan kajian ialah ia amat sesuai kepada semua pelajar kerana kursus ini menerangkan asas-asas Pendidikan Islam dan Tamadun Islam. Terdapat tajuk yang diminati oleh pelajar iaitu konsep dan sumber Tamadun Islam, asas-asas Pendidikan Islam dan politik Islam. Pelajar juga mengetahui dan memahami peranan sebagai guru melalui kursus ini. Walau bagaimanapun, terdapat para pensyarah yang masih belum pernah menghadiri sebarang kursus Tamadun Islam sepanjang dalam perkhidmatan mereka kerana Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru hanya akan mengadakan kursus berkaitan Tamadun Islam sekiranya wujudnya keperluan seperti perubahan kurikulum dan sebagainya.
- 5.3.2 Kaedah pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam yang dilaksanakan oleh pensyarah Tamadun Islam menepati kehendak pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dengan memulakan pengajaran dengan ucapan salam, memperkenalkan sukatan pelajaran kepada pelajar bagi sesi awal pertemuan dan menyorot isu semasa sebagai langkah permulaan sebelum memulakan sesi pengajaran. Seterasnya pensyarah membuat perancangan sebelum memulakan pengajaran seperti membuat pembahagian topik, memberi tugas berdasarkan topik yang terdapat di dalam sukatan pelajaran, pensyarah sentiasa bermesyuarat membincangkan perkara yang berkaitan dengan kursus dan pensyarah mempelbagaikan kaedah dalam melaksanakan pengajaran. Dapatan kajian juga mendapati kaedah yang kerap dan sesuai adalah sama iaitu kaedah kuliah,

perbincangan dan sumbang saran di kalangan para pelajar. Walau bagaimanapun di dalam kaedah yang sesuai, ada penambahan kaedah iaitu kaedah yang berpusatkan pelajar dan bahan. Pensyarah juga menyatakan terdapat empat kaedah yang berkesan iaitu mudah difahami, kepelbagaian kaedah dan pendekatan dalam satu pengajaran dan kepelbagaian sumber.

- 5.3.3 Seterusnya dapatan kajian mendapati hasil pembelajaran kursus ini ialah pelajar mempunyai perubahan tingkah laku melibatkan intelek, emosi, rohani dan jasmani. Antara perubahan dari segi intelek ialah pelajar mereka dapat memberi idea yang bernas dalam mempersebahkan hasil perbincangan dan pembentangan tugas yang telah diberikan. Seterusnya perubahan dari segi emosi ialah mereka kagum terhadap tokoh-tokoh dan sarjana Islam. Selanjutnya, perubahan dari segi jasmani dan rohani pula ialah mereka sentiasa menunaikan solat secara berjemaah di surau-surau institut. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa kesan positif yang lain iaitu mereka mengamalkan sikap saling menghormati, mengasihani, bertanggung jawab dan sering mewujudkan hubungan yang baik sesama rakan.
- 5.3.4 Selanjutnya dapatan kajian ini mengenai masalah yang terdapat dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam ialah infrastruktur yang tidak lengkap, waktu pengajaran yang tidak mencukupi, sikap segelintir pelajar yang tidak berminat terhadap kursus ini, persediaan pensyarah terhadap ilmu dan kesibukan pensyarah. Infrastruktur yang tidak lengkap ialah seperti kekurangan LCD dan bilik kuliah yang tidak kondusif. Masa yang tidak mencukupi bermaksud pengajaran tidak dapat dilakukan pada waktu yang ditetapkan kerana pelbagai aktiviti yang perlu diikuti bertembung dengan waktu pengajaran. Manakala kekurangan sumber pula ialah buku-buku rujukan di Pusat Sumber tidak mencukupi dan tidak terkini. Seterusnya masalah yang berkaitan

dengan kepakaran pensyarah dari segi ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan kursus, perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa, agar ilmu yang disampaikan kepada pelajar menepati perubahan dan kehendak semasa.

5.4 Implikasi Kajian Dan Cadangan

Penyelidik akan membincangkan implikasi kajian ini dari dua aspek iaitu teori dan praktikal berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi. Implikasi kajian tersebut diterangkan seperti berikut.

5.4.1 Implikasi Kajian Terhadap Aspek Teori

Dapatan kajian ini menunjukkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam bertepatan dengan teori al-Ghazali³⁸⁶ yang menekankan tiga aspek utama yang perlu ada pada seorang guru iaitu mempunyai ilmu fardu Ain dan fardu Kifayah, mempunyai kemahiran dalam mengaplikasi kaedah pengajaran, dan mempunyai akhlak yang baik. Hasil daripada tiga aspek yang dippunyai oleh seorang guru maka diharapkan dapat menghasilkan pelajar yang berperibadi mulia dan berilmu. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa terdapat kesesuaian dengan teori Dunkin dan Biddle yang menekankan empat elemen penting iaitu *presage*, kontek, proses dan hasil (produk).³⁸⁷

Sehubungan dengan dapatan kajian ini yang mempunyai keselarasan dengan kedua-dua teori kajian yang menjadi asas kajian ini ialah seorang pensyarah hendaklah memberi penekanan kepada sukanan pelajaran. Hal ini kerana pelajar Tamadun Islam memperolehi banyak ilmu pengetahuan dan mengingatkan kembali kepada perkara asas fardu Ain. Oleh yang demikian, implikasi kajian ini ialah pelajar hendaklah bersedia untuk mempelajari sukanan ini manakala pensyarah pula bersedia untuk menyampaikan

³⁸⁶ Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, 353.

³⁸⁷ Dunkin,M.J. & Biddle B.J., *The Study of Teaching*, 36-48.

sebaik mungkin agar proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG berjaya dilaksanakan. Kesediaan guru untuk menuntut ilmu adalah sejajar dengan salah satu daripada tiga dimensi yang terdapat dalam Model Konseptual Guru³⁸⁸ iaitu dimensi kendiri. Maksud dimensi kendiri dalam model tersebut ialah menjurus kepada pembinaan daya ketahanan, pemupukan budaya ilmu, pembentukan sahsiah dan berpekerti mulia. Hal ini jelas menunjukkan dimensi kendiri mengharapkan pelajar di IPG mempunyai peribadi yang cintakan ilmu.

Begitu juga implikasi kajian ini dari segi pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi setiap tajuk yang terdapat dalam sukanan pelajaran Tamadun Islam di IPG. Sebagai seorang pensyarah Tamadun Islam, sebaiknya membuat persediaan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dengan memikirkan kaedah yang sesuai dan berkesan kerana setiap tajuk adalah berbeza hasil pembelajarannya. Kaedah memainkan peranan yang penting kerana ia hanya boleh mewujudkan suasana yang menarik. Kemahiran guru mengaplikasi kaedah yang sesuai adalah bertepatan dengan kehendak gagasan baharu IPG iaitu “*The New IPG:Learner Centred University*” yang “berusaha untuk melaksanakan transformasi pendidikan yang memerlukan perubahan dari segi kurikulum yang menekankan penggunaan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran.”³⁸⁹

Implikasi kajian ini terhadap hasil (produk) pula amat berkait rapat dengan tingkah laku pelajar semasa berada di dalam dan di luar kelas. Berdasarkan dapatan kajian, peserta kajian menyatakan bahawa pelajar telah menunjukkan sifat yang positif iaitu menghormati pensyarah dan berketrampilan sebagai seorang guru. Hal ini selari dengan kehendak teori yang terdapat dalam teori al-Ghazali yang mendefinisikan

³⁸⁸ Bahagian Pendidikan Guru, “Sukanan Pelajaran Tamadun Islam,” i-ii.

³⁸⁹ Institut Pendidikan Guru Malaysia, “The New IPG:Learner Centred University,” 4.

“pendidikan ialah satu proses untuk mendapatkan ilmu lebih terarah kepada perkembangan pembawaan dan personaliti murid. Matlamat pendidikan yang unggul ialah mengaitkan kejadian manusia dan makhluk lain dengan kekuasaan Allah S.W.T. dan dapat memupuk perangai yang baik serta menilai antara perkara yang baik dan buruk.”³⁹⁰

Jelas menunjukkan bahawa kajian ini amat memberi implikasi terhadap teori yang menjadi asas kepada kajian ini iaitu teori al-Ghazali dan teori Dunkin dan Biddle yang memberi fokus kepada pensyarah, pelajar, kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan dan hasil pembelajaran yang diharapkan dari pelajar sebagaimana yang dibincangkan dalam kerangka konseptual kajian ini.³⁹¹

5.4.2 Implikasi Kajian Terhadap Aspek Praktikal

Seterusnya beralih pula kepada implikasi kajian terhadap aspek praktikal. Terdapat lima implikasi kajian dalam aspek praktikal yang perlu diberi perhatian. Antaranya ialah peranan yang sepatutnya dilakukan oleh penggubal sukanan, pihak pentadbir setiap IPG, pensyarah Tamadun Islam di IPG dan semua pihak yang terlibat dengan kurikulum ini di IPG.

Maksud implikasi kepada penggubal sukanan pelajaran ialah menilai semula isi kandungan sukanan pelajaran Tamadun Islam agar ianya bersesuaian dengan tahap pengetahuan pelajar KPLI dan masa yang diperuntukkan untuk pelaksanaannya. Begitu juga bahan bantu mengajar dan kemudahan lain untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah disediakan agar hasil pembelajaran Tamadun Islam dapat dicapai. Hal ini bertepatan dengan gagasan baharu IPG dalam peta strategiknya

³⁹⁰ Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, 353.

³⁹¹ Lihat Rajah 1.2 di muka surat 17.

menggariskan tiga strategi untuk mencapai tahap kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran iaitu pengurusan akademik, sumber kemudahan yang menggalakkan pengajaran dan pembelajaran, dan pembangunan kurikulum dan pentaksiran.³⁹²

Implikasi kedua ialah pihak pentadbir khususnya IPG induk hendaklah menyediakan kursus yang berkaitan dengan pendedahan kepada kaedah-kaedah yang sesuai, berkesan, terkini khususnya yang berkaitan dengan ICT agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya. Hal ini bertepatan dengan gagasan baharu IPG yang menyarankan agar pensyarah di IPG menguasai kemahiran abad ke-21 iaitu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran selaras dengan cabaran dan tuntutan semasa.³⁹³

Implikasi yang ketiga pula berkaitan dengan SLT (Subject Learning Time) iaitu waktu yang diperuntukkan untuk melaksanakan pengajaran bagi sesuatu kursus yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Terdapat cadangan daripada para pensyarah memohon agar waktu pengajaran bagi kursus Tamadun Islam ini ditambah untuk memastikan hasil pembelajaran kursus ini dapat dicapai. Oleh yang demikian, pihak IPG Induk yang mengurus kurikulum hendaklah membuat penilaian kembali tentang SLT (*Subject Learning Time*) bagi kursus Tamadun Islam ini dengan membuat perbincangan tentang kurikulum bersama pakar-pakar kursus Tamadun Islam (*subject matter expert*) dari seluruh IPG kampus untuk menilai kembali kursus ini daripada pelbagai aspek. Hal ini bertepatan dengan kehendak kurikulum. Menurut Salleh, Mohd

³⁹² Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, “The New IPG:Learner Centred University,” 8.

³⁹³ *Ibid.*, 7.

Yusof dan Raja Ismail menyatakan pengurusan masa pengajaran merupakan faktor yang perlu diberi perhatian agar hasil pembelajaran bagi sesebuah kurikulum dapat dicapai.³⁹⁴

Implikasi seterusnya ialah peranan pensyarah Tamadun Islam yang semestinya diberi kemahiran, pendedahan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran agar mereka dapat mengaplikasi dalam pengajaran mereka. Keberkesanan kaedah yang pelbagai telah digunakan dalam pengajaran dapat memberi perubahan tingkah laku pelajar dari empat aspek iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual sebagaimana yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Negara.³⁹⁵

Implikasi terakhir terhadap praktikal ialah semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam iaitu pensyarah Tamadun Islam, pengarah setiap IPG, dan pentadbir di IPG induk sepatutnya mengambil tindakan dan memenuhi saranan dan cadangan yang diberikan oleh peserta kajian agar keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan. Isu ini sejajar dengan gagasan baharu IPG yang merupakan “peneraju pendidikan guru yang berperanan untuk memberi khidmat kepada agensi dalam dan luar Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai menyokong semangat pembelajaran sepanjang hayat. Hasrat ini dapat dilaksanakan melalui pembangunan kompetensi pensyarah dan penyediaan program latihan pembangunan profesionalisme yang mantap.”³⁹⁶

³⁹⁴ Salleh Abd Rashid, Mohd Yusof Abdullah & Raja Ismail Raja Lope Ahmad, “Menterjemahkan Kurikulum Bersepada Sekolah Menengah Dalam Pengajaran Guru” dalam *Pengetahuan Pedagogi Guru*, ed. Mohd Yusof Abdullah, Salleh Abd Rashid, Raja Ismail Raja Lope Ahmad, Zulkifli Mohamed, Abdul Said Ambotang dan Sabariah Sharif (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2009), 9.

³⁹⁵ Kementerian Pelajaran Malaysia, “Pendidikan di Malaysia,” (Buku Panduan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

³⁹⁶ Institut Pendidikan Guru Malaysia, “The New IPG:Learner Centred University”, 8-9.

Tindakan yang dilakukan terhadap kelima-lima implikasi kajian ini terhadap praktikal diharapkan dapat merealisasi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG.

5.5 Sumbangan Kajian

Penyelidik mengharapkan dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada beberapa pihak tertentu khususnya para pensyarah Tamadun Islam, pihak pentadbir setiap IPG dan Kementerian Pendidikan Malaysia seperti berikut:-

5.5.1 Pensyarah Tamadun Islam di IPG

Membantu pensyarah Tamadun Islam di IPG mengaplikasi kaedah yang sesuai dan berkesan, agar ia dapat diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG. Isu ini amat bertepatan dengan gagasan baharu IPG yang memfokuskan Pembelajaran Berasaskan Individu (*Personalized Learning*) iaitu pensyarah IPG dikehendaki menggunakan pendekatan dan menyesuaikan pedagogi pengajaran, kurikulum dan sokongan pembelajaran bagi memenuhi keperluan setiap pelajar secara individu.³⁹⁷

5.5.2 Pentadbir di IPG

Pentadbir di IPG yang dimaksudkan di sini ialah Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Unit Kumpulan Profesional (KUKP) yang berada di setiap IPG. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada pihak pentadbir di IPG agar dapat menyediakan keperluan infrastruktur yang berkaitan. Infrastruktur tersebut ialah mewujudkan kelas yang kondusif, peralatan ICT seperti komputer riba, LCD, *internet*

³⁹⁷ *Ibid.*, 7.

dan lain-lain bahan bantu mengajar agar pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran para pensyarah dapat dilaksanakan dengan berkesan dan hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai. Hal ini amat bersesuaian dengan gagasan baharu IPG dalam salah satu daripada lima dimensi Pengurusan Prestasi IPG iaitu dimensi teknologi maklumat dan komunikasi. Dalam dimensi ini, “warga IPG perlu kompeten dalam menggunakan ICT dalam pengurusan, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan.”³⁹⁸

5.5.3 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

IPG Induk, BPG dan KPM diharap mengambil tindakan terhadap dapatan kajian yang diperolehi agar keperluan yang sepatutnya disediakan untuk meningkatkan kualiti pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG. Kursus Tamadun Islam ini penting kerana ianya sebagai medan dakwah kepada bakal guru bukan muslim untuk mengenali secara mendalam agama Islam. Perkara ini bertepatan dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang meneliti persekitaran kerja dari beberapa dimensi yang mempengaruhi pengalaman pengajaran secara langsung iaitu ruang kerja, purata saiz kelas dan nisbah murid-guru, jumlah waktu bekerja dan jenis aktiviti yang diberi sebagai tugas guru.³⁹⁹

Begitu juga, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah memastikan kualiti guru sentiasa diberi perhatian yang serius. Hal ini adalah kerana kejayaan seseorang murid di sekolah adalah ditentukan oleh kejayaan seseorang guru yang mendidik. Oleh yang demikian, pensyarah di IPG khususnya hendaklah memberi perhatian yang sewajarnya dalam mendidik pelajar di IPG yang merupakan bakal guru

³⁹⁸ *Ibid.*, 11.

³⁹⁹ Kementerian Pendidikan Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 5-6.

pada masa akan datang. Maka, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memperuntukkan sumber kewangan yang besar untuk menyediakan latihan, kursus, bengkel, diskusi dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan peningkatan profesionalisme guru agar mereka dapat menjadi guru yang berkualiti. Isu ini bertepatan dengan pendapat Salleh, Mohd Yusof dan Raja Ismail yang menyatakan empat ciri yang perlu ada pada seorang guru yang berkualiti iaitu mempunyai pengetahuan pelajaran, memiliki pengetahuan profesional bagi melaksanakan tugas sebagai guru, menguasai pengetahuan dasar minimum yang mencukupi sebagai guru dan memiliki 'kraf' sebagai guru yang bermaksud memiliki sesuatu yang unik, hasil kemahiran atau pengetahuan peribadi guru.⁴⁰⁰ Keadaan ini juga bertepatan dengan pendapat Ahmad Munawwar yang menyatakan akhlak seseorang individu amat berkait rapat dengan pegangan agama yang kuat.

Seterusnya Baharom, Ali dan Za'ba Helmi menegaskan minda, sikap dan tingkah laku remaja dipengaruhi oleh kurikulum Pendidikan Islam yang berkesan. Sehubungan dengan itu, menurut Baharom dan Ilias menjelaskan guru Pendidikan Islam memainkan peranan dalam pembentukan akhlak pelajar kerana guru Pendidikan Islam merupakan pelaksana kepada kurikulum Pendidikan Islam⁴⁰¹. Hal sebegini juga menunjukkan guru memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi akhlak dan disiplin pelajar, bukan sahaja sebagai penyampai ilmu tetapi mengawal tindak tanduk anak didik mereka. Menurut Azizi, Jamaluddin dan K. Shoba menegaskan bahawa guru juga berupaya menilai perkembangan pelajar dan menentukan kaedah-kaedah yang

⁴⁰⁰ Salleh Abd Rashid, Mohd Yusof Abdullah & Raja Ismail Raja Lope Ahmad, "Menterjemahkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Dalam Pengajaran Guru" dalam *Pengetahuan Pedagogi Guru*, ed. Mohd Yusof Abdullah, Salleh Abd Rashid, Raja Ismail Raja Lope Ahmad, Zulkifli Mohamed, Abdul Said Ambotang dan Sabariah Sharif , 7-8.

⁴⁰¹ Noornajihan Jaafar dan Ab. Halim Tamuri, "Perbezaan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Berdasarkan Jantina, Lokasi Sekolah dan Kekerapan Menyertai Latihan Dalam Perkhidmatan," *The Online Journal of Islamic Education* July 2015, vol. 3 issue 2., 2.

berkesan bagi mendidik supaya para pelajar lebih berdisiplin.⁴⁰² Menurut Al-Na'mi, Ibn Khaldun juga mengutarakan tentang peranan seorang guru Pendidikan Islam dalam menanamkan akhlak mulia kerana manusia memperoleh pengetahuan, idea-idea akhlak dan sifat-sifat terpuji melalui pengajaran dan pendidikan secara langsung daripada guru.⁴⁰³

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Terdapat lima cadangan kajian lanjutan yang akan dibincangkan oleh penyelidik iaitu kajian mengenai tahap penguasaan ICT di kalangan pensyarah Tamadun Islam, bahan bantu belajar untuk pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam, penilaian kurikulum Tamadun Islam di IPG, kualiti pensyarah Tamadun Islam dari aspek ilmu, kemahiran dan motivasi serta kaedah pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG. Penyelidik akan menjelaskan lima cadangan kajian lanjutan seperti berikut.

5.6.1 Tahap Penguasaan ICT di kalangan Pensyarah Tamadun Islam

Penyelidik mencadangkan kajian ini agar penyelidik seterusnya melaksanakan kajian yang memberi tumpuan khusus kepada penguasaan ICT di kalangan pensyarah Tamadun Islam. Tujuan utama kajian ini ialah mengenal pasti tahap penguasaan ICT dan kehendak pensyarah Tamadun Islam mengenai ilmu dan kemahiran asas yang berkaitan dengan ICT. Kajian ini boleh dilakukan secara kualitatif dengan menemu bual para pensyarah Tamadun Islam.

⁴⁰² Siti Salwa Md. Sawari dan Azlina Mustaffa, "Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku Adab Al Mualimun," *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2., 1.

⁴⁰³ Habibah@Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj dan Nurul Rabiah Mat Noh, "Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Aspek 'Riadah Ruhiyah' Untuk Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam," *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2., 54.

Bagi memantapkan lagi kajian, penyelidik boleh membuat kajian berbentuk pemerhatian dengan melihat cara pensyarah mengaplikasi penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Soalan soal selidik juga boleh diedarkan untuk mengetahui penguasaan ilmu dan kemahiran asas ICT yang berbentuk teori. Dapatkan kajian yang diperolehi dapat membantu pihak berkaitan agar membuat tindakan iaitu menyediakan kursus kemahiran ICT kepada para pensyarah Tamadun Islam.

Hal ini bertujuan para pensyarah mampu menggunakan ICT untuk mendapatkan maklumat yang menyeluruh, terkini berkaitan Tamadun Islam yang merupakan kursus yang memerlukan ilmu dan pemikiran yang bersifat universal. Hal ini sejajar dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia, seperti mana dinyatakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Abdul Rafie Mahat iaitu guru seharusnya mampu meneroka setiap potensi yang terdapat dalam bidang pendidikan ke arah mewujudkan pembelajaran yang berkesan dan bermakna.⁴⁰⁴

5.6.2 Bahan Bantu Belajar untuk Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam

Cadangan kajian kedua ialah kajian mengenai bahan bantu belajar yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam. Tujuan kajian ini ialah mengenal pasti bahan bantu belajar yang sesuai dan berkesan boleh digunakan agar hasil pembelajaran mudah dicapai oleh para pelajar. Pemilihan bahan bantu mengajar juga dapat menarik minat pelajar mempelajari Tamadun Islam kerana kebiasaannya kursus ini adalah berkaitan dengan sejarah. Oleh itu, jika bahan bantu belajar tidak menarik boleh menyebabkan kebosanan dalam mempelajarinya.

Kajian ini boleh dijalankan dengan membuat pemerhatian, temu bual dan mengedarkan borang soal selidik. Pemerhatian bertujuan untuk mendapatkan maklumat

⁴⁰⁴ Ismail Zain, *Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran*, iii.

yang sebenar penggunaan bahan bantu belajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam. Pengedaran soalan soal selidik juga boleh membantu penyelidik mendapatkan maklumat yang menyeluruh mengenai aplikasi bahan bantu belajar.

Dapatan kajian yang diperolehi dapat memberi maklumat kepada pihak berkaitan iaitu pensyarah Tamadun Islam, pihak pentadbir setiap IPG, IPG induk, BPG dan KPM agar dapat menyediakan bahan bantu belajar agar hasil pembelajaran yang telah ditetapkan dapat dicapai dengan berjaya dan berkualiti. Penggunaan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting selari dengan gagasan baharu IPG yang menyarankan para pensyarah menggunakan sumber kemudahan untuk mencapai kecemerlangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.⁴⁰⁵

5.6.3 Penilaian Kurikulum Tamadun Islam di IPG

Cadangan kajian ketiga pula ialah penilaian kurikulum Tamadun Islam di IPG secara khusus untuk mengetahui kesesuaian isi kandungan kurikulum tersebut dengan tahap pengetahuan dan keperluan para pelajar. Tujuan kajian ini ialah menilai kesesuaian kurikulum tersebut dengan tahap pengetahuan sedia ada pelajar. Ia juga bertujuan mengenal pasti isi kandungan tersebut dapat memenuhi kehendak pelajar untuk digunakan sebagai panduan dalam kehidupan.

Seterusnya menghasilkan cadangan kurikulum yang bersesuaian dengan tahap, kehendak pelajar dan menepati profesion perguruan. Kaedah kajian ini boleh menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif iaitu melalui temu bual dan menjawab soalan soal selidik. Dapatan kajian tersebut diharapkan dapat membantu

⁴⁰⁵ Institut Pendidikan Guru Malaysia, “The New IPG:Learner Centred University”, 8.

penggubal di pihak IPG induk khususnya merangka kurikulum terkini agar hasil pembelajaran dapat dicapai dan membantu pelajar menjadi guru yang menjadikan kejayaan tokoh Tamadun Islam terdahulu sebagai panduan dalam mendidik pelajar pada masa depan.

Kajian mengenai penilaian mengenai sesebuah kurikulum adalah penting seperitimana yang dinyatakan oleh Saedah Siraj dan Zuber Hassan kerana ia “merujuk kepada proses penyelidikan tahap kejayaan atau keberkesanan sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum dari segi kesahihan objektif, kaitan dan urutan isi serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang ditetapkan.”⁴⁰⁶

5.6.4 Kualiti Pensyarah Tamadun Islam dari Aspek Ilmu, Kemahiran dan Motivasi

Kajian lanjutan keempat yang dicadangkan adalah berkaitan dengan kualiti pensyarah Tamadun Islam di IPG dari aspek ilmu, kemahiran dan motivasi. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti apakah ilmu dan kemahiran yang diperlukan oleh para pensyarah Tamadun Islam bagi meningkatkan kualiti pengajaran mereka terhadap pelajar-pelajar yang akan mengikuti pembelajaran kursus Tamadun Islam di semua IPG. Kaedah yang dicadangkan untuk kajian lanjutan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif.

Ini bermaksud beberapa orang subjek kajian dari kalangan para pensyarah Tamadun Islam seluruh Malaysia akan ditemui bual secara lebih mendalam bagi mendapatkan dapatan yang berkaitan dengan objektif kajian ini. Hasil dapatan kajian yang diperoleh nanti, diharapkan pihak IPG induk membuat tindakan susulan dengan

⁴⁰⁶ Saedah Siraj dan Zuber Hassan, “Penilaian Kurikulum dan Penyelidikan Berkaitan,” dalam *Perkembangan Kurikulum: Teori dan Amalan*, ed. Saedah Siraj (Kuala Lumpur: Alam Pintar Enterprise, 2000), 145.

menyediakan kursus, latihan, seminar, bengkel dan lain-lain program yang sesuai untuk meningkatkan kualiti, ilmu, kemahiran dan motivasi pensyarah Tamadun Islam.

5.6.5 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG

Cadangan kajian lanjutan terakhir ialah kajian yang memberi fokus secara khusus tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG. Oleh kerana kajian ini dilaksanakan di IPG Lembah Klang, maka kajian lanjutan pula dicadangkan untuk dijalankan di seluruh Malaysia. Begitu juga dengan kaedah penyelidikan, dicadangkan menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif.

Pendekatan kuantitatif menggunakan soal selidik dengan mengedarkan kepada para pelajar yang mempelajari Tamadun Islam di IPG. Manakala pendekatan kualitatif pula, temu bual akan dijalankan dengan penggabal sukatan pelajaran Tamadun Islam, Setiausaha Akademik di IPG kampus, pensyarah Tamadun Islam dan pelajar yang mempelajari kursus ini. Hasil dapatan kajian yang diperoleh, diharap dapat membantu pihak Pusat Pembangunan Akademik IPG induk untuk mengambil tindakan terhadap keperluan, cadangan dan penambah baikan terhadap isu ini. Kesemua cadangan kajian lanjutan yang dijelaskan agar dapat membantu rakan penyelidik yang lain mendapat idea untuk meneruskan penyelidikan bagi memantapkan lagi kursus Tamadun Islam di IPG khususnya.

5.7 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik merumuskan kajian dengan mengemukakan sebuah Rajah Keberkesanan Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG seperti dalam rajah 5.1. Rajah Keberkesanan Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG seperti dalam rajah 5.1 yang dikemukakan oleh penyelidik sebagai kesimpulan daripada dapatan kajian yang telah dijalankan sebagai panduan untuk memantapkan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di IPG khususnya dan kursus lain di institusi lain amnya.

Rajah ini adalah berdasarkan dua teori yang menjadi asas kepada kajian kes ini iaitu Teori al-Ghazali dan Teori Dunkin dan Biddle. Oleh itu rajah ini terdiri daripada empat elemen mengikut urutan iaitu *presage* yang menumpukan kepada pengalaman guru, pengalaman latihan guru dan kelayakan guru (kemahiran mengajar, intelek, motivasi dan sifat peribadi). Seterusnya dalam elemen kontek iaitu pengalaman pelajar dan kebolehan pelajar. Manakala dalam elemen proses memberi tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam yang memberi penumpuan kepada tingkah laku guru dan tingkah laku pelajar dalam kelas. Akhirnya elemen produk ialah hasil yang diharapkan gabungan dari tiga elemen sebelum ini. Hasil tersebut terdiri daripada perubahan tingkah laku pelajar secara terus dan perubahan pelajar dalam tempoh masa yang panjang.

PRESAGE

SUKATAN PELAJARAN	PENSYARAH	PELAJAR
<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai Kepada Semua Pelajar • Menerangkan Asas-asas Pendidikan Islam dan Tamadun Islam • Tajuk yang diminati Konsep & Sumber Tamadun Islam, Asas Pendidikan Islam, Politik, Peranan sebagai guru 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai Kepakaran • Berpengalaman • Berpandangan Kursus T.I Penting • Mengikuti Kursus Tamadun Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuai Kepada Semua Pelajar • Bina Minda Pelajar • Menambah Ilmu Pengetahuan • Mengambil Iktibar Sejarah Umat Terdahulu • Menerangkan Asas-asas Pendidikan Islam



KONTEK

KAEDAH	PELAJAR	PENSYARAH
<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan Kaedah Yang Sesuai Dan Berkesan setiap Tajuk BAHAN P&P • Penggunaan <i>ICT</i> • Kemudahan Prasarana • Bahan Rujukan Disediakan • BBM Disediakan • Sumber Lain Disediakan 	<ul style="list-style-type: none"> • Minat untuk belajar • Mempunyai ilmu yang pelbagai • Pengalaman yang berbeza dalam bidang tertentu • Bersungguh-sungguh menuntut ilmu 	<ul style="list-style-type: none"> • Persediaan Sebelum P&P • Mendapatkan Fakta Yang Lebih Tepat Dalam Sesuatu Isu • Esei Yang Dibuat Mengikut Kehendak Pensyarah Dan Sukatan



PROSES

PERMULAAN P&P	PERKEMBANGAN P&P	KAEDAH YANG KERAP DIGUNAKAN
<ul style="list-style-type: none"> • Memulakan dengan ucapan salam dan taaruf • Perkenalkan sukanan pelajaran kepada pelajar • Memulakan dengan kuliah • Menggunakan bahan bantu mengajar • Sorotan isu semasa 	<ul style="list-style-type: none"> • Tajuk tugas berdasarkan sukanan pelajaran • Merancang tajuk ikut kesesuaian masa/ bilangan pelajar/ isi kandungan tajuk/ objektif • Tugasan diberikan setelah interaksi P&P • Sentiasa bermesyuarat akademik • Mengadakan persediaan sebelum P&P • Perkembangan Pengajaran bersamaan subjek lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuliah • Perbincangan • Sumbang saran <p>KAEDAH YANG SESUAI DENGAN PELAJAR KPLI SR</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan dan sumbang saran • Berpusatkan pelajar dan bahan • Kuliah <p>KAEDAH YANG BERKESAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mudah difahami, menarik, mudah diterima • Gabungan Pelbagai Kaedah • Kepelbagaiannya bahan sumber • Guna pelbagai pendekatan dalam satu pengajaran



PRODUK

PANDANGAN TERHADAP KURSUS	PERUBAHAN TINGKAH LAKU	TUGASAN
<ul style="list-style-type: none"> • Berpuashati, diteruskan • Diwajibkan • Tambahkan Tajuk & Masa • Teoritikal / Praktikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Positif • Intelek, Rohani, Emosi, Jasmani 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpuas hati • Seimbang • Tempoh Menyiapkan Tugas Mencukupi

Rajah 5.1: Rajah Keberkesanan Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG (Teori al-Ghazali (t.t.), dan Teori Dunkin dan Biddle, 1974)

5.8 Penutup

Penyelidik merumuskan bahawa kajian ini dapat menjawab empat objektif kajian yang telah digariskan seperti yang terdapat dalam bab satu. Empat objektif kajian yang berjaya dikaji ialah mengenai isi kandungan sukan pelajaran Tamadun Islam, kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, hasil pencapaian pelajar dan masalah yang dihadapi pelajar dalam kursus Tamadun Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menemu bual peserta kajian yang terdiri daripada lapan orang pensyarah Tamadun Islam. Penyelidik menjalankan kajian ini berpandukan kepada rancangan penyelidikan bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan mengikut masa dan menepati kehendak kajian.

Terdapat juga beberapa masalah dalam membuat kajian antaranya kekangan masa peserta kajian kerana kesibukan dengan urusan masing-masing. Walau bagaimanapun penyelidik dapat mengatasinya dengan membuat perbincangan masa yang sesuai untuk ditemubual. Kesediaan subjek kajian untuk ditemu bual amatlah dihargai kerana data yang diperolehi amat berguna bagi kajian ini. Penyelidik menggunakan perisian *Nvivo 8* untuk menganalisis data bagi menyusun di bawah beberapa tema dan sub tema. Hal ini bertujuan untuk menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Justeru penyelidik telah menganalisis dan merumuskan dapatan kajian yang diperolehi dengan mengemukakan sebuah Rajah Keberkesanan Pelaksanaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di IPG sebagai panduan kepada semua pensyarah Tamadun Islam di IPG dan pihak berkenaan yang terlibat agar usaha meningkatkan keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dan direalisasikan.

RUJUKAN

AL-QURAN & TAFSIR

Al-Sayyid Mu'in ad-Din bin Abdul Rahman al-Husaini al-Aiji as-Syafi'e, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*. Kuwait: Gheras, 2007.

Basmeih dan Sheikh Abdullah bin Muhammad. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an (30 Juz)*. Darul Fikir: Kuala Lumpur, 2000.

Indra Laksana et al. *Syaamil al-Quran Miracle The Reference*. Bandung: Sygma Publishing, 2010.

Wahbah al-Zuhaily. *Tafsir al-Munir Juz 'Amma*, terj. Zulkifli Hj. Mohd Yusof et al. Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia, 2001.

KAMUS

A.S. Hornby dan E.C. Parnwell. *The Progressive English Dictionary*. London: Oxford University Press, 1972.

Della Summers et al. *Longman Dictionary of Contemporary English New Edition*. United Kingdom: Longman Group UK Limited, 1987.

Hajah Noresah Hj Baharom et al. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, cet. ke-7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002.

_____. *Kamus Dewan Edisi Keempat*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Ibrahim Anis et al. *al-Mu'jam al-Wasit*, j. 2. Kaherah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 1972.

Ibrahim Mustafa et al. *al-Mu'jam al-Wasit*. Cairo: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, Dar al-Da'wah, 1990.

Khalid M. Hussain. *Kamus Dwibahasa*, cet. ke-7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991.

Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. *Qamus al-Marbawi*. Singapura: Pustaka Nasional, t.t.

Teuku Iskandar . *Kamus Dewan Edisi Keempat*, cet. ke-2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

BUKU-BUKU

- Ab. Alim Abdul Rahim dan Syed Idrus Syed Mat Zin. *Tamadun Islam*, cet. ke-2. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1995.
- Ab. Aziz Mohd Zin et al. *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Abdul Fattah Abu Ghuddah. *40 strategi Pendidikan Rasulullah*, Bandar Baru Bangi: Pelima Media Sdn. Bhd., 2011.
- Abdul Karim Zaidan. *Usul Dakwah, Sistem-sistem Islam*. Batu Caves: Pustaka Salam Sdn. Bhd. 2011.
- Abd. Ghaffar Md. Din. *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors, 2003.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. *Profesionalisme Keguruan Prospek dan Cabaran*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Abd. Rahman Daud. *Teknologi Pendidikan-Konsep Peranan dan Perkembangan*. Selangor: BHS Book Publishing Sdn. Bhd, 1999.
- Abdul Hadi Awang . *Hadharah Islam Bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd, 2005.
- Abdul Halim bin Mat Diah. *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1987.
- _____. *Pendidikan Islam di Malaysia, Sejarah dan Pemikiran Angkatan Belia Islam Malaysia, Sejarah Pemikiran*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1989.
- Abdul Halim el-Muhammady. *Pendidikan Islam, Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timu Tengah, 1994.
- Abdul Rahim Hamdan. *Pengajian Kurikulum*. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Abdul Rahman Nawas et al. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1995.
- Abdul Rahman Saleh Abdullah. *Teori-teori Pendidikan Berdasarkan Al-Quran*, cet. ke-4. Jakarta: Pt Asdi Mahasatya, 2007.
- Abdul Rauf Yaacob. *Lembaran Sejarah dan Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Abdul Salam Yussof, *Idea-idea Pendidikan Berkesan al-Ghazali & Konfuis*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Abdullah al-Qari Haji Salleh. *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*, cet. ke-2. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1982.
- Abdullah Ishak. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Abdullah Muhammad Zin et al. *Pendidikan Islam di Malaysia Dari Pondok Ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Abdullah Zhidi Omar et al. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, 2013.

Abu Bakar Hamzah. *Sejarah Kebudayaan Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1972.

Abu Bakar Nordin. *Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Cetaktama Sdn. Bhd, 1994.

Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman. *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjung Malim: Quantum Books, 2008.

Adrian Holliday. *Doing and Writing Qualitative Research*, cet. ke-2, London: SAGE Publications Ltd, 2009.

Ahmad Fauzi Hj Morad dan Ahmad Tarmizi Talib. *Tamadun Islam*. Universiti Putra Malaysia, Serdang, 1997.

Ahmad Fikri. *Buhuth fi Tarikh al-Hadharah al-Islamiyyah*. Iskandariah: Muassasah Syabab al-Jami'ah, 1983.

Ahmad Kilani Mohamed. *Pengurusan Pendidikan di Sekolah Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2003.

Ahmad Mohd Salleh. *Pendidikan Islam. Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1997.

_____. *Pendidikan Islam Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 2004.

_____. *Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2008.

Ahmad Mohd Salleh dan Mohd Farid Hafidz Ahmad. *Islam Agama Rabbani DasarPendidikan Islam Teras*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2008.

Ahmad Zabidi Abdul Razak et al. *Pentadbiran dalam Pembangunan Pendidikan*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2005.

Ahmad Zainal Abidin et al. *Study Guide For Islamic Studies*, cet. ke-1. Malaysia: Pearson Prentice Hall Sdn. Bhd, 2006.

Ahmad Zaki Abd. Latiff et al. *Buku Teks Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2009.

Akbar Ibrahim. *Penyelidikan Kulitatif: Satu Pengenalan Ringkas*. Kuching: PROFES(Persatuan Perkembangan Profesionalisme Pendidikan Sarawak), 2004.

Akhiar Pardi dan Shamsina Samsuddin, *Rancangan Pengajaran Harian (dalam Pengajaran dan Pembelajaran)*. Puchong: Multimedia. 2014.

Al-Ghazali. *Ihya' Ulum al-Din*, Jilid III. Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.

- Al-Imam Abi al-Fida' Ismail Ibnu Kathir. *Tafsir Ibnu Kathir*. Qaherah: Maktabah Zahran, t.t.
- Al-Na'mi, Abdullah al-Amin. *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*. Mohd. Ramzi Omar (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Al-Sayyid Mu'in ad-Din bin Abdul Rahman al-Husaini al-Aiji as-Syafi'e. *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*. Kuwait: Gheras, 2007.
- Al-Syaibani, Umar Muhammad. *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, Tripoli: T.P, 1975.
- Ali Md. Isa. *Definisi Tamadun*, Ilmu Kemanusiaan. Pusat Pengajian Luar Kampus USM. Pulau Pinang, t.t.
- Aminuddin Baki. *The National School of Malaya its Problems, Proposal Curriculum and Activities*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1953.
- Amir A. Rahman. *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Ang Huat Bin. *Konsep dan Kaedah Pengajaran dengan Penekanan Pendidikan Inklusif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 1999.
- Ann Lewins et al. *Using Software in Qualitative Research: A Step-by-Step Guide*. London: SAGE Publications Ltd, 2007.
- Asar Abdul Karim. *Kecemerlangan Tamadun Islam Masa Kini* Pahang: Universiti Malaysia Pahang, 2008.
- Atan Long. *Pendidik dan Pendidikan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1984.
- Awang Sariyan. *Tertib Mengarang: Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*, cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Azhar Ahmad. *Strategi Pembelajaran Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak*. Sarawak: PROFES, 2010.
- Azhar Hj. Mad Aros et al. *TITAS 2*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2000.
- Azhar Hj. Mad Aros. *Tamadun Islam dan Tamadun Islam (TITAS)*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2004.
- Azhar Hj. Wahid et al. *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Cheras: Mashi Publication Sdn. Bhd, 2009.
- Azizi Yahaya et al. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd, 2007.
- Azizi, Y., Jamaluddin, R. dan K. Shoba, C.K. *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kemerosotan Disiplin di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Johor*. 2010.
- Azman Wan Chik. *Kaedah Hayati Amali Satu Pendekatan Mengajar Pendidikan Islam*, cet. ke-1. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd, 1987.
- Beg. Muhammad Abdul Jabar. *The Image of Islamic Civilization*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1980.

_____. *Perspectives of Civilization*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1985.

Bryan Coombs. *Mengajar Secara Efektif*, terj. Siti Aishah Mohd Elias, cet. ke-5. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2009.

Brenda Smith dan Sally Brown. *Research Teaching and Learning in Higher Education*. London: Kogan Page Limited, 1995.

Bruce L. Berg. *Qualitive Research Methods for the Social Sciences*, cet. ke-7. Boston: Pearson Education, Inc Allyn&Bacon, 2009.

Bogdan R.C. dan Biklen S.K. *Qualitative Research For Education : An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon, 2003.

Che Siah Che Man. *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Choong Lean Keow. *Siri Pendidikan Perguruan:Falsafah dan Pendidikan di Malaysia untuk Program Perguruan Pendidikan Rendah Pengajian 4 Tahun*, cet. ke-3. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2009.

Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006.

Creswell, J., W., *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, ed. ke-3. California: Sage, Publications, Inc., 2009.

Daniel L. Stufflebeam et al. *Evaluation Models: Viewpoints on Educational and Human Services Evaluation Second Edition*. New York: Kluwer Academic Publishers, 2002.

David Silverman. *Interpreting Qualitative Data*, cet. ke-3. London: SAGE Publications Ltd, 2006.

DeMarrais, K. "Qualitative interview studies: learning trough experience," Dalam *Qualitative Research A Quide to Design and Implementation*, K. deMarrais & S.D. Lapan ed., F.merriam, Mahwah, NJ: Erlbaum, 2004.

Dennis M. McInerney dan Shawn Van Etten. *Focus On Curriculum*. Greenwich: Information Age Publishing, 2005.

Dewan Bahasa dan Pustaka. *Mukadimah Ibn Khaldun*. (terj), cet. ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Djam'an Satori dan Aan Komariah. *Metodologi Penelitian Kualitatif*, cet. ke-2. Bandung: Alfabeta, 2010.

Dunkin, M.J. dan Biddle B.J. *The Study of Teaching*. New York: Holt, Renehart and Winston, 1974.

Ee Ah Meng. *Pedagogi Satu Pengenalan*. Petaling Jaya, Selangor: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1990.

Ely, M., Anzul, M., Friedman, T., Gardner, D., dan Steinmetz, A.M., *Doing Qualitative Research: Circles Within Circles*. Great Britain: The Falmer Press, 1998.

Emi Emilia. *Menulis Tesis dan Disertasi*. Bandung: Penerbit Alfabeta, 2009.

Esa Khalid. *Konsep Tamadun Islam, Sains dan Teknologi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2001.

Esah Sulaiman. *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2004.

Fadzil Noor dan Abdul Hadi Awang. *Aqidah dan Perjuangan*. Batu Caves: Jundi Resources, 2012.

Fairuzah Basri et al. *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu: Perkembangan dan Isu Kontemporari*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, 2008.

Foo Say Fooi. *Etika Perguruan: Jaminan Peningkatan Profesionalisme*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2007.

Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E., *How to Design and Evaluate Research in Education*. Singapura: Mc Graw Hill, 2010.

Furqoon dan Emi Emilia. *Penelitian Kuantitatif & Kualitatif: Beberapa Isu Kritis*. Bandung: Sekolah Pasca Sarjana, Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), 2010.

Ghazali Darusalam. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2001.

_____. *Sumbangan Sarjana Dalam Tamadun Islam*. Utusan Publications & Distributors.Kuala Lumpur, 2001.

Glaser, B. G. dan A. Strauss. *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Chicago: Aldine, 1967.

Glasgow, N. *New Curriculum for New Times: A Guide to Student- Centered, Problem-Based Learning*. Corwin: Thousand Oaks, 1997.

H. Russel Bernard et al. *Analyzing Qualitative Data: Systematic Approches*. California: Sage Publications Ltd, 2010.

Hass, G. *Curriculum Planning: A New Approach*. Boston: Allyn & Bacon, Inc, 1987.

Hassan Langgulung. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

_____. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*, cet. ke-3.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Hazri Jamil et al. *Pengantar Kaedah Mengajar Mata Pelajaran Ilmu Kemanusiaan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2004.

Ibrahim Abu Shah et al. *Kecemerlangan Tamadun Islam*. Institut Teknologi Mara. Shah Alam, 1997.

- Ibrahim Saad. *Perubahan Pendidikan di Malaysia Satu Cabaran*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Ibrashi al-Muhammad Athiya. *Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Falasifatuha*, t.t.
- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2005.
- Imam Barnadib. *Sistem Pendidikan Nasional Menurut Konsep Islam Dan Pendidikan Nasional*. Jakarta: Lembaga Penelitian IAIN Jakarta, 1983.
- Ishak Hamid. *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1983.
- Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid. *Indahnya Hidup Bersyariat*, Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009.
- Ismail Zain, *Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002.
- James Calderhead, Susan B. Shorrock *Understanding Teacher Education Case Studies in the Professional Development of Beginning Teachers*, Washington: Biddles Ltd, Guilford and King's Lyhn, 1997.
- Jerry W. Willis. *Foundations of Qualitative Research Interpretive and Critical Approaches*. California: Sage Publications, Inc, 2007.
- Joseph Schacht dan Bosworth C.E. *The Legacy of Islam*. New York: Oxford University Press, 1979.
- Kamarul Azmi Jasmi. *Pembaharuan Dalam Dunia Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Khailani Abdul Jalil dan Ishak Ali Shah. *Pendidikan Islam Era 2020*. Kajang: Penerbit Tekno Edar, 1993.
- Krueger, R.A. *Analysing and Reporting Focus Group Results*. Thounsand Oaks: SAGE Publication, 1998.
- Koentjaraningrat ed. *Metode-Metode Penelitian Masyarakat* Jakarta: P.T.Gramedia, 1986.
- Leonard M.S. Yong et al. *Guru yang Kreatif: Isu-isu Teoritikal & Aplikasi Praktikal*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd, 1996.
- M.M. Sharif. *Islamic and Educational Studies*. Lahore: Institute of Islamic Culture Club Road, 1964.
- M. Puvenesary et al. *Qualitative Research: Data Collection & Data Analysis Techniques*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press, 2008.
- Mahayudin Hj. Yahaya. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti. 1998.

_____. *Kursus Komprehensif Fajar Bakti Tamadun Islam*, cet. ke-2. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2001.

_____. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2006.

Mahayudin Hj. Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1996.

Mahmood Mohd Taib al-Najmi. *Sejarah Tamadun Islam*.Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971.

Marohaini Yusoff. *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001.

Mardzelah Makhsin ed. *Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2003.

Marilla D. Svinicki. *Teaching and Learning on the Edge of The Millennium: Building on What We Have Learned*. San Francisco: Jossey-Bass Inc, 1999.

Maryam Abdul Majid. *Kaedah Pendidikan Generasi Berwawasan*, cet. ke-1. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), 1998.

Mel Silberman. *Pembelajaran Aktif*, terj. Zainab Ahmad, cet. ke-4. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2009.

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi dan Rosdan Abdul Manan. *Konsep Perbadana Islam Suatu Gagasan Alternatif*. cet. ke-3. Universiti Teknologi Malaysia: Johor, 2003.

Mohammed Sani Ibrahim (Dr). “ Institusi Perguruan Dalam Memenuhi Tuntutan Malaysia Sebagai Negara Maju”, *Pendidikan Islam Era 2020 Tasawur dan Strategi*. Selangor: Tekno Edar, 1993.

Mohd Azam Mahat. *Guru Pendidik,Pengajar atau Pendakwah?*. Puchong: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2009.

Mohd Azhar Abd. Hamid et al. *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah*, cet. ke-3. Skudai:Universiti Teknologi Malaysia, 2009.

Mohd Fauzi Hamat et al. *Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.

Mohd Kamal Shah Rani. *Prinsip Asas Islam*. Kuala Lumpur: Koperasi Kolej YPM KL Bhd, 2008.

Mohd Liki Hamid. *Pengajian Tamadun Islam*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2004.

Mohd Marzuki Haji Ali dan Maliki Mustafa. *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Kop. Kolej YPM KL Bhd, 2007.

Mohd Nor Jusoh. *Tamadun Islam & Tamadun Asia*. cet. ke-1. Selangor: Penerbit Sarjana Media Sdn. Bhd, 2011.

Mohd Roshdi Yusof. *Tamadun Islam*. Kubang Kerian: Pustaka Reka, 1997.

- Mohd Kamal Shah Rani. *Prinsip Asas Islam*. Kuala Lumpur: Koperasi Kolej YPM KL Bhd, 2008.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet. ke-8. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1999.
- Mohd. Nasir Omar. *Tamadun Islam dan Ideologi-ideologi Masa Kini*. Ampang: Penerbitan Nadhi, 1986.
- Mohd Rapi Mohd Nor al-Jundi, *Al-Quran, Tamadun, Manusia & Politik*. Batu Caves: Pustaka haji Abdul Majid, 2010.
- Mohd Sofwan Amrullah. *Malik bin Nabi dan Pergolakan Sosial*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd, 1996.
- Mohd Yusuf Ahmad. *Pengajian Islam*,cet. ke-3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.
- _____. *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Terbuka Malaysia, 2006.
- Mohd Yusof Hasan. *Teori Pendidikan Pemikiran Global*, cet. ke-1. Ipoh: Penerbit UPSI, Tanjong Malim, Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd, 2007.
- Mohd Yusof Arshad. *Kaedah Penyelidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1998.
- Mohd Yusof Ahmad. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004.
- Mok Song Sang dan Lee Shok Mee. *Pedagogi 3 : Pengajaran dan Persediaan Mengajar*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 1991.
- Mok Soon Sang. *Pedagogi untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Puchong: Multimedia Sdn. Bhd, 2009.
- _____. *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, 2009.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg. *The Image of Islamic Civilization*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1980.
- _____. *Islamic and Western Concepts of Civilization*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1982.
- _____. *Islam and Modern Civilization*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1988.
- Muhammad Abdul Qadir Ahmad, *Metodologi Pengajaran Agama Islam*, terj. H.A. Mustofa (Jakarta: Rineka Cipta, 2008)
- Muhamad Ali Dannawi (Dr.). *Mukadimah Memahami Tamadun Islam*, terj. Muhammad Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2006.

Mohamad Azhari Abu Bakar et al. *Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar*. Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012 (RECCNI2012), Kuala Lumpur, 2012.

Muhammad Hamid Al-Afendi dan Nabi Ahmed Baloch. *Kurikulum dan Pendidikan Guru*, terj. Ahmad Jaffni Hassan et al. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Muhammad Uthman El-Muhammady. *Peradaban Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1976.

Muhammad Zaahirul Haq. *Muhammad SAW Sebagai Guru*. Bantul: Kreasi Wacana, 2010.

Muhyiddin Athiyyah. *Qaaimah Mukhtaarah: Haula al-Makrifah wa al-fikr wa al-manhaj wa al-thaqafah wa al-hadharah*. Amerika Syarikat: The International Institute of Islamic Thought, 1992.

Mujibul Hassan Siddiqui. *Models of Teaching*. New Delhi: APH Publishing Corporation, 2008.

Mustafa Haji Daud. *Pengantar Tamadun Islam*. Petaling Jaya: Media Intelek, 1985.

_____. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1991.

Nagendralingan Ratnavadivel. *The Social Origins of The Education System in Peninsular Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007.

Noraini Idris dan Shuki Osman. *Pengajaran dan Pembelajaran, Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2009.

Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, 2010.

Norani Mohd. Salleh, "Etika dan Penyelidikan Kualitatif," dalam *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, ed. Marohaini Yusoff. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001

Norasiah Abdullah et al. *Siri Pengajian Profesional: Teknologi dalam Pengajara dan Pembelajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, 2009.

Omar Al-Syaibani. *Falsafah Pendidikan Islam*, terj. Hasan Langgulung. Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd, 1991.

Osman Bakar et al. *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur; Universiti Malaya, 2009.

Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, cet. ke-3. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009.

Othman Mohamed. *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*, cet. ke-4. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2008.

P. Bartuld. *Tarikh al-Hadharah al-Islamiyyah*, terj. Hamzah Tohir, Mesir: Darul Ma'arif. 1966.

Pat Bazeley. *Qualitative Data Analysis with NVivo*. London: SAGE Publications Ltd, 2009.

Patton, M. Q., *How to Use Qualitative Methods in Evaluation*. Newburry Park, California: Sage Publication, 1987.

Paul L. Dressel. *The Undergraduate Curriculum in Higher Education*. New York: The Center for Applied Research in Education, Inc, 1966.

Rahil Mahyuddin et al. *Amalan Pengajaran Berkesan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd, 2009.

Ralph Tyler. *Basic Principles of Curriculum and Instruction*, USA: The University of Chicago Press, 1969.

Ralph W. Tyler. *Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran*, terj. Kamaruddin Hussin dan Hazil Abdul Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990.

_____. *Prinsip Asas Kukurikulum dan Pengajaran*, terj. Kamaruddin Hussin et al. Johor: Unit Penerbitan Akademik, UTM, 1991.

Ramli Saadon et al. *Sejarah Perguruan Malaysia*, cet. ke-3. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010.

Rashidi Azizan et al. *Pengajaran dalam Bilik Darjah: Kaedah dan Strategi*, cet. ke-2. Kajang: Masa Enterprise, 1998.

Robert K.Yin. *Case Study Research: Design and Method*. Vol.5, Ed.4. California: SAGE Inc, 2009.

Robiah Sidin. *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1998.

Rosaline Barbour. *Introducing Qualitative Research: A Student Guide to the Craft of Doing Qualitative Research*, cet. ke-2, California: SAGE Inc, 2008.

Rosie Turner-Bisset. *Pengajaran Pakar*, terj. Mohd Fauzi Yaacob, cet. ke-4. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2009.

Rusman, M.Pd. *Seri Manajemen Sekolah Bermutu: Model-Model Pembelajaran Mengembangkan Profesionalisme Guru*. Jakarta Utara: PT Raja Grafindo Persada, 2011.

Sabitha Marican. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Malaysia: Pearson Malaysia, Sdn Bhd, 2005.

_____. *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, cet. ke-2. Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd, 2009.

Saedah Siraj. *Perkembangan Kurikulum, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur : Alam Pintar Enterprise, 2000.

_____. *Kurikulum Masa Depan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008.

_____. *Kajian Masa Depan Dalam Pengembangan Kurikulum*. Bandung: Pustaka Cendekia Utama, 2011.

Salleh Abd Rashid, Mohd Yusof Abdullah & Raja Ismail Raja Lope Ahmad, “Menterjemahkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Dalam Pengajaran Guru” dalam *Pengetahuan Pedagogi Guru*, ed. Mohd Yusof Abdullah, Salleh Abd Rashid, Raja Ismail Raja Lope Ahmad, Zulkifli Mohamed, Abdul Said Ambotang dan Sabariah Sharif 9. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2009.

Shaffie Mohd Daud et al. *Pengajaran & Pembelajaran daripada Pelbagai Perspektif*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2009.

Shahabuddin Hashim ed. *Pedagogi, Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. PTS Publications & Distributors. Bentong Pahang, 2003.

Shahril @ Charil Hj Marzuki. *Dasar dan Alternatif Pembentukan Pendidikan di Malaysia: Satu Saranan dan Cadangan*, 1-32. Kuala Lumpur: Jabatan Pengurusan Perancangan dan Dasar Pendidikan Universiti Malaya, 2007.

Sharan B. Merriam. *Qualitative Research A Quide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossy-Bass, 2009.

_____. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation, Revised and Expanded from Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass, A Wiley Imprint, 2009.

Sidek Baba. *Pendidikan Rabbani:Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd, 2006.

_____. *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn. Bhd, 2011.

Sidek Mohd Noah. *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*, cet. ke-5. Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia, 2009.

Sidang Pengarang. *Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) Kompetensi Fungsi (Khusus)*, cet. ke-4. Selangor: PNI Neuron (M) Sdn. Bhd, 2008.

Sidi Gazalba. *Pembimbing Latihan dan Tesis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981.

Sitti Haishah Abd Rahman. *Sejarah Perguruan Malaysia*, cet. ke-3. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010.

Sivachandralingam Sundara Raja dan Noraini Mohamed Hassan. *Panduan Menulis Esei dan Latihan Ilmiah di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2006.

Spradley, J. P., *The Ethnographic Interview*. New York: Holt, Rinehart & Winston, 1979.

Sri Murniati et al. *Reformasi Pendidikan di Malaysia Merentas Jalan Baru*. Rawang: Institut Kajian Dasar (IKD), 2010.

Steven J. Taylor dan Robert Bogdan. *Introduction to Qualitative Research Methods: A Guidebook and Resource*, cet. ke-3. Canada: John Wiley & Sons, Inc, 1998.

Sulaiman Nordin. *Islam, AlQuran dan Ideologi Masa Kini*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

- Sulaiman Masri. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2005.
- Suseela Malakolunthu. *Teacher Learning in Malaysia Problems and Possibilities of Reform*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2007.
- Suzalie Mohamad. *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2003.
- Syaikh Muhammad al-Hazza. *Metode Pengajaran Nabi*. Surabaya: Pustaka Elba, 2009.
- Syed Mohd Naquib al-Attas. *Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972.
- Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. *Konsep Pendidikan Islam*, terj. Haidar Bagir, cet. ke-2. Bandung: Penerbit Mizan, 1987.
- _____. *The Concept of Education in Islam a Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1999.
- T.H.B. Hollins, *The Objectives of Teacher Education*. Berks: NFER Publishing Company Ltd. 1973.
- Tajul Ariffin Noordin *Konsep Asas Pendidikan Sepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise. 1998.
- Tajul Ariffin Nordin et al. *Membina Pelajar Cemerlang*. cet. ke-2. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Tajul Ariffin Nordin et al. *Membina Pelajar Cemerlang Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat*, cet. ke-2. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2008.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Yusmini Md. Yusoff. *Kaedah Mengajar dan Kemahiran Interpersonal Guru*, cet. ke-4. Batu Caves: PTS Profesional Publishing, 2011.
- Ting Len Siong dan Muhammad Sidek Said. *Ingin Menjadi Guru?*. Selangor : Ilmu Media Trade, 2007.
- Tony Fetherston. *Becoming an Effective Teacher*. Victoria: Thomson, 2007.
- Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah ed. *Tamadun Islam Suatu Sorotan*. Bentong Pahang: PTS Publications & Distributors, 2002.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1993.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Satu Tujuan Knonsepsual dan Analitis Mengenai Islam dan Implikasi Terhadap Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 1989.
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. *Sirah Nabawiyah S.A.W*. cet. ke-3. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2008.

Yusuf Al-Qardhawi. *Tamadun Islam Alternif Masa Depan*, terj. Ustaz Haji Juanda Haji Jaya. Selangor: Maktabah Al-Qardhawi Sdn. Bhd, 1999.

Yusuf Al-Qardhawi. *Pelaksanaan Syariah Islam*, terj. Ustaz Juanda Haji Jaya. Selangor: Maktabah Al-Qardhawi Sdn. Bhd, 1998.

Zainuddin Abu Bakar et al. *Kemahiran ICT di Kalangan Guru Pelatih IPTA Malaysia*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn . Bhd, 2008.

Zakaria Stapa. *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1994.

Zawawi Haji Ahmad. *Pendidikan Islam Kaedah dan Teknik Pengajaran*. Petaling Jaya: Internasional Book Service, 1984.

_____. *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Zulkiflee Haron et al. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Johor: Pusat Pengajian Islam dan Sosial, 2005.

Zulkifli Mohamad et al. *Tamadun Islam & Tamadun Asia (TITAS)*. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi: Pusat Pengajian Umum, 2006.

_____. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas Satu Huriaian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

_____. *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*.Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006.

DOKUMEN

Akta Pendidikan. Kementerian Pelajaran Malaysia,1988.

Bahagian Pendidikan Guru. *Sukatan Pelajaran Tamadun Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah (Sekolah Rendah)*, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988.

_____. *Majlis Pengisytiharan Institut Perguruan Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006.

_____. *Panduan Budaya Institut Pendidikan Guru (IPG)*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006.

_____. Kementerian Pendidikan Malaysia. *Pengurusan dan Teknik Dakwah Islamiah Sekolah-sekolah*. Kuala Lumpur: MZ. Sdn. Bhd, 1988.

_____. Kementerian Pelajaran Malaysia. *Buku Terbitan Khas 50 Tahun Pendidikan Islam Di Malaysia*. Cyberjaya: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010.

_____. Kementerian Pelajaran Malaysia. *Sukatan Pelajaran Tamadun Islam, Pengajian Asas, Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR)*, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003.

Fakulti Pendidikan UKM. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (SIRI 1)* "Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi. Selangor": Fakulti Pendidikan UKM, 2002.

_____. *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara (JILID 1)* "Isu Dasar, Falsafah dan Matlamat". Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

_____. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia*. Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

Institut Pendidikan Guru Malaysia, *The New IPG: Learner Centred University*. Cyberjaya: Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2011.

Kementerian Pelajaran Malaysia. *Falsafah Pendidikan Negara dan Pendidikan Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988.

Kementerian Pendidikan Malaysia, *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, 2013.

_____. *Workshop on Exploration in Curriculum Structure for Teaching Islamic Civilization*. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia pada 23 Mei 1984 bertempat di Hotel Sri Alam, Institut Teknologi Mara, 1984.

_____. *Draft Kertas Kerja untuk Mesyuarat Perancangan Pelajaran*, K.P. 9577/1/(22) bertarikh 12 Januari 1982, 1982.

Muhamad Muda. *Apa Itu Kajian Kes? Kertas Kerja*. Dibentangkan di Bengkel Penyelidikan dan Penulisan Kes Siri I. (Universiti Sains Islam Malaysia, 2003).

Pindaan Akta Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1996

JURNAL

Ab. Halim Tamuri et al, "Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam", *GJAT*, Disember, Vol. 2, Issue 2, (2012): 53-63.

Abdullah Abdul Wahab, "Gaya Pembelajaran dalam Kalangan Guru Pelatih MPSAH", *Jurnal Penyelidikan MPSAH*, Jil. 9, September 2005, (2005): 40-42. Sungai Petani: Jabatan Ilmu Pendidikan.

Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi dan Khairunnisa A Shukor, "Elemen Pengetahuan Pensyarah Cemerlang Unit Pendidikan Islam dan Moral di Politeknik Premier: Satu Kajian Rintis," *The Online Journal of Islamic Education* January 2015, vol. 3 issue 1.

Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Mohd Isa Hamzah, Wan Norina Wan Hamat, "Pembangunan Perisian Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia Interaktif Pengurusan Jenazah Politeknik Malaysia," *The Online Journal of Islamic Education* July 2013, vol. 2 issue 2.

Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa, Siti Aishah Suhaimi, "Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu," *Jurnal Hadhari* Special Edition (2012) 143-154.

Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah, Surina Akmal Abd Sattai, "Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) dalam Bidang Pendidikan Islam," *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2.

Asmawati Suhid dan Abdul Rahman Md. Aroff, "Kepentingan Persepsi Guru dalam Kurikulum Adab dan Akhlak Islam", *Jurnal Pendidikan*, (2006): 211-223. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Che Haslina Abdullah, "Pembinaan Tamadun Islam Seimbang Melalui Psikologi Islam," *Jurnal Hadhari* 5 (1) (2013) 199-213.

Che' Yusoff bin Che Mamat, "Kesepaduan Rohani dan Jasmani dalam Ajaran Islam", *Islamiyyat*, Jil.7, Vol.7, (1986). Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Christian Bruhwiller dan Peter Blatchford, "Effects of Class Size and Adaptive Teaching Competency on Classroom Processes and Academic Outcome", *Learning and Instruction*, www.elsevier.com/locate/learninstruc, 21, (2011): 95-108.

Cornbleth, "Beyond hidden curriculum", *Journal of Curriculum Studies*, 16, 1, (1992): 29-36.

Dolors Masats dan Melinda Dooly, "Rethinking the Use of Video in Teacher Education: A Holistic Approach", *Teaching and Teacher Education*, Journal homepage: www.elsevier.com/locate/tate, 27, (2011): 1151-1162.

Dragana Martinovic dan Zuochen Zhang, "Situating ICT in the Teacher Education Program: Overcoming Challenges, Fulfilling Expectations", *Teaching and Teacher Education*, Journal homepage:www.elsevier.com/locate/tate, 28, (2012): 461-469.

Faisal Othman, "Kaitan Ilmu-ilmu Agama dengan Sains Sosial", *Islamiyyat*, Jil.7, Vol.7,(1986). Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universtiti Kebangsaan Malaysia.

Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, Lukman Abd. Mutualib, "Pemahaman dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan dalam Pengajaranbangunan," *The Online Journal of Islamic Education* January 2013, vol. 1 issue 2.

Ghazali Basir, "Peranan Pendidikan dalam Pembentukan Ummah", *Jurnal Pendidikan Islam*, Thn. 2, Bil. 6, (Disember 1987): h. 19-28. Bangi: Jabatan Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Habib Mat Som, "Guru dan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum: Sorotan dan Perbincangan", *Masalah Pendidikan*, Jilid 27, (2004): 87-97. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

_____, "Memahami Tumpuan Guru dalam Pelaksanaan Perubahan Kurikulum: Satu Perbincangan", (2005).*Masalah Pendidikan*, h. 95-104. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

_____, "Profil Tumpuan Guru Sekolah Menengah Di Negeri Selangor Terhadap Pelaksanaan Perubahan Kurikulum", *Jurnal Pendidikan*, Jilid 27 (1), (2007): 165-178. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Habib Mat Som dan Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud, “Globalisasi dan Cabaran Pendidikan di Malaysia”, *Masalah Pendidikan*, 31(1), (2008): 91-101. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Habibah@Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj dan Nurul Rabiah Mat Noh, “Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Aspek ‘Riadah Ruhiyyah’ Untuk Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam,” *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2: 54.
- Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail dan Rorlinda Yusof, “Kecerdasan Emosi Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Aplikasinya dalam Membentuk Akhlak Remaja,” *The Online Journal of Islamic Education* Jun 2013, vol. 1 issue 2.
- Hass, G. *Curriculum planning: A new approach*. (1987). Boston: Allyn & Bacon, Inc.
- Hassan Langgulung, “Penghayatan Nilai-nilai Islam di Tinjauan dari Proses Pembelajaran Dalam Konteks Pendidikan Masa Kini”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Thn. 2, Bil.5, (September 1987): 13-30. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ilana Margolin, “Profesional Development of Teacher Educators Through a “Transitional Space”: A Surprising Outcome of a Teacher Education program”, *Teacher Education Quarterly*, Summer, (2011): 7-25.
- Inge Bakkenes et al, “Teacher Learning in The Context of Educational Innovation: Learning Activities and Learning Outcomes of Experienced Teachers”, *Learning and Instruction*, www.elsevier.com/locate/learninstruc, 20, (2010): 533-548.
- J.Voogt et al, “Teacher Learning in Collaborative Curriculum Design”, *Teaching and Teacher Education*, Journal homepage:www.elsevier.com/locate/tate, 27, (2011): 1235-1244.
- Khalif Muammar, “Faktor Kegemilangan Tamadun Islam: Pengajaran dari Masa Lalu”, *Jurnal Hadhari*, Bil. 2, (2009): 15-31. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Khatijah Abdul Hamid, “Strategi Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi”, *Masalah Pendidikan*, Jil.18, (1994):77-89,Kuala Lumpur: Pengurus Jabatan Kuasa Penerbitan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D. W. “Determining Sample Size for Research Activities”, *Educational and Psychological Measurement*, Bil. 30, (1970): 608.
- Mohammad Shatar Sabran, “Pendidik Penjana Pelajar Cemerlang”, *Jurnal Yadim*, Bil.9, (Januari 2007). Serdang: Jabatan Sains dan Kemasyarakatan dan Pembangunan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Kamil Abdul Majid dan Rahimin Affandi Abd Rahim, “Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun”, *Jurnal Hadhari*, Bil.1, (2009): 45-76. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Khalit Othman dan Siti Asiah Ishak, “Pendekatan Konsep Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sorotan Kajian Ke atas Pendidikan Tulisan Jawi Pra Sekolah”, *Jurnal Yadim*, Bil.4, (April 2003). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

_____, "Perkembangan Pendidikan di Malaysia-Beberapa Analisa Kritis Pemikiran-pemikiran Asas dalam Perspektif Sejarah", *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil.2, (Oktober 1984): 45-56.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "Islamic Solutions to the Spritual and Moral Crisisof Present Day Society", *Jurnal Pendidikan Islam*, Thn.2, Bil.5, (September 1987): 73-86. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mustapha Kamal Ahmad Kassim dan Zahiah Haris @ Harith, "Peranan Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru dalam Pembangunan Modal Insan", *Jurnal Sosio Humanika*, Vol 5(2) November 2012, Bandung: Universiti Pendidikan Indonesia: 165-174

Mustapha Kamal Ahmad Kassim, Zahiah Haris@Harith, Abdullah Yusof, Alizan Ali Mat Zin, Faisal Ahmad, Faisal Abdul Hamid & Nurulwahidah Fauzi, "The Role of Islamic Civilization in Teacher's Training Institute Malaysia (IPGM) towards Developing Teachers' Human Capital", *Middle-East Journal of Scientific Research* 15 (1): 01-07, 2013: 1-7.

Najwa M. Aown, "A Place for Informal Learning in Teaching about religion: The Story of An Experienced Non Muslim Teacher and her Learning about Islam", *Teaching and Teacher Education*, Journal homepage:www.elsevier.com/locate/tate, 27, (2011): 1255-1264.

Natasa Pantic dan Theo Wubbles, "Teachers' Moral Values and Their Interpersonal Relatioships with Students and Cultural Competence", *Teaching and Teacher Education*, Journal homepage:www.elsevier.com/locate/tate, 28, (2012): 451-460.

Noornajihan Jaafar dan Ab. Halim Tamuri, "Perbezaan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Berdasarkan Jantina, Lokasi Sekolah dan Kekerapan Menyertai Latihan Dalam Perkhidmatan," *The Online Journal of Islamic Education* July 2015, vol. 3 issue 2.

Nor Hayati Fatmi Talib et al, "Persepsi Belia Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin", *Malaysian Journal of Youth Studies*, Vol.3, (Jun 2010): 111-128. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul, Roseamnah Abd. Rauf, "Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam," *The Online Journal of Islamic Education* Jun 2013, vol. 1 issue 2.

Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh dan Ab. Halim Tamuri, "Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam," *The Online Journal of Islamic Education* Jun 2014, vol. 1 issue 2.

Rahimah Hj. Ahmad, "Peningkatan Produktiviti Guru: Saranan dan Tindakan", *Jurnal Masalah Pendidikan*, (1992): 36. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Rashidi Abbas, Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ilhamie Abdul Ghani Azmi, "Kemahiran Generik: Hubungan Nilai Amanah dengan Etika dan Moral Profesional dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia," *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2.

Rosnani Hashim, "Malaysian Teacher's Attitudes, Competency and Practices in the Teaching of Thinking", *Intellectual Discourse*, Vol.11, No. 1, (2003): 27-50.

Saheed Ahmad Rufai, "Al-Farabi and Ibn Sina as Islamic Educational Thinkers: A comparative and Contrastive Analysis", *The Islamic Quarterly*, Yr. 2, Vol. 52, Issue: 2, (2008).

Saim Kayadibi dan Ahmad Hidayat Buang, "The Role of Islamic Studies in Muslim Civilization in the Globalized World: Malaysian Experience," *Jurnal Hadhari* 3 (2) (2011) 83-102.

Sharifah Nooraida Wan Hasan, Raihanah Abdullaah "Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Muslim: Pengalaman Institut Pendidikan Guru di Sarawak," *The Online Journal of Islamic Education* January 2014, vol. 2 issue 1.

Siddiq Fadhil, "Permasalahan Moral Perseptif Al-Quran", *Jurnal Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran*, Bil.1, (Ogos 1995). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Sidek Baba (2006). *Pendidikan Rabbani (Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia)*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.

Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri, "Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran jQAF", *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), (2010): 53-64. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Fatimah Abdul Rahman, "Masalah Sosial dan Islam", *Jurnal IKIM*, Jil.1, No.1, (Julai 1993). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Siti Hajar Che Man dan Ratna Rosida Abd Razak, "Penawaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Platform Utama ke Arah Memperkenalkan Tamadun Cina", *Jurnal Sosiohumanika*, (2012): 49-64. Bandung: Secretariat of ASPENSI, Komp. Vijaya Kusuma.

Siti Salwa Md. Sawari dan Azlina Mustaffa, "Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku Adab Al Mualimun," *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 2 issue 2: 1.

Tajul Ariffin Nordin, "Pendekatan Islam dalam Pendidikan", *Jurnal Pendidikan Islam*, Thn. 2, Bil. 5, (September 1987): 43-56. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tengku Sabrina Aini Tengku Kasim, "Proses P&P Berkesan Menurut Perspektif Imam al-Ghazali:Satu Pendekatan Individu", *Jurnal Majlis Islam Sarawak*, Bil. 1, (Disember 2007).

Tam Yeow Kwai, "Kecemerlangan Guru Sekolah Bermula Dari Kecemerlangan di Maktab: Satu Paras Ukur Profesion Perguruan", *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, Jil. 2, (2006): 1-37. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia.

Wan Suhami Wan Abdullah, "Falsafah P&P dalam Islam: Suatu Analisis Karya Al-Zarniyi", *Afkar Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, Bil. 3, (Mei-Jun 2002): 165-187. Kuala Lumpur: Akedemi Pengajian Islam, Universiti Malaya .

W. Yahya Bin W. Ahmad, "Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam Zaman Awal", *Medium Jurnal Akademi Islam Universiti Malaya*, Bil.3, (Jun 1994). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Wan Zah Wan Ali,"Konsep Pengajaran dan Pembelajaran di Abad ke 21: Satu Perbincangan",*Masalah Pendidikan*, Jil. 21, (1998). Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Zahiah Haris @ Harith dan Mustapha Kamal Ahmad Kassim, "Pendidikan Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah di Institut Pendidikan Guru Malaysia: Kaedah dan Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan", *Atikan Jurnal Kajian Pendidikan*, Vol. 1, Bil. 2, (Disember 2011): 279-293. Bandung: Secretariat of ASPENSI, Komp. Vijaya Kusuma.

Zahiah Haris @ Harith, Mustapha Kamal Ahmad Kassim dan Muaaz Muhammad, "Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas," *Jurnal Tempawan*, Jilid 31, (2014). Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Khas: 153-161.

Zakaria Stapa, " Manusia Pembina Tamadun: Perspektif Pemikiran Islam", *Jurnal Hadhari*, Bil. 1, (2009): 31-44. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Zarina Muhammad, "Pelaksanaan kaedah student-centered learning (SCL) dalam pengajaran & pembelajaran kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia & Kenegaraan Malaysia di Universiti Putra Malaysia", *Jurnal Pengajian Umum*, Bil. 8, (2007): 141-166. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulfahmi Syamsuddin, Wan Hasmah Wan Mamat, "Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam Aspek Intelek," *The Online Journal of Islamic Education* July 2014, vol. 1 issue 2.

TESIS/SEMINAR/PROSIDING

Abdul Rahman bin Mohd. Amin. "Sikap Guru Pelatih Maktab Perguruan Terhadap Kursus Tamadun Islam." Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1991.

Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff. "Kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia: Suatu Kajian Terhadap Sikap Pelajar Bumiputera Non Muslim Di Universiti Teknologi Mara Shah Alam", Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, University Malaya, 2003.

Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim et al. "Pembangunan Model Insan". Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Model Insan Peringkat Kebangsaan 2006. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Universiti Malaya, 2006.

Ahmad Zaki Berahim et al. "Kecermelangan Tamadun Islam Dalam Agro, Sains dan Teknologi." Seminar Kebangsaan Kecemerlangan Tamadun Islam Dalam Agro, Sains dan Teknologi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

Aleas bin Md Isa. "Kajian Tentang Sikap Guru-Guru Pelatih Bukan Islam Terhadap Kursus Tamadun Islam. Kajian Di Empat Maktab Perguruan Di Sarawak." Kertas Projek, Fakulti Pendidikan UKM, 1999.

Azmil bin Hashim. "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri." Tesis Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.

Ghazali bin Darusalam. "Keberkesanan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (Pengkhususan Pengajian Islam) di Maktab-maktab Perguruan Malaysia." Tesis Kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.

Kamarul Azmi bin Jasmi. "Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia : Satu Kajian Kes." Tesis Doktor Falsafah Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.

Khairul Anwar Mastor. "Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia: Maklum Balas Pelajar." Seminar Pendidikan Tamadun Islam Malaysia. Isu-isu Pendidikan Tamadun Islam: Konsep, Pengajaran, Pengembangan dan Keberkesanan, Pusat Pengajian Umum, UKM, Bangi, 15 April 1995: 180-198.

Khairul Ziad bin Zahari. "Keberkesanan Pengajian Tamadun Islam Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Suatu Kajian Khusus Di Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor." Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, University Malaya, 2004.

Sulaiman Noordin dan Khairul Anwar Mastor. "Keberkesanan Kursus Tamadun Islam dan kenegaraan di Universiti Kebangsaan Malaysia." Seminar Pendidikan Tamadun Islam Malaysia. Isu-isu Pendidikan Tamadun Islam: Konsep, Pengajaran, Pengembangan dan Keberkesanan, Pusat Pengajian Umum, UKM, Bangi, 15 April 1995: 131-153.

Zahiah binti Haris @ Harith. "Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Zon Utara: Kajian Kaerah dan Keberkesanannya." Tesis Kedoktoran, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.

Zarina Muhammad. "Kaerah SCL Sebagai Kaerah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Kenegaraan Malaysia di UPM: Kajian Awal Keberkesanannya", Seminar Kebangsaan Ketamadunan, Hubungan Etnik dan Ko-Kurikulum 2007, Kuala Lumpur, 20-21 Mac 2007, Vol. 1, Paper 18, h. 14.

Zulkifli bin Mohamad Noh. "Pandangan Para Pelajar Terhadap Kursus Tamadun Silam dan Asia (TITAS) di IPTA: Suatu Kajian Kes di Universiti Utara Malaysia." Tesis Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002.

LAMAN WEB

‘Ajak Lenga’, “Pengajaran Berasaskan Kajian Masa Depan”, dicapai 25 Julai 2014, <http://personajohor.blogspot.com/2009/10/pengajaran-berasaskan-kajian-masa-depan.html>.

Ali Mohammad, “Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu hingga Abad Ke-17M,” *Jurnal Al-Tamaddun* 3, no.1(2008), 68-84, dicapai 14 Oktober 2014, http://e-journal.um.edu.my/public/issue-view.php?id=300&journal_id=67.

‘Alias Azhar’, “Sains dan Teknologi Dalam Ketamamadunan Islam: Analisa Epistemologi dan Metodologi”, laman sesawang *umrefjournal*, dicapai 31 Ogos 2015, <https://www.google.com/search?q=ALIAS+Azhar%2C+E2%80%9CSains+dan+Teknologi+Dalam+Ketamamadunan+Islam%3A+Analisa+Epistemologi+dan+Metodologi&ie=utf-8&oe=utf-8>.

CAD, “Rujukan daripada MQA,” dicapai 22 Ogos 2015, cad.uthm.edu.my.

“Case Studies”, dicapai 10 Oktober 2014, <http://www.vanderbilt.edu/cft/resources/gleanings/casestudies/Vanderbilt University>

‘Dictionary.com’, “Seminar”, dicapai 14 Ogos 2014, <http://dictionary.reference.com/browse/seminar>.

‘Faridah Che Husain dan Fakhruladabi Abdul Kadir”, “ Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia,” laman sesawang *e-journal.um*, dicapai 31 Ogos 2015, <https://www.google.com/search?q=Faridah+Che+Husain+dan+Fakhruladabi++Abdul+Kadir%2C+E2%80%9C+Sumbangan+Pengajian+Kursus+Tamadun+Islam+dan+Tamadun+Asia+%28TITAS%29+Terhadap+Pembentukan+Hati+Budi+Mahasiswa+di+Institusi+Pengajian+Tinggi+Awam+%28IPTA%29+Malaysia%2C%E2%80%9D&ie=utf-8&oe=utf-8>.

Faridah Che Husain dan Fakhruladabi Abdul Kadir, “Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia,” *Jurnal Al-Tamaddun* 7, no.1(2012),15-35, dicapai 14 Oktober 2014, http://e-journal.um.edu.my/public/issue-view.php?id=361&journal_id=67.

“Fokus: Kajian Kes”, dicapai 17 Julai 2014, <http://researchipbmm2008.blogspot.com/2008/01/fokus-kajian-kes.html>.

“Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas”, laman sesawang *Wikipedia*, dicapai 23 Jun 2012, http://ms.wikipedia.org/wiki/Institut_Pendidikan_Guru_Kampus_Ilmu_Khas.

“Institut Pendidikan Guru Malaysia”, laman sesawang *Kementerian Pendidikan Malaysia*, dicapai 8 Mac 2014, http://web.moe.gov.my/ipgm/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=92&Itemid=700&lang=ms.

“Institut Pendidikan Guru Malaysia”, laman sesawang *Wikipedia*, dicapai 22 Jun 2012, http://ms.wikipedia.org/wiki/Institut_Pendidikan_Guru_Malaysia

“Kaedah Dan Teknik Pengajaran-Pembelajaran”, dicapai 9 Oktober 2014, http://www.kheru2006.webs.com/pedagogi / kaedah _teknik.htm

Michelle Blessing, “Education Workshops For Schools”, laman sesawang Ehow.com, dicapai 9 Oktober 2014, http://www.ehow.com/info_7902962_education-workshops-schools.html.

Mohamad Azhari Abu Bakar, Siti Norazilah Mohd Said, Surena Sabil, Nor Hasniah Ibrahim, Aina Razlin Mohammad Roose, Edris Aden, Ida Juliana Hutasuhut & Zulmahari Marawi, “Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar” (Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration, Kuala Lumpur, 19-21 Jun 2012), 13-24, dicapai 14 Oktober 2014,
<http://ir.unimas.my/3379/1/Pemantapan%20Pengajaran%20dan%20Pembelajaran%20Kursus%20Tamadun%20Islam%20dan%20Tamadun%20Asia%20%28TITAS%29%20Kajian%20Tinjauan%20Persepsi%20Pelajar.pdf>.

‘Nisaa Pb, “Pengertian Diskusi Panel”, dicapai 17 Julai 2014, <http://www.scribd.com/doc/60314114/Pengertian-Diskusi-Panel>.

‘PSP’s Research Digest’, “Mengenal pasti keberkesanan kaedah pengajaran menggunakan sistem pengurusan kandungan / forum dalam modul kursus sistem elektronik semester 2 di kalangan pelajar Sijil elektrik dan elektronik semester 2 di Politeknik, Seberang Perai, Pulau Pinang”, dicapai 9 Oktober 2014, <http://politeknik.gov.my/webjpp2/penyelidikan/jurnal/abstrak/17SEGAR%20RAJA%20MANICKAM%20ET.%20AL.pdf>

‘Rahimin Affandi Abd. Rahim, Muhammad Kamil Ab. Majid, Ruzman Md Nor, Nor Hayati Md Dahlal’, “Impak genre orientalisme dalam tamadun islam: analisis terhadap perkembangan semasa ,” laman sesawang *myjurnal* dicapai 31 Ogos 2015, https://www.google.com/search?q=Impak+genre+orientalisme+dalam+tamadun+islam%3A+analisis+terhadap+perkembangan+semasa&oq=Impak+genre+orientalisme+dalam+tamadun+islam%3A+analisis+terhadap+perkembangan+semasa&gs_l=serp.12...615892.656351.0.658410.189.100.3.0.0.0.224.9461.18j67j1.86.0....0...1c.1.64.serp..166.23.2504.0.IgtuxDWwF0s.

‘Roziah Sidik@Mat Sidek’, “ Relevansi Faktor Kegemilangan Sains Islam dengan Dunia Islam Masa Kini,” laman sesawang *umrefjournal* dicapai 31 Ogos 2015, <https://www.google.com/search?q=Roziah+Sidik%40Mat+Sidek%2C+E2%80%9C+Relevansi+Faktor+Kegemilangan+Sains+Islam+dengan+Dunia+Islam+Masa+Kini&ie=utf-8&oe=utf-8>.

“Sejarah IPGM Kampus Pendidikan Teknik,” dicapai 23 Jun 2012, <http://kolejkediamanipgmteknik.blogspot.com/2009/04/sejarah-ipgm-kampus-pendidikan-teknik.html>.

“Sejarah IPG Kampus Pendidikan Islam”, laman sesawang *IPG Kampus Pendidikan Islam*, dicapai 23 Jun 2012, <http://www.ipislam.edu.my/index.php/page/pengenalan/15/latar-belakang>.

“Sejarah IPG Kampus Pendidikan Teknik”, laman sesawang *Kolej Kediaman IPG Kampus Pendidikan Teknik*, dicapai 23 Jun 2012, <http://kolejkediamanIPGteknik.blogspot.com/2009/04/sejarah-IPG-kampus-pendidikan-teknik.html>.

Sapon Ibrahim, “Kaedah Pengajaran”, laman sesawang *Scribd*, dicapai 9 Oktober 2014,
<https://www.scribd.com/doc/51310313/7-1-KAEDAH-PENGAJARAN>.

Usulifaqih, “Apa Itu Kajian Kes (Case Study)?”, dicapai pada 10 Oktober 2014,
<http://usulifaqih.blogspot.com/2011/06/apa-itu-kajian-kes-case-study.html>.

‘Zaenal Abidin’, “Strategi Pembelajaran di Perguruan Tinggi (Optimalisasi Kinerja Dosen dalam Pembelajaran di Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah Surakarta)”, dicapai 25 Julai 2014, <http://www.scribd.com/doc/46898454/7-ZAENAL-ABIDIN>.